BAB SATU

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut sejarah, kedatangan Islam dan penyebarannya di Alam Melayu telah mengalami dua peringkat umum (abad ke-17M atau ke-18M), iaitu peringkat kedatangan dan peringkat perkembangan. Terdapat pelbagai pandangan tentang tarikh dan masa kedatangan Islam. Sehingga kini ahli sejarah masih berbeza pendapat tentang bilakah kedatangan Islam itu ke Alam Melayu. Walau bagaimanapun, rantau ini sudah di kenali oleh para peniaga Arab semenjak lahirnya Islam. Alam Melayu terkenal dengan hasil bumi dan kayu kayan yang sangat diperlukan oleh orang luar.[1]

Alam Melayu merupakan gugusan kepulauan yang kini terdiri daripada beberapa negara iaitu, Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei dan Patani yang terletak di antara Lautan Hindia dan Lautan China. Sejak dahulu lagi Semenanjung Tanah Melayu menjadi pintu masuk bagi kapal-kapal peniaga yang datang dari luar terutama dari tanah Arab, Hindia, Eropah dan China. Ternyata Alam Melayu ini tidak hanya terkenal dalam perniagaannya tapi merupakan tempat atau pusat pertemuan kepercayaan dan budaya dari luar khususnya dari negara Arab. Di samping menjalankan aktiviti perniagaan, peniaga Arab juga bergiat aktif berdakwah menyebarkan Islam.[2]

---

[1] Mahayudin Haji Yahya, *Islam Di Alam Melayu,* (cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 3.
[2] *Ibid*., 4.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu ialah melalui jalan laut, bermula dari pantai Jedah melalui Laut Merah terus ke Aden, Selatan Semenanjung Arab, kemudian ke Gujarat (India) terus ke Kepulauan Melayu. Ada yang melalui jalan darat, iaitu bermula dari Syria atau Iraq ke Khurasan, utara Parsi ke Afganistan kemudian ke negeri China dan dari sana ke Kepulauan Melayu.[3]

Alam Melayu merupakan destinasi yang menjadi persinggahan khususnya oleh ulama Arab dari Hadramaut. Ia adalah jalan laluan perdagangan mereka sementara menunggu pertukaran angin Monsun. Selain sebagai pedagang, mereka juga adalah pendakwah Islam. Penduduk tempatan memuliakan, sambil memberi gelaran Ulama/Syeikh memandangkan kehadiran mereka dari bumi Anbia'. Ramai di kalangan anggota masyarakat Alam Melayu tersasar dengan dakwah ini dan ternyata mudah menerima dan menganuti agama Islam yang dibawa oleh mereka, termasuklah para pembesar dan anggota kerabat Raja-Raja Melayu, yang sebelumnya tebal dengan kepercayaan serta amalan agama Hindu dan fahaman-fahaman nenek moyang. Penyebaran dakwah oleh ulama Arab ini, mewujud jalinan hubungan kekeluargaan di antara penduduk tempatan, termasuk raja-raja Melayu.

Dalam sejarah penyebaran dan perkembangan Islam di Alam Melayu ini, melibatkan sumbangan besar daripada zuriat Ahlul Bait yang memainkan peranan dominan. Ahlul Bait[4] adalah ahli keluarga Rasulullah S.A.W yang terdiri daripada kalangan baginda sendiri, isteri-isteri, anak-anak dan keturunan baginda sehingga

---

[3] *Ibid*., 6.

[4]Ahlul Bait adalah panggilan keluarga Rasulullah S.A.W yang sangat mulia dan dimuliakan oleh Allah S.W.T. Bahkan Allah S.W.T mengabadikan mereka dalam al-Quran dalam surah al-Ahzab 33:33. Kemudian Allah S.W.T. juga memerintahkan kepada para Malaikat dan orang-orang yang beriman supaya selalu berselawat kepada Rasulullah S.A.W dan keluarganya. Lihat: al-Quran surah al-Ahzab 33:56. Lihat: Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī al-Ḥasaini Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Fadhāil, Bāb Fadhāil Ahl Bayt al-Nabiyyi S.A.W,* (No. 6261, al-Kutub al-Sittah, cet.3, Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000), 1104.

sekarang. Salah seorang puteri Rasulullah S.A.W yang termasuk dalam keluarga ini adalah Fatimah az-Zahrah. Fatimah berkahwin dengan anak saudara Rasulullah S.A.W iaitu ‘Ali bin Abi Talib. Hasil perkahwinan ini beliau dikurniakan tiga orang anak iaitu Hasan, Husain dan Muhsin (meninggal ketika masih kecil).[5]

Melalui kedua-dua orang cucu Rasulullah S.A.W ini, zuriat Ahlul Bait masih berterusan dan mempunyai peranan yang sangat besar dalam mengembangkan Islam di Alam Nusantara. Penghijrahan Ahlul Bait khususnya yang berketurunan daripada Imam Husain merupakan mereka yang menetap di Hadramaut Yaman. Kemudian mereka berhijrah ke Alam Melayu dengan tujuan awalnya adalah untuk berdakwah sambil berniaga. Di Nusantara mereka tersebar ke berbagai kepulauan seperti Sumatera, Jawa, Semenanjung Malaya, Sulawesi, Mindanau, Kalimantan, Champa dan sebagainya.

Perjuangan zuriat Ahlul Bait itu telah terbukti daripada pertumbuhan dan perkembangan Islam di Alam Melayu ini, seperti Wali Songo sebagai pendakwah Islam di Tanah Jawa. Begitu juga, ulama-ulama yang berdakwah di Semenanjung Malaysia seperti di Terengganu. Sebahagian besarnya adalah Ahlul Bait daripada keluarga al-‘Idrus. Di Johor, ulama-ulama Ahlul Bait daripada keluarga al-Saggaf, al-‘Attas, manakala di Pahang, sebahagian ulama daripada Ahlul Bait yang menyebarkan Islam di sana adalah terdiri daripada keturunan keluarga al-Yahya.

Seterusnya, zuriat Ahlul Bait itu berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Sebahagian penting di kalangan mereka merupakan ulama yang terkenal sehingga dengan kemasyhuran mereka menyebabkan penduduk tempatan teruja. Ada yang

---

[5] Al-‘Allamah al-Sayyid al-Sharif ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn al-Mashur, *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani ‘Alawi Furu‘ Fatimah al-Zahra‘ Wa Amir al-Mu’minin ‘Ali Radhiya Allah ‘Anhu,* (Juz 1, Jeddah:‘Alam al-Ma‘rufah, 1984), 16.

dilantik sebagai Sultan untuk mentadbir sesebuah daerah di mana mereka berada ketika itu, seperti yang berlaku pada Kesultanan Kalimantan Pontianak, Kesultanan Perlis, dan sebagainya.

Gelaran Ahlul Bait di setiap pulau atau negeri pula berbeza-beza seperti di Indonesia, Ahlul Bait lebih dikenali dengan panggilan Habib atau Sharif (untuk lelaki), Sharifah (untuk perempuan) dan ada juga yang lebih dikenali dengan nama panggilan keluarga seperti; al-Saggaf, al-Qudri, al-Yahya, al-Jamalullail, al-'Attas, al-Kaf, al-Jufri, al-Habsyi dan sebagainya. Sedangkan di Semenanjung Malaysia, panggilan Ahlul Bait lebih dikenal dengan gelaran nama diawalnya dengan tambahan Syed, Sharifah dan ada juga dengan panggilan Ungku, Tuan, Wan dan sebagainya.

Ramai ulama-ulama yang berketurunan Syed dengan sumbangan yang besar dalam penyebaran Islam di Semenanjung Malaysia bermula dari awal kedatangan mereka ke Nusantara menetap di berbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Bagi maksud tesis ini, penulis hanya memfokuskan kepada ulama-ulama berketurunan Syed khusus di Negeri Terengganu yang mempunyai sumbangan sangat besar dalam penyebaran Islam di negeri itu. Penglibatan mereka di negeri-negeri lain di Malaysia akan disentuh secara ringkas.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Tesis ini bertujuan menumpu kepada beberapa permasalahan berhubung golongan Syed di Terengganu, dengan kedudukannya yang tidak kurang pentingnya juga dalam konteks pengislaman di Malaysia.

1. Siapakah ulama yang berketurunan Syed serta apakah kelebihannya?
2. Apakah peranan ulama golongan Syed dalam perkembangan Islam di Terengganu dan mengapa mereka sangat menonjol?
3. Bukti keberkesanan sumbangan ulama golongan Syed dalam dakwah Islamiyyah di Terengganu dan warisan pengislaman yang ditinggalkan oleh mereka?

1. 2 OBJEKTIF KAJIAN

Sehubungan ini, maka penulis menjadikan beberapa objektif penting dalam kajian ini, sepertimana berikut:

1. Mengkaji sejarah kedatangan dan salasilah ulama golongan Syed di Tanah Melayu, dengan fokus utamanya di Terengganu.
2. Meneliti penglibatan golongan Syed dalam institusi pentadbiran Kerajaan Terengganu, juga sebagai platfom dakwah dan sejauh mana penerimaan pihak istana dan rakyat terhadap mereka.
3. Menganalisis dan merumuskan tentang peranan dan sumbangan besar ulama golongan Syed dalam perkembangan dan kemajuan Islam di Negeri Terengganu.
4. Meneliti sejauh mana kelebihan golongan Syed merangkumi pelbagai aspek kehidupan sehingga memberi impak yang sangat berkesan terhadap istana dan masyarakat melalui pengaruh mereka.

1.3 SKOP DAN PEMBATASAN KAJIAN

Penulis memberi tumpuan khusus terhadap sejarah kedatangan ulama golongan Syed, salasilah dan peranannya, cabaran mereka dalam perkembangan Islam di Negeri Terengganu. Penyelidikan secara langsung tentang tokoh-tokoh ulama yang berjasa ini

dalam membina tamadun Islam, tempat-tempat peninggalan yang bersejarah seperti pusat-pusat pengajian, masjid-masjid, surau-surau, kitab-kitab yang digunapakai, kubur-kubur tokoh ulama menjadi sasaran kajian.

Sehubungan ini, penulis membataskan kepada beberapa aspek, antaranya:

1. Kajian tentang peranan dan sumbangan ulama golongan Syed dalam penyebaran Islam dan pembinaan tamadun Islam di Terengganu.
2. Kajian khususnya ulama-ulama golongan Syed yang berada di sekitar Kuala Terengganu iaitu: Syed Ahmad al-'Idrus (Tuk Ku Malaka), Syed Muhammad al-'Idrus (Tok Ku Tuan Besar), Syed Abdul Rahman al-'Idrus (Tok Ku Paloh), Shaykh Syed Yusof Ali al-Zawawi (Mina Al-Syuyukh Al-Azhar), Dato' Engku Alwi al-'Idrus (Engku Pangeran DiRaja).
3. Analisa peranan dan cabaran yang telah dialami oleh kelima-lima ulama ini dalam menjalankan dakwah Islamiyyah di Negeri Terengganu.

1.4 KAJIAN TERDAHULU

Beberapa kajian terdahulu mengenai Sejarah Islam dan pendakwahan di Nusantara telah pun menyangkut peranan ulama golongan Syed.

Buku Muhammad Hasan Al-Aydrus (1996) tentang *Penyebaran Islam di Asia Tenggara* turut menjelaskan peranan ulama Syarif, Syed atau Syaikh dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara. Aktiviti ini menjelaskan lagi bahawa mereka mempunyai peranan besar dalam dakwah Islamiyyah sehingga ke seluruh gugusan kepulauan Asia

Tenggara.[6] Setelah menyusur keluar dari tempat asal mereka. Buku ini sangat baik. Ia hanya bersifat umum kerana pembahasannya dalam ruang lingkup yang sangat luas dan tidak menyentuh secara khusus tentang peranan Ulama Hadramaut di Malaysia atau di Terengganu khususnya.

Jika dilihat kepada sebuah penulisan Mahayudin Hj. Yahaya (1998) bertajuk *Islam Di Alam Melayu,* beliau telah menumpukan perbincangannya kepada lima kandungan utama yang dipecahkan pula kepada lima belas bab yang diperincikan menurut tajuk-tajuk kajian yang bersesuaian. Beliau mengemukakan beberapa persoalan penting tentang sejarah ketibaan dan penyebaran Islam, dokumentasi politik Islam, perkembangan masyarakat dan pemikiran Islam, pengaruh asing dan pemikiran orang Melayu serta Islam dan pembangunan. Buku ini hanya menumpu bahagian III sahaja kepada aspek yang relevan kepada tesis ini, di bawah tajuk '*Sejarah Awal Masyarakat Arab di Pahang* (bab 8) dan *Latar Belakang Sejarah Keturunan Syed di Malaysia* (bab 9)'. Perbincangan ulama Syed ini terhad kepada sejarah keturunannya di Malaysia dan tidak menyeluruh kepada aspek-aspek yang lain. Sungguhpun demikian, buku ini dapat membantu penulis dalam memahami susur galur dan latar belakang kedatangan ulama golongan Syed di Alam Melayu sekalipun kandungannya tidak begitu menyasarkan kepada keluarga al-Idrus di Terengganu.

Buku bertajuk *Sejarah Dan Tamadun Islam* karangan Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah[7] (2007) membahaskan dalam bab ke 17 bukunya tentang Islam di Asia Tenggara turut menyentuh peranan pendakwah-pendakwah yang menyebarkan agama Islam di Nusantara termasuk Tanah Melayu terdiri daripada golongan Arab yang datang

---

[6] Muhammad Hasan al-Aydrus, *Peyebaran Islam Di Asia Tenggara, Asyraf Hadramaut Dan Peranannya,* (Pent. Ali Yahya, Jakarta: P.T. Lentera Basritama, 1996), 56.

[7] Pustaka Darussalam Sdn. Bhd. No 956 & 958, Kompleks Perdana, Jalan Sultan Badlishah, Alor Star, Kedah Darul Aman.

dari Tanah Arab dan juga golongan Syed dari Hadhramaut. Mereka telah memberi sumbangan besar terhadap perkembangan Islam di Nusantara bermula pada abad ke-16, 17 dan 18, dan akhir sekali pada abad 19 dan 20M. Buku ini juga mempunyai data yang penting dan berkaitan serta boleh diambil kira untuk dimasukkan dalam bab ke dua tesis ini.

Buku bertajuk : *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W. dan Kesultanan Melayu* yang dihasilkan oleh Hj. Muzaffar Dato' Hj. Mohamed dan (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman (2006) juga telah menyasarkan kajian mereka kepada golongan Syed dengan memperluaskan bahasan pengaruh Ahlul Bait ini sehingga masuk ke istana. Kajian ini menunjukkan bahawa ulama itu sering mendekati istana, bahkan zuriat mereka sendiri yang menghuni di istana sebagai sultan yang memerintah. Kajian mereka menjuruskan kepada analisa salasilah susuk tubuh dan peribadi seorang Raja Melayu yang berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. serta meliputi falsafah, dasar dan gerak kerja sesebuah kesultanan yang diterajui baginda sehingga memberikan kesan yang besar, kuat dan mendalam kepada jatiri dan '*world view*' bangsa Melayu. Kupasan dalam buku ini juga menekankan kepada pengaruh Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. kepada tamadun Melayu Islam Beraja berasaskan pegangan kerajaan-kerajaan Melayu secara turun temurun. Di samping itu, ia juga memperihalkan ramai ulama dari zuriat Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. yang telah memainkan peranan penting sebagai penggubal dasar dan pemimpin kerajaan serta menjadi penasihat istana, tetamu di raja, guru sultan dan sebagai mufti, syeikhul ulama dan syeikh Islam. Penghasilan buku ini juga dapat mengundang kesedaran dan keinsafan kepada Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. dan zat istimewa yang mengalir di dalam diri mereka, serta menyedarkan umat Islam akan tanggungjawab dalam memelihara peradaban dalam perhubungan dengan cucu cicit Rasulullah S.A.W. Sekiranya dilihat kepada perbincangan yang telah disajikan

oleh penulis buku ini, ia menyasarkan kepada enam pembahagian utama dan setiap bahagian tersebut mengandungi beberapa bab penting antaranya: (1). Keluarga & Keturunan (Ahlul-Bait) Rasulullah S.A.W. (2). Salasilah Raja-Raja Melayu dari Ahlul-Bait Rasulullah S.A.W. (3). Intipati dan Peraturan Raja-Raja Melayu. (4). Agenda Zionis menghancurkan tiga tonggak kekuatan Islam. (5). Satu seruan; Kembalikan tonggak kekuatan Umat Melayu. (6). Lampiran, bibliogarafi, biodata penulis dan judul-judul lain. Perbahasan yang menumpukan kepada raja-raja Melayu berketurunan Ahlul Bait ini tidak pula membicara secara khusus peranan ulama berketurunan Ahlul Bait (Syed) yang mempunyai jasa dalam menyebarkan Islam di Tanah Melayu khususnya di Negeri Terengganu sehingga tertubuhnya sebuah pusat Tamadun Islam.[8] Sungguhpun buku ini hanya memfokuskan pada pembahasan salasilah raja-raja Melayu yang dikaitkan dengan Ahlul Bait, namun ia memaparkan suatu gambaran yang sangat luas terhadap masyarakat Ahlul Bait yang melalui peroses awal sebelum berada di istana serta menjadi pemerintah. Buku ini dapat memperkayakan lagi sumber rujukan yang membincangkan tentang keluarga Ahlul Bait.

Sebuah karya berbahasa Inggeris yang turut merakamkan ulama keturunan Syed ini khasnya mereka yang datang dari Hadhramaut, politik antarabangsa yang melibatkan masyarakat Arab Hadhrami, ialah buku *'Hadhrami Traders, Scholars, And Statesmen Indian Ocean, 1750s-1960s'.* Bab yang dihasilkan oleh Mohammad Redzuan Othman bertajuk '*Hadhrami In The Politics And Administration Malay States In The Late Eighteenth And Nineteenth Centuries'* mengaitkan peranan ulama berketurunan Syed, tetapi tulisan ini tidaklah sepenuhnya membincangkan keturunan Syed. Penulisannya lebih melibatkan beberapa perbincangan utama berhubung

[8] Hj. Muzaffar Dato' Hj. Mohamed dan (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W. Dan Kesultanan Melayu,* (cet. 2. Selangor, Batu Cevas : Crescent News (K.L.) SDN. BHD, 2007), 3-492.

masyarakat Hadhrami dari Hadhramaut yang menyasarkan kepada beberapa isu penting. Artikel oleh Mohammad Redzuan Othman ini turut menyentuh secara khusus ulama golongan Syed di Terengganu yang terdiri daripada Tok Ku Tuan Besar di zaman Baginda Omar (1831&1839-1876) dan Tok Ku Paloh di zaman Sultan Zainal Abidin III pada abad 18M dan 19M.[9] Penglibatan masyarakat Hadhrami sebagai ulama, ahli politik, bendahari dan sebagainya telah membuka jalan kepada mereka dalam usaha membina hubungan baik di antara Raja-raja Melayu sehingga melayakkan mereka memegang jawatan utama dalam pemerintahan. Penulisan ini bersifat umum dan tidak menyajikan banyak data yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk dimuatkan dalam tesis ini.

Buku L.W.C. van den BERG (1989) bertajuk *Hadramaut Dan Koloni Arab Di Nusantara* memaparkan tentang sejarah awal kedatangan keturunan Syed (Ahlul Bait) ke Hadramaut serta salasilah dan gelaran ulama Syed. Perbincangan sebanyak dua belas bab, memperlihatkan penyediaan dan penyajian yang sangat baik dan sesuai untuk dijadikan landasan kajian terhadap penulisan tesis ini khusus tentang golongan Syed. Selanjutnya beliau menjelaskan tentang kedatangan ulama Syed ke Nusantara yang menetap di kepulauan tersebut. Namun hanya sedikit sahaja penjelasannya tentang kedatangan ulama Syed ke Tanah Melayu.[10] Kelebihan buku Van den Berg ini ialah kerana ia menceritakan susur galur keluarga Ahlul Bait (golongan Syed) bermula dari Hadramaut sehingga kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Namun Van den Berg hanya mengutamakan kedatangan ulama golongan Syed di Tanah Jawa khususnya di Betawi dan tidak di Tanah Melayu. Oleh itu, buku ini boleh dijadikan bahan rujukan

---

[9] Ulrike Freitag dan William G. Clarence-Smith, edit, *'Hadhrami Traders, Scholars, And Statesmen Indian Ocean, 1750s-1960s'*. (Leiden- New York : Brill, 1997), 88-89.

[10] L.W.C. van den BERG, *Hadramaut Dan Koloni Arab Di Nusantara,* (penj. Rahayu Hidayat, j.111. Jakarta : INIS, 1989), 7-102.

mengenai susur galur keluarga Syed yang menjadi kesinambungan kepada susur galur keluarga yang ada di luar Tanah Jawa.

Buku bertajuk *The Hadhrami Awakening Community and Identity in The Netherland East Indies, 1900-1942,*oleh Natalie Mobini-Kesheh pula turut mengupaskan tentang maklumat mengenai masyarakat Arab yang hadir di pesisir kepulauan Indonesia meliputi tahun 1900-1942. Natalie juga menyatakan gelombang kedatangan masyarakat Hadhrami yang muncul ke kepulauan Indonesia dapat dilihat secara jelas dalam lingkungan pertengahan abad ke 18M.[11] Masyarakat ini dikatakan mulai muncul di sekitar Acheh, dan kemudiannya ke Palembang atau Pontianak, Kalimantan. Pada sekitar tahun 1820M dan ke atas, muncul koloni-koloni Arab Hadhramaut yang teguh dalam perdagangan di sepanjang Utara Tanah Jawa, manakala menurut rekod yang disediakan penempatan mereka di sekitar Kepulauan Indonesia dapat dilihat pada tahun 1870M.[12] Walau bagaimanapun buku ini hanya menyasarkan perbincangannya kepada kemunculan masyarakat Arab Hadhramaut di kepulauan Indonesia sahaja manakala penularan mereka ke Tanah Melayu dan Terengganu tidak diceritakan. Sungguhpun demikian maklumat yang disajikan di dalam buku ini dapat membantu melengkapkan latar belakang kajian tesis ini dan bahagian-bahagian lain yang difikirkan perlu dan relevan.

Hasil bancian pertama yang dilakukan pada 1859M mendapati jumlah penduduk Hadhrami di sekitar kepulaun Hindi adalah seramai 4992 orang yang meliputi penduduk daripada kalangan lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang menetap di sekitar Jawa dan Madura. Manakala seramai 2776 orang menetap di luar dari kawasan

---

[11] Natalie Mobini-keshes, *The Hadhrami Awakening Community and Identity in The Netherland East Indies, 1900-1942*, (New York: Cornell.,1999), 143.
[12] *Ibid*., 21.

kepulauan di bawah jajahan Belanda yang menjadikan keseluruhan mereka seramai 7768 orang. Meskipun bancian ini dilakukan dalam kalangan masyarakat Arab, tetapi majoriti daripadanya adalah dari Hadhramaut.[13]

Demikian juga penjelasan beliau secara mendalam tentang bagaimana masyarakat Arab Hadhrami yang muncul di sekitar Indonesia berasimilasi dengan komuniti lain di sekitarnya, dan sebab-sebab imigrasi ke kawasan terbabit. Penulisan Natalie tidak menyebut angka populasi masyarakat Hadhrami yang berhijrah ke Singapura mahupun ke Tanah Melayu. Penulis hanya memfokuskan kepada masyarakat Arab Hadhrami di Terengganu, khusunya kepada ulama golongan Syed al-Idrus.

Syed Hassan bin Muhammad Al-Attas Masjid Ba'alawi (1996) pula menulis tentang *Umar bin Abd al-Rahman Kisah dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abd al-Rahman Pengasas Ratib al-Attas bahagian 1 & 2.* Beliau menjelaskan sejarah perjalanan hidup seorang ulama serta wali yang termasyhur bernama Habib 'Abd. Al-Rahman al-Attas di negeri Huraidah, Hadhramaut. Ulama ini tidak meninggalkan apa-apa kecuali ratibnya yang terkenal pada hari ini iaitu *Ratib al-Attas* yang berumur lebih empat ratus (400) tahun dan telah diamalkan di Afrika, Arab Saudi, Yaman, India, Myammar, Kemboja, England, Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura. Risalah ini cuba membawa kisah dan sejarah hidup beliau sampai kepada Rasulullah S.A.W. yang menggambarkan pengembaraannya dari Madinah ke Basra, kemudian ke Hadhramaut, ke India dan akhirnya ke Indonesia, Malaysia dan Singapura. Bahagian pertama buku ini menceritakan tentang kisah Imam Ali al-Uraydi putera Imam Ja'far al-Sadiq, di Madinah. Kemudian putera beliau bernama Muhammad dan anak-anaknya di Basra, Iraq dan lain-lain. Seterusnya diikuti oleh Imam al-Muhajir

[13] *Ibid.,*

yang berpindah ke Hadramaut dan Faqih al-Muqaddam pengasas *Tariqat al-Alawiyyah*. Bahagian kedua buku ini menceritakan tentang *Tariqat al-Alawiyyah* dan riwayat hidup Habib 'Umar bin Abd al-Rahman serta pesanan-pesanan beliau.[14] Dalam buku ini pula beliau hanya menjelaskan mengenai *Tariqat Alawiyyah* sahaja, manakala peranan Habib 'Umar atau Ulama lain dalam pengembangan Islam sama ada di Hadhramaut atau di Alam Melayu tidak dihuraikan secara meluas. Penghuraian dalam buku ini tidak menunjukkan persamaan terhadap apa yang dikaji dalam tesis ini berhubung peranan dan sumbangan ulama golongan Syed di Terengganu. Walau bagaimanapun maklumat yang disediakan oleh penulis buku ini tetap berguna.

Sebuah kajian lain sealiran dengan Natalie Mobini-Kesheh bertajuk *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750-1960 S* oleh Huub De Jonge pula memaparkan hasil penulisan yang terperinci mengenai faktor-faktor perpindahan masyarakat Arab di Kepulauan Indonesia ke negara sekitarnya. Beliau menjelaskan, sebelum kedatangan pihak penjajah lagi, sememangnya para penduduk asing, Arab dan Cina terutamanya yang hadir di sekitar Indonesia telah pun menetap di kawasan tertentu bersama dengan kelompok mereka.[15] Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa tekanan dan penindasan yang dikenakan ke atas masyarakat Arab Hadhrami di Kepulauan Indonesia, seperti mengenakan sistem had kawasan tertentu sahaja bagi didiami, dan sistem pas keluar masuk ke sesuatu daerah lain, mereka bermigrasi keluar dari Indonesia ke kepulauan sekitar.[16] Penulis Huub De Jonge walaupun menerangkan faktor dan kesan perpindahan masyarakat Arab Hadhrami ke

---

[14] Syed Hassan bin Muhammad Al-Attas Masjid Ba'alawi, *Umar bin Abd al-Rahman Kisah dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abd al-Rahman Pengasas Ratib al-Attas 1 & 2,* (cet. 2. Singapura: Sayyid Hassan al-'Attas Masjid Ba Alawi, 1996), 8-120 dan 9-174.

[15] Penempatan di sekitar Batavia misalnya dipelopori oleh imigran Cina, sehinggalah sekitar tahun 1740 apabila berlaku insiden yang dinamakan sebagai *'Chinese Massacre'*. Lihat artikel Hubb De Jonge, "The Hadhrami Immigrant", Ulrike , "The Hadhrami Immigrant", Ulrike Frietag & W.G Frietag & W.G Clarence-Smith, ed. *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750-1960S.* (Leiden: Koninklijke, 1997) 96.

[16] *Ibid*., 95.

kepulauan berdekatan, tetapi beliau tidak memanjangkan lagi kajian mengenai di mana kawasan yang menjadi tumpuan migrasi penduduk ini kemudiannya seperti ke Tanah Melayu atau khususnya di Terengganu.

Penulisan K.H. Abdullah Bin Nuh (1987) tentang *Keutamaan Keluarga Rasulullah S.A.W.* mengupas persoalan sekitar dua belas tajuk mengenai masyarakat Ahlul Bait. Dalam penulisan beliau, terdapat beberapa tajuk kecil yang memperlihatkan kaitan dengan kajian tesis ini dan boleh diambil kira sebagai bahan tambahan dalam perbincangan nanti, antaranya; Siapakah yang disebut 'AHLUL BAIT'?, Hadits Tsaqalain dan kedudukan Ahlul Bait, Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. keselamatan bagi umatnya dan Fadha'il (keturunan) Ahlul Bait.[17] Walaupun buku ini hanya membahaskan dari sudut keutamaan Ahlul Bait berdasarkan al-Quran dan al-Hadith, ia tidak membicarakan lebih luas dari segi peranan dan sumbangan ulama keturunan Ahlul Bait dalam perkembangan agama Islam di Tanah Melayu lebih-lebih lagi di Terengganu. Walau bagaimanapun buku ini mendukung penulisan tesis ini untuk mengkaji dari segi teori mengenai Ahlul Bait dan ulama golongan Syed.

Kajian lain bertajuk *Wadi Hadramout and The Walled City of Shibam,* oleh Ronald Lewcock Extract (1986) mempamerkan penglibatan masyarakat Hadhrami secara meluas tanpa menumpukan pengaruh kepada sesebuah tempat atau negeri sahaja. Ternyata ulama Hadhrami ini melebarkan lagi pengaruh mereka dalam kehidupan beragama di Tanah Melayu sehingga menyusur masuk ke beberapa negeri seperti Kedah, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan. Budaya kehidupan yang dibawa mereka sangat mendapat perhatian terutamanya dari segi keagamaan, kebudayaan, adat resam

[17] Abdullah bin Nuh, *Keutamaan Keluarga Rasulullah S.A.W.*, (cet.1, Semarang: CV. Toha Putra Semarang, 1987), 1-113

dan sebagainya kepada masyarakat.[18] Walau bagaimanapun dari segi penggunaan istilah, ulama Ahlul Bait atau Syed yang dirujuk dengan panggilan ulama Hadharami. Ini menunjukan bahawa ulama tersebut masih belum menjadi sebahagian masyarakat Melayu pada masa itu. Ulama Hadhrami ini merupakan pendakwah biasa yang tinggal sementara di negeri-negeri yang dikunjunginya tanpa menetap di situ dan mereka dikira sebagai orang luar. Bilamana mereka datang dan menetap di mana-mana negeri tersebut maka mereka mula dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat yang tidak boleh dipisahkan lagi dalam kehidupan masyarakat tersebut. Dalam konteks perbincangan ulama Syed ini, buku ini juga ada menyebutnya secara ringkas dalam halaman 142, berhubung Sayyid Muhammad b. Zayn al-Abidin al-Aydarus (Tok Ku Tuan Besar) yang hidup pada zaman Baginda Omar dan Sayyid Abdul al-Rahman b. Muhammad al-Aydarus (Tok Ku Paloh) yang hidup pada zaman Sultan Zainal Abidin III dan beperanan penting dalam pentadbiran Terengganu.

Ahmad Lutfi bin Abdul Wahab Al-Linggi (2008) pula telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut, Yaman.* Beliau menyasarkan perbincangannya kepada ulama- ulama dan kekasih Allah yang berada di Hadhramaut, Yaman serta memiliki taraf kemuliaan yang sangat mashur, kerana nasab keturunan mereka berasal daripada Rasulullah S.A.W. Beliau juga menceritakan tentang sejarah mengenai pengorbanan dan perjuangan ulama-ulama dari Hadhramaut serta biografi para ulama dan para Wali Allah.[19] Kandungan buku ini masih kurang tepat untuk dijadikan sumber rujukan memandangkan kajian beliau lebih menjurus kepada visual gambar-gambar makam para wali dari keturunan Ahlul Bait. Gambar-gambar tersebut disusun dan kemudian diberi keterangan secara sederhana begitu juga

---

[18] Ronald Lewcock Extract, Potpourri Al-Huda Trust Fund, *"Wadi Hadramout and The Walled City of Shibam",*(T.t: Unesco Publication, 1986), 138-145.

[19] Ahmad Lutfi bin Abdul Wahab Al-Linggi, *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut, Yaman.* (cet. 1. Selangor, Petaling Jaya : Arm Networks & Communications Sdn. Bhd, 2008), 11-179.

dari segi salasilah, ia tidak disambungkan dengan ulama-ulama golongan Syed di Alam Melayu khususnya di Malaysia. Buku ini merupakan sesuatu penghasilan yang kurang menyeluruh.

Mahayudin Hj. Yahaya (1984) dalam bukunya *Sejarah Orang Syed di Pahang*, turut membahagikan kepada beberapa aspek berhubung masyarakat berkerturunan Syed di Pahang dan ia mampu mencerahkan kajian ini. Pertama, penelitian secara terperinci tentang asal-usul keturunan Syed di Pahang dari segi sejarah kedatangan mereka ke negeri ini. Kedua, tinjauan penglibatan kaum Syed di Pahang dalam bidang agama, sosial, ekonomi dan politik. Ketiga, maklumat tentang sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Dalam penulisan ini, Mahayudin Hj. Yahaya telah menumpukan beberapa perkara penting mengenai kaum Syed di Pahang seperti masalah keturunan, sejarah penghijrahan dan penempatan serta aktiviti-aktiviti agama, sosial, ekonomi dan politik serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang tersebut. Beliau juga banyak menitikberatkan kepada persoalan sejarah keturunan dan kedatangan serta penempatan kaum Syed di negeri ini sebelum dan selepas penjajahan Inggeris. Buku ini menunjukkan bahawa penumpuannya hanya melibatkan beberapa buah kawasan di daerah-daerah Pahang yang meliputi ramai orang Syed. Kajian ini masih memperlihatkan kekurangan dan menimbulkan persoalan, kenapa kajian ini tidak memperkatakan penyambungan salasilah ulama Syed di Pahang dengan golongan Syed di negeri-negeri lain seperti Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor dan sebagainya. Kandungan buku sangat baik untuk dijadikan bahan rujukan tambahan.

Seorang penulis terkenal yang banyak membicarakan tentang peranan ulama di Nusantara ialah Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah. Beliau juga telah menyangkut sama persoalan ulama keturunan Syed ketika membicarakan tentang kedatangan Islam ke

Terengganu, sungguhpun perbahasan beliau banyak tertumpu kepada sejarah indivdu. Sumbangan ini sangat relevan untuk menambah kukuhkan pengamatan kita mengenai keturunan Syed di Terengganu. Bukunya bertajuk *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* jilid 13 juga memaparkan pembahasan tentang Saiyid Muhamad bin Saiyid Zainal 'Abidin al-'Idrus (Tok Ku Tuan Besar) yang meliputi latarbelakang, pendidikan, karya-karya dan pengaruhnya dan keturunannya.[20] Dalam penulisan ini, beliau lebih memberi penekanan terhadap penerimaan ilmu secara turun temurun daripada Tok Ku Tuan Besar, sepertimana beliau menyebutnya bahawa Tok Ku Tuan Besar telah belajar kepada Saiyid Abdullah ibnu Yahya. Beliau juga menyatakan ulama ini sebagai '...persandaranku dan guruku…'salasilah keilmuan beliau jelaskan bahawa gurunya mempelajari ilmu daripada Saiyid Tahir bin Husein, Saiyid Tahir belajar daripada Saiyidina Umar ibnu Saqaf dan guru-guru seterusnya sehinggalah penerimaan ilmu tersebut daripada peringkat yang paling tinggi iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Ini menjelaskan pemeliharaan terhadap sanad penerimaan ilmu keagamaan sangat dititikberatkan oleh golongan ini agar tidak berlakunya penyelewengan. Manakala dari segi keturunan, beliau hanya menyediakan keturunan di peringkat keluarga Tok Ku Tuan Besar, tanpa menyediakan salasilah yang menunjukkan bahawa Tok Ku Tuan Besar berketurunan sehingga kepada Rasulullah S.A.W. Buku Wan Mohd. Saghir sangat penting bagi penulis untuk dijadikan rujukan dalam pembentangan tesis ini.

Dalam penulisan lain, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), telah melengkapkan cerita mengenai ulama Syed ini dengan mengketengahkan nama seorang ulama Terengganu yang

[20] Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu Jilid 13.* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur, 2000), 1-11.

mashur bernama Syeikh Abdul Qadir al-Fathani di Bukit Bayas melalui paparannya berkaitan salasilah, pendidikan, aktiviti karya yang dihasilkan, keturunan, murid dan pengaruhnya serta kewafatannya.[21] Syeikh Abdul Qadir al-Fathani ini merupakan ulama Terengganu yang hidup semasa Sultan Terengganu yang pertama dan beliau merupakan penasihat dan mufti pertama Kerajaan Terengganu. Namun tidak ada bukti-bukti yang jelas sama ada beliau berketurunan Syed. Walau bagaimanapun, jasa beliau sebagai pendidik dan pembimbing terhadap Tok Ku Tuan Besar sebagai seorang ulama Syed sehingga menjadi masyhur menunjukkan bahawa beliau memilki jasa besar dalam pertalian penyebaran Islam terhadap masyarakat Terengganu. Buku ini juga tidak memperincikan peranan beliau dalam usaha-usaha melahirkan para ulama Syed yang berkaliber. Buku ini sesuai untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji terhadap ulama silam dan boleh menambah khazanah dan literasi dalam kajian tesis ini.

Perbahasan khusus terhadap seorang ulama Syed yang bernama *Sayid Muhammad Zayn al-Abidin, 1789-1878 (Tok Ku Tuan Besar)* termuat dalam sebuah buku bertajuk *Ulama Silam dalam Kenangan* yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sempena sambutan ke 20 tahun, Khairudin Hj. Muhammad (1992) telah mengupas tentang sejarah kehidupan ulama ini serta beberapa karya penulisannya sebagai bahan pengajaran dalam usaha membina, menyubur dan menyumbangkan ilmu melalui sistem pendidikan pondok, halaqah di masjid dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penulis makalah ini hanya tertumpu kepada perbahasan terhadap dua buah kitab hasil penulisan Tok Ku Tuan Besar sahaja iaitu:

[21] Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu Jilid 10.* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur, 2000), 42 -50.

Kitab Sullam al-Tawfiq dan *Kitab Kanz al-Ula*.[22] Memandangkan beliau hanya memfokuskan kepada kajian mengenai isi kandungan dua buah kitab ini sahaja, maka saya beranggapan bahawa perbincangan yang dihasilkan mengenai Tok Ku Tuan Besar masih belum menyeluruh. Justeru itu penerokaan yang lebih mendalam terhadap peranan dan sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam pengembangan Islam di Terengganu melalui sumber-sumber sejarah yang masih ada hingga sekarang mengenai sumbangannya perlu ditekuni.

Buku yang dihasilkan oleh Khoo Kay Kim, et al., (1980), bertajuk *Islam Di Malaysia* juga memuatkan satu perbahasan khusus berkenaan "Syed Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh)" oleh Mohamad Abu Bakar. Ia membincangkan tokoh yang sama tetapi dalam skop yang berbeza. Perbincangan ini lebih menarik dan lengkap dengan penonjolan terhadap beberapa perkara penting, seperti kedatangan orang Arab pada abad ke 17 ke Timur yang sangat berpengaruh seperti di Acheh, Siak, Palembang dan Pontianak. Beliau juga memaparkan tentang penghijrahan masuk keluarga yang berketurunan Sayid Alawiyyin dari Hadramaut yang kemudian muncul di Terengganu, dipercayai pada abad ke 18. Diceritakan juga tentang bagaimana pada peringkat awal gologan Syed al-Idrus bertapak di Terengganu serta penglibatan mereka dalam pentadbiran dan dakwah penyebaran agama Islam kepada Masyarakat negeri Terengganu khususnya di Chabang Tiga. Seterusnya diperincikan lagi tentang riwayat hidup Tok Ku Paloh dengan menyajikan sekali salasilah keturunan al-Idrus dari Nabi Muhammad S.A.W. disertakan salasilah keluarga Tok Ku Tuan Besar dan keluarga anaknya Tok Ku Paloh. Dalam kupasan terhadap tajuk ini, ia memperlihatkan timbulnya persamaan dan perbezaan terhadap tokoh yang sama yang telah

[22] Khairudin Hj. Muhammad, *Sayid Muhammad Zayn al-Abidin, 1789-1878 (Tok Ku Tuan Besar)*, (tulisan ini dimuat dalam buku Ismail Mat, *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992), 61-72.

dibincangkan di bawah tajuk yang berlainan iaitu *Ulama dan Umara : Tok Ku Paloh dan Pemerintahan Islam*. Setelah dibuat analisa dan perbandingan dengan salasilah asal yang disimpan oleh Biro Salasilah Keluarga Syed Terengganu. Ia menunjukan terdapat sedikit kesilapan kecil terhadap penyusunan nama salasilah keturunan al-Idrus pada halaman 37 buku tersebut.[23]

Buku bertajuk: *Ulama Terengganu. Suatu Sorotan* yang dihasilkan oleh Muhammad Abu Bakar pada tahun 1991, banyak membahaskan tentang sejarah dan kebangkitan Ulama Terengganu yang merentasi masa tidak kurang empat abad, bermulanya sistem kesultanan di negeri ini, yang menyaksikan pembabitan Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis, interaksi tokoh-tokoh agama dengan pemerintah dan hubungan mereka dengan masyarakat besar menerusi program-program pengajaran di pondok, masjid dan surau.[24] Tiga faktor besar dikaitkan yang membantu kebangkitan dan kemunculan ulama dalam masyarakat tradisi. *Pertama* ialah realiti sosial, di mana ahli masyarakat berkecenderungan terhadap keperluan kehidupan berasaskan agama. Ia merupakan peluang dan ruang kepada ulama untuk melibatkan diri membangun dan mengatur masyarakat mengikut landasan agama. *Kedua*, ulama dalam masyarakat tradisi lazimnya didampingi oleh pemerintah, sama ada melalui perkahwinan dengan kerabat diraja, penyertaan mereka dalam kerajaan sebagai pembuat dasar atau kerjasama yang terpaksa ditempa bagi menghadapi masalah sosial. *Ketiga*, dalam persekitaran tradisi, ulama jarang menghadapi saingan daripada golongan lain, dan ini memudahkan mereka menerajui masyarakat dalam penghayatan Islam.[25] Buku ini juga telah membincangkan peranan ulama yang muncul dalam penyebaran Islam khusus di negeri Terengganu. Mereka ini terdiri daripada Tok Pulau Manis, Haji Mat Shafie, Haji

---

[23] Khoo Kay Kim, et al., *Islam Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 34-51.
[24] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, (cet. 1. Terengganu: Utusan & Publications Sdn. Bhd, 1991), 4.
[25] *Ibid*, 4-5.

Zainal Abidin, Faqih Abdullah, Haji Wan Abdul Latif, Tok Guru Haji Abas, Tok Ku Tuan Besar, Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Tok Syeikh Duyong, Tok Ku Paloh, Haji Abdul Rahman Limbong, Datok Seri Amar Diraja Haji Ngah@Muhammad bin Yusof, Syeikh Hassan Yamani, Syed Yusof Ali Al-Zawawi dan Dato' Purba Diraja. Daripada bilangan ulama-ulama yang disebutkan di atas terdapat tiga orang ulama yang ada kaitan dengan kajian penulis, iaitu ; Tok Ku Tuan Besar, Tok Ku Paloh dan Syed Yusof Ali Al-Zawawi, mereka ini mempunyai salasilah yang berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. Kajian oleh Wan Husin Wan Embong terhadap Peranan dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar[26] merangkumi beberapa aspek berkaitan latarbelakang, pendidikan, penyebaran Islam, penglibatan dalam pentadbiran, penghasilan terhadap karya-karya serta penjelasan terhadap keluarga ulama tersebut. Salasilah asal walau bagaimanapun tidak disebut secara terperinci satu persatu. Hasil karya Tok Ku Tuan Besar pula hanya disenaraikan sepuluh buah sahaja, sedangkan jumlah sebenar ialah sebelas buah. Mohamad Abu Bakar menerusi artikel *Ulama dan Umara : Tok Ku Paloh dan Pemerintahan Islam*[27], telah menjuruskan kepada latarbelakang peribadi, pendidikan, pengaruh dan perhubungan dengan pemerintah ulama berkenaan. Penglibatan Tok Ku Paloh dalam dunia pendidikan dan penyebaran Islam turut disentuh, manakala pengangkatan beliau dalam pentadbiran kerajaan negeri semasa zaman Sultan Zainal Abidin III dihuraikan dengan mendalam. Walau bagaimanapun salasilah keturunan Tok Ku Paloh yang berketurunan Ahlul Bait dan serta salasilah keluarga beliau sendiri masih tidak diperincikan. *Syed Yusof Ali Al-Zawawi, Mufti Terengganu, 1952 -1975*[28] seorang ulama berketurunan Arab Mekah, turut dibahaskan oleh Muhammad Abu Bakar. Ia berkisar sekitar latarbelakang peribadi, dunia pendidikan daripada awal sehingga menjadi pensyarah di Universiti Al-Azhar, dan

[26] *Ibid*, 135.
[27] Muhammad Abu Bakar, (1991), 179.
[28] *Ibid*. 247.

penglibatan secara total dalam penyebaran Islam khususnya di Terengganu berseiringan dengan jawatan yang disandangnya sebagai mufti. Banyak sekali usaha dan pembaharuan yang dilakukan oleh beliau untuk kemajuan Islam. Terdapat perkara-perkara yang perlu ditambah sebagai pelengkap kepada penceritaan ini, umpamanya jaluran keturunanya sehingga Rasulullah S.A.W. sebagai Ahlul Bait, senarai nama anak-anak beliau, sumbangan beliau di Universiti Al-Azhar, murid-murid beliau yang terdiri daripada kerabat diraja dan rakyat biasa dan sebagainya. Huraian yang dimuatkan di dalam buku *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, sangat membantu kepada pengkaji tesis.

Hasil-hasil penulisan dalam bentuk tesis, latihan ilmiah, jurnal, artikel dan sebagainya boleh menguatkan lagi data-data yang diperlukan dalam penulisan tesis ini.

Sebuah pembentangan yang berkisar kepada zuriat Ahlul Bait dibuat oleh Dr. Abdullah Yusof,[29] bertajuk "Peranan Zuriat Al-Bayt Rasulullah S.A.W Dalam Penyebaran Islam di Nusantara", beliau melebarkan lagi perbincangan terhadap peranan Ahlul-Bait dalam penyebaran Islam secara menyeluruh meliputi kepulauan Nusantara serta menyentuh aspek keistimewaan Ahlul Bait yang berhijrah ke Nusantara sejak zaman Umayyah sehinggalah selepas era Abbasiyyah dan berlanjutan kepada beberapa abad kemudiannya. Data-data yang dibentangkan oleh Dr.Abdullah Yusof ini sangat baik untuk dijadikan sebagai landasan kajian dan memperlengkapkan lagi hasil kajian penulisan.

Sebuah kertas kerja yang juga memfokuskan kajiannya terhadap ulama Terengganu ialah karya Shafie Abu Bakar bertajuk "Sejarah Perkembangan dan

[29] Pensyarah kanan, (Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Unversiti Malaya Kuala Lumpur).

Pengaruh Pemikiran Ulama-Ulama Silam Dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu dan Alam Melayu".[30] Perbincangannya ialah tentang sejarah perkembangan dan pengaruh pemikiran ulama-ulama silam di Terengganu. Penulisan beliau merangkumi zaman permulaan pengislaman negeri Terengganu dan peranan ulama terawal yang mengamalkan tradisi pengajian atau pengajaran dan dakwah yang berlaku pada akhir abad ke 16 yang ditonjolkan oleh Tok Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik). Sebanyak 59 halaman daripada kertas kerja beliau menceritakan tentang peranan Tok Pulau Manis dalam dakwahnya, dan selebihnya beliau muatkan peranan Sayyid-Sayyid di Terengganu secara ringkas. Seperti beberapa kajian lalu yang menjuruskan kepada kajian terhadap ulama Terengganu ia tidak mengkhususkan kepada ulama tertentu seperti ulama Syed yang berhijrah dari Hadramaut, bahkan dirangkumkan semua sekali asalkan mereka bertaraf ulama dan berada di Terengganu.

Tesis PhD bertajuk "Ulama Arab Hadhrami Dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed ʿAbd Qadir bin Muhsin Al-ʿAttas dan Syed ʿAlwi b. Tahir Al-Haddad" [31] oleh Nurul Wahidah binti Fauzi pula telah mengkaji dan membuat analisa terhadap dua orang tokoh ulama Syed di Johor iaitu Syed ʿAbd Qadir bin Muhsin Al-ʿAttas dan Syed ʿAlwi b. Tahir Al-Haddad. Melalui penelitiannya terhadap dua orang tokoh ini, beliau telah mengeluarkan hasil kajiannya berkaitan hubungan masyarakat Arab Hadrami dan Johor yang berlaku mulai zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Bahkan kehadiran mereka banyak menyuntik sumbangan di dalam perkembangan sosioekonomi di negeri terbabit. Melalui pentadbiran negeri, kedudukan golongan ini di dalam menjaga pentadbiran kerajaan berlandaskan hukum syariat dipaparkan melalui sumbangan sebagai mufti kerajaan dan

[30] Pensyarah, (Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi).
[31] Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami Dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed ʿAbd Qadir bin Muhsin Al-ʿAttas dan Syed ʿAlwi b. Tahir Al-Haddad" (tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2012)

ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Masyarakat Kerjaan Negeri. Perlaksanaan hukum undang-undang dan isu-isu melibatkan aspek keagamaan diwajibkan mendapat kelulusan dan pandangan mereka terlebih dahulu. Penglibatan ulama Arab Hadhrami juga tertumpu kepada pembangunan pendidikan sebagai wadah pembinaan ummah yang berlandaskan kehendak Islam. Penekanan masyarakat Hadhrami juga turut disentuh mengenai penglibatan mereka dalam bidang-bidang lain seperti ekonomi, politik, perkahwinan dan sebagainya. Kajian khusus tesis ini adalah tertumpu di negeri Johor sahaja serta melibatkan dua orang tokoh Syed yang berketurunan masyarakat Arab Hadhrami. Tesis yang dihasilkan oleh Nurul Wahidah ini tiada kaitan secara langsung dengan kajian di Terengganu.

Sebuah artikel yang membincangkan secara khusus tentang keagamaan di Terengganu bertajuk "Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu" oleh Shafie Abu Bakar (1982) turut membahaskan tentang perkembangan pengaruh Islam di Terengganu sehingga zaman kemunculan ulama-ulama di Terengganu. Di antara ulama-ulama yang dibahaskan dalam tulisan ini termasuk Syeikh Muhammad bin Zainal Abidin (1795-1879)[32]. Beliau menyasarkan kepada ulama-ulama Terengganu sama ada berketurunan Syed atau sebaliknya, secara ringkasnya perbahasan ini turut menyentuh peranan Syeikh Muhammad bin Zainal Abidin (Tok Ku Tuan Besar) sebagai seorang ulama yang unggul pada masa itu. Namun skop pembahasan beliau tidak menyeluruh dan masih perlu kepada penambahan data-data relevan. Justeru itu penulis memerlukan ruang yang secukupnya bagi menerokai lebih dekat terhadap peranan dan sumbangan golongan Syed dalam perkembangan Islam di Terengganu yang masih belum dikaji. Hasilnya mampu menambah khazanah sejarah mengenai

[32] Shafie Abu Bakar, *Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu,* (artikel ini dimuat dalam *Jurnal Warisan* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Bilangan 3, Terengganu : Panji Pustaka, 1982), 17-23.

perjuangan ulama Syed di negeri Terengganu. Artikel ini juga turut membuka laluan bagi melebarkan lagi skop perbincangan yang seterusnya.

Dalam sebuah kupasan yang lain, penonjolan terhadap kedua-dua tokoh ulama Syed ini dipaparkan melibatkan peranan Tok Ku Tuan Besar sebagai Mufti dan bapa kesusasteraan, dan Tok Ku Paloh dalam peranannya dalam Pemerintahan. Tajuk kecil perbincangan ini disentuh di dalam sebuah tersis PhD bertajuk "Pemerintahan Dan Ulama Dalam Menghadapi Ancaman Kuasa Asing Di Terengganu Dari Tahun 1888 hingga 1948" oleh Burhanuddin Abdullah (2011). Kajian ini tidak hanya dikhususkan kepada ulama berketurunan Syed bahkan ia bersifat umum yang melibatkan semua ulama di Terengganu yang telah dipilih dalam bidang kajiannya. Manakala perbincangannya pula lebih menjuruskan kepada peranan ulama dalam pemerintahan. Walaupun dua orang ulama Syed telah disentuh dalam perbincangan ini, namun sasarannya terhad, dan lebih menjurus kepada pemerintahan.

Ahli sejarah yang terkenal di Terengganu, MISBAHA (1983), juga telah membuat penerokaan dan penelitian terhadap ketokohan ulama Terengganu serta mengangkat kedudukan mereka ke tahap yang terkenal pada mata masyarakat sepertimana yang dihidangkan melalui artikelnya bertajuk "Perkembangan Penulisan Dan Pengarang-Pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Ke-2". Beliau menumpukan perbahasan tentang sejarah awal penulisan sastera Melayu di Terengganu dengan mendedahkan bukti penulisannya melalui sejarah penemuan sebuah batu bersurat di Hulu Kuala Berang suatu ketika dahulu. Kemudian beliau menjelaskan tentang seorang tokoh kesusasteraan Melayu bernama Syed Muhammad bin Zainal Abidin (Tok Ku Tuan Besar) serta beberapa karya penulisannya yang secara kebetulanya tokoh ini juga berketurunan Arab Hadramaut. Turut dibincang sama di

dalam artikel ini seorang ulama berketurunan Syed yang aktif dalam penulisannya iaitu Syed Ahmad bin Muhammad Al-Idrus (Tuk Ku Malaka)[33] yang sudah semestinya terkenal dengan beberapa karyanya, serta memiliki kualiti tinggi dalam hasil penulisannya. Artikel yang ditulis oleh Tuk Ku Malaka ini cukup lengkap. Beliau juga memiliki ciri-ciri persamaan dengan apa yang dikaji di dalam tesis ini. Artikel yang ditulis oleh MISBAHA ini boleh menjadi panduan dan landasan kajian tesis ini.

Melihat pula kepada kajian lain yang dihasilkan oleh Sharifah Afidah binti Syed Hamid yang berkisar kepada ulama terkemuka tahan air bertajuk "Ulama Terkemuka Terengganu Abad ke 19: Pemikiran Dan Peranan Mereka kepada Masyarakat",[34](1989/90). Penulis menyentuh penglibatan beberapa orang ulama terkenal yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk mereka yang bukan daripada berketurunan Syed seperti Sheikh Abdul Kader Bukit Bayas dan Tok Shekh Duyung, Penumpuan kajian ini lebih menjurus kepada pemikiran dan peranan mereka dalam masyarakat Terengganu sama ada dalam bidang pentadbiran kerajaan, keagamaan dan kemasyarakatan. Sepertimana perbincangan yang dihasilkan di dalam tesis PhD Burhanuddin Abdullah, penyajian disertasi Sharifah Afidah ini juga menyasarkan hanya kepada beberapa orang ulama Terengganu yang menjadi pilihan beliau sebagai kajian.

Sebuah karya yang bertajuk "Perubahan Pentadbiran Terengganu 1839-1941" oleh Abdullah Zakaria bin Ghazali (1982) melengkapkan perbahasan apabila beliau menjelaskan tentang pentadbiran kerajaan Terengganu dari zaman Sultan Omar

[33] MISBAHA, "Perkembangan Penulisan Dan Pengarang-Pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Ke-2", (artikel ini dimuat dalam MISBAHA, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu Pesaka, cet.1, Terengganu : Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1983), 84-97.

[34] (desertasi sarjana Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia)

sehingga zaman penjajahan Jepun, dan seterusnya oleh British.[35] penulis hanya memaparkan sistem pentadbiran kerajaan Terengganu, tetapi tidak dianalisa sistem pentadbiran Kerajaan Terengganu pada waktu itu mengikuti nilai-nilai yang terkandung dalam syariat Islam.

Latihan ilmiah yang dibentangkan oleh Hashim @ Wan Hussin Bin Wan Embong, di bawah tajuk: "Satu Analisa Pemikiran Dan Peranan Sayyid Muhammad Bin Zayn Al-'Abidin Al-'Idrus (Tuk Ku Tuan Besar Terengganu) Dalam Perkembangan Islam Di Terengganu 1209 H/1795M – 1295H/1878M", telah menyasarkan kedatangan ulama Syed di Terengganu, riwayat hidup Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar), diikuti dengan penjelasan secara terperinci tentang karya-karya penulisan dan juga peranan Tok Ku Tuan Besar dalam penyebaran Islam di Terengganu. Walau bagaimanapun, dalam latihan ilmiah ini beliau hanya menumpukan pembahasannya terhadap seorang tokoh ulama Syed sahaja daripada sebahagian besar golongan mereka yang ada di Terengganu, iaitu Tok Ku Tuan Besar.[36] Sehubungan itu data yang boleh diteliti dan dirujuk melalui latihan ilmiah ini hanya tertumpu kepada seorang tokoh ulama Syed sahaja yang mempunyai susurgalur daripada Rasulullah S.A.W.

Satu lagi kajian yang juga berkisar pada ulama Terengganu telah dibentangkan di dalam program seminar tokoh Islam negeri Terengganu sempena sambutan perayaan Maal Hijrah 1408H peringkat Negeri Terengganu pada 29-27 Ogos 1987/2-4 Muharram 1408H. Program yang dianjurkan oleh kerajaan Negeri Terengganu itu telah

---

[35] Abdullah Zakaria Bin Ghazali, *Perubahan Pentadbiran Terengganu 1839-1941*, (artikel ini dimuat dalam *Jurnal Warisan* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu 1982 bilangan 3, Terengganu : Panji Pustaka, 1982), 37-54.

[36] Hashim @ Wan Hussin Bin Wan Embong, "Satu Analisa Pemikiran Dan Peranan Sayyid Muhammad Bin Zayn Al-'Abidin Al-'Idrus (Tuk Ku Tuan Besar Terengganu) Dalam Perkembangan Islam Di Terengganu 1209 H (1795M) – 1295H (1878M)", (Bangi : Jabatan Pengajian Arab & Tamaddun Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983).

mengumpulkan pembentang-pembentang kertas kerja untuk mengutarakan perihal ulama Negeri Terengganu dalam memperkasakan perjuangan mereka pada mata masyarakat. Sebuah kertas kerja bertajuk "Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar)" telah dibentangkan oleh Encik Ambak bin Ismail yang menyentuh beberapa ciri keperibadian dan kekaliberan yang dimiliki oleh tokoh tersebut, termasuklah tentang latarbelakang, peranannya dalam perkembangan pemikiran (akliah) dan amalan kerohanian dan kepimpinannya dalam masyarakat sezaman.

Daripada sudut yang lain pula, ketokohan Tok Ku Paloh juga telah diolah dan dikaji menurut kebolehan yang berbeza dalam sumbangannya sepertimana kupasan yang dihasilkan oleh Nur Faiz Bin Jamil (2005) melalui latihan ilmiahnya bertajuk "Pemikiran Dan Peranan Dan Tuk Ku Paluh Dalam Pembangunan Negeri Terengganu Pada Pertengahan Abad Ke-19 Hingga Tahun 1920-An". Selain daripada bertindak sebagai ulama yang menyebarkan dakwah Islamiyyah dan sebagai pentadbir negeri Nur Faiz juga membahaskan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan ulama Terengganu pada pertengahan abad 19 hingga tahun 1920-an. Fokus yang diberi terhadap Tok Ku Paloh ialah berkenaan latar belakang pendidikan dan peranannya dalam pembangunan negeri Terengganu.[37] Namun pokok perbincangan dalam tesis beliau lebih tertumpu kepada pemikiran dan peranan Tok Ku Paloh dalam pembangunan Negeri Terengganu. Setelah diteliti, penulis melihat bahawa tesis yang dihasilkan oleh Nur Faiz ini begitu ringkas perbincangannya dan tidak menyeluruh. Suatu penerokaan dan perincian yang lebih holistik perlu dilakukan. Begitu juga peranan beliau dalam urusan mengurus tadbir kerajaan negeri Terengganu dengan

[37] Nur Faiz Bin Jamil, "Pemikiran Dan Peranan Dan Tuk Ku Paluh Dalam Pembangunan Negeri Terengganu Pada Pertengahan Abad Ke-19 Hingga Tahun 1920-An", (latihan ilmiah, Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor, 2005).

cekap dan amanah serta bijak berdiplomasi dengan penjajah British, menyebabkan penjajah tidak mampu menguasai negeri Terengganu ketika itu. Kerajaan Terengganu telah mengalami zaman keemasan di bawah pimpinan umara', dan ulama yang sangat masyhur, arif dan bijaksana iaitu Sultan Zainal Abidin III dengan gandingannya seorang ulama yang sangat disegani dan mempunyai karomah yang luar biasa iaitu Tok Ku Paloh.

Mohamad Abu Bakar juga pernah menghasilkan latihan ilmiahnya yang bertajuk "Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh) Peranannya dalam Konteks Sejarah Terengganu Abad ke-19 hingga Awal-20an".[38] Ia membahaskan tentang Syed Abdul Rahman dalam menyebarkan agama Islam dan tamadun Islam di Terengganu pada abad ke 19 sehingga awal abad ke 20. Penumpuan karya diberikan kepada seorang tokoh sahaja yang bernama Tok Ku Paloh. Selain daripada berperanan sebagai ulama, beliau juga sebagai penentu, pembuat dasar-dasar, dan perancang sosial dan kadang-kala berfungsi di rumah atau dari rumah mereka, hatta setelah dilantik sebagai 'orang kerajaan' telah memunculkan diri selaku ulama birokrat. Beliau juga merupakan seorang ahli siasah dan strategi perang. Sehingga pada suatu ketika dengan kebijaksanaannya, beliau dapat mengalahkan dan menggagalkan askar atau pasukan British untuk menundukkan Kerajaan Terengganu.

Sebuah perbincangan lain yang tidak kurang menariknya mengenai ulama Syed bertajuk "Tok Ku Paloh : Suatu Kajian Khusus Mengenai Sumbangannya Terhadap Pengajian Agama di Terengganu",[39] memaparkan sejauh mana pengaruh Tok Ku Paloh terhadap perkembangan Islam di daerah Kuala Terengganu. Disertasi ini menunjukan

[38] Mohamad Abu Bakar,(1974).
[39] Razi bin Yaakob, "Tok Ku Paloh : Suatu Kajian Khusus Mengenai Sumbangannya Terhadap Pengajian Agama di Terengganu" (disertasi sarjana usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2008).

bahawa dakwah Tok Ku Paloh yang difokuskan kepada pendekatan tasawuf telah banyak memberi perubahan kepada masyarakat yang pada ketika itu yang cenderung kepada amalan dan kepercayaan khurafat. Pendakwahannya memantapkan kerohanian seseorang dan mencelikkan kebutaan masyarakat dalam aqidah. Sikap warak dan ketokohan yang ditonjolkan oleh Tok Ku Paloh juga menjadi faktor kekuatan dakwahnya yang membolehkan masyarakat menaruh kepercayaan yang tinggi dan yakin terhadapanya. Walau bagaimanapun disertasi ini hanya menyasarkan kepada sumbangan Tok Ku Paloh Terhadap Pengajian Agama di Terengganu dan tidak memberi liputan lebih luas meliputi ulama golongan Syed yang berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. serta penelitian terhadap salasilah mereka.

Berdasarkan penemuan dan penulisan yang berselerak ini, suatu pendekatan baru yang khusus membicara ulama golongan Syed, terutama sekali di Terengganu, menjadi suatu keperluan. Persoalan bagaimana kumpulan ini begitu berimpak sekali ke atas masyarakat dan harus diterokai. Tidak cukup dengan sekadar menyasar kepada kedatangan dan ketibaan mereka di Nusantara. Persoalan bagaimana masyarakat setempat menyambut dan menerima mereka juga patut dijadikan kajian.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan.

1. Mendedahkan salasilah ulama berketurunan Syed dan keberhasilannya dalam pembinaan tamadun Islam, khususnya di negeri Terengganu.
2. Memberi pengetahuan tentang sejarah kedatangan ulama berketurunan Syed dan peranan mereka dalam pembinaan tamadun Islam di Malaysia.

3. Menyuburkan kembali semangat dakwah yang diamalkan oleh mereka terhadap generasi hari ini.

4. Menambah khazanah sejarah tentang ulama berketurunan Syed yang berjasa dalam pembinaan tamadun Islam.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

1.6.1 Pengumpulan Data

Metod ini digunakan untuk mengumpulkan data kajian dan pentafsiran terhadap data yang dikumpul. Melaluinya, penyelidik menggunakan metod yang difikirkan perlu bagi mendapat data yang dikehendaki. Atara yang terutama ialah :

(a) Metod Historis; Merupakan metod pensejarahan yang mengetengahkan kronologi dan latar belakang sejarah khususnya bagi mengetahui sesuatu proses pergerakan peranan dan perkembangan penyebarannya.[40] Kajian yang dijalankan di dalam bab I, bab II bab III, bab IV adalah bertujuan untuk melihat data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah terutamanya berkaitan kedatangan Islam ke Nusantara secara umum. Di samping itu, perkembangan Islam ke Terengganu melalui faktor perdagangan dan penglibatan masyarakat Arab Hadhrami dalam pentadbiran kerajaan serta hubungan baik dengan Istana turut dibincangkan. Pengumpulan data pada proses peringkat pertama ini melibatkan beberapa fail di pejabat mufti Terengganu, manuskrip-manuskrip, data salasilah, artikel-artikel, catatan sejarawan, kitab dan dokumen-dokumen penting yang didapati dalam perpustakaan.

[40] Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, (c 11. United States if Amarica: Thomson Wadsworth, 2007), 341-342.

Melalui penyelidikan perpustakaan, beberapa buah perpustakaan telah dijadikan sasaran penerokaan, seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri Kelantan, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Gombak Selangor, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Majalah Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Awam Negeri Pahang, Perpustakaan Awan Negeri Perlis, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Muzium Islam Negeri Kelantan, Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu dan Arkib Negara Kuala Lumpur.

Kajian mengenai bab V, penyelidik mengunjungi lokasi-lokasi tertentu yang pernah didiami dan berkhidmat oleh setiap tokoh tersebut khususnya di Terengganu.

(b) Metod Dokumentasi; merujuk kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah kajian. Ia terdiri daripada kutipan data-data primer dan sekunder, seperti fail-fail tokoh yang berada di pejabat mufti Terengganu, data-data salasilah golongan Syed di bawah jagaan Ketua Biro Salasilah Terengganu serta anak-anak tokoh itu sendiri, kitab-kitab karangan yang diusahakan oleh setiap tokoh, koleksi-koleksi fatwa tokoh kajian, teks-teks khutbah dan suara Jabatan Agama Islam Terengganu.

(c) Metod Temubual; Sekiranya dilihat kepada Kamus Dewan edisi keempat, bererti temuramah, temubual, interviu.[41] Selalunya kaedah temubual dicadangkan kepada penyelidik dalam tiga jenis (temubual berstruktur, temubual separa berstruktur,

[41] *Kamus Dewan*, ed. ke-4 catatan kedua (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1648.

temubual terbuka), dalam kajian ini, peyelidik memilih menjalankan temubual separa berstruktur kerana mahukan kebebasan terhadap informer begi memberikan maklumat tanpa halangan yang menghadkan beliau menyampaikan data sesuatu peristiwa.

(d) Metod Pemerhatian Langsung; Digunakan pada tempat-tempat bersejarah yang berkaitan dengan hasil pembinaan dan peninggalan daripada ulama Syed tentang tamadun Islam seperti Kampung Paloh, Kampung Chabang Tiga, surau, masjid, tanah perkuburan mereka dan lain-lain sebagai data mengenai fizikal, bukti peninggalan sejarah ulama Syed.

1.6.2 Analisis Data

Setelah mengumpul segala data yang diperolehi, penyelidik meneruskan kajian dengan melakukan analisa ke atas data-data yang diperolehi bagi mendapatkan kesimpulan. Jika ditinjau dari suatu sudut, penulisan ini lebih bercorak kajian lapangan yang merupakan salah satu cabang kajian.[42] Data yang diperoleh sama ada dalam bentuk sumber primer mahupun sekunder, telah disaring menggunakan metod-metod berikut :

(a) Metod Induktif; digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji dan kemudiannya diadaptasi penyelidik bagi mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan terkumpul untuk membentuk suatu gagasan fikiran. Penyelidik mempraktikkan metod ini dengan menghuraikan dan menilai aspek hubungan antara Arab Hadhramaut dan Terengganu serta peranan tokoh-tokoh kajian yang dijalankan. Seterusnya penyelidik merumuskan suatu kesimpulan yang jelas mengenai tokoh tersebut iaitu bagaimana hubungan yang

[42] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 37.

terjalin, latarbelakang kehidupan dan kemudiannya membentuk sumbangan yang diberikan oleh mereka kepada perkembangan Islam Terengganu. Penggunaan metod ini diaplikasikan dalam bab II, III dan IV.

(b) Metod Deduktif; Satu kaedah untuk membuktikan hal-hal yang bersifat umum untuk memperolehi hal-hal yang bersifat khusus,[43] Ia digunakan untuk melihat peranan yang mencetuskan transisi modenisasi keagamaan di Terengganu yang secara langsung membawa pengaruh dalam memberi kefahaman beragama Islam di Terengganu pada abad ke 19 dan 20 M. Penulis mengaplikasi metod ini dalam bab ke V.

(c) Metod Komperatif; Kaedah yang membabitkan proses membuat kesimpulan dengan membandingkan segala fakta yang diperolehi. Ia digunakan bagi mendapatkan data dan fakta terutamanya dari segi peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh ini dalam perkembangan Islam. Metod ini diaplikasikan dalam bab VI.

1.7 SISTEMATIKA PENULISAN

Penulisan tesis ini secara keseluruhannya mengandungi enam bab yang di dahului dengan bab I sebagai pendahuluan, seterusnya diikuti dengan bab II, bab III, bab IV, bab V dan di akhiri dengan bab VI sebagai kesimpulan yang diperincikan seperti berikut ;

[43] Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. (Yogjakarta: Penerbitan FIP-IKIP, 1982), 52.

BAB SATU

Bab Pendahuluan : Mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian dan pembatasan kajian, kajian terdahulu, kepentingan kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Bab ini merupakan kerangka tesis.

BAB DUA

Latar Belakang Golongan Syed : Pembahasan berkisar kepada pecahan tajuk yang telah di tetapkan mengikut keperluan yang menjurus kepada latar belakang golongan tersebut seperti berikut; Zuriat Keturunan Nabi Muhammad Ahlul Bait, Keistimewaan Keturunan Nabi Muhammad dan Ahlul Bait Menurut Nas, Salasilah Keturunan Syed dan Sejarah Keturunan Syed.

BAB TIGA

Perkembangan Pentadbiran Islam Di Terengganu : Ia mengupaskan kemunculan Negeri Terengganu, kedatangan Islam di Terengganu dan kesultanan Terengganu, serta kaitannya dengan keturunan Ahlul Bait. Bahagian Sejarah Pentadbiran Dan Pemerintahan Terengganu, dibahagikan kepada Pentadbiran Islam Terengganu, Kekuasaan Raja-Raja, Kekuasaan Menteri Besar dan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Perbahasan juga tertumpu kepada penduduk Negeri Terengganu.

BAB EMPAT

Kemunculan dan Pertapakan Golongan Syed di Terengganu : Pertapakan Golongan Syed di Terengganu dilihat daripada sudut Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Terengganu, Salasilah Kedatangan Golongan Syed Di Terengganu, Keluarga Golongan Syed Pertama Bertapak di Terengganu dan Salasilah Keluarga Golongan Syed Di Terengganu.

BAB LIMA

Peranan dan Sumbangan Ulama Golongan Syed dalam perkembangan Islam : Bab ini membahas dengan terperinci kehebatan peranan dan sumbangan lima orang tokoh ulama Syed yang telah dipilih iaitu Syed Ahmad al-'Idrus (Tuk Ku Malaka), Syed Muhammad al-'Idrus (Tok Ku Tuan Besar), Syed Abd al-Rahman al-'Idrus (Tok Ku Paloh), Shaykh Syed Yusof Ali al-Zawawi dan Dato' Engku Alwi al-'Idrus. Kelima-lima tokoh ini dikupaskan berdasar Latar Belakang, Salasilah dan Keluarga, Pendidikan, Peranan dan Sumbangannya.

BAB ENAM

Penutup : Bahagian kesimpulan dan cadangan kajian.

BAB DUA

LATAR BELAKANG GOLONGAN SYED

2.0 PENGENALAN

Keturunan Alawiyyin atau dengan panggilan masyhurnya Syed dan Syarifah berasal dari Hadramaut, Yaman. Mereka juga dikenali sebagai kaum Ba'alawi. Ramai daripada kalangan mereka terdapat di Nusantara, termasuk Malaysia. Mereka ini di kaitkan dengan Nabi Muhammad S.A.W. iaitu pertalian yang menjadikan mereka penting dari segi sejarah Islam.

2.1 ZURIAT KETURUNAN NABI MUHAMMAD S.A.W. (AHLUL BAIT)

Keturunan Syed pada awalnya lebih di kenali dengan istilah Ahlul Bait yang bererti (Orang Rumah/Ahli keluarga), tetapi panggilan itu lebih khususkan kemudiannya kepada keluarga Rasulullah S.A.W. Masyarakat Muslim umumnya memahami Ahlul Bait sebagai keluarga Rasulullah S.A.W. Sehubungan ini terdapat perselisihan faham di antara mazhab-mazhab khasnya antara mazhab Syiah dan ahli Sunnah mengenai kedudukan ini.

Menurut Syiah, Ahlul Bait adalah keluarga Rasulullah S.A.W. yang terdiri daripada lima orang sahaja iaitu Muḥammad Ibn Abdullah (Rasulullah S.A.W.), 'Ali Ibn Abi Ṭalib, Fatimah, Ḥasan dan Ḥusain. Manakala menurut ahli Sunnah Ahlul Bait meliputi semua keluarga Rasulullah S.A.W. termasuk isteri-isteri Rasulullah dan cucu-

cucunya. Bahkan ada juga yang memasukkan ke dalam Ahlul Bait itu para mertua Rasulullah S.A.W.[44]

Bagi aliran Wahabi Ahlul Bait adalah keluarga Rasulullah S.A.W. yang mencakupi bukan sahaja keluarga ‘Ali tetapi juga seluruh umat Islam yang taat. Hubungan kekeluargaan baginya di dasarkan pada taqwa, bukan kepada hubungan nasab atau darah sahaja. Namun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang mengatakan Ahlil Bait itu khusus kepada keluarga Rasulullah S.A.W. menyerupai pendapat Syiah.[45]

2.2 KEISTIMEWAAN KETURUNAN NABI MUHAMMAD S.A.W. (AHLUL BAIT) MENURUT NAS

Berdasarkan kedudukan keistimewaan keluarga Rasulullah S.A.W. (Ahlul Bait) ini sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-Hadis, bagi mereka yang memahami konsep penegasan melalui kedua-dua nas tersebut, seharusnya mestilah menghormati keistimewaan yang dimiliki oleh keluarga tersebut. Walau bagaimanapun, golongan ini sendiri tidak seharusnya merasa bangga dan bermegah dengan keistimewaan itu bahkan lebih tawaduk kepada Allah dan Rasulnya. Kerana mereka merupakan pemimpin dan pembimbing kepada seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada.

---

[44] Abdullah Yusof, “Peranan Zuriat Ahl Al-Bayt Rasulullah S.A.W. Dalam Penyebaran Islam Di Nusantara” (sebuah kertas kerja, t.t.), 1.
[45] *Ibid*., 2.

2.2.1 Keistimewaan Menurut Al-Quran

Mengikut mana-mana pihakpun, kedudukan Ahlul Bait adalah tinggi dan istimewa, Allah sendiri telah merakamkan di dalam al-Quran ditujukan kepada Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dan membersihkan diri mereka dari segala perkara keji. Dalam keturunan Rasulullah S.A.W., Fatimah diberi perhatian sangat istimewa daripada Allah S.W.T terutama berkaitan dengan sebab-sebab turunnya beberapa ayat al-Quran khusus kepada keluarga Rasulullah S.A.W. melalui beberapa surah berikut:

1. Surah Al-Aḥzab 33:33 iaitu;

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ
عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا

Surah Al-Aḥzab 33:33

Maksudnya:

> "Dan hendaklah kamu tetap diam di Rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti Yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu Dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara Yang mencemarkan diri kamu - Wahai "Ahlul Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari Segala perkara Yang keji)".

Ayat ini mempunyai hubungan dengan peristiwa Ashab al-Kisa' iaitu; peristiwa di mana Rasulullah S.A.W. pada suatu ketika berada di rumah Umi Salamah berserta dengan kedatangan puterinya Fatimah, menantunya 'Alī bin Abī Ṭalib bersama dua cucunya Ḥasan dan Ḥusain. Kemudian Rasulullah S.A.W. menyelimuti keempat orang bersamanya dengan kain al-Kisa' lalu Baginda berdoa kepada Allah S.W.T. agar Ahlul Baitnya dibersihkan dari segala perkara yang keji. [46]

Pada ketika itu, Rasulullah S.A.W. tidak mengajak isteri-isteri Baginda untuk bersama-sama masuk ke dalam kain al-Kisa' tersebut, maka perbuatan itu menunjukan bahawa satu keistimewaan bagi Ahlul Bait dan Allah S.W.T. pada saat itu menguatkan dan mempersetujui apa yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. bersama Ahlul Bait dengan turunnya ayat di atas.

2. Surah Āli 'Imrān 3:61

فَمَنْ حَآجَّكَ فِيهِ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا۟ نَدْعُ
أَبْنَآءَنَا وَأَبْنَآءَكُمْ وَنِسَآءَنَا وَنِسَآءَكُمْ وَأَنفُسَنَا وَأَنفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ
فَنَجْعَل لَّعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَـٰذِبِينَ

Surah Āli 'Imrān 3:61

Maksudnya:

> "kemudian sesiapa yang membantah mu (Wahai Muḥammad) mengenainya, sesudah Engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: "Marilah kita menyeru anak-anak kami serta anak-anak

[46] Al-Imām al-Tirmidhī, *op.cit.*, *Abwā Tafsīr al-Qur'ān, Bāb wa min Sūrah al-Aḥzab No.3205,* 2000), 1979. Lihat: Al-Imam al-Jalīl 'Imādi al-Dīn Abī al-Fidāi Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Quraishiyyi al-Dimshiqiyyi, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm al-Ma'rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr,* (j.3, c.6, Al-Riyādh: Dār al-Salām, 2004), 2245-2250.

kamu, dan perempuan-perempuan kami serta perempuan-perempuan kamu, dan diri kami serta diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, serta kita meminta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta".

Melalui ayat ini ia mempunyai kaitan dengan peristiwa mubaḥalah[47] di mana Rasulullah S.A.W. didatangi oleh rombongan utusan Nasrani (Kristian) dari Najran dengan tujuan untuk melakukan dialog tentang Nabi ‘Isā dan mempersoalkan tentang kerasulan baginda Muḥammad S.A.W. Akhirnya Rasulullah S.A.W. mengajak kepada utusan Nasrani dari Najran untuk bermubaḥalah, pada saat itu Rasulullah membawa puterinya Fatimah, menantunya ‘Alī dan cucunya Ḥasan dan Ḥusain. Bila mana utusan Nasrani itu melihat Rasulullah bersama Ahlul Baitnya, maka utusan tersebut tidak berani dan membatalkan mubaḥalah itu.[48]

3. Surah al-Shūrā 42:23

ذَٰلِكَ ٱلَّذِى يُبَشِّرُ ٱللَّهُ عِبَادَهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۗ قُل لَّآ
أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا ٱلْمَوَدَّةَ فِى ٱلْقُرْبَىٰ ۗ وَمَن يَقْتَرِفْ حَسَنَةً نَّزِدْ لَهُۥ
فِيهَا حُسْنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ

Surah al-Shūrā 42:23

[47] Mubaḥalah bermaksud bahawa masing-masing pihak di antara orang-orang yang berbeza pendapat berdoa kepada Allah S.W.T. dengan sungguh-sungguh, agar Allah S.W.T. menjatuhkan la’nat kepada pihak yang berdusta. Peristiwa mubaḥalah ini membuktikan kebenaran Nabi Muḥammad S.A.W. seorang utusan Allah S.W.T. Lihat: *Al-Quran Wa Tarjamatu Ma‘āniyyah ilā al-Luggah al-Indonesiyyah* (1418), (Kerajaan Saudi Arabia: Mujamma’ al-Malik Fahd Lithiba’at al-Mushhaf asy-Syarif Medinah Muawwarah), 85.

[48] Al-Imām Muslim, *op.cit.*, *Kitāb al-Fadhāil, Bāb Fadhāil ‘Alī bin Abī Ṭālib Radhiyallah ‘Anhu, No. 6217,* (2000), 1101. Lihat: Al-Imam Ibn al-Kathīr, *op.cit.*, j.1, 2004), 510.

Maksudnya:

> "(limpah kurnia Yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya): hamba-hambaNya yang beriman dan beramal soleh. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran I.slam Yang Aku sampaikan itu, (yang Aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku Dengan kamu supaya Aku tidak disakiti)" dan sesiapa Yang mengerjakan sesuatu perkara Yang baik, Kami tambahi kebaikan baginya (dengan menggandakan pahala) kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas Dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang Yang bersyukur kepadanya)"

Melalui pesanan yang terdapat daripada ayat di atas, Allah S.W.T. menyuruh kepada umat Islam untuk mengasihi dan menyayangi Rasulullah S.A.W. dan keluarganya. Kerana perkataan al-Qurbā (ٱلْقُرْبَىٰ), para ahli tafsir mentafsirkannya dikhususkan kepada Ahlul Bait. Sebagaimana penulis meneliti hadis-hadis yang mentafsirkan maksud ayat itu, bahawa al-Qurbā itu bermaksud Rasulullah S.A.W. dan Ahlul-Bait (Fatimah, ‘Alī, Ḥasan dan Ḥusain).[49] Walaupun ada sebahagian ahli tafsir mempersoalkan tentang ayat di atas itu adalah tergolong ayat makkiyyah iaitu ayat yang turun sebelum Rasulullah S.A.W. hijrah tetapi permasalahanya bahawa peristiwa perkahwinan Fatimah dan ‘Alī selepas selesainya perang Badar. Sehingga akhirnya sebenarnya pendapat yang lebih mendukung adalah pendapat yang pertama.[50]

---

[49] Ibn Kathīr, *op. cit.*, j.4, (2004), 2518. Lihat: Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abd Allāh bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣaḥiḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Surah Ḥā Mīm ‘Āin Sīn Qāf (42), Bāb Qauluh: Illā al-Maudah al-Qurbā, No. 4818,* (al-Kutub al-Sittah, cet.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām), 2000), 411.

[50] *Ibid.*, 2519-2520.

4. Surah Al-Aḥzab 33:56

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا

Surah Al-Aḥzab 33:56

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi Segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad S.A.W.); Wahai orang-orang Yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta Ucapkanlah salam sejahtera Dengan penghormatan Yang sepenuhnya"

Pada ayat di atas, Allah S.W.T. dan para Malaikat berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W., ini bermaksud memberi penghormatan dan kebaikan kepada Rasulullah S.A.W,[51] kemudian Allah S.W.T. menyeru kepada orang-orang yang beriman supaya berselawat kepada Rasulullah S.A.W. Berselawat di sini adalah kepada Rasulullah S.A.W. dan keluarganya (Ahlul-Bait)[52] sebagaimana Rasulullah S.A.W. mengajarkan bagaimana bacaan selawat dalam solat iaitu;

[51]Maksud selawat khusus bagi Allah S.W.T. berselawat kepada Rasulullah adalah bermaksud memberi penghormatan kepada Rasulullah S.A.W., manakala Malaikat berselawat kepada Rasulullah bermaksud memohon keampunan kepada Allah S.W.T. untuk Rasulullah S.A.W. dan Ahlul-Bait. Lihat: Al-Imām al-Tirmidhī, *op. cit*., *Abwāb al-Ṣalāt 'An Rasūl Allāh S.A.W, Bāb Mā Jāa fī Faḍl al-Ṣalāt 'Alā al-Nabiyyi S.A.W* No. 484, (2000), 1692.

[52] Berselawat kepada Rasulullah S.A.W dan Ahlul-Bait dalam solat adalah salah satu rukun dalam solat. Bacaan selawat banyak terdapat dalam hadis Nabi sebagaimana dijelaskan dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. yang dipetik oleh Ibn Kathīr dalam kitab tafsirnya. Lihat: Ibn Kathīr, *op. cit*., j.3, (2004), 2278.

أللهم صلّ على محمدٍ وعلى أل محمد كما صلّيت على أل إبراهيم إنك حميد مجيد، أللهم باركعلى محمدٍ وعلى أل محمدٍ كما بركت على أل إبراهيم إنك حميد مجيد.[53]

Selawat di atas adalah salah satu contoh bacaan selawat kepada Rasulullah S.A.W. dan Ahlul Bait.

Maka daripada ayat ini, para ulama ahli Tafsir dan ahli Hadis telah membuat pentafsiran mengenai Ahlul Bait berdasarkan beberapa hadis yang berkaitan dengan sebab-sebab turunnya ayat tersebut dan penegasan mengenai kelebihan yang dimiliki oleh keluarga Ahlul Bait.

2.2.2 Keistimewaan Menurut Al-Hadis

Berdasarkan hadis juga menjadi sandaran berhubung kedudukan mereka yang telah dimuliakan itu. Antaranya seperti berikut:

1. Hadith riwayat al-Imām al-Tirmizī iaitu:

حدثنا عبد بن حميد:حدّ ثنا عفّان بن مسلم ، حدّ ثنا حماد بن سلمة: حدّ ثنا علي بن زيد عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال: إن رسول الله صلي الله عليه وسلم كان يمر بباب فاطمة رضي الله عنها ستة اشهرِاذا خَرَجَ الى الصَّلَاِة اْلفَجْر يقول: الصلاة يا أهل البيتِ انما يريد الله ليذهب عنكم الرجس أهل البيت ويطهر كم تطهيرا (رواه الترمذى)

[53] Al-Imām al-Bukhārī, *op. cit., Surah al-Aḥzab (33), bāb ayat :56, No. 4797,* 407. (Lihat: Al-Imām al-Tirmidhī, *op.cit., Abwāb al-Ṣalāt ‘An Rasūl Allāh S.A.W., Bāb Mā Jāa fī Faḍl al-Ṣalāt ‘Alā al-Nabiyyi S.A.W No. 483*, 2000), 1691.

Maksudnya:

> "Telah diceritakan kepada kami oleh 'Abd bin Ḥumaid, telah diceritakan kepada kami oleh 'Affān bin Muslim, telah diceritakan kepada kami oleh Ḥammād bin Salamah, telah diceritakan kepada kami oleh 'Alī bin Zaid dari Anas bin Mālik radiyallah 'anhu berkata: bahawa Rasulullah S.A.W. selalu lewat di depan rumah Fatimah radiyallah 'anhā selama enam bulan tatkala Beliau keluar untuk melaksanakan ṣolat subuh (fajar) sambil bersabda: Solat wahai Ahlul Bait "Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu-Wahai "Ahlul Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)".[54]

2. Hadith riwayat al-Imām Muslim

حَدَّ ثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِيْ شَيْبَةَ وَ مُحَمّدُ بْنُ عبد الله بن نمير – واللفظُ لأبِى بكر _ قالا محمَّد بن بِشْرٍ عَنْ زَكَرِيَّاء، عن مصعب بن شيبة، عن صفية بنت شيبة قالت: قالت عائشة: خرج النبي صلى الله عليه وسلم غداة وعليه مرط مرحلٌ من شعرٍ أسود, فجاء الحسن ابن علي فأدخله, ثم جاء الخسين فدخل معه ثم جائت فاطمة فأدخلها ,ثم جاء علي فأدخله ,ثم قال : (إنما يريد الله ليذهب عنكم الجس أهل البيت و يطهركم تطهيرا)

[54] Hadith riwayat al-Tirmdhī atau Al-Imām Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sūrah Ibn Mūsā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī , Abwāb Tafsīr al-Qur'ān, Bāb wa min Sūrah al-Aḥzab No.3206,* (al-Kutub al-Sittah, cet.3, Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000), 1979.

Maksudnya:

> "Telah diceritakan kepada kami oleh Abū Bakr bin Abī Saibah dan Muḥammad bin 'Abd Allah bin Numair – Dan lafaẓ itu dari Abī Bakr – telah berkata keduanya iaitu; Muḥammad bin Bishrin, dari Zakariyyah, dari Muṣ'ab bin Shaibah, dari Ṣofiah binti Shaibah telah berkata; Telah berkata 'Aisah R.A: Nabi S.A.W. telah keluar pada waktu pagi berjalan sambil berselimut dengan kain yang berwarna hitam, lalu telah datang Ḥasan bin 'Alī masuk ke dalam selimut bersamanya, kemudian datang bersamanya Ḥusain bin 'Alī, Fatimah, 'Alī bersama-sama masuk ke dalam selimut bersama Rasulullah S.A.W. Kemudian Rasulullah bersabda dengan firman Allah S.W.T.: (Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu Dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara Yang mencemarkan diri kamu-Wahai "Ahlul Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)".[55]

3. Hadith riwayat al-Imām al-Bukhārī

حدّ ثنى يحيى بن معينٍ وصد قة قالا أخبرنا محمد بن جعفر عن شعبة ، عن
واقد بن محمدٍ ، عن أ بيه، عن ابن عمر رضي الله عنهما قال: قال أبو بكرٍ :
إرقبوا محمدٍ صلّى الله عليه وسلام في أهل بيته

Maksudnya:

> "Telah diceritakan kepada ku Yaḥya bin Mu'īnin wa Ṣadaqah Telah berkata keduanya telah dikhabarkan kepada kami oleh Muḥammad bin Ja'far dari Shu'bah, dari Wāqid bin Muḥammad, dari bapanya, dari Ibn 'Umar R.A. telah

[55] Hadith riwayat Muslim atau Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī al-Ḥasaini Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Fadhāil, Bāb Fadhāil Ahl Bayt al-Nabiyyi S.A.W.,* No. 6261, (al-Kutub al-Sittah, cet.3, Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000), 1104..

berkata: Abū Bakr telah berkata: Jagalah kamu sekalian kepada Muḥammad S.A.W. dalam Ahlul Baitnya ”.[56]

حد ثنا مسد دٌ: حد ثنا المعتمر قال: سمعت أبى قال: حد ثنا أبو عثمان

عن أسامة بن زيد رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلام: أنه

كان يأ خذه والحسن ويقول: أللهم إني أحبهما فأحبهما

Maksudnya:

“Telah dikhabarkan kepada kami oleh Musaddad: telah diceritakan kepada kami oleh Al-Mu‘tamar telah berkata: Aku mendengar dari bapaku telah berkata: telah diceritakan kepada kami oleh Abū ‘Usmān dari Usamah bin Zaid R.A. dari Nabi S.A.W. bahawasanya Beliau telah membawa cucunya Ḥasan dan Beliau bersabda: Ya Allah sesungguhnya Aku sangat menyayangi keduanya (Ḥasan dan Ḥusain), maka sayangilah Ya Allah keduanya itu”.[57]

4. Hadis riwayat al-Imām al-Muslim

حدّ ثنا محمدُ بن بكارِ بن ألرّيان حدّ ثنا حسّان يعنى ابن إبراهيم ’عن

سعيد وهو إبن مسروقٍ، عن يزيد بن حيان، عن زيد بن أرقم قال:

دخلنا عليه فقلنا له: لقد ريت خيرا،لقد صاحبت رسول الله صلى الله

عليه وسلم وصليت خلفه، وساق ألحد يث بنحوٍ حد يث أبي حيان

غير أنه قال: ألا وإنى تارك فيكم ألثقلين: أحدهما كتاب الله(عزّ وجلّ)

هو حبل الله من اتبعه كان على الهدى، ومن تركه كان على الضلالة"

[56] Hadith riwayat al-Imām al-Bukhārī , *op. cit., Kitāb Faḍāil Aṣḥāb al-Nabiyyi S.A.W., Bāb Manāqib al-Ḥasan wa al-Ḥusain Raḍiya Allāh ‘Anhumā, No. 3751*, 305.
[57] *Ibid*., No. 3747, 305.

وفيه : فقلنا: من أهل نيته؟ نساؤه؟ قال: لا، ايم الله! إن المرأة تكون ألرجل العصر من الدهر، ثمّ يطلقها فترجع إلى أبيها وقومها، أهل بيته أصله، وعصبته ألذين حرموا ألصدقة بعده "[58]

Maksudnya:

> "Telah diceritakan kepada kami oleh Muḥammad bin Bakāri bin Al –Riyān telah diceritakan kepada kami oleh Ḥassān iaitu Ibn Ibrāhīm, dari Sa'īd dan dia adalah Ibn Masrūq, dari Zaid bin Ḥayyān, dari Zaid bin Arqam telah berkata: Kami telah masuk kepadanya maka kami berkata kepadanya: Sesungguhnya kamu telah melihat kebaikan, Sesungguhnya kamu telah menemani Rasulullah S.A.W. dan kamu telah solat dibelakangnya, dan apakah hadis itu telah memperkuat hadis yang seperti hadis Abī Ḥayyān lainnya. Bahawasanya Rasulullah telah bersabda: Ingatlah sesungguhnya Aku telah meninggalkan dua perkara yang sangat berat kepada mu iaitu salah satunya adalah Kitab Allah yang maha Agung dan maha Mulia iaitu tali agama Allah. Barang siapa yang mengikutinya maka dia telah mendapat petunjuknya dan barang siapa meninggalkannya maka dia telah tersesat, dan kepadanya kami bertanya siapa Ahlul-Baitnya? Anak perempuannya? Beliau bersabda tidak, Aku bersumpah kepada Allah!. Sesungguhnya perempuan itu ada dalam penguasaan seorang lelaki sepanjang masa, kemudian dia boleh mentalaknya, maka seorang perempuan itu dikembalikan kepada bapanya dan kaumnya, Ahlul-Bait asalnya, dan keturunannya adalah orang-orang yang haram menerima sedekah (zakat) sesudahnya.[59]

---

[58] Sebenarnya banyak hadis yang menjelaskan tentang keistimewaan Ahlul-Bait yang diriwayatkan oleh al-Imām Muslim, dan penulis memetik salah satu hadis yang menjelaskan tentang keistimewaan Ahlul-Bait yang telah diriwayatkan oleh al-Imām Muslim. (Lihat: Al-Imām Muslim, *op. cit*., *Kitāb al-Fadhāil, Bāb Fadhāil 'Alī bin Abī Ṭālib Radhiyallah 'Anhu, No. 6228,* 2000), 1102.

[59] Keterangan tentang keutamaan keluarga Rasulullah S.A.W. adalah setiap kali umat Islam ketika menunaikan solat lima waktu atau solat sunnat selalu membaca selawat ke atas Rasulullah S.A.W. dan

5. Hadith riwayat al-Imām al-Tirmidhī

حد ثنا قتيبه: حد ثنا حاتم بن إسماعيل عن بكير بن مسمارٍ (هو مدني ثقة) عن عامر بن سعد بن أبي وقاص، عن أبيه قال: لما نزلت هذه الأية (تَعَالَوْاْ نَدْعُ أَبْنَآءَنَا وَأَبْنَآءَكُمْ وَنِسَآءَنَا وَنِسَآءَكُمْ وَأَنفُسَنَا وَأَنفُسَكُمْ) ألأية (61) دعا رسول الله صلى الله عليه وسلام عليا وفاطمة وحسنا وحسينا، فقال : أللهم هؤ لاء أهلي"[60]

Maksudnya:

> "Telah diceritakan kepada kami oleh Qutaibah: telah diceritakan kepada kami oleh Ḥātim bin Ismā'īl dari Bukairi bin Mismārin (Dia adalah sahabat madinah yang terkuat) dari 'Amit bin Sa'd bin Abī Waqāṣ, dari bapanya telah berkata: tatkala turunnya ayat ini : (Marilah kita menyeru anak-anak Kami serta anak-anak kamu, dan perempuan-perempuan Kami serta perempuan-perempuan kamu, dan diri Kami serta diri kamu) (ayat 61). Rasulullah S.A.W. mengajak 'Alī, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusain, kemudian Beliau berdoa: Ya Allah mereka ini adalah keluarga ku.

Menurut pandangan keturunan sufi di kalangan masyarakat Sunni bahawa Ahlul Bait itu terdiri daripada anggota keluarga Muḥammad Rasulullah S.A.W. yang telah dijelaskan dalam Hadis tentang keluarga yang haram menerima zakat seperti; keluarga

---

keluarganya (Ahlul Bait) bahkan salah satu daripada rukun dalam solat, demikian juga kepada keluraga Rasulullah S.A.W. diharamkan untuk menerima sedekah atau zakat. Lihat: 'Abd al-Muhsin bin Hamd al-'Abad al-badr, *Fadil Ahl al-Bayt wa 'Uluwwu Makanatihim 'Inda Ahl al-Sunnah wa al-Jma'ah,* (c.1, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah Ithna' al-nashar, 1424 H) 29.

[60] Hadith ini menjelaskan tentang peristiwa mubahalah antara rahib Nasrani yang datang bertemu Rasulullah untuk mencabar baginda tentang kerasulan baginda. Sehingga cabaran itu diterima oleh Rasulullah untuk membuktikan kerasulannya itu dan ketika peristiwa mubahalah itu Rasulullah mengajak puterinya Fatimah al-zahrah dan kedua cucunya Hasan dan Husain. Jadi peristiwa ini adalah salah satu bukti keistimewaan dan kemuliaan bagi keluarga Ahlul Bait. Lihat: Al-Imām al-Tirmidhī, *op. cit., Abwā Tafsīr al-Qur'ān, Bāb wa min Sūrah Āli 'Imrān No. 2999*, (2000), 1953.

‘Ali dan Fatimah berserta putera-putera mereka (Hasan dan Husain) dan keturunan mereka, keluarga ‘Abbas ibn Abd al-Muṭalib dan keluarga-keluarga Ja’far dan ‘Aqil yang bersama ‘Ali merupakan putera-putera Abi Talib.[61] Bahawa pendapat keturunan sufi itu berdasarkan Hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan tentang haram menerima zakat bagi Rasulullah S.A.W., keluarganya, Bani Hashim, Bani al-Muṭalib.[62]

Salah seorang anak Rasulullah S.A.W. yang menjadi keturunan atau zuriat Baginda adalah Fatimah binti Muḥammad iaitu dari isteri Baginda yang pertama Khadijah binti Khuwailid. Beliau adalah seorang isteri Rasulullah yang paling dermawan dan banyak menghabiskan hartanya untuk perjuangan Rasulullah dalam berdakwah. Oleh sebab itu, Rasulullah S.A.W. sangat sayang kepada saidatina Khadhijah dan puterinya Fatimah. Fatimah disifatkan oleh Rasulullah S.A.W. adalah sebagai wanita yang terbaik di muka bumi dan di antara salah seorang yang dijamin memasuki syurga Allah paling awal.

Berdasarkan wasiat Rasulullah S.A.W. kepada umat Islam, Baginda meninggalkan hanya dua perkara (al-Saqalain) selepas kewafatannya iaitu: Kitabullah (al-Quran) dan Ahlul Bait.[63] Bersaksikan wasiat itu, kewujudan keturunan Ahlul Bait sehingga hari ini mereka sentiasa meneruskan kesinambungan perjuangan penyebaran dakwah yang di asaskan oleh Rasulullah S.A.W. sehingga hari kiamat.

---

[61] Abdullah Yusof**,** *op. cit*., (t.t.), 2.

[62] Al-Imam Muslim, *op. cit., Kitāb al-Zakāh, Bāb Taḥrīm al-Zakāh ‘Alā Rasūl Allah Ṣalla Allah ‘Alaihi wa Sallam wa ‘Alā Īlihi wa Hum Banū Hāshim wa Banū al-Muṭalib Dūna Gairihim, No 2473-2482*, (2000), 838-849.

[63] *Ibid., Kitāb Fadhāil al-Ṣaḥābah, Bāb Min Fadhāil ‘Alī bin Abī Ṭalib, Radhiyallah ‘Anhu, No. 6228*,1102.

2.3 SALASILAH KETURUNAN SYED

Dalam salasilah, terdapat ilmu khusus yang membahaskan tentang ilmu nasab atau ilmu salasilah yang menunjukkan garis keturunan atau susur galur[64] seseorang individu sama ada berasal dari keturunan Bangsawan, Ratu, Raden, Raja atau Rasulullah S.A.W. Hal ini sangat penting bagi seseorang yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. keturunan yang mulia, kerana mereka perlu menjaga anugerah tersebut sebagai amanah. Sebagaimana para Wali atau Ulama, lebih-lebih lagi mereka yang berketurunan Ahlul Bait, maka segala keturunannya haruslah dijaga agar kemuliaan salasilahnya di sisi masyarakat tidak dicemari dan anak cucu keturunan mereka mengetahui dari mana susur galur asalnya.[65] Sebagaimana Allah S.W.T. memberi isyarat kepada manusia supaya mengenali diri dan keturunannya melalui FirmanNya iaitu:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَـٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَـٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ ۚ
لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Surah al-Ḥujurāt 49: 13

Maksudnya:

> "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami

---

[64] Selain daripada menuntut ilmu keagamaan sebagai tumpuan utama masyarakat Arab Hadramaut dalam aktiviti harian mereka, penjagaan susur galur keturunan (geneologi) nenek moyang mereka juga sangat penting. Ia satu aktiviti yang dilakukan sebagai usaha mengekalkan darah keturunan mereka yang didakwa berasal dari keturunan Ahlul-Bayt Rasulullah S.A.W. Kewujudan kitab-kitab mengenai geneologi adalah perkara yang biasa berlaku bagi kalangan mereka yang berketurunan Sayyid. Sehingga hari ini, antara individu tersohor yang terlibat dalam pembukuan ahli Ahlul-Bayt ini ialah sejarawan terkenal, Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad. Lihat R. B Serjeant, "Materials for South Arabian History: Notes on New MSS From Hadhramaut", *Bulletin of The School Of Oriental And African Studies,* (Vol. 13 No. 2, 1950), 283-284.

[65] Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assagaff, Jakarta Indonesia, "Seminar Membahas Ilmu Dasar Nasab Salasilah Keluarga Rasulullah Muhammad S.A.W." (kertas kerja ini di bentangkan di Kuala Lumpur, 31 Mei 2008), 1.

telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)"

Begitu juga Rasulullah S.A.W. memerintahkan kepada umat Islam untuk mempelajari ilmu nasab agar mereka mengetahui keturunannya dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama keluarga, Sabda Rasulullah S.A.W. iaitu:

حدّ ثنا أحمد بن محمد : أخبرنا عبد ألله بن المبارك عن عبد الملك بن عيس ألثقفيّ ، عن يزيد مولى ألمنبعث، عن أبى هريرة عن ألنبي صلى الله عليه و سلّم قال: تعلموا من أنسابكم ما تصلون به أرحمكم فإن صلة الرحم محبّة فى الأهل مثرة فى المال منسأة فى الأثر

Maksudnya:

"Telah diceritakan kepada kami oleh Aḥmad bin Muḥammad, Telah mengkhabarkan kepada kami 'Abd Allah bin al-Mubārak dari 'Abd al-Malik bin 'Īsa al-Thaqafī, dari Yazīd Maulā al-Munba'ithi, dari Abū Hurairah daripada Nabi S.A.W. bersabda: Pelajarilah oleh mu tentang nasab-nasabmu agar terjalin dengan jalinan persaudaraan di antara kamu. Sesungguhnya menjalin tali persaudaraan akan terjalin kasih sayang antara keluarga, menambah rezeki (harta), dan memanjangkan umur.[66]

[66] Hadith riwayat al-Imām al-Tirmidhī, *op. cit., Abwāb al-Birri W al-Ṣllah, Bāb Mā Jāa Fī Ta'līm al-Nasab, No. 1978,* (2000), 1850.

Dengan perintah dari Rasulullah S.A.W. di atas, bahawa ilmu nasab itu sangat penting dalam syariat Islam. Kerana ilmu nasab dapat mengetahui nasab Rasulullah S.A.W., mengetahui nasab para Imam (pemimpin), saling mengetahui antara satu sama lain sehingga seseorang tidak menisbahkan kepada selain daripada ayahnya atau datuknya.[67] Di samping itu, ilmu nasab sangat menentukan hukum-hakam baik dalam masalah pernikahan (perwaliannya), pusaka mempusakai (pembahagian pusaka), perwakafan dan lain-lain yang berkaitan dengan hukum syarak.[68]

Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah al-Saggaff menjelaskan tentang pengelompokan status nasab yang telah ditetapkan oleh Rabithah Alawiyyah dan bahagian yang dikhususkan untuk melakukan pendataan terhadap keluarga Alawiyyin adalah Maktab Daimi.[69] Pengumpulan status nasab tersebut telah dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu:[70]

- ***Ṣaḥiḥun Nasab*** iaitu; setatus nasab seseorang yang setelah melakukan penelitian dan penyemakkan serta penyelidikan ternyata sesuai dengan buku rujukan. Maka seseorang itu berhak untuk mendapatkan buku dan datanya dimasukkan ke dalam buku induk.
- ***Masyhurun Nasab*** iaitu; status nasab yang diakui akan kebenarannya namun tidak terdapat pada buku rujukan yang ada. Mereka yang bersangkutan tidak boleh dimasukkan dalam buku induk. Jadi kebenaran nasabnya berdasarkan keterangan daripada kalangan diri sendiri dan di asaskan oleh beberapa rujukan yang diakui oleh ahli-ahli salasilah terdahulu dan ditambah oleh beberapa orang yang memang diakui keperibadiannya pada masa itu.

---

[67] Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assagaff, *op. cit*., 2-3.
[68] *Ibid*., 3-4.
[69] Maktab Daimi dibina pada tahun 1931, dan telah melakukan pendataan keluarga Alawiyyin yang pertama di sebahagian wilayah Indonesia. Pendataan yang pertama dapat mengumpul jumlah Alawiyyin sebanyak 17.027 orang, dengan lokasi pendataan terdiri daripada 133 daerah dan 6 Negeri iaitu; Jawa Barat, Jawa Tengah, Jawa Timur, Bali, Sumatera dan Sulawesi. (Lihat: Akhbar Rabithah, Edisi Kesepuluh /Dzulhijjah 1429H/Desember 2008), 29.
[70] Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assagaff, *op. cit*., 4-5.

- ***Majhulun Nasab*** iaitu; status nasab seseorang setelah dilakukan penyemakkan atau penyelidikan ternyata tidak diperolehi jalur nasabnya. Ada beberapa kemungkinan tentang kejahilan tersebut di antaranya: kerana tidak mengetahui nasabnya, kebodohan, kurangnya pengetahuan mengenai nasab atau ada niat untuk memalsukan nasab.
- ***Maskukun Nasab*** iaitu; status nasab seseorang yang diragukan kebenarannya kerana di dalam susunannya terjadi kesalahan atau terlompat beberapa nama.
- ***Mardudun Nasab*** iaitu; status nasab seseorang yang dengan sengaja melakukan pemalsuan nasab iaitu mencantumkan nama yang tidak memiliki hubungan dengan susur galur nasab yang ada.
- ***Taḥta al- Baḥas*** iaitu; status nasab seseorang yang terjadi kesalahan dalam susunan namanya. Hal ini banyak penyebabnya kerana seseorang itu ditinggal oleh orang tuanya sejak masih kecil atau kehilangan komunikasi dengan keluarganya atau juga kesalahan dalam penulisan urutan namanya. Status nasabnya boleh terjadi seperti status di atas jadi sesuai dengan hasil penyelidikannya.
- ***Maṭ'ūnun Nasab*** iaitu; status nasab seseorang tertolak kerana ia bersangkutan dengan kelahirannya dari hasil perkahwinan di luar Syariat Islam.[71]

Seterusnya, sebelum dibina Maktab Daimi Rabithah Alawiyyah di Indonesia, di mana pendataan atau penulisan nasab secara sistematik dimulai pada zaman Al-Imam Al-Qutb 'Umar Al-Muḥdhar Al-Akbar bin Al-Imam Al-Qutb As-Syech 'Abd al-Raḥman Asseggaff yang wafat pada tahun 833H di Tarim. Beliau mendirikan satu lembaga yang bernama "Naqobatul Asyraf". Lembaga ini berfungsi mencatat nasab

[71] Penjelasan ilmu nasab yang sangat luas ini bertujuan untuk menjaga keturunan keluarga Syed. Dengan ilmu nasab ini ia dapat membezakan di antara keluarga yang berasal daripada keturunan Syed dan yang bukan daripadanya. Melalui ilmu nasab ini, keluarga Syed benar-benar terjaga dan boleh dipertanggung jawabkan kesahihannya hingga sekarang.

keluarga Alawiyyin dan juga sebagai lembaga penjaga kemuliaan dan martabat keluarga besar Alawiyyin.[72]

Setelah Al-Imam Al-Qutb meninggal dunia, tugas pencatatan nasab Alawiyyin itu diteruskan oleh anak saudaranya iaitu; Al-Imam Al-Qutb As Syekh Ali bin Abu Bakar Assakran. Catatan beliau mengenai nasab salasilah Alawiyyin itu terkumpul dalam kitabnya Al-Jawāhir Al-Thāniah fī Nisbāḥ Al-Itratī Al-Ḥusainiyyah. Kemudian beliau meninggal dunia pada tahun 895 H, tetapi kerja pencatatan nasab itu sentiasa berjalan dari masa ke semasa hingga pada masa Al-'Alamah Ṣoḥib al-Fatwa al-Naṣabah Mufti Hadramaut iaitu; Al-Ḥabib 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Ḥusin al-Masyhur Syihabuddin membuat kitab nasab yang bertajuk "Syamsu al-Ẓahirah" yang terdiri daripada 7 juz yang tersusun rapi ditulis oleh Syekh Salman bin Sa'id Baghaust dan penulisannya selesai pada tahun 1340H-1341H. Kitab ini mengandungi salasilah Alawiyyin dari tahun 318H hingga 1307H.[73]

Setelah kitab Syamsu al-Ẓahirah telah selesai diterbitkan, Al Walid Al Habib Ali bin Ja'far bin Syeikh Al-Fargas Al-Ahmad Maulamaryamah Asseggaff melanjutkan penulisan nasabnya dengan merujuk kepada kitab itu. Beliau lahir di Palembang Sumatera pada tahun 1307H/1889M bersama-sama Sayid Alwi bin Thahir al-Haddad dan Sayid Syeikh bin Ahmad bin Shahab merintis membina Maktab Daimi ini dan mereka melakukan pendataan keluarga Alawiyyin sejak tahun 1931 hingga 1937. Kemudian tugas mereka dilanjutkan oleh tokoh-tokoh Alawiyyin yang mengambil alih tanggungjawab pengurusan Maktab Daimi Rabithah Alawiyyah dan cawangan Rabithah Alawiyyin di daerah-daerah di wilayah Indonesia.[74]

---

[72] Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assagaff , *op. cit*., 6.
[73] *Ibid.*,
[74] Akhbar Rabithah, (Edisi Kesepuluh /Dzulhijjah 1429H/Desember 2008), 29.

Selanjutnya, bilangan kitab nasab yang berjaya dihasilkan sehingga sekarang dan berada di Maktab Daimi sudah terdapat 16 buah jilid dan bermula daripada jilid yang pertama dengan isinya keluarga Al-Alaydrus hingga jilid yang ke enambelas (16) dengan isi kandungannya terdiri daripada keluarga Ba Syaiban. Jadi berdasarkan buku nasab itu, nama keluarga Alawiyyin hingga sekarang dari keturunan Sayyidina Al-Hussain R. A. berjumlah 149 nama keluarga dan keluarga masing-masing terkumpul dalam buku yang mempunyai juz yang berbeza-beza. Sedangkan dari keturunan Sayyidina Al-Hasan R.A. yang terkumpul hanya 13 nama keluarga.[75]

Kemudian keluarga Alawiyyin (Syed) di Malaysia juga menubuhkankan sebuah Yayasan yang bernama: "Yayasan Assadah"[76] pada 3 April 2005. Yayasan ini didirikan oleh beberapa keluraga Syed yang terpanggil untuk mempertemukan dan mendatakan keluarga Alawiyyin yang berada di Malaysia. Assadah juga menjalinkan kerjasama dengan Maktab Daimi Rabithah Alawiyyah yang terdapat di Jakarta untuk mengumpulkan data dan mencatatkan nasab salasilah keluarga Alawiyyin.[77]

Keluarga Alawiyyan sudah tersebar dan menetap sebagai penduduk tempatan di Malaysia yang berada di seluruh wilayah semenanjung Malaysia. Keluarga Alawiyyin itu terdiri daripada beberapa nama gelaran seperti; keluarga Assagaf, keluarga Al-Habsyi, keluarga Al-Athas, keluarga Al-Jufri dan lain-lainnya. Sebagai contoh:[78]

1. Keluarga **Assagaf** (Al-Saqāf) yang berada di Malaysia itu berasal daripada Hadramaut dan merupakan yang pertama memakai gelaran Al-Saqāf dan sebagai nenek

---

[75] Data ini terdapat di Maktab Daimi yang dirujuk oleh Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assegaff *Ibid*., lampiran pada kertas kerjanya.

[76] Yayasan ini diuruskan oleh Assadah Family Network sebuah Syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Keseluruhan pendapatan Assadah Family Network, sama ada dari perniagaan atau sumbangan akan digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti Majlis Keluarga Assadah.

[77] Sayid Muhammad Al-Sofi Al-Jufri, (Setiausaha dan Penyelidik, Institut Silsilah Assadah, di Rumahnya di Gombak), dalam temubual dengan penulis, 1 Mei 2009.

[78] Salasilah ini bersumber dari Maktab Daimi Rabithah Alawiyyah.

moyangnya keluarga Assagaf (Al-Saqāf) adalah ‘Abd al-Raḥman Al-Saqāf. Beliau berketurunan yang ke 21 daripada keluarga Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. Salasilahnya adalah: ‘Abd al-Raḥman al-Saqāf- Muḥammad Maulā al-Dawīlah- ‘Alī- ‘Alawī al-Gayūr- Muḥammad al-Faqīh al-Muqaddam- ‘Alī Wālid al-Faqīh- Muḥammad Ṣāḥib Marbāṭ- ‘Alī Khāsi‘ Qasim- ‘Alawī- Muḥammad- ‘Alwī- ‘Ubaid Allah- Aḥmad al-Muhājir- ‘Īsā al-Naqīb- Muḥammad Jamāl al-Dīn- ‘Alī al-‘Arīdhī- Ja‘far al-Ṣādiq- Muḥammad al-Bāqir- ‘Alī Zain al-‘Ābidīn- Ḥusain al-Sabṭi- Fāṭimah al-Zahrah- Muḥammad S.A.W.

2. Manakala keluarga **Al-Ḥabsyi** (Al-Ḥabsyī) yang berada dan menetap di Malaysia ini juga berasal daripada Hadramaut dan yang pertama memakai gelaran Al-Habsyi dan sebagai datuknya keluarga Al-Ḥabsyi adalah Abū Bakar al-Ḥabsyī. Beliau berketurunan yang ke 23 daripada keluarga Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. Salasilahnya adalah: Abū Bakar Al-Ḥabsyi-‘Alī al-Faqīh- Aḥmad- Muḥammad Asad Allah- Ḥasab al-Turābī- ‘Alī bin al-Faqīh- Muḥammad al-Faqīh al-Muqaddam- ‘Alī Wālid al-Faqīh- Muḥammad Ṣāḥib Marbāṭ- ‘Alī Khāsi‘ Qasim- ‘Alawī- Muḥammad- ‘Alwī- ‘Ubaid Allah- Aḥmad al-Muhājir- ‘Īsā al-Naqīb- Muḥammad Jamāl al-Dīn- ‘Alī al-‘Arīdhī- Ja‘far al-Ṣādiq- Muḥammad al-Bāqir- ‘Alī Zain al-‘Ābidīn- Ḥusain al-Sabṭi- Fāṭimah al-Zahrah- Muḥammad S.A.W.

3. Adapun keluarga **Al-‘Aṭās** yang telah bermukim dan menjadi warga negara Malaysia berasal dari Hadramaut dan yang pertama kali memakai gelaran al- ‘Aṭās adalah: ‘Abd al-Raḥman al-‘Aṭās. Beliau berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. yang ke 27. Salasilah beliau adalah: Abd al-Raḥman al-Aṭās- ‘Aqīl- Sālim- ‘Abd Allah- ‘Abd al-Raḥman- ‘Abd Allah-‘Abd al-Raḥman al-Saqāf- Muḥammad Maulā al-Dawīlah- ‘Alī- ‘Alawī al-Gayūr- Muḥammad al-Faqīh al-Muqaddam- ‘Alī Wālid al-Faqīh- Muḥammad Ṣāḥib Marbāṭ- ‘Alī Khāsi‘ Qasim- ‘Alawī- Muḥammad- ‘Alwī- ‘Ubaid Allah- Aḥmad al-Muhājir- ‘Īsā al-Naqīb- Muḥammad Jamāl al-Dīn- ‘Alī al-‘Arīdhī-

Ja‘far al-Ṣādiq- Muḥammad al-Bāqir- ‘Alī Zain al-‘Ābidīn- Ḥusain al-Sabṭi- Fāṭimah al-Zahrah- Muḥammad S.A.W.

2.4 SEJARAH KETURUNAN SYED

2.4.1 Golongan Syed Di Hadramaut

Kemunculan nama Hadramaut telah ditafsirkan oleh pelbagai pandangan, antaranya berasal daripada nama seorang raja dari Himyar yang mana keturunannya ialah seorang sahabat bernama Sayyidina Wail ibn Hujur al-Hadhromi, seorang raja yang datang ke Madinah untuk memeluk agama Islam. Menurut setengah Ahli sejarah Yaman, Hadramaut berasal daripada nama seorang keturunan Nabi Nuh A.S. yang ke 6 bernama Qathan ibn Abir ibn Ṣoleh ibn Arfashad ibn Sam ibn Nuh A.S.[79] Pengertian lain dari pandangan penduduk asal, Hadramaut adalah panas membakar kerana negeri ini ialah negeri yang sangat panas. Adapun kedudukan geografinya, Hadramaut suatu daerah yang terletak di Timur Tengah dan merupakan lembah yang terdapat pohon-pohon tamar di dalamnya serta dikelilingi padang pasir yang luas. Kedudukannya tidak jauh dari persisiran Laut Merah dan merupakan sebuah negeri di Selatan Semenanjung Arab[80] di mana kawasannya merangkumi seluruh pantai Arab Selatan, bermula dengan Aden hingga Tanjung Ras al-Hadd berkeluasan 60,000 km persegi serta memiliki tiga wilayah utama iaitu dataran tinggi, kawasan wadi dan persisiran pantai. 90 peratus daripadanya diliputi gunung-ganang dan gunung al-‘Arsyah merupakan gunung yang tertinggi.[81] Iklimnya terbahagi kepada musim hujan, musim panas dan musim dingin.

---

[79] Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Linggi, *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut Yaman,* (cet.1, Selangor, Petaling Jaya, Kota Damansara: Arm Networks And Comunications Sdn. Bhd, 2008), 14.
[80] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang*, (cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984), 3.
[81] L.W.C. van den BERG, *Hadramaut Dan Koloni Arab Di Nusantara,* (Pent. Rahayu Hidayat, Jil.3, Jakarta: INIS, 1989), 7.

Masyarakat Hadrami juga terkenal sebagai ahli-ahli perniagaan terutama di persisiran pantai timur Semenanjung Arab dan Teluk Parsi yang meliputi beberapa buah pusat perdagangan penting seperti Sifar, Kisah dan Ubullah.[82] Di Hadramaut, ramai tokoh-tokoh agama dan cendekiawan Syed antaranya al-Qutb 'Umar b. Abdul al-Rahman al-Attas, Syeikh 'Ali b. Abdullah Baras, al-Faqih al-Muqaddam dan lain-lain dikatakan mereka mempunyai kekuasaan luar biasa seperti boleh memecah batu-batu besar, menyembuh penyakit ganjil dan sebagainya.[83] Terdapat lebih 10,000 makam wali, dan 80 daripadanya dianggap yang termulia kerana bersemadinya alim ulama yang terbesar (qutb) antaranya ialah al-Qutb al-Faqih al-Muqaddam, pengasas Tariqah 'Alawiyyah.[84] Perkara tersebut menjadi tarikan untuk keluarga Syed berada di sana. Selepas kejatuhan Baghdad tahun 1258, pusat perdagangan Arab berpindah ke Aden.[85] Akibat daripada itu ramai orang Arab bukan sahaja peniaga tetapi termasuk tokoh agama dari Hadramaut berhijrah ke Timur Jauh atau ke Tanah Melayu.[86] Sebab-sebab penghijrahan orang Syed ke Tanah Melayu selain daripada faktor agama dan politik[87] yang tidak stabil di Hadramaut adalah untuk berniaga, menurut J.A.E Morley, yang menyokong pendapat W.H. Ingrams. Manakala W. Roff berlandaskan Van de Berg mengatakan kerana mencari rezeki serta dorongan oleh wujudnya perhubungan laut yang semakin baik antara Timur Tengah dengan Tanah Melayu.[88]

Nenek moyang keturunan Syed di Hadramaut[89] menurut sejarah adalah seorang yang bernama Ahmad bin Isa yang juga bergelar al-Muhajir dari Basrah, Iraq.[90] Beliau

---

[82] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang op.cit.*, (1984), 21.
[83] *Ibid*., 16.
[84] L.W.C. van den BERG, *op. cit.*, 16.
[85] Aden merupakan jambatan penting yang menghubungkan Tanah Arab dengan negeri-negeri di sebelah timur menerusi kapal-kapal perniagaan, kegemilannya diakui oleh ahli pelayaran Marco Polo (1294) dan Ibnu Batuttah (1325-1355).
[86] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang op. cit*.,(1984) 22.
[87] Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu, op.cit,* (1998), 10.
[88] *Ibid*., 161.
[89]Makna lain bagi **Hadramaut** juga berasal daripada Nabi Ṣoleh A.S. Setelah Allah S.W.T. menghancurkan kaum Thamud, Nabi Ṣoleh pergi berlayar dan akhirnya sampai ke sebuah negeri.

dilahirkan di Basrah, Iraq. Dan dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang amat mulia.[91] Keturunan Ahmad al Muhajir adalah sebagai berikut: bin Isa bin Muhammad an-Naqib bin Ali al-Uraidi bin Ja'far as-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin Ali Zainal al-Abidin bin Husain bin Fatimah al-Zahra binti Rasulullah S.A.W.[92]

Imam Ahmad bin Isa merupakan seorang yang alim, 'amil (mengamalkan ilmunya), kehidupannya bersih dan wara'. Allah S.W.T. mengurniakan dua ilmu sekaligus kepadanya iaitu ilmu tentang perkara zahir dan ilmu tentang perkara ghaib. Di

---

Apabila tiba sahaja di sana, ajalnya tiba lalu negeri tersebut dinamakan dengan negeri Hadramaut. Sebuah legenda yang dipercayai oleh masyarakat Hadramaut dahulu tentang mengapa negeri ini dinamakan Hadramaut kerana dalam negeri itu terdapat sebuah pohon yang disebut ***al-Liban*** sejenis pohon yang baunya menurut kepercayaan mereka sangat mematikan. Oleh sebab itu, setiap orang yang datang (ḥadar) dan menciumnya akan mati (maut). Lihat Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Linggi, *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut Yaman,* (cet.1, Selangor, Petaling Jaya, Kota Damansara: Arm Networks And Comunications Sdn. Bhd, 2008), 14. Lihat: Natalie Mobini-Kesheh, *The Hadrami Awakening Comunity and Identity in the Netherlands East Indies,* (New York- Ithaca Cornel University: Southeast Asia Program Publications, 1999), 17. **Hadramaut** juga ditulis dengan pelbagai ejaan yang berbeza-beza. Mengikut bahasa Arab, ia dieja sebagai Hadramawt atau Ha'dhramot. Jika mengikut bahasa Latin, ianya dieja sebagai Hadramaut atau Hadhramot atau Hadramawt. Menurut Bible, ia dipanggil Hazarmaveth. Lihat Syed Hassan bin Muhammad al-'Attas, *Nota Kembara Seorang 'Abid, Sekelumit Riwayat Habib Muhammad bin Salem Al-'Attas dan Tebaran Anak Hadhrami,* (Singapura: Masjid Ba'Alawi, 2010), 82. Bagi masyarakat Arab, mereka mengklasifikasikan Hadhramaut hanyalah sebahagian kecil daripada Arab Selatan iaitu kawasan pantai antara desa-desa nelayan Ain Bama'bad dan Saihut daerah pergunungan yang terletak di belakangnya. Pergunungannya terbentuk daripada batu dan membentuk pandangan yang gersang, geografi seumpama ini menjadikan hidupnya hanyalah terdiri daripada padang rumput yang luas, dan hutan kecil pohon sibr serta pohon berduri (terdiri dua jenis iaitu pohon *salam* dan *is*) ada pula pokok yang disebut kayunya menyerupai akasia, yang dinakan *musyt*. L.W.C. van den BERG, *Hadhramaut dan Koloni Arab di Nusantara,* (Jil. 3. Jakarta : INIS,1989), 7. Hadramaut juga memilki persisiran pantai yang dapat menjana pendapatan eksport penduduk melalui sektor perikanan dan perusahaan tembakau. Kawasan ini juga memiliki bahagian pendalaman yang menjual ikan kering, madu, kayu bakar dan makanan ternakan. Dua pelabuhan yang terdapat di Bandar ini, Mukalla dan al-Shihir yang menjadi tempat tumpuan para pedagang di antara masyarakat tempatan dan luar. Christian Lekon, *"The Impact of Remittances on the Economy of Hadramaut, 1914-1967,"* dalam U. Frietag, et. al., ed., *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750S-1960S,* (Leiden: E.J. Brill), 267. Musim hujan berlaku permulaan Oktober hingga akhir Februari. Dalam tempoh tersebut hujan lebat berlaku hanya empat kali sahaja, adakalanya disertai angin ribut dan berlanjutan selama lima hingga enam jam. Musim panas di Hadramaut, cuacanya sangat panas. Menurut L.W.C. van den BERG yang membandingkan bahawa ia jauh lebih panas daripada cuaca di Batavia (Indonesia) sehingga penduduknya tidak mampu untuk melakukan perjalanan di siang hari terutamanya di padang pasir. Manakala musim dinginnya pula cuacanya bertukar menjadi sangat sejuk sehingga permukaan airnya di lapisi ais nipis pada waktu malam. Pada musim diging, dedaun mongering dan gunung-gunung yang tinggi diselimuti dengan salji. Manakala iklimnya tidak mengganggu kesihatan malah udaranya bersih. L.W.C. van den BERG, *op.cit,* 11.

[90] Muhammad Hasan al-Aydrus, *Peyebaran Islam Di Asia Tenggara, Asyraf Hadramaut Dan Peranannya,* (Pent. Ali Yahya), (Jakarta: P.T. Lentera Basritama, 1996), 11. Lihat, L.W.C. van den BERG, *Hadramaut Dan Koloni Arab Di Nusantara,* (Pent. Rahayu Hidayat, j.3, Jakarta: INIS, 1989), 34. Lihat, Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang,* (cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984), 6. Lihat Al-Habib Imam Abdullah.

[91] Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Linggi, *op.cit.*, 34.

[92] L.W.C. van den BERG, *op.cit.*, 34.

Iraq beliau sangat dihormati dan disegani dan kedudukannya dipandang tinggi. Beliau mempunyai kekayaan. Pada tahun 310H, Basrah dilanda kekacauan akibat serangan orang Qaramithah sehingga keamanan di kota itu sudah tidak terjamin.[93] Maka pada tahun 317H, Ahmad al-Muhajir memutuskan untuk berhijrah dari Iraq ke Hijaz. Beliau ditemani oleh isterinya, Syarifah Zainab binti Abdullah bin al-Hasan bin 'Ali al-'Uraidhy, bersama putera bongsunya bernama Abdullah, yang dikenali dengan nama Ubaidillah dan isterinya Ummul Banin binti Muhammad bin Isa bin Muhammad dan cucu beliau yang bernama Ismail dengan gelaran Ibn Ubaidillah juga bersama dua anak lelaki dari bapa saudara beliau dan juga orang-orang yang bukan dari kerabat dekatnya. Rombongan mereka terdiri daripada 70 orang dan beliau membawa sebahagian dari hartanya dan beberapa ekor unta ternakannya. Sedangkan putera-puteranya yang lain ditinggalkan menetap di Iraq.[94]

Imam al-Muhajir pernah tinggal di Madinah al-Munawwarah selama satu tahun. Pada tahun 318H, al-Muhajir berangkat ke Mekah untuk menunaikan haji. Dari Mekah beliau menuju Asir lalu ke Yaman. Di Yaman beliau meninggalkan anak bapa saudaranya yang bernama Sayyid Muhammad bin Sulaiman, datuk kaum Sayyid al-Ahdal. Kemudian al-Muhajir berangkat ke Hadramaut dan menetap di Husaisah.[95]

Di Husaisah, Imam Ahmad al-Muhajir mulai mengajar ilmu Hadis Rasulullah S.A.W. Ramai yang berubah dan kembali kepada sunnah Rasulullah S.A.W. berkat hasil dakwah beliau yang penuh dengan kesabaran dan kegigihannya. Kehadiran beliau di Hadramaut banyak mendatangkan rahmat atas sumbangan yang sangat besar kepada penduduk setempat.[96]

---

[93] Muhammad Hasan al-Aydrus, *op.cit.*, 19.
[94] *Ibid.*, 20.
[95] *Ibid.*, 22.
[96] Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Linggi, *op.cit.*, 36.

Menurut sejarah, pertumbuhan keturunan Alawiyyin telah terbahagi kepada empat peringkat generasi dengan memakai gelaran yang berlainan, iaitu generasi pertama abad ke 9M sehingga 13M (3H-7H) adalah Ahmad al-Muhajir dari keturunan Alawiyyin dengan memakai gelaran al-Imam. Beliau berhijrah ke Hadramaut untuk melakukan pengembangan dakwah dengan menyebarkan fahaman Ahl Sunnah Wal Jemaah dalam aqidahnya dan bidang fiqh dengan bermazhab al-Imam al-Shafii.[97]

Kemudian setelah Al-Muhajir menetap di Hadramaut dan keturunannya berkembang ramai. Di sanalah mereka mula berpengaruh sehingga mereka berjaya mewujudkan sebuah keluarga besar yang dipanggil "Keluarga Syed 'Alawiyyah" (Al Ba Alawi) atau keluarga daripada keturunan 'Ali b. 'Alawi. Kemudian mereka mendakwa berasal daripada nasab Rasulullah melalui keturunan Sayyidina al-Husain.[98] Walaupun sesetengah pihak meragui dakwaan tersebut, namun setelah dibuktikan dengan menghantar suatu perutusan ke Iraq diketuai oleh Abu al-Hasan 'Ali b. Muhammad serta diikuti oleh 100 orang bakal haji yang akan ke Mekah. Tujuan ke Iraq bagi mendapat pengesahan keturunan Syed 'Alawiyyah dari sana, setelah mendapat bukti, mereka terus ke Mekah untuk diperhujahkan. Semua bukti yang dikemukakan itu diperakui kebenaranya yang turut disaksikan oleh para alim ulama di Mekah.[99]

Pada abad ke 13M-17M, generasi yang kedua, Al-Ustaz Al-Adham Muhammad al-Faqih,[100] nama sebenarnya adalah Muḥammad ibn Ali ibn Muḥammad Ṣohib Mirbat ibn Ali Khali' Qosim ibn Alwi ibn Muḥammad ibn 'Alawi ibn Ubaidillah ibn Aḥmad

---

[97] Syed Farid Al-Atas, *Hadhramaut And The Hadrami Diaspora; Problems in Theoretical History*, Ulrike Freitag And William Clarence-Smith, ed. *Hadhrami Traders, Scholars And Statesmen In The Indian Ocean, 1750S-1960S*, (Leiden- New York- Koln: Brill, 1997), 30.
[98] Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu, op.cit.*, (1998), 9.
[99] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang, op.cit.*, (1984), 7.
[100] Beliau adalah seorang ulama yang sufi, zuhud dan wara' mempunyai banyak kelebihan karamah dan ilmu. Beliau juga banyak meriwayatkan ḥadith dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang fikah di dalam mazhab Imam Shafi'i.

al-Muhajir ibn ‘Isa ibn Muḥammad an-Naqib ibn Ali al-‘Uraidhi ibn Ja’far as-Ṣodiq ibn Muhammad al-Baqir ibn Ali Zainal Abidin as-Sajjad ibn Husain ibn Ali ibn Abu Ṭolib[101] dengan gelaran al-Faqih al-Muqaddam[102] sebagai generasi ketiga belas dari Imam Ali memfokuskan pada pengembangan bidang tasawuf. Setelah itu beliau membina tariqa al-Alawiyyin iaitu tariqa yang bermaksud untuk membina garis keturunan Alawiyyin (nasab). Pembentukan tariqa Alawiyyin ini bertujuan untuk menyatukan keturunan Alawiyyin bagi menghadapi situasi perpolitikan di Hadramaut.[103]

Melalui keturunan Al-Ustaz Al-Adham Muhammad al-Faqih ini, antara senarai nama-nama keluarga yang masih hidup sehingga sekarang dan diakui keturunan mereka masih asli, iaitu:[104] Al-Saqqaf, Al-Ba‘aqil, Al-Musyiyykh, Al-Taha, As-Safi, Al-Ba‘umar, Al-Munawwar, Al bin Syihab ad-Din,[105] Al-Hadi, Al-Mashur, Az-Zahir, As-Sulaibiyyah, Al-Mawla ad-Dawilah, Al-Moqaibil, Al-Mawla Khailah, Al-bin Sahil,[106] Al-bin Yahya,[107] Al-Ba‘abud,[108] Al-Hinduan, Al-Mahjub, Al- Abd al-Malik, Al-Hasyim,[109] Al-Sumait, An-Nadir, Al-Tahir, Al-Husain al-Qarah, Al-Haddad, Al-Bafakih, Al-Bafaraj, Al bin Qitban, Al-Bassurrah, Al-Hudaili, Al-Aidid, Al-Junaid,[110] Asy-Syilli, Al-Barum, Al-Muniffir, Al-Hamid,[111] Asy-Syanbal, Al-Basy-Syaiban, Al-Musawa, Al-Bayti,[112] Al-Ismail, Al-Maknun, Al bin Barahim, Al-Basyumailah, Al-

---

[101] Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Linggi, *op.cit.*, 57.
[102] Maksudnya adalah Ulama yang terunggul dan terulung di zamannya.
[103] Syed Farid Al-Attas, *op.cit*., (1997), 31.
[104] Ini adalah hanya sebahagian nama-nama keluarga keturunan Syed yang masih ada sehingga sekarang dan salasilahnya boleh dilihat pada buku nasab yang tersimpan di Maktab Daimi Rabithah di Jakarta Indonesia. Dan nama-nama di atas telah ditulis oleh seorang ahli sejarah daripada Belanda yang aktif menulis tentang keluarga Ahlul Bait yang datang ke Indonesia. Lihat: L.W.C. van den BERG, *op.cit.*, (1989), 35.
[105] Biasanya kata itu selalu dengan sebutan nama kependekan Al bin Shihab.
[106] Ada dua keluarga yang memakai nama itu.
[107] Salah satu cawangan keluarga itu adalah Al bin Aqil bin Yahya.
[108] Ada tiga keluarga yang menyandang nama itu.
[109] Ada dua keluarga yang menyandang nama itu.
[110] Ada dua keluarga yang menyandang nama itu.
[111] Nama itu tidak mengelirukan nama yang telah dijelaskan pada catatan no.14.
[112] Ada dua keluarga yang menyandang nama itu.

Tawil, Al-Aqil bin Salim, Al-Attas, asy-Syaikh Abu Bakr,[113] Al-Haddar, Al Abu Futaim, Al-Mutahhar, Al-Mudir, Al-Marjak, Al-Mudaihil, Al Abu Numai, Al-Fad‘aq, Al-Khird Al-Babaraik, Al-Khunaiman, Al-Bahusain, Al-Ba‘ali, Al-Hut, Al-Gaisah, Al-Hamil, Al-Bar, Al-Kaf, Al-Baraqbah atau Barqabah, Al-Jufri, Al-Bid, Al-Bilfaqih, Al-Qadri, Al as-Seri, Al-Baharum, Al-Habsyi, Al asy-Syatiri, Al-Jamal al-Lail, Al-Muhdar.

Keseluruhan keluarga tersebut, sebahagian daripada mereka masih tinggal di Hadramaut walau bagaimanapun ada yang sudah tidak tinggal di sana lagi. Namun keturunan keluarga itu masih wujud sehingga sekarang, walaupun mereka menetap di berbagai-bagai negara. Seperti; keluarga Abd al-Malik yang masih hingga sekarang dan menetap di India dengan sebutan Al Azamat Khan manakala keturunan keluarga al-Qadri sekarang menetap di Pontianak Kalimantan Indonesia.[114]

Pada abad ke 17M-20M, generasi ketiga ulama Alawiyyin lebih dikenali dengan gelaran Habib. Ulama Alawiyyin sudah banyak melakukan perpindahan ke India dan ke Asia Tenggara (kepulauan Nusantara) untuk melakukan penyebaran dakwah Islamiah. Dengan tariqanya yang dibawa oleh Ulama Alawiyyin dalam berdakwah penyebaran Islam di Nusantara khususnya di Indonesia, Islam cepat diterima dan diyakini sebagai agama oleh penduduk tempatan sehingga dalam masa yang singkat sahaja Islam sudah tersebar ke seluruh kepulauan Nusantara.[115]

Kemudian pada abad berikutnya iaitu tahap keempat, ulama Alawiyyin sudah ramai menetap di berbagai negara di dunia bahkan sudah sampai ke Eropah. Sehingga

---

[113] Keluarga itu becawangan dua: Al-Husain dan Al-Hamid.
[114] L.W.C. van den BERG, *op. cit.,* (1989), 36.
[115] *Ibid.,* 31.

gelaran Ulama Alawiyyin sangat dipengaruhi oleh budaya tempatan. Seperti: keturunan Alawiyyin di Mesir dengan gelaran Naqib, di Malaysia dengan gelaran Syed dan di Indonesia dengan gelaran Habib atau Syarif.

2.4.2 Kedatangan Golongan Syed ke Nusantara

Perhubungan di antara dunia Arab dan Alam Nusantara bermula sejak awal lagi bahkan menurut sejarahwan hubungan itu sudah terjalin sejak sebelum Islam muncul di tanah Arab, dalam rangka perdagangan. Orang Arab kaum Saba' dari Arab Selatan yang mempunyai tamadun tinggi serta kepakaran dalam pelayaran telah menguasai perdagangan di Lautan Hindi.[116]

Pada masa itu, mereka belayar ke pelabuhan China untuk tujuan perdagangan dan amalan ini telah dikekalkan dari zaman ke zaman. Oleh sebab kepulauan Nusantara terletak di pertengahan jalan ke negeri China, maka para pedagang Arab yang datang melalui Selat Melaka telah mendirikan penempatan mereka di Alam Melayu sementara menunggu angin monsun bertiup bagi membolehkan kapal-kapal mereka belayar ke negeri China atau kembali ke Jazirah Arab.[117]

Begitu juga, dengan gugusan kepulauan Nusantara yang telah dikenali oleh pedagang Arab sebagai alam yang kaya dengan sumber hasil bumi dan kayu kayan yang menjadi bahan keperluan kepada negara-negara asing dalam perkembangan

[116] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Kesultanan Melayu*, (cet. 2. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) SDN.BHD, 2007), 94.
[117] *Ibid*.,

perniagaan mereka. Gugusan kepulauan Nusantara ini kemudiannya muncul sebagai negara-negara Indonesia, Filipina, Brunei, Pattani dan Malaysia.[118]

Kebanyakan orang Arab yang datang ke Alam Melayu (Nusantara) terdiri daripada penduduk di selatan Semenanjung Arab atau negeri Yaman yang telah lama terlibat dalam perniagaan dengan negara-negara di sebelah Timur. Hubungan mereka dengan orang-orang Arab di Hijaz, khususnya dengan orang Arab Mekah, Madinah dan Jeddah senantiasa erat terutama dalam bidang perniagaan.[119]

Walaupun perniagaan di sebelah laut dikuasai oleh orang Arab Selatan (Yaman) dan sebelah darat dikuasai oleh orang Arab Mekah, namun kedua-dua puak saling bersefahaman dalam menjalankan perniagaan. Barangan yang diperniagakan oleh mereka ketika itu adalah; kayu gaharu, kulit binatang, emas, perak, intan permata, bau-bauan dan rempah-rempah. Barangan ini dibawa dari gugusan kepulauan Melayu.[120]

Pada tahun 610M, setelah Nabi Muhammad S.A.W. diangkat oleh Allah S.W.T. menjadi seorang Rasul. Maka Islam telah mula tersebar daripada Mekah dan pada tahun 630M, Rasulullah S.A.W. mengutuskan para sahabat menyebarkan Islam ke seluruh Jazirah Arab, seperti Mu‘az ibn Jabal diutus untuk berdakwah ke Yaman dan Amr ibn Ash diutus untuk berdakwah dan menaklukki kota Mesir. Begitu juga para sahabat-sahabat lainnya.[121]

Melihat kejayaan Rasulullah S.A.W. dalam penyebaran dakwah Islamiah, para peniaga Arab di semenanjung Arab yang sudah menganut Islam terpanggil untuk

---

[118] Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu*, (cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 3.
[119] *Ibid*., 4.
[120] *Ibid.*, 5.
[121] *Ibid*.,

mengikuti jejak langkah Rasulullah S.A.W. berdakwah menyebarkan agama Islam. Mereka menjalankan urusan perniagaan tersebut sehingga ke Kepulauan Nusantara sambil berdakwah mengajak penduduk tempatan untuk menganut agama Islam.

Kedatangan Islam ke Kepulauan Nusantara bermula pada abad ke lapan atau ke sembilan Masihi. Menurut para sejarawan Islam, terdapat bukti bahawa Islam bermula dengan terdapatnya penempatan orang Arab-Islam di kota-kota pesisir di Kepulauan Nusantara seperti pada tahun 674H iaitu yang terawal di Palembang. Selain itu ada kemungkinan telah wujud fenomena yang sama di Kedah seawal abad 9M.[122]

Menurut *Hikayat Raja-raja Pasai*, Islam telah diperkenalkan dan mula bertapak di Kepulauan Nusantara pada pertengahan abad 13M. Bukti sejarahnya adalah dengan penemuan batu nisan raja Pasai pertama Sultan Malik al-Salih yang telah mangkat pada tahun 1297M. Begitu juga dengan penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303M mengisyaratkan berlakunya Islamisasi yang lebih awal di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu.[123]

Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah merumuskan beberapa faktor tentang kedatangan dan penyebaran Islam di Kepulauan Nusantara iaitu:[124]

- Perdagangan membawa Islam ke Kepulauan ini.
- Perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam iaitu melibatkan pegawai-pegawai, pedagang-pedagang dan shahbandar sehingga membawa kepada penyebaran Islam dan pengislaman di kalangan masyarakat.

---

[122] Siddiq Fadzil, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu,* (cet.1, Bangi Selangor: Penerbit UKM, 1999), 22.
[123] *Ibid.,*
[124] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu,* (cet. 6, Kuala Lumpur: ABIM, 1999), 25.

- Persaingan antara orang-orang Islam dan Kristian, yang mempercepatkan penyebaran Islam, khususnya meliputi abad kelima belas dan ketujuh belas, yang diciptakan sebagai suatu terusan dari Peperangan Salib antara Islam dan agama Kristian.
- Kemudahan serta kepentingan politik yang dianggap sebagai satu motif atau sebab bagi memeluk agama Islam.
- Nilai ideologi Islam dianggap sebagai penghargaan yang terutama bagi memeluknya. dan
- Otoktoni, atau keadaan di mana sesuatu itu dianggap telah sedia ada, sejak purbakala, sebagai kepunyaan atau sifat kebudayaan sesuatu masyarakat. Di sini faktor otoktoni itu dikenakan kepada ilmu tasawuf Islam yang kononnya serupa kandungannya dengan kepercayaan yang telah sedia ada sejak purbakala. Inilah antara penyebab yang memudahkan penerimaan agama Islam itu di kalangan masyarakat.

Kedatangan Sayyid Alawiyyah ke rantau Asia Tenggara adalah secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat pertama mereka tiba di sekitar abad ke enam belas Masihi. Selepas itu diikuti pula dengan ketibaan peringkat ke dua iaitu pada abad ke 17M atau ke 18M. Pada peringkat yang terakhir mereka tiba di abad ke 19M dan 20M. Mereka ini terdiri daripada tokoh-tokoh agama, politik dan ahli-ahli perniagaan.[125] Kedatangan mereka ada yang secara langsung dari Hadramaut dan ada yang secara tidak langsung seperti melalui India dan Indo-China.

Mengikut R.B Serjeant, yang berdasarkan kepada pendapat Najeed Saleeby, penghijrahan kaum Sayyid Alawiyyah ke rantau Asia Tenggara iaitu ke Jawa,

[125] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, op.cit., (1984), 27.

Sumatera, Acheh dan Malaya boleh dianggarkan beberapa tahun sebelum kedatangan Belanda.[126]

Menurut ahli sejarah yang menjelaskan dalam hikayat-hikayat Melayu lama (*Hikayat Raja Pasai, Hikayat Acheh, Sejarah Melayu* dan sebagainya)[127] bahawa para pendakwah Islam yang berdakwah di gugusan kepulauan Melayu adalah berasal dari Arab iaitu Semenanjung Arab bahagian Selatan bertempat di Hadramaut. Pendakwah Arab tersebut telah berdakwah di berbagai kawasan di gugusan kepulauan Melayu.

2.4.2.1 Champa

Sejarah kemunculan orang Islam di Champa mempunyai kaitan dengan penghijrahan orang-orang Syiah pada abad ke 8M, berikutan tercetusnya satu pemberontakan Syiah Alawiyyah di Parsi pimpinan Abdullah bin Muawiyyah pada tahun 744M. Setelah ditewaskan oleh tentera Marwan bin Muhammad (744M-750M), mereka ini terpaksa melarikan diri hingga ke Timur Jauh sehingga ada yang menetap di pinggir Laut China, iaitu sebuah tempat bernama Champa.[128]

Sebahagian ahli sejarah berpendapat kedatangan Islam ke Alam Melayu (Nusantara), iaitu bermulanya kedatangan Islam ke Nusantara daripada Champa (Kampuchea). Ini menunjukkan bahawa Islam mula berkembang di Champa sejak permulaan abad ke 8M dan menurut sumber sejarah China juga, Phan Rang di Champa telah menerima Islam pada tahun 960M. Dakwaan tersebut menunjukan bahawa terdapatnya bukti sejarah di Champa, di mana sebuah batu nisan bertulis kuffi telah ditemui bertarikh 1039M dan sebuah batu tugu yang bertarikh 1025M dan 1033M. Ini

---

[126] *Ibid*. 23.
[127] Mohd Jamil Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara*, (c.1, Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise, 1994), 34.
[128]Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, (c.1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distriutors SDN BHD, 2000), 307.

menunjukkan hubungan Champa dan Nusantara sudah terjalin sejak abad ke 7M melalui hubungan perdagangan dan perkahwinan.[129]

Menurut kajian yang telah ditemui oleh penulis buku Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W. & Kesultanan Melayu, golongan Ahlul-Bait (Syed) merupakan masyarakat yang pertama sekali berdakwah di Champa. Namun persoalan yang timbul di sini, apakah penyebaran dakwah oleh golongan Ahlul-Bait bersama-sama dengan orang-orang Arab Syiah yang merupakan pelarian daripada Parsi?. Jadi sekiranya dirujuk kepada salasilah Ahlul-Bait, pendakwah yang pertama berketurunan golongan Ahlul-Bait yang berdakwah ke Champa adalah Syed Hussein Jamadil Kubra. Beliau merupakan moyang kepada para wali yang berdakwah di Tanah Jawa.[130]

Syed Hussein Jamadil Kubra telah datang berdakwah di Champa pada tahun 1355M dan berkahwin dengan Ramawati, puteri Sultan Zainal Abidin Syah. Seterusnya, beliau berkahwin lagi dengan Puteri Selindung Bulan dari Kelantan dan melahirkan seorang anak lelaki yang bernama Ali Nurul Alam (Sultan Qunbul). Kemudian Sultan Qunbul menjadi perdana menteri Kelantan dan baginda mempunyai tiga putera iaitu: Wan Husain, Wan Abu Abdullah dan Wan Demali.[131]

Seorang daripada putera Sultan Qunbul yang bernama Wan Abu Abdullah telah menjadi panglima tentera di Champa. Pada masa itu kerajaan Champa telah diperintah oleh raja Candranekawala (Ban-la-Tra-toan) bermula pada tahun 1460M sehingga tahun 1471M. Pada tahun 1471M, kerajaan Champa mengalami kekalahan di tangan Dai Viet

---

[129] Mohd Jamil Mukmin, *op. cit.*, (1994), 37. Menurut Dr. Haji Abdullah Ishak, Monument atau tugu yang dijumpai tersebut bertarikh 1025M dan 1035M. Tugu itu mengandungi tulisan tentang catatan yang berhubung dengan hukum-hukum Islam. Lihat: Haji Abdullah Ishak, *Islam di India Nusantara dan China,* (c.1, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992), 110.

[130] Lihat rajah salasilah keturunan raja-raja Champa, Pattani dan Kelantan. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007), 171.

[131] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, (2000), 309.

sehingga akhirnya, Wan Abu Abdullah (menantu raja Candranekawala) diisytiharkan menjadi raja dengan gelaran Bo Tri Tri.[132]

Keturunan Ahlul-Bait daripada Syed Hussein menjadi raja pertama di Champa yang merupakan putera dari Ali Nurul Alam iaitu Sultan Abdullah (Wan Bo). Beliau adalah pengasas raja dari golongan Ahlul-Bait dan mulai memerintah daripada tahun 1471-1478M.[133] Selepas Bo Tri Tri, kerajaan Champa diperintah oleh anak saudaranya (Wan Husain) iaitu Wan Abdul Kadir yang bergelar Kou Lai yang memerintah pada tahun 1478M-1505M. Juga Wan Abu Yusuf yang bergelar Chai-Ya-Fo-Yan.[134]

Seterusnya, kerajaan Champa diperintah oleh Nik Mustafa yang bergelar Sultan Abdul Hamid atau Po Rome yang memulakan pemerintahannya pada tahun 1577M hingga 1637M. Beliau merupakan salah seorang cucu Wan Bo. Setelah kematian Po Rome, regim Nguyen melantik anaknya, Nik Ibrahim sebagai pengganti ayahnya yang bergelar Po Ibrahim atau Po Ntrop. Beliau mula memerintah pada tahun 1637 hingga 1684M.[135] Pada tahun 1684M, kerajaan Champa dengan raja Po Ibrahim mengalami kekalahan berkaitan pemberontakan orang Vietnam. Sehingga raja Po Ibrahim bersama-sama sepuluh ribu orang melakukan pelarian ke Kelantan. Kerajaan Champa ternyata telah diperintah oleh pemimpin yang berketurunan daripada golongan Syed (Ahlul-Bait) selama empat generasi sahaja iaitu bermula daripada raja Wan Bo sehingga Po Ibrahim.[136]

---

[132] *Ibid*.,
[133] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, 170.
[134] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, (2000), 309.
[135] *Ibid.*,
[136] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007), 170.

2.4.2.2 Indonesia

Indonesia merupakan sebuah negara besar yang terdiri daripada pelbagai pulau, justeru itu kedatangan Islam ke kepulauan ini tidak hanya tertumpu kepada satu-satu tempat sahaja bahkan meliputi berbagai tempat yang menjadi persinggahan para pendakwah pada permulaan kedatangan Islam ke Indonesia. Berdasarkan penemuan barang-barang peninggalan oleh ahli sejarah, seperti artifak, ia membuktikan bahawa Islam telah sampai ke wilayah Indonesia dibawa oleh para pendakwah Islam dari Arab, Parsi, India, China dan sebagainya. Di antara wilayah Indonesia yang pertama menjadi pusat penyebaran Islam oleh para pendakwah Islam adalah seperti berikut:

1) Sumatera

a) Siak

Siak merupaka sebuah kawsan tadahan dan tempat yang telah diduduki oleh orang Arab sekitar akhir abad ke 17. Mereka terdiri daripada peniaga, tokoh-tokoh agama dan politik. Dengan kebijaksanaan dan penonjolan mereka terutama dalam bidang agama dan politik, berjaya menguasai kawasan tersebut dan melayakkan mereka mengambil alih pemerintahan Raja Yahya daripada keturunan Raja Kecil iaitu raja Melayu pertama memerintah Siak. Syed ‘Ali bin ‘Uthman daripada keturunan Bani Syahab merupakan pemimpin Arab berketurunan Syed ‘Alawiyyah Hadramaut yang pertama dilantik sebagai pemerintah Siak. Di Siak beliau telah berkahwin dengan puteri Raja Alam bernama Badariah. Kekuasaan beliau telah diwarisi oleh keturunannya sehingga abad ini iaitu sebelum kemerdekaan Indonesia.

b) Barus

Menurut kajian, Barus merupakan tempat yang pertama telah didatangi oleh para pedagang Arab-Parsi. Dakwaan ini adalah berdasarkan bukti epigrafi daripada

makam Syeikh Rukunuddin bertarikh 48H/668M yang membuktikan bahawa orang Islam telah bermukim di Barus.[137]

Bahkan di pantai barat Sumatera terdapat perkampungan Arab-Islam yang dikenali sebagai Ta-shi pada tahun 674M. Lokasi perkampungan Ta-shi itu berkemungkinan terdapat di Barus, kerana sesuai dengan peranannya sebagai pelabuhan yang terawal di Sumatera. Begitu juga ditemukannya batu-batu nisan di Makam Mahligai di Barus memang lebih tua daripada di Samudera-Pasai.[138] Sebuah kenyataan menyatakan bahawa sejak abad ke-4 lagi bangsa Arab Hadramaut telah menetap di persisiran pantai barat Sumatera dan bercampur dengan penduduk tempatan selama tiga abad sehingga kedatangan Islam pada abad ke-7 seterusnya meluaskan lagi pengaruh mereka.[139]

c) Perlak

Menurut ahli sejarah Abū Ishaq al-Mekrāni al-Parsi dalam bukunya bertajuk; *Iẓhar al-Ḥaq fī Silsilah Raja Perlak.* Kedatangan Islam di Perlak diterokai oleh golongan pertama daripada Syiah Alawiyyah yang dipimpin oleh Nahkoda Kahlifah. Kedatangan mereka ke Perlak setelah mengalami kegagalan dalam pemberontakan yang dipimpin oleh Muḥammad bin Ja‘far al-Ṣadiq[140] melawan Kalifah al-Makmun (183H/833M). Di Perlak, mereka bukan sahaja mengislamkan Meurah Syahir Nuwi, bahkan seorang anggota mereka yang bernama Ali bin Muḥammad bin Ja‘far al-Ṣadiq telah dinikahkan oleh Meurah Perlak dengan adik perempuannya, Puteri Makdhum Tansyuri.[141]

---

[137] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 237.
[138] *Ibid.*,
[139] *Ibid*.,
[140] Muhammad bin Ja‘far al-Sadiq dan keluarganya adalah golongan Ahlul-Bait yang pertama masuk ke wilayah Sumatera.
[141] Keterangan ini dipetik oleh Abdul Rahman Abdullah. Lihat: *Ibid*., 240.

Hasil daripada perkahwinan inilah lahirnya Sayyid Abdul Aziz, pada tahun 225H/840M yang mana kemudiannya beliau dilantik menjadi Raja Perlak pertama dengan gelaran Sultan Alaiddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah. Dengan pelantikan raja pertama pada tahun 840M ini, maka lahirlah kerajaan Perlak Islam yang pertama di Asia Tenggara yang beraliran Syiah Alawiyyah.[142]

Selepas Sultan Maulana Abdul Aziz Syah meninggal dunia, kerajaan Perlak diperintah pula oleh Sultan Maulana Abdul Rahim Syah (864-888M), kemudian selepas itu, pemerintahan dilanjutkan pula oleh Sultan Sayid Maulana Abbas Syah (888-913M). Pada masa pemerintahan raja yang ketiga ini, kerajaan Bani Abbasiyyah yang berada di Baghdad mengirim utusan dengan membawa fahaman Sunni ke Perlak. Akhirnya pada masa itu terjadi perang saudara di Perlak antara fahaman Syiah dan Sunni berlarutan sehinggalah Sultan Sayyid Maulana Abbas Syah meninggal dunia.[143]

Maka pada masa itu, kerajaan Perlak mengalami kekosongan jawatan raja selama dua tahun. Kemudian kerajaan tersebut diisi pula oleh seorang raja yang berfahaman Sunni yang bernama Sultan Makdum Alaiddin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat (928-932M). Pada masa yang sama, masyarakat dari golongan fahaman Syiah masih mempunyai keinginan untuk berkuasa sehingga mereka melakukan pemberontakan, walau bagaimanapun pemberontakan itu boleh dipatahkan oleh Sultan Makdum Alaiddin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat.[144]

Akibat daripada pemberontakan itu, akhirnya pada tahun 983M kerajaan Perlak terbahagi dua, di mana kerajaan Perlak bahagian pesisir yang berfahaman Syiah dengan

---

[142] *Ibid.*, Lihat: Haji Abdullah Ishak, *op. cit.*, (1992), 97. Lihat: Hafidzi Mohd Noor, *Jejak Risalah Di Nusantara 1: Zaman Pra Islam Hingga Era Pelayaran Muhammad Cheng Ho*, (c.1, Kuala Lumpur: Penerbit Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM), 2007), 27.
[143] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, (2000), 241.
[144] *Ibid.*,

rajanya Sultan Maulana Mahmud Syah. Sedangkan kerajaan Perlak bahagian pedalaman yang berfahaman Sunni bersama rajanya Sultan Makdum Alaidin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat. [145]

Pada tahun 986M, kerajaan Perlak bahagian pesisir telah ditakluki oleh kerajaan Sriwijaya manakala rajanya Sultan Maulana Mahmud Syah telah terbunuh dalam penaklukan tersebut. Maka berakhirlah kerajaan Perlak bahagian pesisir. Kemudian pada tahun 1006, Kerajaan Sriwijaya meninggalkan daerah jajahannya di Perlak itu, kerana melakukan serangan baru ke atas kawasan Jawa.[146]

Setelah Perlak bahagian pesisir ditinggalkan oleh Sriwijaya, maka kerajaan Perlak bahagian pedalaman menyatukan semula wilayahnya dengan Perlak bahagian pesisir. Sehingga kerajaan perlak telah bersatu di bawah pemerintahan raja Sultan Makdum Alaiddin Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat yang berfahaman Ahl al-Sunnah.[147]

Walaupun kerajaan Perlak secara keseluruhannya berada di bawah pemerintahan Sultan Makdum Alaiddin Malik Abdul Aziz Syah Johan Berdaulat (1263-1292M) setelah disatukan, namun fahaman Sunni tetap terpelihara. Baginda merupakan raja Perlak yang terakhir. Setelah mangkatnya Sultan Makdum Alaiddin Malik Abdul Aziz Syah Johan Berdaulat ini, maka berakhirlah kerajaan Perlak dan seterusnya kerajaan Perlak disatukan dengan kerajaan Samudera Pasai.[148]

---

[145] Haji Abdullah Ishak, *op. cit*., (1992), 136.
[146] *Ibid.*,
[147] *Ibid*., 137.
[148] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 241.

d) Kerajaan Samudera Pasai

Pemerintahan kerajaan Pasai merupakan lanjutan daripada kerajaan Perlak, namun pusat pemerintahannya terletak di sebelah utara Sumatera. Kerajaan Pasai mula ditubuhkan pada awal abad ke 11, dengan raja pertamanya adalah Meurah Khair (Giri) yang memakai gelaran Maharaja Mahmud Syah (1042-1078M). Beliau adalah berketurunan daripada dinasti Makdum Johan yang berfahaman Ahli Sunah. Setelah Maharaja Mahmud Syah meninggal, beliau diganti pula oleh Maharaja Mansur Syah (1078-1133M), Maharaja Ghiyasuddin Syah (1133-1155M), dan Maharaja Nuruddin atau Meurah Nui (1155-1210M).[149]

Pada zaman pemerintahan Maharaja Nuruddin tahun 1177M, tibalah seorang ulama dari Arab yang bernama Syeikh Abdullah Arif. Beliau membawa bersamanya sebuah kitab (karangan) yang bertajuk *Bahr al-Lahut* yang mengandungi ajaran tentang tasawuf falsafah yang beraliran Syiah. Setelah kemangkatan Maharaja Nuruddin, kerajaan Pasai mengalami perang saudara selama 50 tahun kerana kekosongan penggantinya.

Setelah sekian lama mengalami kekosongan tanpa pemerintahan yang sesuai, akhirnya kerajaan Pasai telah diisi oleh seorang raja yang bernama Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) (1261-1289M). Beliau merupakan keturunan kepada Sultan Makdum Syah Johan Berdaulat yang menjadi raja Perlak kelapan (976-1012M). Pada zaman pemerintahannya, datanglah seorang pendakwah Islam yang berasal daripada Arab sebagai utusan dari Syarif Makkah di bawah pimpinan Syeikh Ismail al-Siddiq (al-Zarfi). Ketika itu Syarif Makkah di bawah naungan kerajaan Mamluk di Mesir.

---

[149] *Ibid.*, 242.

Mengenai kedatangan Syeikh Ismail al-Siddiq ke Pasai, telah menimbulkan berbagai pentafsiran, iaitu, pertama menurut *Hikayat Raja-raja Melayu,* bahawa Syeikh Ismail itu datang bertujuan untuk mengislamkan raja Pasai iaitu Meurah Silu. Yang mana setelah memeluk Islam namanya ditukar kepada Al-Malik Salih. Menurut penulis berdasarkan petikan daripada pendapat Abdurrahman Abdullah bahawa pendapat tersebut adalah kurang kuat kerana raja-raja Pasai dari awal lagi telah memeluk agama Islam. Sehubungan itu penulis lebih cenderung kepada pendapat yang kedua ini iaitu kedatangan Syeikh Ismail adalah untuk memperbetulkan fahaman masyarakat kerajaan Pasai yang masih mengikuti fahaman Syiah agar mengubah kepada fahaman Ahli Sunah.[150]

Setelah masyarakat kerajaan Pasai sudah mengikuti fahaman Ahli Sunah, manakala dalam waktu yang sama Sultan Malik al-Salih memperisterikan puteri raja Perlak bernama Tuan Puteri Ganggang. Hasil daripada perkahwinan itu baginda dikurniakan seorang putera bernama Malik al-Tahir (Malik al-Zahir). Apabila Sultan Malik al-Salih meninggal pada tahun 1297M,[151] seterusnya kerajaan Pasai diperintah pula oleh puteranya iaitu Sultan Malik al-Zahir I (1297-1326M).[152]

Selepas Sultan Malik al-Zahir I meninggal pada tahun 1326M, kerajaan Pasai diperintah pula oleh penggantinya iaitu Sultan Malik al-Zahir II (1326-1350M). Pada masa pemerintahannya, ramai di kalangan ulama dari Arab dan Parsi datang berdakwah di Pasai seperti; Amir bin Said al-Shirazi dan Tajuddin al-Isfahani.[153] Selepas kemangkatan Sultan Malik al-Zahir II pada tahun 1350M, kerajaan Pasai diperintah

---

[150] *Ibid.*, 243.
[151] Tahun ini sesuai dengan yang tercatat pada batu nisannya.
[152] Haji Abdullah Ishak, *op. cit*., (1992),137.
[153] *Ibid.*,

oleh Sultan Alaiddin Zainal Abidin Malik al-Zahir (1350M-1383M), Beliau adalah seorang raja yang sangat zalim kerana sanggup membunuh kedua orang puteranya. [154]

Pada masa pemerintahan beliau, kerajaan Pasai diserang oleh kerajaan Majapahit pada tahun 1378M, walau bagaimanapun kerajaan Pasai telah dipertahankan oleh seorang panglimanya yang bernama Panglima Nagur Rabat Abdul Qadir Syah. Setelah berlaku perdamaian antara kedua-dua kerajaan tersebut, maka tentera kerajaan Majapahit pulang ke Jawa dengan disertai oleh puteri-puteri Pasai, Maulana Ishak (ayah Sunan Giri), dan Syeikh Siti Jenar (Syeikh Abdul Jalil). Kemudian pemerintahan kerajaan Pasai telah diambil alih oleh Panglima Nagur sebagai pemerintah seterusnya menjadi sultan Pasai pada tahun 1394-1400M. [155]

Seterusnya kerajaan Pasai dikuasai lagi oleh pemerintah yang berketurunan Sultan Zainal Abidin iaitu seorang puterinya bernama Ratu Nihrasiyah Rawangsa Khadiyu menaiki takhta bermula 1400M- 1428M. Selepas itu kerajaan Pasai mengalami kejatuhan disebabkan oleh perang saudara antara pemerintah Pasai dengan mangkubuminya (perdana menteri) Bakoy Ahmad Permala. Dalam masa yang sama, tertegaknya kerajaan Malaka (1400- 1511M) sebagai kerajaan penakluk dan berkuasa besar di rantau ini.[156]

2) Jawa

Islam telah mula berkembang di tanah Jawa sejak tahun 1416M,[157] berdasarkan penemuan artifak di Leran berhampiran dengan Bandar Gresik iaitu; sebuah makam milik seorang wanita Muslimah bernama Fatimah binti Maimun yang bertarikh 419H

---

[154] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 245.
[155] *Ibid.*,
[156] Haji Abdullah Ishak, *op. cit*., (1992),138.
[157] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007), 123.

(1082M). Penemuan ini, menyokong pendapat bahawa Islam mula tersebar di Alam Nusantara ini sejak sebelum kurun ke lima hijrah atau 300 tahun sebelum berdirinya kerajaan Islam yang pertama di Perlak dan Samudera Pasai.[158]

Bukti sejarah ini memberi gambaran bahawa Islam mula berkembang di tanah Jawa dibawa oleh para mubaligh yang berketurunan daripada Syed Hussein Jamadil Kubra di mana mubaligh yang pertama datang ke negeri Champa iaitu Syeikh Maulana Malik Ibrahim. Beliau juga merupakan seorang mubaligh pertama yang telah menyebarkan Islam di tanah Jawa bertempat di Gresik. Pada masa itu, Gresik dijadikan pusat penyebaran Islam yang pertama oleh Syeikh Maulana Malik Ibrahim dengan membina surau, masjid dan pesantren.[159]

Syeikh Malik Ibrahim mempunyai saudara yang bernama Raden Rahmat, kemudian beliau menjadi mubaligh di daerah pesisir Ampel Surabaya dan membina masjid dan pesantren sebagai pusat penyebaran Islam di daerah Jawa bahagian timur. Lalu beliau terkenal dengan panggilan Sunan[160] Ampel. Sunan Ampel mempunyai beberapa putera dan juga sebagai pendakwah Islam di beberapa wilayah di tanah Jawa.[161]

Sunan Ampel mendirikan pesantren di Ampel dan ramai murid-murid yang bakal meneruskan dakwahnya. Di antara murid-murid yang menjadi penerusnya adalah putera-puteranya, Sunan Kalijaga, Sunan Muria, Sunan Gunung Jati dan sebagainya.

---

[158] Hafidzi Mohd Noor, *op. cit*., (2007), 28.

[159] Mohd. Jamil bin Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara*, (c. 1, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994), 108.

[160] Perkataan ”Sunan” berasal dari perkataan susuhunan yang bermaksud sebagai pemuka Agama dan Pemimpin masyarakat di sekitar wilayah yang didiami oleh seorang pendakwah itu.

[161] Seperti; Sunan Bonang, Sunan Derajat, Sunan Kudus, manakala berkaitan salasilah para Wali Songo lihat: H. Ali Ahmad Assagaf, *Lintasan Awal Sejarah Islam Di Indonesia*, (c.1, Jakarta Pusat: Perpustakaan Jamiat Kheir, 1994), 12-14.

Bahkan pada abad ke 15M, kerajaan Islam pertama terbentuk di Demak merupakan salah seorang daripada pengasasnya adalah Sunan Ampel, bahkan Raden Patah sebagai raja pertama kerajaan Islam Demak di pulau Jawa adalah salah seorang murid Sunan Ampel.[162]

Giri telah dijadikan sebagai pusat dakwah Islamiyah di Jawa dan dari Girilah para mubaligh dihantar untuk menyebarkan Islam ke berbagai-bagai wilayah Indonesia bahagian timur, seperti; Maluku, Sulawesi, Ternate, Nusa Tenggara. Manakal pusat dakwah Islamiyah pertama ini telah diasaskan oleh Syeikh Maulana Malik Ibrahim dan diteruskan oleh Sunan Giri.

Sebelum kerajaan Islam Demak membangun, kerajaan Giri sudah terkenal sebagai pusat penyebaran Islam di Jawa. Setelah kerajaan Demak berkembang maka fungsi kegiatan dakwah Islam di Giri telah dialihkan ke Demak. Kerajaan Islam Demak ini membangun dan berkembang dengan pesatnya di bawah pimpinan seorang raja pertamanya yang bernama Raden Patah.

Kerajaan Demak itu juga mendapat sokongan daripada kerajaan Melaka, bahkan hubungan antara Jawa dan Melaka sudah bermula semenjak sebelum berdirinya kerajaan Demak. Jadi ikatan hubungan kedua-duanya telah terjalin dalam bidang perdagangan, sosial dan politik. Begitu juga peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di gugusan kepulauan Nusantara.[163]

Akhirnya, pada tahun 1518M kerajaan Demak dapat menandingi dan mengalahkan serta memusnahkan kerajaan Hindu Majapahit. Demikian juga dengan

---

[162] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, (2000), 260.
[163] Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit.*, (1994), 108.

peranan Wali Songo yang masih kuat bergiat aktif dalam berdakwah ke seluruh pulau Jawa. Bahkan pada abad kelapan belas (18M), Islam telah tersebar di daerah-daerah pendalaman Jawa seperti di Balambangan.[164]

3) Kalimantan

Pada tahun 1478M, ketika kerajaan Islam Demak mulai berkembang pesat sehingga mampu menjatuhkan kerajaan Majapahit. Kerajaan Demak dapat membantu pemerintah Banjarmasin dengan mensyaratkan bahawa Banjarmasin mestilah menerima Islam sebagai agamanya.[165] Seterusnya kerajaan Demak mengutuskan seorang pendakwah Islam untuk menyebarkan Islam di Banjar yang bernama Sayid Abdul Rahman (Katib Dayyan).[166]

Pada abad ke 15M, Islam sudah tersebar di Kalimantan khususnya di Banjar dan setelah Sultan Samudera memeluk Islam dengan menggantikan namanya kepada Sultan Surianullah, maka pada masa itu terbentuklah sebuah kerajaan Islam Banjar. Semasa pemerintahan sultan Tahlililllah pada tahun 1700-1745M, baginda sangat memberi perhatian terhadap perkembangan Islam, maka baginda mengangkat seorang anaknya sebagai calon Ulama iaitu, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1710-1812). Syeikh Muhammad Arsyad belajar di Makah dan Madinah selama 30 tahun atas biaya Sultan Muhammad Tamjidillah. Pada tahun 1773M, setelah beliau kembali dari belajar maka terus diangkat menjadi Mufti Besar Kerajaan Banjar pada masa Sultan Tahmidillah II (1773-1808M) dan Sultan Sulaiman (1808-1825M). [167]

---

[164] *Ibid*., 111.
[165] *Ibid*., 112.
[166] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 296.
[167] *Ibid.*, 296.

Adapun penyebaran Islam di Pontianak, pada tahun 1780, di Kubu yang terletak di Selatan delta Sungai Kapuas bersempadan dengan Pontianak telah jatuh ke tangan orang Arab yang dipimpin oleh Sayyid Aidrus bin Abd. al-Rahman bin Ali Abdullah al-Aidrus. Selepas itu, dalam sejarah berikutnya, kubu tersebut telah dijadikan pusat kerajaan Islam Pontianak oleh Sayyid Abd. al-Rahman bin al-Habib Husain al-Qadri.[168]

Pada abad ke 17M, di Mempawah telah didatangi oleh seorang pendakwah Islam yang bernama Habib Husain al-Qadri, beliau menyebarkan Islam dengan fahaman Sunni dan bermazhab Shafi'ī. Sebelum tiba di Mempawah terlebih dahulu beliau singgah di Matan dan telah mempunyai tiga isteri dan dari tiga isteri tersebut, beliau mempunyai lima putera dan lima puteri. Dari isteri pertama (Nyai Tua) mempunyai seorang putera bernama Sayyid Abd. al-Rahman al-Qadri. Ketika umur 18 tahun, Sayyid Abd. al-Rahman dibawa oleh bapanya ke Mempawah. Sebaik sahaja sampai di Mempawah, Habib Husain al-Qadri diangkat menjadi Tuan Besar Mempawah. [169]

Setelah Habib Husain meninggal dunia pada tahun 1771M, tempatnya di Mempawah diganti oleh puteranya Sayyid Abd. al-Rahman al-Qadri. Kemudian, beliau bersama-sama rakan saudranya iaitu Syarif Ahmad, Syarif Abu Bakar dan Syarif Alwi keluar dari Mempawah menuju ke sebuah daerah atau kawasan yang masih belum diterokai. Antara kawasan tersebut ialah sungai Kapuas dan Landak. Lama-kelamaan perkampungan itu semakin ramai penduduknya kerana ramai pendatang baru seperti dari Bugis dan China. Seterusnya, Sayyid Abd. al-Rahman memperkukuhkan

[168] Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit.*, (1998), 26.
[169] *Ibid*., 34-35.

kedudukanya sebagai pemimpin dan memberi nama kawasan itu dengan nama Pontianak.[170]

Akhirnya, pada hari Isnin 8 Syaaban 1192H (1778M), Raja Haji mengisytiharkan perlantikan Syarif (Sayyid) Abd. al-Rahman sebagai Sultan yang pertama kerajaan Pontianak dengan gelaran " Paduka Sultan Syarif Abd. al-Rahman al-Qodri Nur Alam". Kemudian pada 1 Muharram 1223H (1808M), Syarif Abd. al-Rahman meninggal dunia dan digantikan oleh Syarif Husain, putera Almarhum Sultan Syarif Abd. al-Rahman.[171]

4) Sulawesi

Pada abad ke 15M, kerajaan Malaka sudah menjalinkan hubungan perdagangan dengan Sulawesi. Jadi pengislaman Sulawesi telah bermula dari awal lagi di mana penduduk Bugis merupakan penerima Islam yang terawal di Makasar pada tahun 1604M. Manakala pendakwah Islam yang pertama masuk ke Sulawesi adalah seorang Ulama yang bernama Syeik Ali al-Kaisar dengan dibantu oleh Raja Abdul Jalil putera Sultan Kahar dari Acheh.[172]

Kemudian pada tahun 1605M, Sulawesi Selatan telah dikunjungi oleh beberapa orang pendakwah Islam yang khusus untuk mengajar ajaran Islam dalam berbagai-bagai bidang, iaitu; Abdul Makmur (Qadir) Khatib Tunggal bergelar Datuk di Bandang berdakwah melalui pendekatan Syariah. Sulaiman Khatib Sulung yang bergelar Datuk Pattimang berdakwah melalui pendekatan Tauhid. Manakala Abdul Jawad Khatib Bungsu yang bergelar Datuk di Tiro, berdakwah melalui pendekatan Tasawuf.[173]

---

[170] *Ibid*., 36.
[171] *Ibid.*, 37.
[172] Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit*., (1994), 113.
[173] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 286.

Para pendakwah ini sentiasa menyebarkan dakwah Islam dimana sahaja kawasan yang mereka kunjungi, contohnya Mereka telah mengislamkan Raja Luwu yang bernama Daeng Perabu. Setelah memeluk Islam, Baginda menukar namanya kepada Sultan Muhammad Waliyul Mudharuddin. Walaupun kerajaan Luwu mendapat kemuliaan sebagai kerajaan yang pertama memeluk Islam, namun kekuatannya bergantung kepada kerajaan kembar Gowa-Tallo. Setelah kerajaan kembar menerima Islam secara rasmi, maka Islam tersebar dengan cepat dan kerajaan Gowa-Tallo menjadi pusat penyebaran Islam di Sulawesi Selatan.[174]

2.4.2.3 Brunei Darussalam

Kemasukan Islam ke Kalimantan adalah melalui kawasan pesisir pantai kerana kerajaan Melaka telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan kerajaan Brunei pada peringkat awal lagi di mana semenjak raja Brunei masih menganut agama Hindu. Memandangkan hubungan antara kerajaan Melaka dan kerajaan Brunei semakin erat, maka pada tahun 1476M,[175] raja Brunei yang pertama menganut agama Islam adalah Raja Awang Alak Betatar, daripada suku Limbang. Baginda menganut Islam ketika sedang berkunjung di Johor.[176]

Setelah Raja Awang Alak Betatar menganut Islam, namanya telah diganti dengan nama Sultan Muhammad. Baginda berkuasa dari tahun 1363-1402M,[177] dan sepanjang perkahwinannya dengan Puteri Johor itu, beliau tidak dikurniakan seorang

---

[174] *Ibid.*,

[175] Ada perbezaan pendapat tentang tahun penganutan/penerimaan Islam oleh Raja Awang Alak Betatar, sekiranya dilihat pada salasilah raja Brunei. Baginda bekuasa bermula dari tahun 1363-1402M, ini menunjukkan bahawa ada kemungkinan Baginda memeluk Islam lebih awal lagi iaitu sekitar tahun 1390an atau tahun 1400an. Sedangkan tahun 1476M kerajaan Brunei sudah mengalami pertukaran raja seramai lima orang Raja.

[176] Dalam buku salasilah Brunei disebutkan Raja Awang Alak Betatar memeluk Islam di Johor sedangkan pada masa itu kerajaan Johor belum terbentuk dan yang ada adalah kerajaan Melaka. Lihat: Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit*., 1994), 112. Lihat: P.L. Amin Sweeney, ed., *Salasilah Raja-Raja Brunei*, (Malaysian: MBRAS, The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1998), 96.

[177] Lihat: Cheah Boon Kheng, *Papers Relating to Brunei*, (Malaysian: MBRAS, The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1998), Appendik , iv.

putera dan hanya dikurniakan puteri sahaja. Suatu masa seorang pangeran Maharaja Lela bernama Ong Sum Peng melamar puteri Sultan Muhammad dan lamaran itu diterima. Kemudian setelah Sultan Muhammad meninggal maka Ong Sum Peng menggantikan bapa mertuanya itu sebagai Sultan Brunei dengan gelaran Sultan Ahmad.[178]

Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad yang bermula dari tahun 1408-1425M, kerajaan Brunei didatangi oleh seorang Syarif dari Taif yang bernama Syarif Ali.[179] Beliau diberi kemudahan untuk berdakwah menyebarkan agama Islam dan membina masjid-masjid sebagai prasarana untuk beribadah. Memandangkan Sultan Ahmad juga tidak mempunyai putera dan hanya seorang puteri sahaja maka Sultan Ahmad berkenan untuk mengahwinkan puterinya dengan Syarif Ali yang mempunyai karisma tinggi dan sangat disegani oleh masyarakat.[180]

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad pada tahun 1425M, maka pemerintah Brunei digantikan oleh menantunya Syarif Ali dengan gelaran Sultan Berkat. Baginda adalah raja pertama yang berkuasa daripada keturunan Ahlul Bait dan memerintah bermula tahun 1425M-1432M. Baginda mempunyai seorang putera bernama Sultan Sulaiman yang akan menggantikan bapanya. Justeru itu warisan kesultanan Brunei daripada Syarif Ali berterusan sehingga pemerintah sekarang iaitu Sultan Haji Hasanal Bokiah yang mula berkuasa pada tahun 1967M sehingga hari ini yang mana sekiranya dilihat dari susur galurnya masih berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. daripada cucunya Sayyidina Hasan R.A.[181]

---

[178] *Ibid.*, 98.
[179] Syarif Ali adalah seorang berketurunan Ahlul Bait dan sekiranya dilihat dari susurgalurnya beliau berketurunan daripada Sayyidina Hasan. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007), 146 dan Lampiran A pada Salasilah 1 keturunan al-Hasan (R. A.)
[180] P.L. Amin Sweeney, ed., *op. cit.*, (1998), 99.
[181] *Ibid*., Apendix h. vi. Lihat: *Ibid*., 115-116.

2.4.2.4 Filipina

a) Sulu

Dengan wujudnya perdagangan antara orang Arab dan China menjalankan perniagaan di Nusantara, maka agama Islam mulai bertapak di Filipina. Seterusnya pada abad ke 13, telah datang pendakwah Islam dari Arab bahagian Selatan ke kepulauan Sulu dengan sebutan Tuan Masya'ika bersama anak-anaknya yang bernama Tuan Hakim dan Aisyah beserta cucu-cucunya. Di Sulu, beliau berkahwin pula dengan puteri Raja Sipad II kemudian menetap di Bukit Sinuman di daerah Lati, Jolo.[182]

Pada tahun 1380M ramai tokoh Ulama' telah datang ke Sulu, Ulama' yang paling awal datang ke sana ialah Karim al-Makdum (Tuan Syarif Aulia). Beliau telah mengislamkan penduduk di Buansa, seterusnya membina Masjid di situ sebagai pusat ibadah. Kemudian seorang Makdum lainnya ialah Aminullah (Sayid Niqab) yang meninggal dan dikebumikan di Bud Agad, Jolo. Pada abad ke 15, perkembangan Islam di Sulu memperlihatkan kecenderungan dalam pemerintahan dan politik. Walau bagaimanapun satu peristiwa yang bersejarah telah berlaku ketika kedatangan seorang ulama dari keturunan Ahlul Bait iaitu Sayyid Abu Bakar telah tiba di Sulu pada tahun 1450M.[183]

Sayyid Abu Bakar adalah seorang yang sangat dalam ilmu pengetahuan agamanya dan beliau datang ke Sulu sebagai Ulama yang memberi penerangan tentang ilmu agama terhadap masyarakat yang sudah menganut agama Islam. Ini kerana ketika Sayyid Abu Bakar datang ke Sulu, masyarakat Sulu sudah menganut agama Islam bahkan seorang raja Sulu yang bernama Raja Baguindo juga telah menganut agama

---

[182] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit*., (2000), 299.

[183] *Ibid.*, 300. Sebelum sampai ke Sulu, beliau melakukan perjalanan yang sangat jauh dan meletihkan kerana laluannya sangat jauh iaitu dari Hadramaut menuju ke Palembang seterusnya singgah di Johor dan selepas itu ke Berunei akhirnya baru ke Sulu. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007),138.

Islam. Kemudian melihat kepada Sayyid Abu Bakar yang sangat disukai oleh masyarakat Sulu, akhirnya Raja Buguindo mengahwinkan puterinya yang bernama Pangeran Fatimah dengan Sayyid Abu Bakar. [184]

Setelah Raja Baguindo mangkat, pemerintah kerajaan Sulu diserahkan kepada menantunya Sayyid Abu Bakar dengan gelaran Sultan Syariful Hasyim. Baginda memerintah kerajaan Sulu selama 30 tahun bermula 1450-1480M. Sebagai seorang Ulama, Sultan Syariful Hasyim telah meletakkan bahawa pembangunan agama diutamakan dengan mendirikan masjid yang bernama Unwanul Islam.[185]

Akhirnya, pada tahun 1480M Sultan Syariful Hasyim mangkat dan kekuasaan kerajaan Sulu digantikan oleh puteranya Sultan Kamaluddin yang telah meneruskan dasar-dasar pemerintahan ayahnya. Jadi kerajaan Sulu dipegang oleh keturunan Ahlul Bait bermula daripada Sultan Syariful Hasyim pada tahun 1450M sehingga kesultanan yang terakhir iaitu Sultan Jamalul Kiram II yang berkuasa pada tahun 1915M, maka selepas itu berakhirlah kerajaan Sulu di bawah pemerintahan keluarga Ahlul Bait.[186]

b) Mindanao

Pada awalnya nama kepulauan Mindanao adalah Maguindanao yang membawa maksud kebanjiran daripada air. Islam mula tersebar di Mindanao bermula pada abad ke 15M, di mana setelah datangnya seorang Ulama yang bernama Syarif Aulia pada tahun 1460M. Semasa berada di Maguindanao beliau telah berkahwin dengan seorang puteri tempatan dan dikurniakan seorang puteri yang bernama Paramisuli, tetapi beliau meninggalkan Maguindanao. Kemudian datang pula dua orang bersaudara dari Johor

---

[184] *Ibid.*, 138.
[185] Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, (2000), 300. Sultan Syariful Hasyim telah berjasa membina model sistem pemerintahan Turki Moden dengan menyatukan Agama dan kuasa politik. Lihat: *Ibid.*, 138.
[186] *Ibid.*, 301-302.

yang bernama Syarif Hasan dan Syarif Maraja. Syarif Hasan menetap di Sulu sedangkan Syarif Maraja tetap menetap di Maguindanao dan berkahwin dengan puteri Paramisuli. Hasil perkahwinan itu beliau telah dikurniakan dua orang putera yang bernama Tabunaway dan Mamalu. Tabunaway inilah yang bakal menjadi pemimpin pertama di Magundanao.[187]

Semenjak awal perkembangannya pada tahun 1515M, sekitar abad ke 16M. Maguindanao telah didatangi oleh seorang Syarif Muhammad Kebungsuan daripada Johor. Beliau anak kepada Syarif Ali Zainal Abidin bangsa arab dari Makah dan menetap di Johor yang telah berkahwin dengan puteri tempatan bernama Jusul Asiqin. Pada peringkat awal kedatangan Syarif Muhammad ke Maguindanao tidak diterima oleh masyarakat tempatan tapi berkat berada di bawah kepimpinan Tabunaway akhirnya masyarakat menerima Syarif Muhammad. Kemudian beliau berkahwin dengan seorang puteri Tunina dan hasil perkahwinannya dikurniakan tiga orang puteri.[188]

Seterusnya, Tabunaway menyerahkan kepimpinannya kepada Syarif Muhammad Kebungsuan dan mengasaskan kesultanan Maguindanao. Setelah Sultan Syarif Muhammad Kebungsuan memerintah kerajaan Maguindanao atas kesepakatan dan persetujuan para ketua suku yang ada di Maguindanao. Maka kesultanan Maguindanao mula diperintah oleh Syarif Kebungsuan sehingga Sultan yang terakhir iaitu Sultan Mangigin, di mana beliau mengakhiri pemerintahannya pada tahun 1900M. Justeru itu kesultanan yang diperintah di bawah keturunan keluarga Ahlul Bait tersebut telah berakhir selepas dijatuhkan oleh tentara Amerika pada tahun1900M.[189]

---

[187] *Ibid.*, 303.
[188] *Ibid.*,
[189] *Ibid*., 303-305.

2.5. SEJARAH KEDATANGAN GOLONGAN SYED DI MALAYSIA

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bermula pada sekitar abad kesembilan, iaitu setelah agama Hindu-Budha telah bertapak dan berkembang luas di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun penyebaran Islam mulai berkembang dan tersebar ke Tanah Melayu, setelah berlakunya peristiwa kejatuhan Baghdad ke tangan Mongol sekitar tahun 1258M. Selepas daripada itu, kebanyakan negeri-negeri Melayu bahagian pantai timur dan barat seperti: Melaka, Terengganu, Kedah, Kelantan telah menjadi negeri Islam.[190]

Para pendakwah yang menyebarkan Islam di Alam Melayu ini kebanyakan mereka berasal dari Arab yang berketurunan Syed. Mereka berhijrah dari Hadramaut pada abad ke-14M dan abad ke-15M. Walaupun ada juga di kalangan keturunan Syed ini yang berhijrah ke Afrika dan India, namun kebanyakan mereka berhijrah ke Asia Terenggara seperti Jawa, Aceh, Borneo, Filipina, dan Semenanjung Tanah Melayu. [191]

2.5.1. Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Melaka

Pada tahun 1414M, Raja Melaka yang pertama memeluk agama Islam ialah Parameswara. Menurut satu cerita daripada Sejarah Melayu, beliau memeluk Islam melalui suatu mimpi[192] di mana beliau bertemu dengan Rasulullah S.A.W. Dalam mimpi tersebut, beliau diajarkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. membaca *kalimah syahadah*. Kemudian pada keesokan paginya, satu rombongan dari Jedah mendarat di

---

[190] Mahayudin Haji Yahya, *Islam Di Alam Melayu, op. cit.,* (1998), 193.
[191] *Ibid*., 162-164.
[192] Menurut Prof. S.Q. Fatimi, mimpi adalah salah satu ciri penting dalam proses penerimaan agama Islam di Nusantara.

pelabuhan Melaka yang dipimpin oleh Syed Abdul Aziz.[193] Lalu Syed Abdul Aziz bertemu dan mengislamkan raja Paramesawara.[194]

Setelah raja Parameswara memeluk Islam, namanya telah diganti dengan Megat Iskandar Syah, tetapi menurut ahli sejarah Prof. Azumardi Azra bahawa nama pengganti atau gelaran dari Parameswara itu adalah Sultan Muhammad Syah.[195] Selepas itu beliau mengajak semua pembesar dan rakyatnya untuk memeluk Islam. Akhirnya dengan kepimpinan beliau, agama Islam mula berkembang dengan pesat dan Melaka menjadi pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam di Nusantara. Apabila Sultan Megat Iskandar Syah meninggal, pemerintahan kerajaan Melaka diambil alih oleh Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488M). Pada masa beliau, kerajaan Melaka membuat undang-undang Islam yang dikuatkuasakan untuk polisi pemerintahannya, kerana Melaka mempunyai peranan yang sangat setrategi sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam.[196]

Dengan kekuasaan dan kekuatan yang ada pada kerajaan Melaka ketika itu serta minatnya yang mendalam untuk menjadikan pusat menyebarkan Islam di Nusantara, maka ramai ulama-ulama Arab terutama dari kalangan Syed bermukim di Melaka untuk berdakwah dan mengajar agama Islam kepada raja-raja, pembesar dan masyarakat

---

[193] Syed Abdul Aziz adalah ulama Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. (kerabat Syarif Mekah) yang telah mengislamkan Raja Melaka merupakan seorang ulama sufi, anaknya Maulana Yusuff dan cucunya Qadhi Sayyid Menawar merupakan pembimbing kepada sultan-sultan Melaka, hampir 100 tahun sultan-sultan Melaka itu mengamalkan amalan tariqat atau tasawuf. Sebagaimana terdapat dalam kitab Sulatus Salatin atau Tun Sri Lanang yang menjelaskan tentang sejarah kesultanan Melayu Melaka yang mengandungi banyak kisah-kisah ulama-ulama sufi khususnya di Melaka dan Pasai. Lihat: Tn Hj. Muzaffar Dato' Hj. Mohmad et al. (t.t.) "Sejarah Kedatangan Islam & Kesannya Terhadap Sosio Budaya Massa & Kerajaan Nusantara", (Pembentangan Kertas Kerja), 19.

[194] Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit.*, (1994), 41.

[195] Azumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*, (c.3, Jakarta Rawamangun: Kencana Prenada Media Group, 2007), 10.

[196] Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit.*, (1994), 41.

Melaka. Antara ulama yang masyhur turut berada di Melaka ialah Makdum Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadi Yusuf dan ramai lagi.[197]

Sebagai sebuah pusat penyebaran Islam yang terkenal, kerajaan Melaka telah berjaya dalam penyebaran Islam bukan sahaja di Melaka malah meliputi beberapa daerah di Sumatera seperti; Jambi, Siak, Kampar, Bengkalis, Inderagiri, Rokan, Pulau Karimun, Bentan dan Riau. Melaka juga berjaya menyebarkan Islam hingga ke Pulau Jawa. Malangnya usaha penyebaran itu terhenti akibat penyerangan Portugis terhadap kerajaan Melaka pada tahun 1511M akhirnya keseluruhan kerajaan Melaka telah ditakluki oleh Portugis.[198]

2.5.2. Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Kedah

Pada tahun 1547M, seorang ulama yang bernama Syeikh ‘Abd Allah al-Yamani telah datang daripada Mekah ke Nusantara bertempat di Kedah. Beliau mengislamkan penguasa raja yang bernama Phra Ong Mahawangsa dan para menteri serta rakyat Kedah. Setelah memeluk Islam raja tersebut menukar namanya dengan gelaran Sultan Muzhaffar Syah.[199]

Pada tahun 1600M, Sultan Muzhaffar Syah telah didatangi oleh utusan dari Kalifah Othmaniyyah yang menghantar perlantikan yang diketuai oleh seorang ulama daripada Ahlul Bait yang bernama Syarif Aznan daripada kerabat diraja Hijaz. Syarif Aznan menghadap Sultan Muzhaffar Syah di Istana Si Putih untuk menyerahkan sebilah pedang Berjata Empayar Othmaniyyah dengan sekeping surat Bertughra. [200]

---

[197] *Ibid*., 42.
[198] *Ibid*.,
[199] Azumardi Azra, *op. cit.*, (2007), 10.
[200] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., (2007), 252.

Jadi selepas itu, hubungan Sultan-sultan Kedah dengan Ulama-ulama dari keturunan Ahlul Bait sudah terjalin dengan erat bahkan seorang ulama bernama Syeikh ‘Abd al-Jalil al-Mahdani dilantik sebagai seorang guru atau ustaz kepada Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II (1710-1778M) bahkan Syeikh ‘Abd al-Jalil diangkat menjadi Mufti Kedah kemudiannya, beliau selalu bersama Sultan sebagai penasihat dalam bidang Agama.[201]

Kemudian peranan keturunan Syed ini semakin berkembang bukan hanya sebagai ulama dan mufti sahaja, bahkan mulai terlibat dalam bidang pengurusan dan menceburi dalam bidang politik bersama keluarga diraja Kedah. Pada abad ke 18M, keluarga Jamal al-Layl iaitu al-Shah bi al-Din al-‘Aydid dan selainnya mulai menonjol dan berperanan dalam sebuah pemerintahan atau kerajaan Kedah. Mereka telah dimulai oleh Sayyid Ahmad bin Ḥusayn Jamal al-Layl yang datang ke Kedah dari Hadramaut pada tahun 1735M. Kemudian beliau berkahwin dengan Sharifah Amina al-Qadhri. Hasil dari perkahwinan itu beliau telah memperolehi seorang putera Sayyid Harun bin Ahmad Jamal al-Layl.[202]

Melihat keakraban hubungan kerabat diraja Kedah dengan ulama dari keturunan Syed Ahlul Bait sejak awal lagi, maka terjadi jalinan kekeluargaan antara dua keluarga tersebut. Tetapi melihat daripada susur galurnya, kesultanan Kedah itu berketurunan Ahlul Bait dari pihak perempuan seperti Sultan Rijaludin Muhammad Shah, Sultan Kedah ke 13 (1625-1651M) yang telah mengawini Wan Fatimah[203] dan kemudiannya

---

[201] Muhammad Redzuan Othman, *Hadhramis In The Politics And Administration of The Malay States In The Late Eighteenth And Nineteenth Centuries*, (Ulrike Freitag et.al Editor, Leiden-New York-Koln: Brill, 1997), 85.

[202] *Ibid*., 86. Sayyid Harun Jamal al-Layl itu adalah sebagai pengasas daripada kerajaan Perlis dan akan dijelaskan secara terperinci pada tajuk keturunan Syed di Perlis.

[203] Perempuan yang bergelar Wan itu adalah sama dengan gelaran Syarifah dan ada kemungkinan bersusur galurkan keturunan Sayyid Ali Nurul Alam, untuk lebih jelas berkaitan dengan makam bonda Sayyid Ali Nurul Alam yang bernama Puteri Selindung Bulan itu (berkahwin dengan Sayyid Hussein

Paduka Bunda melahirkan Sultan Mahayuddin Mansur Shah, sebagai Sultan Kedah yang ke 14 (1652-1661M).[204]

2.5.3. Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Johor

Setelah kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M, maka salah seorang Sultan Melaka yang masih hidup telah melarikan diri ke Johor dan membentuk sebuah kerajaan Johor. Beliau Sultan Mahmud Syah I (1511-1528M). Semenjak dari itu pusat perniagaan dan penyebaran Islam telah dipindahkan ke Johor.[205]

Walau bagaimanapun penghijrahan orang-orang Arab ke Nusantara khususnya ke Johor telah bermula pada peringkat awal penyebaran Islam di Nusantara. Mereka datang secara berperingkat-peringkat baik secara langsung maupun tidak langsung. Namun kebanyakan mereka datang secara tidak langsung dari semenanjung Arab, kerana mereka singgah di beberapa tempat contohnya dari semenanjung Arab ke Indonesia atau tempat-tempat lainnya terlebih dahulu, kemudian baru singgah dan menetap di Johor.[206]

Pada mulanya kedatangan orang-orang Arab ke gugusan kepulauan Nusantara ini adalah untuk berniaga dan berdakwah. Sebahagian besar orang-orang Arab yang berada di Johor berasal daripada keturunan Ahlul Bait atau Syed Alawiyyah yang mana

---

Jamadil Qubra ibni Syayyid Ahmad Syah Jallal) masih ada di Kedah sehingga sekarang. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., (2007), 253.

[204] Mengenai kesultanan Kedah yang beristeri dengan perempuan Ahlul Bait dengan sultan yang berketurunan dari susur galur Ahlul Bait, sila lihat: *Ibid*., 253.

[205] A F Yassin, Zam Ismail, *Sejarah Adat-Istiadat Kesultanan Johor 1529-1855M,* (c.1, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2002), 4.

[206] Mohd. Sohaimi Esa, *Ekonomi Orang Arab Di Johor 1862-1942,* (c.1, Sabah Malaysia: Pusat Penataran Ilmu & Bahasa UMS, 1999), 52.

mereka datang dari daerah Tarim Hadramaut Yaman. Terdapat beberapa puak berdasarkan nama keluarga masing-masing seperti; al-Sagoff, al-Idrus, al-Attas, al-Kaff, al-Haddad, al-Habsyi, al-Aidid, al-Khirid dan al-Hinduan.[207] Tetapi ada juga orang Arab yang bukan keturunan Ahlul Bait yang berada di Johor dengan memakai gelaran Sheikh.

Setelah kerajaan Johor berkembang maju, orang-orang Arab khususnya dari keturunan Syed telah terlibat dalam berbagai-bagai bidang yang penting seperti; pendakwah, jawatan mufti, ahli perniagaan dan ahli politik atau pengurusan pantadbiran kerajaan. Ini kerana keturunan Syed ini merupakan salah satu kelompok masyarakat yang sangat dihormati dan disegani oleh pihak kerajaan dan masyarakat Johor, maka mereka mudah terlibat dalam kegiatan politik dalam kerajaan.

Kerajaan Johor yang diterajui oleh keturunan kerajaan Melaka bermula daripada Sultan Mahmud Syah (1511-1528) sehingga zaman Sultan Mahmud Syah II (1685-1699). Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah II, jawatan bendahara telah dilantik dari keturunan Ahlul Bait iaitu Abdul Jalil anak daripada Tun Habib Abdul Majid.[208] Beliau telah memakai gelaran Dato' Bendahara Seri Maharaja Abdul Jalil.[209]

Pada tahun 1699M, Sultan Mahmud Syah II telah meninggal dunia dan baginda tidak mempunyai zuriat untuk menggantikannya, maka secara automatik bendahara Abdul Jalil menggantikannya sebagai raja Johor. Dengan kemangkatan Sultan Mahmud Syah II maka berakhirlah pemerintahan yang berasal daripada keturunan kerajaan Melaka. Selepas itu Abdul Jalil telah dilantik sebagai raja Johor dan bermulalah era

---

[207] *Ibid*., 53.

[208] Tun Habib Abdul Majid kalau dilihat dari susur galurnya berketurunan Arab Syed Hadramaut daripada "Hashimite Sayid al- Aidarus. Lihat: *Ibid.*, 50. Lihat pada salasilah Tun Abdul Majid pada rajah 15 di dalam buku : (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 214.

[209] A F Yassin, Zam Ismail, *op. cit*., (2002), 8.

pemerintahan kerajaan Johor berketurunan Ahlul Bait dan beliau memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV dengan menaiki takhta bermula dari tahun 1699-1718M.[210]

Semenjak daripada pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV sehingga kepada pemerintahan Sultan Johor pada hari ini iaitu Sultan Mahmud Iskandar pada tahun (1981-sekarang) dilihat bahawa susur galurnya menunjukkan salasilah mereka masih berketurunan Ahlul Bait.[211]

2.5.4 Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Kelantan

Penduduk negeri Kelantan telah memeluk Islam pada awal pertengahan abad ke 10 Masihi. Pengislaman ini adalah melalui para pendakwah yang datang ke Kelantan melalui Champa bukan melalui Melaka. Ini berdasarkan kepada beberapa fakta sejarah, situasi dan pengaruh budaya.[212]

Sekiranya dilihat kepada sejarah penubuhan sebuah kerajaan Islam Kelantan yang diasaskan oleh Raja atau Sultan, didapati salasilah keturunan mereka mempunyai kaitan dengan keturunan Ahlul Bait dan mempunyai susur galurnya dengan kerajaan Champa. Seperti: Sultan Adiluddin yang merupakan pengasas dinasti Raja Kelantan pertama dari keturunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W.[213]

---

[210] *Ibid*., 10.
[211] *Ibid*., 125.
[212] Haji Abdullah Ishak, *op. cit*., (1992), 169.
[213] Baginda yang lebih dikenali Raja Loyor merupakan putera Datu Nik Jamaluddin, putera Wan Abdul Muzaffar, putera Sultan Abu Abdullah, Raja Champa yang bergelar Wan Bo pula ialah putera kepada Ali Nurul Alam (Sultan Qunbul), perdana Menteri Majapahit yang bergelar Pateh Aria Mada (1432-1467M) yang berpusat di Kelantan. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 165.

Selepas kemangkatan Sultan Adiluddin pada tahun 1607M, pemangku kerajaan Kelantan diganti oleh Sultan Samiruddin. Baginda adalah salah seorang adik Sultan Adiluddin. Pada tahun 1616M, Sultan Samiruddin mangkat kemudian kerajaan Kelantan diperintah oleh putera baginda yang bernama Sultan Abdul Kadir.[214]

Pada tahun 1619M, Sultan Abdul Kadir telah menggabungkan negeri Kelantan dengan persekutuan Patani dan perjanjian penggabungan itu selama 131 tahun sahaja. Pada tahun 1750M, Kelantan memisahkan pemerintahannya dengan Patani di bawah kekuasaan Raja Long Sulaiman dan pusat pemerintahannya berpindah dari Kota Pengkalan Datu ke Kota Kubang Labu. Baginda memerintah dari 1750M-1756M.[215]

Kemudian, pada tahun 1777M putera Raja Long Sulaiman iaitu Raja Long Yunus memindahkan pusat pemerintahan dari Kota Kubang Labu ke sebuah tempat yang bernama Pengkalan Galuh. Pada abad ke 19M, Pangkalan Galuh diubah namanya kepada Kota Baharu kerana kota tersebut berkembang menjadi pusat bandar yang besar. Jika dilihat kedudukan raja-raja Kelantan berdasarkan susur galur daripada Sultan yang pertama sehingga sekarang masih berketurunan Ahlul Bait (Syed) Rasulullah S.A.W.[216]

2.5.5 Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Pahang

Negeri Pahang adalah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan ia merupakan negeri yang sangat kaya dengan sumber alamnya seperti; biji timah, besi dan kayu-kayan. Sumber alam ini menjadi sumber utama ekonomi Pahang selain daripada menanam padi. Pada tahun 1456, negeri Pahang telah dikuasai oleh kerajaan

---

[214] *Ibid*., 165.
[215] *Ibid*., 168.
[216] Lihat rajah 13- 13.2. *Ibid*., 169 dan 171-173.

Melaka yang mana pada masa itu dibawah kekuasaan Sultan Mansur Shah.[217] Melaka juga merupakan sebuah kerajaan Islam yang menjadi pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam di Nusantara khususnya para pendakwah yang datang dari Hadramaut.[218]

Orang Arab telah sampai ke negeri Pahang lebih awal lagi iaitu sejak abad ke sepuluh (10M). Ini berdasarkan dua batu nisan yang ditemui di kampung Pematang Pasir, Pulau Tambun, Pekan Pahang. Setelah diteliti tulisan yang terdapat pada kedua batu nisan itu, ternyata ia kepunyaan seorang Wali Allah yang berbangsa Arab yang telah meninggal pada hari Rabu bersamaan 14 Rabiul Awal tahun 419H/999M.[219] Ini ada kemungkinan seorang Ulama besar datang dari Arab untuk berniaga atau berdakwah menyebarkan Islam di rantau Semenanjung Malaysia atau Nusantara, kemudian beliau sampai ke negeri Pahang dan meninggal dunia.[220]

Walau bagaimanapun bukti sejarah tentang berbentuk kedua-dua batu Nisan itu tidak boleh dijadikan asas tentang kedatangan keturunan Syed di Pahang kerana kedua-dua batu nisan tersebut tidak ada bukti siapakah sebenarnya orang Arab itu dan dari keturunan mana kehadirannya. Namun kedatangan keturunan Arab (Syed) ke Pahang dianggarkan bermula pada abad ke 15 dan 16M. Pada tahun 1494M, seorang bangsa Arab yang bernama Syed Ahmad yang bergelar Nahkoda dari Kampayang tinggal di Kuala Pahang.[221]

Menurut satu peristiwa, Syed Ahmad telah membantu Hang Nadim dari Melaka dalam usaha mengambil Tun Teja puteri kepada Bendahara Pahang yang ketika itu

[217] Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit*., (1984),30.
[218] Mohd. Jamil bin Mukmin, *op. cit*., (1994), 67.
[219] Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit*., (1984), 31-32.
[220] *Ibid*., 33.
[221] *Ibid.*, 35.

sudah bertunang dengan Sultan Pahang, untuk dipersembahkan kepada Sultan Mahmud Shah. Setelah Hang Nadim dan Syed Ahmad berjaya membawa Tun Teja dan dipersembahkan kepada Sultan Mahmud Shah maka mereka berdua mendapat hadiah dari Sultan iaitu; Hang Nadim mendapat emas dan perak yang sangat banyak, manakala Syed Ahmad mendapat gelaran Tun Setia Diraja.[222]

Setelah kerajaan Melaka runtuh disebabkan mengalami serangan daripada Portugis pada tahun 1511M, maka Sultan-Sultan Melaka telah berpindah ke negeri-negeri jajahannya seperti Johor, Pahang, Perak, Terengganu. Sebagai contoh; Sultan Abdul Ghafur menjadi raja di Pahang bermula pada tahun 1614M tetapi masih dalam kekuasaan kesultanan Johor. Kemudian di Pahang hanya dipegang oleh seorang Bendahara sebagaimana Bendahara Tun Abdul Majid yang pertama berkuasa di negeri Pahang.[223]

Pada masa itu juga, orang-orang Arab (Syed) baru mula berhijrah ke negeri Pahang secara berperingkat-peringkat. Keturunan Syed Habsyi merupakan keturunan Syed yang terawal tiba dan berpengaruh di Pahang. Mereka tiba di Pahang pada tahun 1803M di masa pemerintahan Tun Koris, yang diketuai oleh Syed ‘Abd al-Rahman b. Syed ‘Abd Allah. Syed ‘Abd al-Rahman adalah salah seorang dari kaum Syed ‘Alawiyyah yang berhijrah dari Hadramaut ke Batavia (Jakarta) sebelum ke Pahang. Setelah sampai di Pahang beliau berkahwin dengan adik perempuan Tun Koris yang bernama Cik Tuan Mahdiwi. Melalui perkahwinan tersebut telah melahirkan zuriat berketurunan Syed al-Ḥabsyi di Pahang.[224]

---

[222] *Ibid*.,
[223] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 222.
[224] Keluarga Syed al-Ḥabsyi adalah sama dengan keluarga-keluarga Syed ‘Alawiyyah yang lain menyusurgalurkan keturunan mereka kepada Rasulullah S.A.W. melalui cucunya Sayyidina al-Ḥusain, anak Sayyidatina Fātimah al-Zahra. Lihat: Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit*., (1984), 39.

Kemudian menyusul pula keturunan al-Yaḥya yang dibawa ke Pahang oleh Syed ‘Abd al-Rahman b. Syed Yasin, cucu kepada Syed ‘Aqil b Syed Aḥmad, iaitu peringkat keturunan kesebelas salasilah keturunan Syed ‘Alawiyyah di Hadramaut.[225] Seterusnya disusuli oleh keturunan al-Khirid yang dipimpin oleh Syed ‘Alī b. Syed Sulaiman. Beliau juga datang melalui Palembang. Di sana beliau berkahwin dengan puteri Raja Banjar kemudian dikurniakan seorang anak. Selepas itu, mereka berhijrah ke Pahang kira-kira pada tahun 1835M, iaitu, setahun selepas datanganya Syed ‘Alī al-Khirid berpindah pula ke Kampung Jenderik, Temerloh. Beliau berkahwin lagi dengan wanita tempatan. Hasil perkahwinan itu dikuruniakan seorang anak lelaki bernama Syed ‘Abd Allah dengan gelaran “ Orang Kaya Jenderik”.[226]

Demikian juga, kerajaan Pahang diperintah oleh keturunan Syed Ahlul Bait iaitu ketika perlantikan bendahara Tun Ahmad pada tahun 1882M, setelah Tun Ahmad dilantik menjadi Sultan Pahang maka Baginda memakai gelaran Sultan Ahmad Al-Muadzam Syah I, pemerintahanya sehingga tahun 1914M. Dengan ini Sultan Ahmad menjadi Sultan Pahang daripada keturunan bendahara yang pertama dari zuriat Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. melalui perhubungan nasabnya dengan Tun Habib Abdul Majid. Sultan Pahang yang memerintah pada hari ini ialah D.Y.M.M. Sultan Haji Ahmad Syah Al-Mustain Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Syah yang mula menaiki tahta pada tahun 1974M.[227]

---

[225] Mengenai perjalanan Syed Yasin b. Syed Aḥmad al-Yahya berpindah ke Terengganu, kemudian ada lagi keturunan al-Yahya yang datang ke Pahang. Lihat: Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit*., (1984), 41-49.
[226] *Ibid*., 49.
[227] Mengenai salasilahnya sila lihat rajah 17 dan salasilah 13-14 pada lampiran Salasilah Induk Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 224-225 dan 469.

2.5.6 Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Perak

Setelah keruntuhan kerajaan Melaka pada tahun 1511M, maka bangkit juga kerajaan Islam Perak pertama pada tahun 1528M dengan ditabalkan Raja Mudzaffar Shah sebagai raja Perak yang pertama dengan gelaran Sultan Mudzaffar Shah. Baginda memerintah kerajaan Perak dari tahun 1528-1549M. Kemudian selepas Baginda mangkat, pemerintahan kerajaan Perak digantikan oleh seorang puteranya yang bernama Raja Mansur. Baginda bergelar Sultan Mansur Shah yang memerintah dari tahun 1549M-1577M. [228]

Selepas Sultan Mansur Shah mangkat, pemerintah kerajaan Perak digantikan oleh Sultan Ahmad Tajuddin yang berkuasa dari tahun 1577-1584M. Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad ini telah diperkenalkan kanun Awal Perak yang bernama undang-undang 99 oleh Sayyid Hussein Al-Faradz.[229] Beliau juga merupakan guru Agama kepada Sultan tersebut sehinggalah keturunan dan anak cucu Sayyid Hussein al-Faradz ini dilantik memegang jawatan - jawatan yang penting dalam kerajaan Perak.[230]

Di antara anak cucu Sayyid Hussein yang memegang jawatan sebagai orang kaya menteri iaitu Sayyid Abdul Majid ketika kerajaan Melaka di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain Shah ibn Sultan Muhammad Syah Aminullah yang berkuasa dari tahun 1756-1770M. Kemudian dilantik pula Sayyid @ Syarif Abu Bakar

---

[228] M. A. Fawzi Basri, Cempaka Sari, *Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, (c.1, Perak, Ipoh: Yayasan Perak, 1986), 16.

[229] Beliau mempunyai keturunannya sebagai raja-raja Siak melalui salah seorang cucunya Sayyid Uthman Al-Syahab yang berkahwin dengan puteri Raja Alam di Siak bernama Tengku Embong Badariah. Hasil perkahwinannya mendapat seorang putera bernama Sayyid Ali yang menjadi raja yang pertama berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. Kemudian jawatan kerajaan Siak tetap dipegang oleh keturunan Sayyid Ali ini sehingga abad ke 20M sebelum kemerdekaan Indonesia. Lihat: (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 248.

[230] *Ibid*., 248.

memegang jawatan Bendahara. Semua pembesar-pembesar Arab ini adalah berasal dari keturunan Ahmad Esa al-Muhajir di Hadramaut. Selepas itu muncul lagi keluarga Arab yang masyhur di negeri ini, iaitu keluarga Al-Sagaf, Al-Idrus dan Al-Habshi.[231]

Dalam waktu yang sama, terdapat di antara keturunan Sayyid Abdul Majid yang berkahwin dengan keluarga diraja Perak iaitu Sayid Hassan berkahwin dengan Raja Shah Alam binti Sultan Muhammad Shah Aminullah, iaitu saudara kandung kepada Sultan Iskandar. Hasil perkahwinan tersebut dikurniakan seorang zuriat putera yang bernama Raja Bisnu atau Sultan Muda Alauddin Syah bin Sayyid Hassan.[232]

Melihat kepada susur galur keturunan Syed, bermula daripada Sultan Muda Alauddin Syah bin Sayyid Hassan telah mewarisi keturunan Ahlul Bait sehingga kepada Sultan Azlan Muhibbuddin Syah yang ditabalkan menjadi Sultan Perak pada 3hb Februari 1984M. Justeru itu setelah diteliti salasilah keturunan Sultan Perak samada dari pihak lelaki atau perempuan, mereka masih berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W.[233]

2.5.7 Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Perlis

Sebelum abad ke 18M, Negeri Perlis masih berada di bawah kekuasaan kerajaan Kedah dan pada tahun 1735M, Kedah telah didatangi oleh seorang Arab berketurunan Ahlul Bait daripada keluarga Jamalullail, iaitu Sayyid Aḥmad ibn Sayyid Hussein Jamalullail berasal dari Hadhramaut. Kedatangan beliau ke Limbong Kedah telah menimbulkan persoalan sama ada secara langsung dari Hadramaut atau telah singgah di

[231] M. A. Fawzi Basri, *op. cit.*, (1986), 146.
[232] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, 249.
[233] Lihat Rajah 25 pada *Ibid.*, 251.

mana-mana tempat atau menetap di Alam Melayu terlebih dahulu. Ini kerana keluarga Jamalullail sudah berada di Alam Melayu sejak abad ke 16M seperti di Acheh, Palembang dan negeri-negeri lain.[234]

Sayyid Aḥmad telah menetap bersama saudaranya yang juga berasal dari keturunan Ahlul Bait bernama Sayyid Muhammad Taha Al-Qadri yang telah lama menetap di Limbong Kedah, Kemudian Sayyid Ahmad telah dikahwinkan dengan anak perempuan Sayyid Muhammad Taha iaitu Syarifah Aminah. Pada tahun 1737M, Sayyid Ahmad dikurniakan seorang putera yang bernama Sayyid Harun (Sayyid Abu Bakar Jamalullail). Setelah Sayyid Harun meningkat remaja, bapanya Sayyid Ahmad telah meninggal dunia pada tahun 1751M.[235]

Sayyid Harun pernah merantau bersama bapa saudaranya iaitu Sayyid Umar al-Qadri di Chenak, kemudian beliau dikahwinkan dengan anak perempuan Sayyid Ibrahim (Tokku Chenak) Syarifah Mariam. Semasa Sayyid Harun di Chenak sebagai pendakwah Islam, pengaruhnya terhadap masyarakat sekitarnya sangat luar biasa sehingga Sayyid Harun hendak dinobatkan sebagai raja di Chenak oleh masyarakat di sana. Akhirnya, beliau dipanggil oleh Raja Singgora dan mengingatkan kepadanya bahawa situasi di sana kurang aman, maka Sayyid Harun bersama isteri dan keluarga Sayyid Ibrahim berpindah semula ke Kedah. Setelah sampai di Kedah, Syarifah Mariam isteri Sayyid Harun meninggal dunia tanpa mewarisi seorang zuriatnya.[236]

Ketika itu, Kedah di bawah pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Syah, melihat kebolehan yang dimiliki oleh Sayyid Harun itu akhirnya beliau menjadikan

---

[234] *Ibid.*, 160.
[235] *Ibid.*,
[236] *Ibid.*, 161.

menantunya dengan mengahwinkan puterinya bernama Tunku Safiah. Selepas daripada itu Sayyid Harun dilantik menjadi penghulu yang pertama di wilayah Arau (Perlis) pada tahun 1798M. Perkahwinan beliau dengan Tunku Safiah juga tidak mendapat keturunan, lalu beliau berkahwin lagi dengan puteri Dato' Johan Perkasa yang bernama Wan Fatimah. Akhirnya pada tahun 1805M, Sayyid Harun mendapat seorang anak lelaki bernama Sayyid Hussein.[237]

Pada tahun 1825M, Sayyid Harun telah meniggal dunia dan jawatan ketua penghulu Arau telah diwarisi oleh anaknya Sayyid Hussein atas dukungan Sultan Ahmad Tajuddin. Seterusnya Sayyid Hussein berkahwin dengan puteri Muhammad Arshad yang bernama Cik Safiah. Sayyid Hussein mempunyai cita-cita yang besar iaitu ingin menjadi seorang raja. Akhirnya, pada masa kerajaan Kedah mengalami kekacauan akibat serangan dari kerajaan Siam, serta dalam masa yang sama tiada pembesar yang berkuasa di Perlis sehingga 20 tahun. Maka Sayyid Hussein telah memerintah negeri Perlis dengan berbagai-bagai bantuan daripada bapa mertuanya Muhammad Arshad, para pembesar Perlis dan masyarakat Perlis. Sehingga pada tahun 1841, Sayyid Hussein dinobatkan sebagai raja Perlis yang pertama dan memerdekakan Perlis daripada kerajaan Kedah.[238]

Sayyid Hussein menaiki takhta dan berkuasa sebagai raja pertama yang berketurunan Arab dan Melayu di Perlis bermula dari tahun 1841M-1873M. Baginda mempunyai keturunan sebagai penerus kerajaan Perlis dan sehingga sekarang

---

[237] Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*, (Malaysia: MBRAS The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 2002), 70.
[238] *Ibid*., 68-70.

pemerintah kerajaan Perlis adalah berasal dari keturunannya iaitu: DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibn Almarhum Tuanku Syed Harun Putera Jamalullail.[239]

2.5.8 Sejarah Kedatangan Golongan Syed Di Negeri Sembilan

Pendakwah Arab berasal dari keluarga Ahlul Bait berada di Alam Melayu semenjak kegemilangan kerajaan Melaka. Selepas kejatuhan kerajaan Melaka, masyarakat Arab mula tersebar dan menetap di berbagai negeri dalam Semenanjung Malaysia termasuk Negeri Sembilan.[240]

Semasa Raja Ali dilantik sebagai Yamtuan Muda Rambau yang ke dua dan berkuasa dari tahun 1815-1832M, beliau mempunyai seorang menantu dari keturunan Ahlul Bait yang bernama Sayyid Shaaban bin Sayyid Ibrahim Al-Qadri. Pada tahun 1834M, Sayyid Shaaban menjadi Yamtuan di Tampin dengan gelaran Tengku Besar Tampin sehingga kemangkatannya pada tahun 1850M.[241]

Begitu juga, pada tahun 1870M, Sayyid Abdul Rahman sebagai Dato' Kelana (namanya Sending) yang sangat berpengaruh di Sungai Ujong serta beliau mampu menguruskan perlombongan biji timah di sana. Akhirnya pada bulan Ogos 1883, Dato' Penghulu Sayyid Ali bin Zain al-Jefry mengetuai rombongan menentang Yamtua Muda Raja Abdullah, bersama-sama para pembesar Jelebu di Sungai Ujong.[242]

---

[239] Lihat pada salasilah buku *Sejarah Kerajaan Perlis*, 332. Dan lihat salasilah pada rajah 11, (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 163.

[240] Negeri Sembilan terdiri dari gabungan sembilan negeri iaitu: Rembau, Jelai, Hulu Pahang, Klang, Sungai Ujong, Naning (negeri yang diduduki oleh orang-orang Minagkabau), Jelebu, Johol dan Segamat. Lihat: Khoo Kay Kim, Negeri Sembilan: *Sejarah dan Sistem Politiknya*, (Norazit Selat Editor, dalam buku Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang), (c.1, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd, 1990), 3.

[241] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit*., 174.

[242] Khoo Kay Kim, *op. cit.*, (1990), 16. Lihat: Muhammad Redzuan Othman, *op. cit.*, (1997), 92.

Seterusnya, peranan keluarga Syed seperti Sayyid Abdul Hamid memerintah Tampin menggantikan ayahnya Sayyid Shaaban yang memerintah dari tahun 1871 hingga 1883M dengan gelaran Tengku Besar Tampin yang kedua. Akhirnya keturunan Sayyid Abdul Hamid yang memerintah Luak Tampin sehingga tahun 1944M dan pemerintah seterusnya di Luak Tampin juga diwarisi oleh keluarga Ahlul Bait iaitu di bawah kekuasaan D.Y.T.M Tunku Besar Sayyid Idrus Al-Qadri.[243]

2.6 AKTIVITI GOLONGAN SYED BAGI MEMELIHARA PERHUBUNGAN DAN KEMULIAAN KETURUNANNYA DI MALAYSIA

Pada peringkat awal kedatangan keturunan Syed ke Alam Melayu khususnya di Malaysia mereka sudah mengikuti adat resam dan mengamalkan budaya masyarakat tempatan. Kehadiran mereka sangat dihormati dan disegani oleh masyarakat tempatan, kerana golongan Syed merupakan orang yang pertama menyebarkan agama Islam dan mengajar ilmu pengetahuan Islam kepada masyarakat di mana mereka berhijrah. Bahkan mereka mampu mempengaruhi dan merubah tradisi, budaya, bahasa tempatan yang memiliki amalan tidak menempati kehendak Islam kepada menjadi tradisi, budaya, bahasa, yang berasaskan nilai-nilai Islam tanpa disedari oleh masyarakat tempatan.[244]

Para pendakwah Islam yang berasal dari keturunan Syed ini sentiasa menjaga dan memelihara kemuliaan mereka sebagai keturunan Ahlul Bait. Ketika mereka berhijrah ke Tanah Melayu, mereka selalu membawa salasilah keturunan keluarga untuk membuktikan kepada masyarakat awam agar mereka tidak diragui tentang keturunan daripada susur galur keluarga Ahlul Bait. Pada peringkat permulaanya

[243] Lihat Rajah 14 (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, 174 – 175.
[244] Hafidzi Mohd Noor, *op. cit.*, (2007), 57.

salasilah itu hanya dibuat dan dimiliki oleh keluarga masing-masing, setelah mereka berhijrah ke Nusantara dan menetap di berbagai-bagai gugusan Alam Melayu. Akhirnya mereka membetuk persatuan kaum Syed Alawiyyah yang diberi nama Al-Rabitah al-'Alawiyyah yang berpusat di Jakarta dan mempunyai cawangan di Singapura bagi kawasan Tanah Melayu dan Singapura.[245]

Golongan Syed adalah keluarga yang sangat menjaga dan mementingkan pendidikan agama, keturunan ini mengutamakan pendidikan terhadap anak-anak mereka dalam bidang al-Quran, bahasa Arab, aqidah, fiqh dan sebagainya. Selepas itu anak-anak mereka dihantar pula untuk mendalami pendidikan Agama, bahasa Arab dan tradisi kekeluargaan Syed di Hadramaut seperti; Madrasah al-Mukalla dan madrasah-madrasah lain.[246] Setelah menamat pengajian, mereka terus berkhidmat kepada masyarakat sebagai mewarisi perjuangan orang tuanya seperti mengajar, berdakwah di Masjid, Surau dan mendirikan sekolah-sekolah Agama. Ada di antara mereka yang berkhidmat sebagai Mufti di negeri-negeri yang mereka menetap atau sebagai Mufti di peringkat kebangsaan.[247]

Keturunan keluarga Alawiyyin di Malaysia juga turut mendirikan Institut Salasilah Assadah pada 3 April 2005 atas inisiatif beberapa keluarga Syed. Satu program yang dianjurkan oleh institut ini adalah melakukan aktiviti mecari jodoh antara Syarif dan Syarifah, iaitu perkahwinan yang sekufu (Kafaah). Bagi golongan wanita (Syarifah) sangat digalakkan untuk berkahwin dengan keturunan Syed supaya

---

[245] Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit.*, (1998),147-148.
[246] Peter G. Riddell, *Religious Links Between Hadhramaut And The Malay- Indonesian World, C. 1850 To C. 1950,* (Ulrike Freitag And William Clarence-Smith, ed., *Hadhrami Traders, Scholars And Statesmen In The Indian Ocean, 1750S-1960S,* Leiden- New York- Koln: Brill, 1997), 218.
[247] *Ibid*., 222.

keturunannya sentiasa terpelihara dan berada dalam nasab yang sama. Ini adalah salah satu cara untuk menjaga kehormatan keluarga Syed. [248]

2.6.1 Peristiwa dan Kekeramatan Golongan Syed

Kekeramatan merupakan suatu anugerah Allah khusus kepada hambaNya yang memiliki sifat-sifat kehambaan yang sangat taat. Golongan Syed sering dikurniakan oleh Allah beberapa kelebihan luarbiasa yang menunjukkan kekeramatan darah yang mengalir dalam diri mereka. Terdapat beberapa peristiwa kekeramatan yang pernah terjadi di kalangan ulama golongan Syed di Nusantara sebagai pengiktibaran kepada masyarakat antaranya;

Syeikh Daud Al-Fatoni berasal dari rumpun Sayid Hussein Jamadil Kubra, kegemaran beliau ialah makan sirih ketika mengajar. Ketika beliau sedang mengajar, kebiasaannya tanpa melihat pada kitab, tiba-tiba beliau melambai-lambai tangannya. Apabila ditanya oleh muridnya maka beliau menjawab bahawa dia sedang menolong orang karam di lautan. Setelah diangkat tangannya kelihatan lengan bajunya basah. Syeikh Daud menyuruh muridnya mengecapi air di lengan bajunya maka terbukti rasanya masin. Selepas itu muncul seorang lelaki yang datang dalam keadaan basah kuyup lalu menceritakan ketika lemas di lautan, beliau menyebut nama Syeikh Daud sebanyak tiga kali, tiba-tiba beliau melihat sepasang tangan muncul menggapainya kemudian dia berada di tepi pantai dalam keadaan selamat.[249]

---

[248] Sayid Muhammad Al-Sofi Al-Jufri, (*Setiausaha dan Penyelidik Institut Silsilah Assadah* di Rumahnya Taman Sri Gombak) dalam temubual dengan penulis, 1Mei 2009.
[249] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*,62-63

Suatu peristiwa lain, sekumpulan puak wahabi ingin membongkar kubur Syeikh Daud yang dikatakan mereka membenci kubur-kubur keramat. Sebelum kejadian, Sheikh Muhammad bin Ismail Al-Fatoni (Syeikh Nik Mat Kecik) bermimpi berjumpa dengan Syeikh Daud dan meminta beliau memindahkan jenazahnya, lalu pada malam itu juga kuburnya digali. Kelihatan semua jasadnya masih utuh termasuk kain kafannya masih baru. Jenazahnya dipindahkan dari Taif ke Mekah dan dikebumikan di sekitar halaman rumah Syeikh Nik Mat Kecik.[250]

Sayid Habib Nuh adalah wali besar di Alam Melayu, semasa kehidupannya, beliau seolah-olah tidak dipedulikan, namun kekeramatannya telah zahir selepas kewafatannya dan menjadi buah percakapan orang ramai. Antara peristiwa yang pernah terjadi, seorang Gabenor Singapura bernama Crawford telah menghina Sayid Habib Nuh, tiba-tiba kereta kudanya terlekat di bumi dan tidak boleh bergerak. Setelah memohon maaf, kemudiannya Sayid Habib Nuh menepuk-nepuk kaki kuda itu, sejurus selepas itu barulah kudanya dapat berjalan seperti biasa.[251] Walau bagaimanapun dendam Crawford masih belum padam, satu ketika beliau mengarahkan orang-orangnya menangkap dan merantai kedua-dua kaki dan tangan Syaid Habib Nuh serta dipenjarakan. Anehnya walaupun dipenjarakan, tetapi Sayid Habi Nuh kelihatan berada di luar penjara, bila ditangkap dan dimasukkan semula oleh pegawal penjara, perkara yang sama tetap terjadi, akhirnya Crawford akur dan membebaskan Sayid Habib Nuh seperti biasa.

Sebelum kewafatan Sayid Habib Nuh, beliau telah mewasiatkan supaya jenazahnya di kebumikan di bukit Jalan Palmer di Singapura. Walau bagaimanapun saudara maranya tidak mahu mengebumikan di situ memandangkan tanahnya dihakis

---

[250] *Ibid*.,63.
[251] *Ibid*.,63-64.

oleh air laut. Lalu diputuskan pengebumiannya di tempat lain. Setelah selesai mandi, kafan dan solat, ketika jenazah hendak dibawa ke kubur. Jenazahnya tidak terangkat seolah-olah melekat di lantai, walaupun telah diangkat beramai-ramai. Apabila dibincang dan dicadangkan oleh orang-orang alim supaya pengebumiannya di tempat yang diwasiatkan, maka serta merta jenazahnya boleh diangkat dan disempurnakan dengan baik. Sehingga hari ini tanah perkuburanya masih terpelihara.[252]

Banyak lagi peristiwa-peristiwa kekeramatan seumpamanya berlaku kepada golongan Syed yang lain seperti Wali Songo di Tanah Jawa khsusnya Maulana Malik Ibrahim, Maulana Rahmatulla (Sunan Ampel) dan Syarif Hidayatullah. Tok Pulau Manis, Tuk Ku Malaka, Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh di Tanah Melayu khususnya di Terengganu.

2.7 KAEDAH DAKWAH YANG DIGUNAKAN OLEH GOLONGAN SYED DI MALAYSIA

Islam mula dikenali dan tersebar di bumi Nusantara bermula pada abad ke 15M khususnya di Malaysia melalui berkat usaha yang dilakukan oleh para pendakwah yang datang dari Arab (Hadramaut). Mereka adalah para pendakwah yang terdiri daripada ulama' golongan Syed yang berwibawa serta menguasai ilmu-ilmu Islam seperti ilmu Tasawuf, ilmu Fiqh dan ilmu Aqidah yang sangat mendalam. Sifat mereka sangat bertakwa kepada Allah S.W.T. dan mempunyai keperibadian yang sangat baik dan sempurna. Perkara ini dapat dilihat terutama ketika mereka berdakwah kepada masyarakat umum dan ternyata dakwah mereka sangat mudah diterima di kalangan masyarakat awam atau masyarakat kelas menengah, sehingga Islam begitu mudah

[252] *Ibid*.,64.

diterima di kalangan masyarakat tidak mengira peringkat memandangkan keistimewaan mereka memiliki budi pekerti yang tinggi serta metod dakwah yang telah mereka gunakan adalah benar-benar mencontohi sifat-sifat peribadi Rasulullah S.A.W.[253]

Para ulama yang menyebarkan Islam di Nusantara mempunyai keilmuan tasawuf yang sangat tinggi, seperti di Melaka, Syeikh Ismail, Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Ishak, Maulana Yusuf, Sidi Arab dan lain-lain. Di Aceh pula terdiri daripada; Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Samsudin Al-Sumaterani, Syeikh Nurudin al-Raniri, Syeikh Abdul Rauf Singkil. Begitu juga beberapa ulama Sufi yang terlibat dalam penyebaran Islam di Jawa. Antara mereka adalah keturunan Wali Songo yang terdiri daripada Syeikh Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Darajat, Sunan Giri, Sunan Gunung Jati, Sunan Kudus dan sebagainya.[254]

Mereka itu berdakwah dalam menyebarkan Islam dengan metod yang diajar oleh Rasulullah S.A.W. iaitu *da'wah bil ḥal* pada masyarakat dan tidak melakukan kekerasan atau dengan jalan peperangan. Sebagaimana Syed Muhammad Naqiub Al-Attas menjelaskan salah satu faktor berhasilnya penyebaran Islam di Nusantara adalah faktor otoktoni, atau keadaan di mana sesuatu itu dianggap telah sedia ada, sejak purbakala, sebagai kepunyaan atau sifat kebudayaan sesuatu masyarakat. Di sini faktor otoktoni itu dikenakan kepada ilmu tasawuf Islam yang seolah-olahnya serupa kandungannya dengan kepercayaan yang telah sedia ada sejak purbakala. Inilah antara faktor penyebab yang memudahkan penerimaan agama Islam itu dalam kalangan masyarakat.[255]

---

[253] Haji Abdullah Ishak, *op. cit.*, (1992), 117.
[254] *Ibid.*, 118.
[255] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *op. cit.*, (1999), 25.

Seorang daripada Ulama Wali Songo, Syeikh Maulana Malik Ibrahim ketika pertama kali beliau memijakkan kakinya di Jawa pada tahun 1392M, aktiviti pertama yang dilakukan dalam berdakwah kepada masyarakat Jawa dengan membuka kedai runcit dan menjual bahan makanan keperluan masyarakat setempat. Beliau menjual dengan harga yang sangat murah sehingga masyarakat sangat menyukai dan menyayangi beliau. Kedua, sambil berdagang juga beliau mengajar kepada masyarakat kelas bawahan untuk belajar bercucuk tanam. Beliau juga seorang Tabib yang boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit dengan keizinan Allah S.W.T. bahkan beliau pernah mengubati puteri Raja Majapahit.[256]

Pada tahun 1419 selepas beliau membina pondok dan surau sebagai tempat untuk belajar Agama Islam di Leran Gresik Jawa Timur, beliau mulai berdakwah secara terbuka dengan mengajak kepada masyarakat tempatan untuk menganut agama Islam. Beliau mengajar kepada masyarakat membaca al-Quran dan Fardu ‘Ain sehingga Islam mulai tersebar dengan cepat di Pulau Jawa. Kaedah yang beliau gunakan ketika berdakwah ialah dengan cara berlemah lembut, berbudi bahasa, ramah dan ketinggian akhlaknya. Bahkan ketika beliau menghadapi perbezaan kepercayaan di kalangan masyarakat, beliau tidak menentang secara keras agama dan kepercayaan penduduk tempatan. Beliau juga tidak tergesa-gesa menghapuskan adat istiadat masyarakat Jawa yang bercanggahan dengan agama Islam ketika itu. Namun beliau hanya mempamirkan keindahan serta ketinggian ajaran dan nilai-nilai yang dibawa oleh Islam.[257]

---

[256] Majalah al-Kisah No. 23/Tahun V/5-(18 November 2008), 153-154.
[257] *Ibid*., 154.

2.8 SUMBANGAN GOLONGAN SYED DALAM PERKEMBANGAN ISLAM

Para pendakwah Islam (golongan Syed) yang datang daripada tanah Arab khususnya Hadramaut, Yaman telah membawa fahaman Sunni bermazhab Syafi'i dengan berakidah Ahli Sunah Wal Jemaah. Ketika mereka sampai di Nusantara dalam rangka menyebarkan dakwah Islam di Bumi Nusantara ini, kesan penerimaan Islam daripada penyebarannya berkekalan sehingga ke hari ini. Masyarakat tersebut mengikuti fahaman yang telah diajarkan oleh ulama-ulama yang datang dari tanah Arab itu.[258]

Islam mula berkembang luas ke seluruh gugusan Nusantara iaitu pada masa kejayaan kerajaan Melaka. Kerana pada masa itu kerajaan Melaka dijadikan pusat penyebaran Islam di Nusantara. Selepas itu, para ulama golongan Syed bersama-sama masyarakat yang telah memeluk Islam membina pusat-pusat pendidikan Islam seperti masjid, surau, pondok, madrasah. Sistem pendidikan yang dibawa oleh ulama golongan Syed daripada negeri asal mereka telah diterapkan di sini sebagai asas penyebaran Islam di rantau ini. Justeru itu sekiranya penulis melihat dan meneliti sistem pendidikan pondok dan kitab yang dijadikan rujukan adalah hampir sama dari segi nilai dan isi kandungan yang ada di Malaysia, Indonesia dan Pattani sehingga sekarang.[259]

Seterusnya, Islam mengubah *world view* masyarakat Melayu daripada mempercayai roh, semangat, dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan yang maha Esa, percaya adanya rasul-rasul, nabi-nabi, malaikat, kitab suci dan hari akhirat. Keimanan mereka diikuti dengan amal ibadat seperti; solat, puasa, mengeluarkan zakat, dan menunaikan ibadah haji. Masyarakat Melayu Islam juga merayakan hari-hari

---

[258] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, (cet.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1991), 10.
[259] *Ibid.*,10.

kebesaran dalam Islam seperti; mengadakan sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan Nuzul al-Quran.[260]

Selepas kehadiran majoriti orang-orang Arab yang berhijrah ke Malaysia berasal dari Hadhramaut menjelang pertengahan abad ke-19. Ramai di kalangan mereka yang mempunyai kewibawaan dalam bidang agama dan mereka amat dihormati, banyak sumbangan mereka terhadap perkembangan Islam di Malaysia antaranya;

i. Pengislaman ke atas orang Melayu.

Terdapat huraian jelas dalam karya-karya sastera Melayu tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai* telah menyatakan peranan yang dimainkan oleh orang Arab dalam proses mengislamkan orang Melayu. Kisah pengasas kerajaan Pasai, iaitu Merah Silu bermimpi bertemu dengan Rasulullah turut diceritakan dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Peristiwa ketibaan Shaykh Ismail di pelabuhan yang dihantar oleh pemerintah Mekah bagi menyebarkan agama Islam kepada penduduk Pasai juga diceritakan.[261] Dalam sejarah Melayu, terdapat peristiwa Sultan Muhammad Shah Melaka bermimpi bertemu dengan Rasulullah dan mengajarnya syahadah. Dalam mimpinya itu baginda diminta menjemput seorang Arab bernama Sayyid Abdul Aziz yang datang dari Jeddah, pada keesokan harinya di pelabuhan.[262] Peristiwa seorang pendakwah Arab bernama Shaykh Abdullah al-Yamani yang dikatakan datang terus dari Semenanjung Tanah Arab juga diceritakan dalam hikayat Merong Mahawangsa. Beliau bertanggungjawab menukarkan agama sultan Kedah kepada agama Islam dan baginda kemudiannya dikenali sebagai Sultan Muzaffar Shah.

---

[260] Sazelin Arif et al., *Tamadun Islam dan Tamadun Asia,* (Malaysia, Shah Alam: Mc Graw Hill Education, 2006), 80.
[261] G.W.J. Drewes, "New Light on the Coming of Islam to Indonesia?", *Bijdragen Tot de Taal, Land-en Volkenkunde,* Vol. 124, (1968), 437- 438
[262] *Ibid*, 437-438.

ii. Pentadbiran Islam.

Melihat kepada pengetahuan agama mereka yang mendalam, peranan penting yang dimainkan oleh mereka ialah urusan yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran agama Islam di negeri-negeri Melayu, orang Melayu amat menghormati mereka untuk memegang urusan penting yang berkaitan dengan pentadbiran agama di negeri-negeri Melayu seperti Kedah, seorang ulama bernama Shaykh Abdul Jalil al- Mahdan dari Sana'a, Yaman pada tahun 1122AH/1710M, dilantik menjadi guru agama Sultan.[263] Di Terengganu, keluarga Arab yang paling berpengaruh ialah keluarga al-Idrus yang bermula dari keturunan Sayyid Zainal Abidin dan paling terkenal ialah Syed Muhammda bin Zainal Abidin al-Idrus.[264] Manakala di Johor, penghormatan di berikan kepada orang-orang Arab dalam pentadbiran hal ehwal agama ialah dari keluarga al-Attas, contohnya Sayyid Ahmad al-Attas telah dilantik menjadi Mufti Johor pada tahun (1873), Sayyid Mohamad al-Attas, Mufti tahun (1883), Sayyid Salim Ahmad al-Attas sebagai Shaykh al-Islam dan Sayyid Alwi Tahir al-Haddad, Mufti tahun (1934).[265]

Selain dari tiga negeri di atas, berlaku juga di negeri-negeri lain seperti di negeri Perak, Sayyid Hussain al-Faradz Jamalullail menjadi guru kepada Sultan Muzaffar Shah I.[266] Di Kelantan, seorang Arab Hadhramaut juga amat dihormati seperti Shaykh Daud bin Shaykh Muhammad al-Bahrain sebagai Mufti (1845-1855) semasa Sultan Muhammad II (1837-1886).[267] Di sini menunjukkan penghormatan yang diberikan kepada orang-orang Arab Hadhrami di Malaysia sangat tinggi pada ketika itu sehingga

---

[263] Othman Ishak, "Some Aspects of the Administration of Islam in Kedah", dalam Asmah Haji Omar ed., *Darulaman. Essays On Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysian State of Kedah* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1979), 186

[264] Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perubahan Dalam Pentadbiran Terengganu 1893-1942", *Warisan,* No. II, (1982), 67.

[265] Pejabat Agama Islam Johor, 68/34, Arkib Negara Malaysia (Cawangan Johor Bahru), 8 Mac 1934.

[266] R.O Winstedt, "The Hadhramaut Saiyids of Perak and Siak", *JSBRAS*, (September 1918), 51.

[267] Ihsan Hardiwijaya Ibaga, *Ulama' dan Sistem Pondok di Kelantan Abad ke 19"*, (Dian, No., 120, Mei 1979), 23.

boleh dikatakan setiap perlantikan ke jawatan tertinggi agama seperti Shaykh al-Islam dan mufti sering diberi keutamaan kepada mereka yang berketurunan Arab.

iii. Pendidikan Islam

Golongan Syed yang mempunyai kekayaan sering mengutamakan perkembangan pendidikan bagi menanamkan kefahaman Islam dalam masyarakat sekitar. Orang Arab yang memiliki kekayaan, mereka berperanan membina masjid sebagai tempat kegiatan keagamaan dan keilmuan terutamanya awal abad ke 20. Melalui pembinaan masjid ini, aktiviti keagamaan lebih terpusat kepada suatu tempat sahaja dan ia memudahkan pihak pengurusan. Di sini, mereka dapat menyusun dan menjalankan banyak program keagamaan seperti kelas fardhu ain, mengaji al-Quran, kuliah agama, menyampaikan khutbah dan menjadi imam. Dengan cara ini masjid turut dijadikan pusat keilmuan yang penting kepada masyarakat, selain daripada tempat mengerjakan ibadah harian.[268]

Beberapa sekolah agama yang dikenali "Sekolah Arab" atau "madrasah" telah dibina awal abad ke-20 dengan menggunakan dana daripada dermawan oleh hartawan Arab termasuk pembayaran gaji guru dengan menggunakan kaedah wakaf.[269] Seorang Arab yang bernama Sayyid Hassan al-Attas telah membina beberapa buah Sekolah Arab di Tanah Melayu. Beliau merupakan anak kepada Sayyid Ahmad bin Sayyid Hassan al-Attas yang amat dihormati serta disanjungi kerana kealimannya dan sebagai seorang pedagang dari Hadramaut yang datang ke Pahang awal abad ke 19.[270] Memandangkan Sayyid Hassan sangat baik dan akrab dengan Sultan Pahang, maka beliau telah dianugerahkan sebayak 14 000 ekar tanah yang dijadikan tapak pertanian

[268] Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, "*Kelantan In Transition*: *1891-1910"*, dalam William R. Roff (sunt,) Kelantan. *Religion Society and Politics in a Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), 27.
[269] M.A. Rauf, "Islamic Education" *Intisari*, Vol. II, No. 1, (t.t.), 22-23.
[270] Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 336.

selama 99 tahun. Di Johor juga beliau dianugerahkan konsesi tanah seluas 2000 ekar di Johor Bahru kerana hubungannya yang erat dengan Sultan Johor.[271] Melalui kekayaan tersebut beliau telah menubuhkan sebuah sekolah agama yang pertama di Johor pada 1913 iaitu Madrasah al-Attas al-Arabiyah. Sayyid Hassan juga menubuhkan Madrasah Lil-Bannath atau Madrasah Perempuan al-Attas yang dikhususkan untuk pelajar-pelajar wanita di Wadi Hassan (Kampung Habib Hassan). Seterusnya beliau telah mengasaskan Kuliah al-Attas iaitu sebuah maktab pengajian Islam di Johor Bahru.[272]

Sayyid Hassan juga menubuhkan Madrasah al-Attas Ketapang di Pekan pada tahun 1923 dan sebuah lagi Madrasah di Kuala Tekal, Temerloh pada 1925. Kedua-duanya di Pahang. Selain Sayyid Hassan terdapa golongan Arab lain yang kaya telah memanfaatkan kekayaan mereka untuk membina beberapa buah sekolah di Pulau Pinang. Sumbangan ini telah diberikan oleh keluarga al-Manshor di Pulau Pinang dan keluarga al-Junayd dan al-Sagoff di Singapura.[273]

Sumbangan yang diberikan oleh orang Arab dalam bidang pendidikan baik merupakan pembiayaan atau sebagai tenaga pengajarnya terbukti meningkatkan lagi penghayatan Islam di kalangan masyarakat Melayu. Dengan demikian mereka dapat meningkatkan lagi kekuatan pegangan aqidah umat Islam.

2.9 PENGARUH GOLONGAN SYED DALAM PENYEBARAN ISLAM

Jika dilihat dari perspektif persejarahan tidak dapat dinafikan bahawa kemunculan manuskrip Melayu-Jawi adalah ditunjangi oleh pengetahuan agama Islam

[271] Aminudin bin Abd. Rashid, "Syed Hassan bin Ahmad al-Attas: Satu Kajian Biografi" (latihan ilmiah sarjana muda Universiti Malaya 1995/96), 55.
[272] *Ibid*., 93-96.
[273] Rahim Osman. "Madrasah al-Sagoff al-Masyhur al-Islamiyyah" dalam Khoo Kay Kim, et al., *Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 76-77.

dan bahasa Arab. Kedua-dua aspek ini amat sukar dipisahkan kerana sumber utama agama Islam ialah al-Quran yang tertulis dalam bahasa Arab. Ini kerana para pendakwah yang awal tiba di sini kebanyakan adalah berbangsa Arab (Hadramaut). Oleh sebab itu, pengaruh bahasa Arab sangat dominan berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dalam bahasa Melayu. Bagi keperluan dakwah dan pendidikan, para pendakwah terpaksa menulis dan menterjemahkan al-Quran dan kitab-kitab agama berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Maka lahirnya manuskrip-manuskrip Melayu-Jawi.[274]

Dalam manuskrip Melayu, terdapat beberapa penggunaan istilah yang dipinjamkan daripada bahasa Arab, seperti; perkataan "kertas"(Arab:qirtas), "dakwat" (Arab:dawat bermaksud ink/tinta), dan pena (Arab:qalam). Ketiga-tiga perkataan itu merupakan alat untuk menulis manuskrip. Pengaruh ini dibawa oleh pendakwah Arab yang sudah mengenali kertas semenjak abad pertengahan ketujuh. Manuskrip-manuskrip yang telah ditemukan itu kebanyakan tidak dituliskan pengarangnya. Kemungkinan, ulama-ulama Tasawuf yang tidak mahu menulis namanya dalam tulisan manuskrip tersebut disebabkan mereka bersifat tawaddu', zuhud dan tidak mahu menonjolkan diri. Seperti; "*Kitab Syarh Jawharah al-Tawhid*" kitab ini tidak dijelaskan pengarangnya bahkan menyembunyikan namanya.[275]

Sedangkan peranan penyalin, penterjemah dan pemilik manuskrip sangat penting, selain memelihara nama pengarang ia juga berperanan sebagai pewaris dan penyebar ilmu. Tanpa usaha mereka, sudah tentu naskhah-naskhah Melayu yang banyak itu tidak dapat dilihat atau diketahui oleh generasi kita pada hari ini. Di Malaysia sebuah persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara telah ditubuhkan, di

[274] Mahayudin Haji Yahaya, *op. cit*., (1998), 65.
[275] *Ibid*., 73.

antara mereka yang pakar dalam pengkajiannya adalah al-Marhum Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Beliau banyak melakukan kajian terhadap manuskrip-manuskrip Melayu yang sangat berharga seperti penemuan terhadap karya Syeikh Faqih Jalaluddin Al-Asyi sebagai generasi penyambung ulama-ulama Aceh yang terkenal, antara karyanya; *Kitab Hidayatul 'Awam* [276], *Kitab Manzharul Ajla ila Martabatil A'la* [277], *Safinatul Hukkam fi Talkhishil Khisham*.[278]

Banyak lagi manuskrip-manuskrip lain yang telah dikaji oleh al-Marhum Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah tersebut antaranya manuskrip-manuskrip kitab yang telah ditulis oleh ulama-ulama Terengganu, Ulama Brunei Darussalam.[279] Selain daripada manuskrip tersebut, terdapat penemuan Batu Bersurat A-D berhampiran Kampung Buloh, Kuala Berang Ulu Terengganu yang mengandungi beberapa rakaman sejarah yang tertera pada keempat-empat permukaan batu tersebut. Setelah dibuat kajian dan analisa oleh ahli sejarah terhadap kandungan yang tertulis pada Batu Bersurat itu, kemudian batu tersebut dipindahkan ke Muzium Negara Kuala Lumpur. Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang merupakan salah seorang di antara ahli sejarah telah menghuraikan perkataan atau kalimah yang tertulis pada Batu Bersurat tersebut.[280]

---

[276] Dalam kitab ini menceritakan tentang teguran terhadap seorang Raja yang mesti takut kepada Allah S.W.T dan kitab ini ditulis pada 5 Muharram 1140H/1727M.

[277] Kitab ini telah selesai ditulis oleh Pengarangnya pada tahun 1152H/ 1739M.

[278]Kitab ini mula ditulis oleh Pengarangnya pada hari Jumaat 1153H/1740M dan masih banyak lagi karya tulisan beliau. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu,* (jilid. 6, Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu, 1999), 42-50.

[279] Ulama-ulama itu seperti; Syed Muhammad bin Syed Zainal 'Abidin al-'Idrus, Syed Ahmad Bin Syed Muhammad, dan sebagainya. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu,* (jilid. 14, Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu, 1999), 1-57.

[280] Penghuraian perkataan / kalimah itu dan tarikhnya. Lihat: Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *Terengganu Dari Bentuk Sejarah hingga Tahun 1918M,* (cet.1, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, (1978), 50-90.

2.10 KESIMPULAN

Daripada perjalanan sejarah orang Arab keturunan Syed Hadramaut ternyata mereka telah meliputi semua kawasan yang telah dijelajahi dan berdakwah melalui pelbagai pendekatan yang mudah diterima oleh masyarakat. Dari setiap negeri yang telah kunjungi di zaman yang berlainan, kehadiran mereka sangat disenangi oleh masyarakat bahkan dengan kemuliaan dan kewarakan yang dimiliki, kedudukan mereka telah diangkat kepada tahap yang lebih tinggi sehingga ke peringkat ketua kerajaan. Dalam berdakwah, mereka juga dapat menyesuaikan diri dengan begitu baik sekali walaupun terpaksa berkahwin dan terus menetap di kawasan yang mereka kunjungi dan tidak hairanlah mereka ini mempunyai pengaruh yang luar biasa melalui kelebihan yang dimiliki. Pengaruh itu dapat dikesan sampai hari ini termasuk di Terengganu. Daripada urutan sejarah inilah mereka telah keluar daripada Hadramaut dan di mana-mana sahaja di seluruh Nusantara. Kebijaksanaan mereka berdakwah di samping keupayaan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat turut menyebabkan mereka mendapat tempat di dalam masyarakat. Daripada situ, pertapakan dan menyebar Islam oleh mereka semakin dihormati. Selama 500 tahun daripada peringkat awalnya sehingga hari ini.

Ternyata dengan kehadiran mereka di seluruh pelusuk Alam Melayu, keturunan mereka dipandang hebat dan sentiasa disanjungi serta dihormati di mana-mana ahli masyarakat. Sehingga hari ini masyarakat mengetahui bahawa nama-nama yang di mulai dengan Syed, Habib, Saidi dan seumpamanya merupakan keturunan keluarga Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. yang juga bergantung kepada panggilan menurut keluarga masing-masing seperti al-Idrus, al-Yahya, al-Saqqaf dan lain-lain.

Keberhasilan dakwah golongan Syed dalam penyebaran agama Islam dan membina tamadun Islam di Malaysia telah mendatangkan banyak kesan yang positif di mana-mana tempat yang dikunjunginya sudah sekian lama semenjak penemuan bukti-bukti sejarah seperti batu bersurat, batu nisan dan sebagainya.

Tidak hairanlah sehingga hari ini golongan Syed mempunyai sebuah persatuan dan memiliki jaringan yang hebat di seluruh dunia bagi memelihara kemuliaan keturunannya dan mengeratkan hubungan antara mereka.

BAB TIGA

PERKEMBANGAN PENTADBIRAN ISLAM DI TERENGGANU

3.0 PENGENALAN

Kedatangan serta perkembangan Islam di Terengganu yang disusuli oleh pentadbiran di bawah kesultanan yang berunsurkan Islam telah membuka ruang kepada ulama golongan Syed menyertai pentadbiran kerajaan. Dari situlah ulama golongan Syed dapat melibatkan diri dan meluaskan lagi jaringan penyebaran dakwah mereka, kerana tanpa sistem ini sukarlah mereka untuk menembusi masyarakat pada masa itu.

Kehadiran Islam di Terengganu yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab khususnya daripada Hadramaut tidak akan mejanjikan suatu kejayaan dalam penyebaran Islam tanpa mendapat sokongan dan bantuan penduduk tempatan samada pembesar negeri, rakyat biasa dan orang perseorangan. Melalui bantuan dan kerjasama yang padu ini telah mengubah konsep kehidupan beragama di kalangan rakyat Terengganu yang melibatkan institusi kesultanan Terengganu tentang pentadbiran dan pemerintahan khususnya bersangkutan pentadbiran Islam yang melibatkan kekuasaan raja-raja, menteri besar, bahagian Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya.

Perbahasan ini difokuskan kepada beberapa perkara pokok berhubung jaling antara pedakwah golongan Syed dan bilangan penduduk negeri Terengganu, daerah atau kawasan, punca pendapatan dan sebagainya. Perkara ini berkait rapat dengan usaha lima orang tokoh ulama berketurunan Syed dalam pengembangan Islam di Terengganu, memandangkan di sana merupakan medan perjuangan mereka dalam perkembangan Islam. Adalah menjadi suatu kemestian dalam kajian ini, bahawa

gambaran awal tentang negeri Terengganu perlu didedahkan kepada pembaca terutamanya orang luar dari Terengganu. Mereka memerlukan kepada informasi terlebih dahulu tentang lokasi lapangan kajian sebelum melihat kepada sumbangan yang telah diberikan oleh ulama tersebut secara terperinci serta berimpak tinggi terhadap seluruh rakyat negeri Terengganu dan Malaysia khasnya. Tambahan pula, kelebihan perjuangan mereka seiringan dengan pemerintah negeri Terengganu yang ditunjangi oleh golongan istana dan menteri besar yang berkuasa ketika itu. Apa yang lebih menariknya sebahagian daripada golongan ulama ini dilantik oleh sultan untuk memegang jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri Terengganu seperti menteri besar, mufti dan sebagainya.

Selaras dengan itu, huraian berkaitan latarbelakang negeri Terengganu di bawah tajuk perkembangan pentadbiran Islam di Terengganu serta keseluruhan perkara-perkara yang telah disebutkan di atas perlu ditonjolkan sebagai gambaran awal kepada pembaca dan pengkaji seterusnya, sebelum mereka melihat peranan dan sumbangan ulama golongan Syed yang menjadi penelitian khususnya dalam bab lima tesis ini.

3.1 KEMUNCULAN NEGERI TERENGGANU

Perkembangan dan pengasasan Islam di negeri Terengganu serta sistem kesultanannya memberi ruang dan peluang kepada kedatangan ulama luar termasuk golongan Syed, mereka menjadi wadah bukan sahaja untuk Islam berkembang mengikut tatarcara tempatan tetapi juga berdasarkan pengaruh luar yang dibawa bersama mereka. Sultan dan rakyat Terengganu juga menunjukkan sikap menerima baik kedatangan ulama luar. Tanpa institusi istana dan masyarakat atau anggota sosial yang sensitif kepada kehadiran dan penempatan ulama, mereka tidak akan dapat menjalankan

tugas dan meneruskan tanggungjawab mereka dan sukar untuk membentuk struktur suasana hidup mengikut imej dikehendaki.

Negeri Terengganu telah wujud seawal abad pertama[281] menurut bukti-bukti yang agak lemah, manakala kemunculan Terengganu dapat diketahui dalam abad kedua belas.[282] Perkataan Terengganu menurut ahli sejarah bermula daripada peristiwa sekumpulan pengembara daripada Pahang mengembara sehingga ke sebelah Ulu Terengganu. Setelah tiba di tepi sungai Terengganu Mati (sekarang), seorang daripada mereka berjumpa dengan satu taring, lalu rakan mereka bertanya taring apa itu, jawabnya "Taring Anu...". Oleh kerana dia tidak dapat menjawabnya taring apa, maka jawabnya seperti di atas.[283] Seorang daripada pengembara lain dapat menangkap rusa, sahabatnya bertanya dari mana rusa itu datang, jawabnya dari Taring Anu. Seterusnya rakan yang lain berjumpa dengan kayu gaharu, salah seorang di antaranya bertanya dari mana kayu gaharu itu, jawabnya dari tepi sungai Taring Anu. Lama kelamaan kata Taring Anu itu berubah kepada panggilan Terengganu.[284]

Kedudukan Terengganu menurut Ptolemy, dalam buku ilmu Alamnya "Golden Khersonese' bermula pada kurun kedua masihi, Semenanjung Tanah Melayu merupakan sebuah tempat yang kaya dengan bahan mentah dikenali oleh saudagar pelbagai bangsa dunia. Turut dijelaskan, pada abad ke VII lagi Terengganu sudah

---

[281] Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*,(c.2, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp, 1982), 6.
[282] *Ibid*.,
[283] MISBAHA, *Sejarah Terengganu*, (Terengganu: Mansor Printing Press, 1968), 33.
[284] Selain itu terdapat sebuah cerita lagi berkaitan dengan kewujudan nama negeri Terengganu ini di mana kata Terengganu itu berasal daripada kata Terangnya ganu atau Terangnya Anu. Perkara ini adalah berasal daripada peristiwa terdahulu yang mana pada suatu malam ramai orang sedang duduk di tepi pantai Negeri Kelantan, kerana hendak memperhatikan cahaya kilat yang memancar di kaki langit itu. Tiba-tiba kelihatan sebuah kilat yang memancar dengan terang sekali dan disusuli dengan petir yang sangat kuat seolah-olah membelah bukit dan pancaran sinar itu sampailah ke Kuala Sungai Terengganu. Oleh kerana hendak memperingati had sempadan lerengan cahaya yang ganjil itu maka tempat itu dinamakan Terang Ganu. Kemudian bila mana sudah menjadi negeri, maka nama itu menjadi Negeri Terengganu. *Ibid.*,

mempunyai pelabuhan yang maju.[285] Pelabuhan tersebut ialah Kole (Kuala Sungai Kemaman) dan Perimula (Kuala Sungai Terengganu).[286] Dalam abad ke XII, Cao Cu Fei menyebut dalam bukunya "Ling-wai Tai-ta[287] pada tahun 1178 satu tempat yang bernam Foloan iaitu Kuala Berang terletak di tepi Sungai Terengganu.[288]Di Foloan terdapat pelbagai hasil bumi termasuk "Su" dan "Can" (jenis-jenis kayu gaharu) kayu laka, gading dan lain-lain yang menjadi tarikan pedagang Arab dan Cina. Dari sini, Foloan menjadi tempat tumpuan saudagar Muslim khususnya dari Arab sebagai pusat perniagaan yang maju sehingga terbinanya "Pengkalan Langgar" (tempat belajar Agama Islam)[289]. Usaha dakwah semakin meningkat di kalangan orang Arab khususnya golongan Syed selepas penemuan batu bersurat di Kuala Berang pada Jumaat 4 Rejab 702H/ 22 Februari 1303M.[290] Peristiwa ini telah membuka jalan lebih luas kepada golongan Syed untuk terus berdakwah di Terengganu dan usaha mereka bertambah kukuh dengan mendapat sokongan daripada masyarakat tempatan.

3.2 KEDATANGAN ISLAM DI TERENGGANU

Kedatangan Islam ke Terengganu[291] boleh dikatakan ada kaitan dengan penerimaan Islam khususnya di Pasai. Ini kerana pada abad ke 13, Pasai adalah

---

[285] Haji Buyong Adil, *op. cit*., 5. Lihat juga Paul Wheatley, *The Golden Kheresonese*, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961), 144-145..

[286] *Ibid*.,

[287] Buku Ling-wai Tai-ta ini telah dijadikan rujukan oleh ahli sejarah Melayu iaitu; Lihat: Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (c.2, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp, 1982), 7.

[288] *Ibid*., 6-7. Lihat juga Paul Wheatley, (1961), 63.

[289] Husna Saadah binti Haji Saad, "Masyarakat Syed Al-Idrus : Kesan Dan Pengaruh di Terengganu" (latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991/1992),46. Lihat juga Umar Amir Husain, *Tarikh Bangsa Dan Bahasa Melayu*, (Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1962), 67-70

[290] Syed Muhammad Naqub al-Attas, *The Correct Date of The Terengganu Inscription*, (Museum Negara, Kuala Lumpur, 1970), 1.

[291] Kedatangan Islam di Terengganu unik dan istimewa. Ini kerana pengislaman di Terengganu dirakam pada Batu Bersurat Terengganu (BBT) yang di temui pada tahun 1902 di Kampung Buluh, Hulu Terengganu. Sila lihat, Engku Pangeran Anum, *How To Terengganu Stone was Found, Malay In History*, (Vol. VII, September 1961), 30. Walau bagaimanapun dijangka penerimaan Islam di Terengganu sebenarnya lebih awal daripada tarikh pada BBT. Ini kerana pada ketika pengistiharan tarikh sebagaimana yang tercatat di BBT, Islam telah mantap di Terengganu. Tarikh pengistiharan Islam yang tercatat dalam BBT ialah pada Jumaat, Rejab 702H. Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas mengatakan tarikh tersebut bersamaan dengan 22 Februari 1303M. (Sila lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Correct Date of The Terengganu Inscription*, (Kuala Lumpur, 1970),1.)

pelabuhan bagi pedagang-pedagang Islam yang penting.[292] Kuala Berang juga menjadi pusat perniagaan dan pusat pemerintahan di Terengganu pada masa itu. Ini kerana Hulu Terengganu pada zaman tersebut menawarkan hasil bumi seperti emas dan perak, hasil hutan, pertanian dan pelbagai jenis ternakan yang boleh diperdagangkan.[293]

Selain itu terdapat kubur-kubur lama orang-orang Pasai di Hulu Terengganu yang menunjukkan kehadiran mereka di sana. Adalah dipercayai pengislaman di Terengganu berlaku di dalam tempoh masa yang boleh dikatakan bersamaan dengan Pasai iaitu pada akhir abad ke 13 lagi.[294]

Terdapat pandangan lain menyatakan bahawa pada abad ke empat belas, agama Islam[295] telah masuk dan tersebar ke Semenanjung Malaysia umumnya dan Terengganu khususnya ini berdasarkan penemuan bukti sejarah berupa batu bersurat yang dijumpai berhampiran dengan Kampung Buluh di Sungai Tersat, Kuala Berang di Ulu Terengganu pada tahun 1889. Pada Batu Bersurat tersebut telah ditulis dengan tulisan Arab-Jawi yang mana isi kandungannya berkaitan tentang beberapa larangan dalam

---

[292] Tarikh penerimaan Islam sejajar dengan susulan penerimaan Islam sezaman dengannya di beberapa tempat yang lain seperti di Pasai pada tahun 1282M yang mempunyai hubungan rapat dengan negeri-negeri Melayu di pantai timur. Menurut sejarah, Pasai di antara pusat penyebaran Islam yang berkembang pesat di Nusantara. Pendakwah-pendakwah Islam yang datang dari Semenanjung Arab seperti Mekkah dan Hadramaut, Yaman yang bermazhab Shafi'i. Walau bagaimanapun, terdapat pendapat lain berhubung tarikh sebenar permulaan kerajaan Islam di Pasai. Pendapat tersebut mangatakan tarikh sebenar permulaan kerajaan tidaklah berlaku pada abad ke 13, bahkan sejak abad ke-11 lagi. (Lihat, Abdul Rahman b. Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, 2000), 242; Amir Syarifuddin, *Pengaruh Mazhab Dalam Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh di Asia Tenggara*, 1995), 9; Menurut sejarah, sejak awal kerajaan Islam Pasai ditubuhkan, ia telah dipengaruhi oleh mazhab Syiah, namun mengikut satu pendapat yang mengatakan semasa pemerintahan Sultan Malik al-Salih pada tahun (1261-1269) kerajaan Pasai bertukar ke aliran Sunni khususnya kepada mazhab Shafi'i. Ini kerana baginda telah didatangi oleh utusan Sharif Makkah di bawah pimpinan Sheikh Ismail al-Siddiq (al-Zafri). Lihat Warsito S., et. al., *Di Sekitar Kebatinan*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1973), 53.

[293] Wheatley, Paul, *The Golden Khersonese*, (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, Universiti Malaya, 1966), 51-52.

[294] Shafie b. Abu Bakar, *Sejarah Penerimaan, Perkembangan dan Perlaksanaan Syariat Islam*, (Terengganu Draul Iman, 2003), 2-3

[295] Menurut ahli sejarah, Agama Islam sudah mula tersebar di Terengganu lebih awal lagi daripada kewujudan batu bersurat. Hal ini kerana ada kemungkinan Islam telah tersebar lebih awal berbanding dengan batu bersurat itu. Lihat: Shafie Abu Bakar, *Latar Belakang Keagamaan Di Terengganu*, dalam bukunya Abdullah Zakaria Ghazali, penyunting, *Terengganu dahulu dan sekarang*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia Muzium Negara,1984), 6.

agama Islam. Di samping itu juga tercatat tarikh pada Batu Bersurat itu bulan Rejab tahun 702 Hijrah (1303M).[296]

Sehubungan itu, agama Islam telah bertapak lebih awal di negeri Terengganu berbanding dengan negeri-negeri lain seperti; Melaka, Kedah, Pahang, Kelantan. Walau bagaimanapun pada masa itu Terengganu masih belum wujud sebagai sebuah kerajaan yang mentadbir negeri Terengganu dan ketika itu juga pentadbirannya berada di bawah taklukan kerajaan Melaka. Semasa Terengganu berada di bawah taklukan kerajaan Melaka, sudah ada seorang yang berkuasa di Terengganu yang bernama Telanai. Beliau memerintah Terengganu ketika kerajaan Melaka berkuasa ke atas Terengganu.[297]

Melalui beberapa bukti kemasukan Islam ke Terengganu yang telah dikemukakan di atas, ada kemungkinan juga bahawa penerimaan Islam di Terengganu bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor tersebut, bahkan ia juga muncul daripada perkembangan selepas berlakunya pengalihan tumpuan pedagang-pedagang Islam berketurunan Arab dan Parsi, juga selaku pendakwah yang disertai oleh para ulama golongan Syed, mulai berdagang dan berdakwah di Asia Tenggara termasuk Terengganu. Demikian juga pedagang-pedagang Islam yang kebiasaannya ke Negara China mula mengalihkan tumpuan mereka ke rantau Asia Tenggara termasuk ke

---

[296] MISBAHA, *op. cit*., (1968), 17. Lihat: Haji Buyong Adil, *op. cit.*, (1982), 9. Lihat: (Buku Pameran Sultan Terengganu Di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 17-20 Mac 1981), 31-32.

[297] Pada suatu hari Telanai Terengganu menghadap ke bawah duli Melaka iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah. Di sebabkan keberangkatan Telanai tidak dimaklumkan kepada Sultan Muhammad Syah yang berkuasa di Pahang ketika itu, maka Sultan Muhammad Syah sangat murka kepada Telanai sehingga Telanai dibunuh oleh orang suruhan Sultan Muhammad Syah iaitu Seri Akar Raja. Setelah Telanai terbunuh, akhirnya anak cucu Telanai memohon perlindungan kepada Sultan Melaka. Seterusnya Terengganu berada di bawah taklukan kerajaan Pahang sehingga akhir abad ke-16. Lihat: Rogayah A. Hamid Dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *Kesultanan Melayu Terengganu, Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu*, (c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 9. Lihat: MISBAHA, *op. cit*., (1968), 17-19. Pada masa kerajaan Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Shah (hingga 1511M), Pahang dan Terengganu di bawah taklukan kerajaan Melaka. Lihat: Haji Buyong Adil, *op. cit.*, (1982), 11.

Terengganu akibat daripada berlakunya pemberontakan Huang Ch'ao di Canton pada tahun 878M.[298]

Peristiwa pengalihan tumpuan pedagang-pedagang Islam tersebut memberi kesan kepada negeri-negeri yang telah didiami oleh mereka sebelum ini dari segi penyebaran Islam. Di antara ulama yang terawal tiba di Terengganu ialah Sharif Muhammad al-Baghdadi yang datang dari Mekah pada awal abad ke-17. Tokoh ini mengajar dan menetap di Terengganu di samping melakukan kegiatan perdagangan.[299]

Kedatangan Syarif Muhammad al-Baghdadi adalah sezaman dengan kedatangan ulama lain di beberapa daerah penempatan Islam dan ia sebagai pembuka jalan kepada ulama-ulama golongan Syed untuk terus datang ke Terengganu atas faktor-faktor yang menjadi galakan kehadiran mereka.[300]

Kedatangan Islam ke Terengganu serta penyebarannya oleh ulama golongan Syed turut mengalami perkembangan yang pesat menyebabkan tertubuhnya kerajaan Islam di negeri Terengganu. Dalam penubuhan kerajaan Islam ini terdapat tiga tahap penting, tahap *pertama* iaitu melalui penubuhan kerajaan pada tahun 1302 – 1365M yang diwakili oleh Raja Mandalika.[301] Dengan kedudukan Terengganu sebagai sebuah

---

[298] Syed Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesia Archi pelago,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 11.

[299] Muhammad Salih Hj. Awang, *Mengkaji Sejarah Terengganu,* j.1, Singapura: Ahmadiyyah Press, 1954), 22-23.

[300] Shafei Abu Bakar, "Institusi Syeikh Abdul Malik b. Abdullah (Satu Corak Pengajian Tradisi Di Terengganu) dan kitab-kitab Padanya", (Bab 1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77), 20.

[301] Menurut catatan Batu Bersurat, Raja Mandalika merupakan raja yang pertama memerintah kerajaan Islam benua Terengganu. S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia,*(Sociological Research Institute, 1963), 262. Raja Mandalika juga merupakan seorang yang mempunyai semangat yang kuat untuk memperkembangkan Islam dan hukuman keras juga akan dikenakan ke atas sesiapa yang menceroboh undang-undang syarak pada masa itu (S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia,* 66). Ahli sejarah tidak dapat mempastikan siapa dan penyebaran Islam dari mana yang bertanggungjawab mengislamkan Raja Mandalika yang memerintah Terengganu dan penduduk tempatan. Ada berpendapat pengislaman di Terengganu berhubung rapat dengan perngislaman di Champa dan Khmir pada awal abad ke 10M, memandangkan bentuk batu bersuarat di Terengganu memiliki persaman dengan dua buah batu bersurat yang dijumpai di daerah Phang Rang di Kemboja. Abu Bakar Abdullah, "Ke Arah Perlaksanaan Undang-

bandar yang jauh dari laut, memberi peluang kepada Islam berkembang dengan aman. Sementara itu di awal tahun 1303M kerajaan Buddha Serivijaya berada dalam keadaan lemah dan banyak jajahan takluknya mengambil peluang melepaskan diri dari kekuasaannya. Perkara ini telah memberi peluang kepada Terengganu menguasai Foloan atau Kuala Berang dan lain-lain daerah yang kemudiannya dinamakan "Benua Terengganu", sepertimana terukir pada Batu Bersurat.

Pada tahap ke *dua* iaitu sekitar abad ke 16, Hulu Terengganu yang dihubungi oleh Sungai terbesar di Terengganu merupakan pusat pemerintahan dan kegiatan perdagangan yang melibatkan pedangan-pedagang dari luar semenanjung seperti Patani, Senggora, Champa, Brunei bahkan dari Acheh dan Asia Barat. Pada tahap ini Tun Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu dari tahun 1725 – 1733M, maka bermulalah pemerintahan bersultan di Terengganu sehingga hari ini. Ketibaan Syarif Muhammad yang berasal dari Baghdad[302] telah mengajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan di kalangan penduduk tempatan, dari sini telah bermulanya tradisi pengajaran agama menerusi institusi Tok Guru yang melibatkan melalui pengajaran di istana, masjid, surau, balai, langgar dan madrasah.[303]

Pada abad ke 17M, suasana pembelajaran meningkat di Terengganu sehingga akhir abad tersebut. Abdul Malik bin Abdullah (1650 -1736M) merupakan tokoh penting dalam pendidikan keislaman di Terengganu dan dakwah Islamiyyah di Alam Melayu selepas menetap dan membina pondok di Pulau Manis. Beliau juga sebagai

---

undang Islam Di Malaysia:Masalah Dan Penyelesaiannya," (tesis sarjana, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,1982/83),16-17.

[302] Menurut MISBAHA Syarif Muhammad ini berasal dari Hadramaut tetapi panggilan namanya dinisbahkan dengan Baghdad. Syarif Muhammad al-Baghdadi yang menunjukkan ianya berasal dari Baghdad. Bagaimanapun tidak dinafikan berkemungkinan beliau datang ke sini melalui Hadramaut. Lihat Shafie Abu Bakar, *"Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan karangannya"* dalam (PESAKA II, LMNT, Kuala Terengganu, 1984), 70. Lihat juga MISBAHA, *Mengkaji Sejarah Trengganu*, 22-23.

[303] Amran bin A. Razak, "Sejarah Perkembangan Islam di Terengganu (1880 – 1990)" (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kamanusiaan, Universit Kebangsaan Malaysia, 1994/95), 10.

pelopor yang mengasaskan institusi pengajian keislaman di Terengganu. Pada abad ke 18M semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1725-1733M), Islam di Terengganu semakin pesat berkembang dan dijadikan asas undang-undang negeri.[304]

Manakala pada tahap *ketiga* pula perkembangan Islam di Terengganu semasa pemerintahan Sultan Omar (1839-1876M) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1991M), tahap ini merupakan tahap kemuncak dalam perkembangan ilmu keislaman pada zaman tradisi abad ke (19M) di mana bercambahnya institusi pengajian tradisi di Terengganu hasil kelahiran para ulama, lebih-lebih lagi Sultan Omar (1839-1876M) sendiri sangat memberi perhatian kepada perkembangan ilmu pengetahuan keislaman di Terengganu. Perkembangan ilmu keislaman ini juga ada kaitan dengan kehadiran ulama-ulama luar yang tiba dan menetap di Terengganu seterusnya mendapat galakan daripada Sultan.[305]

Dalam konteks kedatangan dan perkembangan Islam di Terengganu turut terpengaruh dengan bidang ilmu pengetahuan, bahasa dan kesusasteraan, bidang sosial dan politik dan pemerintahan. Perkara yang sama turut dikesan berhubung kedatangan Islam ke Alam Melayu yang bukan sahaja memberi pendedahan tentang agama Islam semata-semata bahkan menurut Syed Naqiub al-Attas, sebagai mencetuskan suatu zaman baru berdasarkan perubahan yang di bawa bersifat menyeluruh berasaskan Tauhid. Impak tauhid ini menyebabkan berlakunya perubahan terhadap 'rupa dan jiwa' Alam Melayu termasuk negeri Terengganu.[306] Pengaruh Islam melalui semua bidang tersebut boleh diperincikan seperti berikut iaitu:

1. *Pengaruh Islam dalam Bidang Ilmu Pengetahuan* berpunca daripada kejayaan Islam itu sendiri dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan pendidikannya. Ini kerana dua

[304] *Ibid*,12-13.
[305] *Ibid*,13-14.
[306] Sazelin Arif, Ahmad Ridzwan Mohd Noor, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, (Malaysia, Shah Alam: Mc Graw Hill Education, 2006), 80.

perkara tersebut menjadi angkubah yang saling berkait dan pengaruh mempengaruhi, umpama roh dan jasad bagi suatu badan. Ilmu juga merupakan alat yang paling unggul dalam pengukuhan iman dan takwa, tidak sempurna iman seseorang tanpa ilmu pengetahuan begitu juga tidak berperanan ilmu secara hakikinya tanpa iman.[307]

2. *Pengaruh Islam dalam Bahasa dan Kesusasteraan* bermula pada awal kedatangan Islam dan peringkat awal sejarah perkembangan tamadun Islam, pengaruh bahasa Arab dapat memberi kesan kepada bahasa Melayu. Dengan demikian bahasa Melayu pada tahap awal memperlihatkan kedudukannya sama penting dengan bahasa Arab sebagai media perkembangan Tamadun Islam. Pada masa peralihan dan tahap moden, kedudukan bahasa Arab semakin mengecil peranannya kerana diambil alih oleh bahasa Melayu. Bahasa Melayu mengalami proses Islamisasi bahasa semenjak awal kedatangan Islam dan proses ini akan berlangsung dan berterusan selagi wujud hubungan antara bahasa Melayu dan Islam.[308] Begitu juga Bahasa Melayu sebagai media dakwah[309] dan alat komunikasi seluruh bangsa Melayu, maka berkembanglah sastera tulisan yang memperkukuhkan kepercayaan pengguna terhadap bahasa tersebut. Menurut pengkaji ilmu bahasa dan kesusasteraan, tulisan sastera dapat dikelompokkan kepada tiga kategori iaitu;[310]

a. Tulisan yang berbentuk ilmu pengetahuan agama seperti; Tafsir, Hadis, Tauhid, Fikah, Tasawuf dan sebagainya.
b. Tulisan yang berbentuk hikayat seperti; *Hikayat Nabi Muhammad S.A.W., Hikayat Para Nabi, Para Sahabat* dan sebagainya.

---

[307] Tahap perkembangan ilmu pengetahuan bermula sejak pendakwah Islam menyebar Islam di Tanah Melayu. Seperti apa yang telah dilakukan oleh Syed Abd al-Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadi Yusuf, Maulana Jalal al-Din dan lain-lain di Alam Melayu. Begitu juga para Wali Songo seperti; Syeik Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Bonang dan lainya membina pondok dan madrasah untuk mendidik dan mengajarkan al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan dan ilmu-ilmu agama pada semua anak murid dan masyarakat. Lihat: Haji Abdullah Ishak, *op. cit.,* (1992), 131.
[308] Munif Zariruddin Fikri bin Nordin, *Bahasa Melayu Alaf Baru Dan Perkembangan Tamadun Islam Di Malaysia,* dalam Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah dan Lain, *Tamadun Islam Suatu Sorotan,* (cet.1, Kuala Lumpur: Percetakan Cergas. SDN. BHD, 2002), 19.
[309] *Ibid.*, 21.
[310] Haji Abdullah Ishak, *op. cit.,* (1992), 129.

c. Tulisan yang bercorak sejarah, undang-undang, cerita-cerita Berbingkai, Cerita Panji, dan sebagainya.

3. *Pengaruh Islam dalam bidang Sosial.* Dari aspek sosial, kedatangan Islam walaupun tidak secara meyeluruh, namun berlaku beberapa perubahan dan pembaharuan. Kedatangan Islam menjadikan keturunan bawahan mulai merasa dirinya adalah berharga seperti keturunan-keturunan lain. Perubahan sosial juga berlaku dengan adanya revolusi mental yang diketengahkan oleh Islam dalam masyarakat di Nusantara kerana semua ajaran Islam mengandungi unsur-unsur rasionalisme, di mana Islam telah menekankan konsep sama taraf antara manusia di sisi Allah S.W.T.[311]

4. *Pengaruh Islam dalam bidang Politik dan Pemerintahan,* selepas kedatangan Islam sistem politik juga telah mengalami perubahan. Misalnya; agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi di Melaka. Sehubungan itu, beberapa institusi Islam didirikan bagi mengukuhkan sistem pentadbiran berasaskan Islam. Antara institusi yang didirikan adalah Jabatan Agama Islam dan Syariah. Selain itu, kitab Undang-undang Laut dan Hukum Kanun Melaka dihasilkan untuk panduan masyarakat. Beberapa jawatan seperti; kadhi, imam, dan sebagainya diwujudkan bagi melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Setelah Islam mula tersebar di seluruh Nusantara termasuk Terengganu, sistem politik dan pentadbiran masyarakat Melayu telah berubah dan disesuaikan dengan ajaran Islam.[312]

Melalui pengaruh penyebaran Islam oleh ulama golongan Syed yang mencakupi bidang tersebut menyebabkan Islam dan pengaruhnya telah menyasarkan suatu perubahan terhadap kehidupan bermasyarakat berteraskan Islam di negeri Terengganu.

---

[311] *Ibid.,* 125-126.

[312] Sazelin Arif dan Ahmad Ridzwan Mohd Noor, *op. cit.,* (2006), 85. *Pengaruh Islam dalam bahasa dan kesusastraan Melayu* untuk lebih jelasnya Lihat: S. Othman Kelantan, *Wajah Islam dalam Kesusastraan Melayu,* dan Mohamed Anwar Omar Din (Penyunting), *Sastera Islam Citra Nurani Ummah,* (cet.1, Selangor, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004) 85-95.

Dengan itu, Islam terukir di hati masyarakat manakala unsur-unsur khurafat dapat diabaikan secara perlahan-lahan.

3.3 KESULTANAN TERENGGANU

Pengasasan Institusi Kesultanan Terengganu berlaku selewat-lewatnya pada tahun 1708 setelah Tun Zainal Abidin ditabalkan dengan gelaran Sultan Zainal Abidin Shah. Kupang Emas Terengganu yang tercatat nama baginda merupakan sumber penting mengenai pertabalan baginda. Berdasarkan tarikh pada Kupang Emas tersebut ia menunjukkan Kesultanan Terengganu sudah menjangkau lebih dari 300 tahun.[313] Pada Kupang Emas ini tertera nama baginda dan perkataan *Khalifatu'l Mu'minin* 1120 (1708M) bertulisan Arab[314] menunjukan pengaruh Islam telah wujud pada masa baginda.

Bukti kekuatan pengaruh Islam terhadap diri baginda sendiri boleh dilihat melalui majlis pertabalan yang diadakan dengan penglibatan beberapa orang ulama yang dibawa khusus dari Patani iaitu Qadi Wan Imam Mahmud, anak Tok Faqih Wan Hasan bin Tok Faqih Ali. Diterangkan dalam *Hikayat Patani*, Tok Faqih Ali merupakan ulama dari Pasai ke Patani pada tahun 1635. Che Buang, Anak Orang Kaya Seri Wangsa Patani turut hadir dalam pertabalan tersebut.[315] Ini membuktikan bahawa Kesultanan Terengganu yang pertama mula bertapak di Tanjung Baru tidak jauh dari Kuala Berang itu menjadikan ulama sebagai pendamping, secara tidak langsung baginda telah membuka jalan kepada mereka untuk berdakwah dan terus menetap di

---

[313] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *DirgahayuTuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, (Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009), 50.
[314] *Ibid*., 51.
[315] *Ibid.*, 55.

Terengganu seperti di Kampung Patani terletak di tengah bandar Kuala Terengganu, berhampiran Masjid Abidin jaraknya 400 meter.[316]

Terdapat sekurang-kurangnya lima cara dalam usaha menegakkan agama Islam oleh kesultanan Melayu Terengganu iaitu: i. Sultan sendiri berketurunan Ahlul Bait (Syed). ii. Peranan ulama dalam institusi kesultanan. iii. Sistem perundangan. iv. Upacara diraja yang memerlukan agama. v. Simbol-simbol dan alat kebesaran kesultanan termasuk al-Quran dijadikan pengabsah upacara pertabalan sultan.[317]

3.3.1 Salasilah Raja-Raja Terengganu

Kesultanan Terengganu semenjak awal-awal lagi sudah menunjukkan bahawa satu pertalian berketurunan golongan Syed Hadramaut melalui putera Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Johor ke 18 iaitu berasal daripada salasilah Bendahara Zaman Kesultanan Melaka. Pengkisahan Tun Habib Abdul Majid ini banyak diceritakan dalam beberapa salasilah dan *Hikayat Melayu*.[318] Dalam *Salasilah Muar* contohnya jelas menerangkan tentang beliau berketurunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. melalui sebahagian daripada petikannya berbunyi ...“Maka adalah keturunannya itu mula-mulanya daripada seorang kaum Hashim bernama Syed Aidrus yang turun dari Hadramaut ke Negeri Acheh, tempatnya bernama Kampung Pasir...[319]

Menurut salasilah raja-raja Terengganu sebagaimana terkandung dalam kitab *Tuhfat al-Nafis*, jika dilihat kepada susur galurnya bermula dari peringkat awal menunjukkan bahawa Bendahara Tun Habib Abdul Majid mempunyai anaknya Yang di Pertuan Terengganu iaitu Sultan Zainal Abidin I dan mempunyai anaknya Sultan

---

[316] *Ibid*., 56.
[317] *Ibid.*, 241.
[318] *Ibid.*, 66.
[319] *Ibid.*, Sila rujuk kisah beliau yang lengkap pada halaman, 67

Mansor I dan mempunyai anaknya Sultan Zainal Abidin II dan mempunyai anaknya Sultan Abdul Rahman, Sultan Ahmad, Sultan Mansor II. Manakala Sultan Abdul Rahman tidak mempunyai keturunan, Sultan Mansor II mempunyai anaknya Sultan Muhammad. Manakala Sultan Ahmad pula mempunyai empat orang anak iaitu; Tenku Besar Sultan Mahmud, Sultan Daud, Sultan Omar, Yamtuan Muda.[320]

Sekiranya dilihat kepada Salasilah keturunan Sultan-Sultan Terengganu bermula daripada bawah iaitu, Sultan Mizan Zainal Abidin (Bertahta dari 1998M- sekarang) bin Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah (1981M-1998M), bin Sultan Ismail Nasiruddin Shah (1945M-1980M), Sultan Ali bin Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1942-1945M) bin Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920M-1942M), Sultan Muhammad Shah II bin Sultan Zainal Abidin III (1919M-1920M), Sultan Zainal Abidin III (1881M-1919M), bin Sultan Ahmad Shah II bin Tengku Mahmud (Yang Dipertuan Muda Terengganu) (1876M-1881M), Sultan Omar bin Sultan Ahmad Shah I (1839M-1876M), Sultan Muhammad Shah I bin Sultan Mansor Shah II (1836M-1839M), Sultan Mansor Shah bin Sultan Zainal Abidin II (1831M-1836M), Sultan Daud bin Sultan Ahmad Shah (1831M), Sultan Abd Rahman bin Sultan Zainal Abidin (1830M-1831M), Sultan Ahmad Shah I bin Sultan Zainal Abidin (1808M-1830M), Sultan Zainal Abidin II bin Sultan Mansor Shah I (1793M-1808M), Sultan Mansor Shah I (1733-1793M) bin Sultan Zainal Abidin 1 (1725M-1733M).[321]

---

[320] Salasilah ini dipetik dari lampiran kitab *Tuhfat al-Nafis*: Naskah Terengganu.

[321] Salasilah ini adalah berdasarkan kepada tempoh Sultan bertakhta bermula daripada awal sehingga mangkat. Lihat pada rajah (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W. & Kesultanan Melayu*, (cet.2. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) SDN.BHD, 2007), 229.

3.3.2 Sultan Terengganu Dari Keturunan (Ahlul Bait)

Dalam institusi Kesultanan Terengganu, Islam merupakan paksi atau nadi utama yang diasaskan oleh sultan-sultan berketurunan Ahlul Bait atau ulama golongan Syed bermula dengan Ayahanda Sultan Zainal Abidin Shah I iaitu Tun Habib Abdul Majid berketurunan Syed Aidrus dari kaum Bani Hashim berasal dari Hadramaut. Manakala bonda baginda pula berketurunan Maulana Yusof yang merupakan ulama pertama mengislamkan Kesultanan Melaka.[322]

Melihat kepada sultan-sultan yang mempunyai ciri-ciri keperibadian barlandaskan keislaman dan menjalankan pemerintahan berdasarkan syarak, sebahagian daripada sultan-sultan ini mengabadikan gelaran yang istimewa buat mereka seperti Sultan Zainal Abidin Shah 1, pengasas kesultanan Terengganu digelar (pemimpin mukmin), Sultan Zainal Abidin II digelar Marhum Masjid memandangkan baginda mula-mula mendirikan Masjid Putih. Sultan Abdul Rahman pula digelar Marhum Surau manakala Sultan Zainal Abidin III digelar Marhum Haji, kerana selamat menunaikan haji di Mekah. Diikuti oleh Sultan Ismail dengan gelaran *Nasiruddin Shah*, Sultan Mahmud, *Al-Muktafi Billah Shah* dan Sultan Mizan Zainal Abidin menggunakan gelaran *Al-Wathiqu Billah.*[323]

Keseluruhan nama-nama sultan yang memerintah negeri Terengganu ini, dari awal kemunculan institusi kesultanan pertama bermula daripada Sultan Zainal Abidin I sehingga Sultan Mizan Zainal Abidin sekarang, tidak semua di kalangan mereka yang proaktif dan bersungguh-sungguh dalam menerima dan menyebarkan Agama Islam khususnya berganding bahu bersama-sama ulama Syed yang kebanyakannya dari

[322] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *op.cit*., 242
[323] *Ibid.*, 242.

Hadramaut ataupun ulama tempatan. Namun ada di kalangan mereka yang sangat mengambil berat dalam perjuangan ini bagi melihat Islam tersebar dan menyinari bumi Terengganu. Sultan-sultan yang memiliki sifat cintakan agama dan ulama dalam pentadbiran mereka antaranya ialah;

3.3.2.1 Sultan Zainal Abidin 1 (1725-1733M)

Tun Zainal Abidin pernah tinggal di Patani serta menjadi anak angkat kepada Nang Chayang, Raja Patani. Baginda telah berkahwin dengan Nang Rogaiyah anak saudara Nang Chayang. Patani merupakan sebuah pusat perkembangan Islam yang baik di selatan Thailand, kesan daripada suasana tersebut telah meresap masuk ke dalam jiwa baginda sehingga melahirkan seorang sultan yang cintakan ulama. Ketika baginda dan rombongannya bersama dua orang ulama Patani pulang ke Terengganu, baginda disambut oleh seorang pembesar dari kerajaan Johor yang menjaga Terengganu bernama Tuk Raja Kilat. Orang-orang besar itu mengangkat baginda menjadi Raja Terengganu di sebuah kampung tepi Sungai Terengganu bernama Tanjung Baharu.[324]

Pertabalan Tun Zainal Abidin sebagai Raja Terengganu menurut *Tuhfat al-Nafis* berlangsung sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1707-1719 atau 1723-1735. Pertabalan pertama oleh Raja Patani sebelum tahun 1708. Data ini berdasarkan duit kupang emas Terengganu yang mencatatkan nama Sultan Zainal Abidin pada tahun 1120 Hijriyah (bersamaan tahun 1708M). Pertabalan kali keduanya oleh Raja Tua, Daeng Menampuk selepas peperangan Raja Kechil dengan pembesar-pembesar Bugis sebelum tahun 1726.[325]

---

[324] Haji Buyong Adil, *op. cit.*, (1982), 15.
[325] Abdullah Zakaria Bin Ghazali, *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran Dan Perjuangan,* (c.1, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd, 1996), 7.

Baginda memiliki beberapa orang isteri. Selain daripada Nang Rogaiyah, baginda berkahwin pula dengan anak perempuan Tok Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik Abdullah) dan seterusnya berkahwin lagi dengan anak perempuan Datuk Wan Ismail.[326] Di antara anak-anak baginda bersama Nang Rogaiyah ialah Ku Tana Wangsa, Ku Tana Ali, Ku Tana Ismail, dan Ku Tana Mansur (Tun Dalam). Dengan Cik Fatimah memperolehi seorang putera bernama Tuan Raja Senik. Manakala beberapa orang anak baginda seperti: Ku Embung, Tuan Abu Said, Tuan Maimunah, Tuan Cik Siti dan Cik Engku Puan belum diketahui nama bondanya.[327]

Pemerintahan Sultan Zainal Abidin I yang mengambil masa sekitar lapan tahun bermula daripada pertabalan baginda yang kedua sebagai Sultan Terengganu. Keperibadian baginda yang juga berketurunan Syed sangat mengambil berat terhadap gaya kepimpinan dan pemerintahan berlandaskan syarak. Baginda sentiasa bersikap terbuka terhadap penyebaran dakwah ulama Syed yang berhijrah daripada luar khususnya Hadhramaut sehingga mengangkat golongan yang berilmu ini ke peringkat yang lebih tinggi sebagai penasihat kepada sultan dalam pentadbirannya sepertimana baginda mengangkat Syeikh Abdul Malek atau Tok Pulau Manis[328] menjadi penasihat di istana. Peranan sultan sebagai penaung agama sentiasa suka kepada ulama Syed, menyebabkan mereka mendapat perhatian daripada pemerintah dan mudah diterima oleh masyarakat daripada segi personaliti, ilmu yang dicurahkan, budaya yang dibawa dan sebagainya. Baginda juga turut membantu kepada penyerapan orang Syed dalam masyarakat sama ada sebagai penguasa agama, guru agama, imam masjid, dan lain-lain sehingga menggalakkan lagi kehadiran mereka ke Terengganu. Konsep ini menzahirkan bentuk perhubungan dan kerjasama antara ulama dan umara yang boleh mengukuhkan

---

[326] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., 2006), 10.
[327] *Ibid*., 10.
[328] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah Dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, 1991), 17.

lagi kedua-dua institusi tersebut dalam negeri Terengganu. Amalan ini diperlanjut dan diperkembangkan oleh sultan-sultan yang cintakan ulama selepas baginda. Baginda mangkat pada tahun 1733M (1146H) dan jenazah baginda dimakamkan di Bukit Keledang.[329]

3.3.2.2 Sultan Mansor Syah I (1733-1793M)

Selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin I, tampoknya telah diganti oleh Ku Tana Mansor, putra bungsu daripada empat beradik melalui perkahwinan dengan Che Puan Besar. Pelantikan baginda sangat dipengaruhi oleh nasihat daripada Tuan Abdul Malik bin Abdullah (Dato' Pulau Manis) kepada Sultan Zainal Abidin I yang mana Ku Tana Mansor kelak akan menjadi Sultan di antara empat bersaudara, ini kerana beliau akan membasmi perompak, lanun di laut serta namanya akan menjadi masyhur.[330] Walaupun ketika dilantik masih berumur tujuh tahun. Namun pemerintahan dijalankan oleh Bendahara Tun Husain, adik Sultan Sulaiman Johor. Pada tahun 1735M, Sultan Sulaiman berangkat ke Pahang dan seterusnya bertemu dengan Yang Dipertuan Raja Kecik (Raja Kecil) dan Bendahara Tun Husain di Terengganu. Kemudian ketika Sultan Sulaiman pulang ke Riau, Baginda membawa sepupunya bersama iaitu Raja Kecik.[331]

Pada tahun 1739M, Raja Kecik dikahwinkan dengan puteri baginda iaitu Raja Bulang, puteri Daeng Chelak (Yamtuan Muda Johor II), lalu Raja Kecik berkahwin lagi dengan Raja Bakul, puteri Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Dalam tahun 1746M-

---

[329] *Ibid.*,11. Ahli sejarah berselisihan pendapat berkenaan tarikh kemangkatan Baginda Sultan Zainal Abidin 1, menurut kitab *Tahfatul Nafis,* menyebut bahawa Baginda mangkat pada tahun 1146H (1733M). Tarikh ini adalah sama dengan buku *Ringkasan Sejarah Terengganu (A Short History of Terengganu)*. Dalam buku-buku peringatan lama yang telah penulis dapatkan, ada yang menyatakan bahawa Baginda mangkat pada tahun 1138H (1726M) manakala dalam buku yang lain pula menyataka bahawa Baginda mangkat pada tahun 1135H (1723M). Walau bagaimanapun menurut pandangan MISBAHA sama seperti yang ditulis oleh Rogayah A. Hamid dimana Baginda Sultan Zainal Abidin I mangkat pada tahun 1146H (1733M). Lihat perselisihan pandangan itu pada buku (MISBAHA), *op. cit*., (1968), 50.

[330] MISBAHA, *op. cit*., (1968), 59.

[331] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., (2006), 11.

1760M, Raja kecik menghabiskan masanya di Riau dalam urusan pesaingan/perebutan kepentingan antara orang-orang Melayu dan Bugis. Pada tahun 1760M, Raja Kecik dengan gelaran Sultan Mansor Syah I kembali ke Terengganu. Baginda pernah membantu Long Yunus putera Long Sulaiman ibnu Long Bahar untuk meraih takhta kekuasaan Kesultanan Kelantan. Sehingga pada tahun 1776M, Long Yunus berjaya dilantik menjadi Sultan Kelantan.[332]

Kemudian Sultan Mansor Syah I juga terlibat dalam penyerangan terhadap Siam, Pujud (Patani). Walau bagaimanapun peperangan tersebut tidak sempat berlaku kerana Dato' Pujud terlebih dahulu menghantar hadiah kepada Sultan Mansor Syah I. Begitu juga, pada tahun 1787M Sultan Mansor Syah I menjalinkan persahabatan dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan Belanda untuk membina pejabat syarikat perniagaan di Terengganu. Pada tahun 1790M, Sultan Mansor Syah menerima permintaan Sultan Mahmud Johor untuk menyelesaikan perselisihan di antara baginda dengan Belanda. Namun pihak Belanda tidak menerima Sultan Mansor Syah I sebagai orang tengah/penengah kerana Belanda mencurigai Sultan Mansor Syah I sehingga baginda murka dan merancang hendak menyerang Belanda dengan kekuatan 400 buah perahu dan 20000 orang tentara. Tetapi rancangan itu dibatalkan kerana Sultan Mansur Syah I jatuh sakit.[333]

Baginda pernah berkahwin dengan Raja Bulong dan memperolehi seorang putera yang bernama Tengku Zainal Abidin, akan menjadi Sultan Terengganu yang

---

[332] "Sejarah Negeri Terengganu", dicapai 28 Disember 2009, http://www. *Sejarah Negeri Terengganu*.com. my.

[333] Abdullah Zakaria Bin Ghazali, *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran Dan Perjuangan,* (c.1, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996), 24 – 26.

ketiga. Sultan Mansor Syah I mangkat pada tahun 1793M / (1207H) pada usia 68 tahun dan digelar "Marhum Janggut".[334]

Sepanjang pemerintahan baginda, tidak diceritakan secara jelas tentang penglibatan ulama dalam pentadbirannya selain daripada campur tangan dan pandangan awal yang diberikan oleh datuknya Sheikh Abdul Malik bin Syed Abdullah (Tok Pulau Manis) dalam perlantikan baginda sebagai Sultan Terengganu yang ke dua. Namun sifat dan keperibadian baginda tetap menjiwai dan memuliakan keturunan ulama dengan mengahwinkan puteri banginda bernama Tengku Tipah dengan Raja Ismail Siak pada 1763, iaitu cucu Raja Kecil Siak dengan Tengku Kamariah. Tengku Kamariah merupakan puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.[335] Raja Siak juga merupakan keturunan Ahlul Bait sepertimana keturunan Sultan Mansor.

3.3.2.3 Sultan Omar (1839-1876M)

Selepas berlaku peristiwa penyingkiran Sultan Omar oleh Sultan Mansor II pada tahun 1832. Sultan Omar dibawa oleh Sultan Muhammad Shah ke Riau-Lingga. Semasa Sultan Omar berada di Riau-Lingga selama 9 tahun, baginda berhubung rapat dengan ulama di sana, baginda telah didorong oleh seorang ulama besar di Riau-Lingga iaitu Sheikh Habib supaya berusaha untuk mendapatkan semula takhta Terengganu. Kemudian baginda berjaya mengusir Sultan Muhammad I dan menaiki semula takhta pada 1839.[336]

---

[334] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., 2006), 13. Penulis melihat pada rujukan yang lain terdapat perbezaan tahun tentang kemangkatan Sultan Mansur Syah I iaitu pada 14 Januari 1794M Lihat: Abdullah Zakaria Bin Ghazali, *op. cit*., (1996), 26.
[335] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *op.cit*., 103.
[336] *Ibid*., 117.

Setelah Sultan Omar itu ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang kesembilan. Pada masa pemerintahan Sultan Omar,[337] baginda telah membina Istana Hijau dengan tata ruangnya sebanyak tujuh ruangan. Istana itu dibina pada tahun 1865M (1286H) sebagai pengganti Istana lama yang pernah didiami oleh Sultan Mansor Syah II. Sifat baginda yang cintakan ilmu dan agama Islam serta memahami keperluan perkembangan Islam telah mendorong baginda ke arah pembinaan sebuah Masjid Abidin di Kuala Terengganu dengan menggunakan batu yang indah. Asalnya masjid tersebut dibina daripada kayu oleh Sultan Zainal Abidin II pada tahun 1269H, sekarang masjid ini dikenali Masjid Zainal Abidin. Baginda adalah seorang Sultan yang sangat arif dan berjiwa rakyat, sehingga baginda bersemayam di balai penghadapan, bagi memudahkan rakyat berjumpa baginda setiap hari untuk mengadu sebarang permasalahan kepada baginda.[338]

Pada masa pemerintahan Sultan Omar,[339] kemajuan kerajaan Terengganu semakin bertambah pesat, baik dalam bidang ekonomi dan keamanan kepada rakyat. Baginda yang memahami halal haram dalam pemerintahan membuat keputusan berani dengan menghentikan penghantaran "Bunga Emas" kepada kerajaan Siam yang

[337] Sultan Omar adalah seorang sultan yang sangat bijak, pada masa baginda, ada seorang ulama yang berketurunan Syed daripada keluarga al-Idrus bernama Syed Ahmad. Beliau juga hidup sezaman dengan datuk saudaranya iaitu Syed Muhammad al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar). Namun tugas kedua-dua ulama itu adalah berbeza. Syed Muhammad al-Idrus lebih memfokuskan kepada pengembangan agama Islam di kampung-kampung, sekitar bandar Kuala Terengganu dan juga di luar bandar Kuala Terengganu. Manakala, Syed Ahmad pula berdakwah di negeri Melaka dan berada lebih lama di sana, sehingga beliau terkenal dengan panggilan Tuk Ku Malaka. Beliau merupakan seorang yang sangat berdisiplin dalam menerapkan hukum hakam Islam, bahkan beliau sangat memberi perhatian terhadap gejala sosial yang berkaitan dengan merokok, merupakan budaya yang dibawa oleh penjajah British dan Portugal. Akhirnya beliau menulis sebuah buku tentang hukum haram rokok.

[338] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit.*, (2006), 18-19.

[339]Semasa Sultan Omar berkuasa dan memimpin kerajaan Terengganu, Baginda bersama-sama membangun dan membina tamadun Islam serta mengembangkan ajaran Islam bersama-sama dengan para ulama. Pada masa itu ulama yang hidup bersama Baginda ialah Syed Muhammad atau dikenali dengan panggilan Tok Ku Tuan Besar. Beliau adalah seorang ulama yang karismatik dan mempunyai pengentahuan yang sangat mendalam dalam bidang ilmu Tafsir, Hadis, Fikah dan sebagainya. Beliau diberi kepercayaan oleh Sultan Omar untuk mengurus dan mentadbir negeri Terengganu terutamanya dalam hal ehwal agama Islam yang berkaitan dengan hukum hakam yang melibatkan masyarakat Islam Terengganu pada masa itu. Beliau juga diberi kepercayaan oleh Sultan Omar untuk mentadbir kawasan Kampung Cabang Tiga. Jadi sumbangan beliau sangat besar kepada kerajaan baik dalam bidang keagamaan mahupun dalam bidang pentadbiran atau pengurusan. Tarikh kemangkatan Baginda hampir sama dengan Tok Ku Tuan Besar.

mengandungi unsur-unsur penindasan dan ketidakadilan. Memandangkan baginda tidak mempunyai zuriat maka pada tahun 1874M, baginda telah melantik anak saudaranya Tengku Ahmad menjadi Yamtuan Muda bagi membantu pentadbiran baginda. Padahal baginda mempunyai beberapa permaisuri seperti, Tengku Hitam binti Abdul Kadir, Tengku Salamah ibni Sultan Abdul Rahman.[340]

Sebagai seorang penaung agama dan memiliki ciri-ciri kehidupan berlandaskan syarak, baginda sentiasa menunaikan amanah sebagai pemerintah. Baginda sentiasa menjaga kepentingan rakyatnya sehingga mengambil langkah melawati setiap kawasan jajahan takluk negeri Terengganu untuk melihat keadaan rakyat jelata. Setiap hari Jumaat baginda bebas keluar berjalan sambil memeriksa suasana kehidupan rakyat serta mengeluarkan sedekah kepada fakir miskin dan orang melarat.[341] Baginda juga menubuhkan wakaf sebagai jalan penyebaran ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebajikan kepada rakyat yang dikenali sebagai Wakaf Marhum Baginda.[342] Sikap keterbukaan baginda kepada orang Syed memudahkan golongan ini menyerap masuk, sehingga ramai orang Arab berketurunan Syed Hadhramaut berdagang dan bermastautin di Terengganu serta mempunyai pengaruh yang kuat di negeri ini.[343] Baginda yang cintakan golongan ulama turut mengangkat ulama Syed ke jawatan penting dan menyerap mereka ke dalam masyarakat seperti perlantikan Haji Muhammad sebagai kadi, Tok Ku Tuan Besar sebagai Sheikhul Ulama yang berperanan sebagai ulama pendidik dan ulama pentadbir. Dalam masa yang sama muncul pula Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas sebagai guru agama di kampungnya seterusnya dilantik sebagai mufti negeri. Keadaan menjadi semakin kukuh apabila Tok Syeikh Duyung mengambil alih sebagai mufti manakala anak-anak kepada Tok Ku

---

[340] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., (2006), 19.
[341] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *op.cit*., 118.
[342] *Ibid*.
[343] *Ibid*.

Tuan Besar sebagai pengawas kerajaan, menjadikan pemerintahan di bawah Sultan Omar menjadi bertambah kukuh dan makmur dalam mengurus tadbir pemerintahan berasaskan syarak.[344]. Selepas baginda memerintah kerajaan Terengganu selama 37 tahun, pada 17 Rabiulawal 1293H (1875M), baginda mangkat dengan gelaran "Marhum Baginda".[345]

3.3.2.4 Sultan Zainal Abidin III (1881-1918M)

Tengku Zainal Abidin telah diputerakan pada 27 Zulkaedah tahun 1281H (23 April 1864M) dan bondanya Tengku Kalsum puteri Sultan Muhammad Lingga. Ketika masih kecil, baginda rajin belajar dan menuntut ilmu agama daripada para ulama pada masa itu sehingga baginda pandai mengaji dan memahami ilmu-ilmu agama. Ketika ayahanda Sultan Ahmad mangkat dan kebetulan adinda Sultan, Tengku Abbas sebagai Yamtuan Muda gagal mewarisi takhta kerajaan, maka Tengku Zainal Abidin pada masa itu walaupun usianya berumur 16 tahun telah dilantik menjadi Sultan yang kesebelas dengan gelaran Sultan Zainal Abidin III pada 27 Muharram 1299H (19 Disember 1881M).[346]

Sultan Zainal Abidin III[347] mempunyai beberapa orang permaisuri dan beberapa orang anak yang berlainan permaisuri di antaranya: Baginda berkahwin dengan Cik

---

[344] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah Dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, 1991), 18.
[345] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., (2006), 19.
[346] Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H= 1942M,* (c.3, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd, 1992), 200.
[347] Sultan Zainal Abidin III adalah seorang sultan yang sangat arif dalam bidang agama dan sangat mencintai ilmu agama. Baginda hidup sezaman dengan seorang ulama yang sangat alim bertaraf wali iaitu Syed Abdul Rahman al-Idrus (Tok Ku Paloh). Merupakan murid kepada Tok Ku Paloh. Beberapa hari dalam seminggu Baginda mencemar duli pergi ke Paloh untuk belajar ilmu agama. Beliau seorang ulama yang sangat berjasa dan sentiasa bersama-sama Baginda mempertahankan kerajaan Terengganu daripada penjajahan British dan kerajaan Siam sehingga berjaya mengelakkan campur tangan penjajah British. Ahli sejarah British yang bernama Clifford mengakui kehebatan kedua-dua tokoh tersebut. Terengganu semakin maju baik dalam bidang ekonomi, pengurusan, politik dan pengembangan agama

Kalsum bt. Haji Daud telah memperolehi putera dan puteri iaitu: Tengku Ngah Asiah, Tengku Nik Maimunah, Tengku Muhammad (bekas Sultan Muhammad menjadi Sultan pada 12.2.1337H (26.11.1918M) dan turun takhta 3.9.1338H (26.5.1920M).

Selepas mangkat pada 1 Ramadhan 1375H bersamaan (11hb. April 1956M). Baginda berkahwin pula dengan Cik Asiah bt Abdullah memperolehi seorang putera Tengku Muda Sulaiman (Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah). Kemudian baginda berkahwin dengan Cik Maimunah binti Abdullah memperolehi seorang putera iaitu: Al-Marhum Tuanku Sultan Ismail Nasaruddin Shah (naik tahta 16.12.1945M/21.1.1363H) telah dimahkotakan pada 6.6.1949 dan mangkat pada 30.9.1979M). Baginda berkahwin dengan Cik Zainab binti Saleh telah mendapatkan seorang putera, Tengku Muhammad. Begitu juga baginda berkahwin dengan Tengku Mandak Aisah binti Mustafa bergelar Tengku Seri Kemala memperoleh seorang putera, Tengku Besar Mahmud (Tengku Seri Utama Raja).[348]

Seterusnya baginda masih lagi menambah isteri dan memperolehi putera puteri iaitu: baginda berkahwin dengan Cik Teh (isteri baginda yang tua sekali) memperoleh dua orang putera, Tengku Wook, lahir tahun 1299H (1881M), Tengku Jebah, lahir tahun 1297H (1879M). Baginda berkahwin dengan Cik Aminah mendapatkan seorang puteri, Tengku Teh, lahir pada tahun 1299H (1881M). Baginda berkahwin lagi dengan Tengku Puteri binti Tengku Muhammad Said Daik memperoleh seorang puteri, Tengku Besar Hafsah, dilahirkan pada tahun 1312H (1894M).[349]

Islam sehingga terlaksana hukum hakam Islam berkaitan hukum hudud, jinayat dan qisas.Walaupun intitusi kehakiman masih lemah namun hukum hakam dapat dilaksanakan dengan baik.

[348] Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *op. cit.*, (1992), 218.

[349] *Ibid*.,

Sultan Zainal Abidin III yang berketurunan Ahlul Bait sangat cintakan ilmu agama, baginda yang bertaraf ulama sentiasa mendalami ilmu pengetahuan dengan mempelajari ilmu agama bersama Tok Ku Paloh secara menadah kitab di Masjid Tok Ku Paloh. Baginda berulang alik dari istana di Kuala Terengganu ke Kampung Paloh dengan menggunakan perahu menelusuri sungai Terengganu terus ke tempat pengajiannya di Masjid Kampung Paloh. Baginda merupakan seorang sultan yang alim dan sangat rajin belajar serta sangat menghormati gurunya Tok Ku Paloh[350] sehingga Baginda dianggap sebagai anak angkatnya.[351]Dengan demikian kita dapat melihat pemerintah dan ulama ini saling bekerjasama dalam meningkatkan syiar Islam.

Sebagai seorang sultan yang memayungi agama pula, baginda sentiasa melaksanakan pemerintahan secara adil dan saksama berlandaskan syariah Islam. Sifat baginda yang cintakan ulama berketurunan Syed ini sentiasa membuka ruang kepada ulama luar ini untuk terus masuk dan menetap di Terengganu sehingga Terengganu mengalami kemajuan dan kemakmuran yang sangat pesat. Penduduk semakin bertambah, ramai pedagang keluar masuk untuk berniaga, aktiviti pertukangan seperti:

---

[350] Satu gambaran mengenai kealiman Sultan Zainal Abidin III ini terdapat dalam satu rangkap syair yang berbunyi;

Adapun nama Sultan Paduka
Zainal Abidin yang ketiga
Di dalam negeri menjadi mustika
Memerintah jajahan takluk belaka
Rajanya alim lagi johari
Kitab Quran sangat pelajari
Alimya tidak lagi terperi
Termasyur khabar ke sana ke mari
Soleh dan warak lagi pendita
Bijak laksana jangan dikata
Masyurlah khabar dalam warta
Di alam melayu sekelian warta
Perangainya alim tangannya murah
Sekelian kasih memandang wajah
Cukup faham ilmu arabiah
Baginda nan gemar ilmu falakiah

Syair ini ialah dari buku *'Syair Tuan Humphreys'* yang dikarang oleh Hajjah Wook Aishah Hj. Nik Idris yang dipetik oleh Mohd Salleh Hj. Awang, *Mengkaji Sejarah Terengganu,* (Ahmadiah Press, Singapura, 1953), 7-8

[351] Syed Mustafa (Tuan Baru) (cucu Tok Ku Paloh, di Masjid Tok Ku Paloh Kampung Paloh, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011.

tukang besi, tembaga dan bertenun kain meningkat dengan baik sekali. Baginda melakukan perubahan dari segi undang-undang yang baharu, di mana setiap pesalah tidak kira darjat samada berketurunan raja, berjawatan tinggi dalam kerajaan atau orang awam, semuanya dikenakan hukuman yang sesuai dengan kesalahannya. Suasana sebegini boleh diterima baik oleh rakyat memandangkan sultan bukan sahaja berketurunan Syed bahkan sebagai ulama yang disegani. Seterusnya pada tahun 1911M baginda menggubal undang-undang khusus untuk kakitangan Kerajaan Terengganu, melaksanakan bancian penduduk dan sebagainya.[352]

Turut mengambil berat tentang kemajuan ekonomi Islam serta mengamalkan prinsip keadilan dan mengenepikan penipuan pada zaman itu, baginda telah memperkenalkan sistem sukatan dan timbangan seperti gantang, cupak, leng dan timbangan dacing yang diperkenalkan pada masa itu. Baginda juga membina istana Maziah Kuala Terengganu pada 7 Zulhijah 1312H bagi menggantikan Istana Hijau yang didirikan oleh Marhum Sultan Omar. Istana Maziah ini sehingga sekarang masih dijaga dan terseragam indah bersesuaian dengan kedudukannya berhampiran kaki Bukit Puteri sebelah matahari naik di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu. Di istana inilah menjadi tumpuan majlis-majlis rasmi keluarga diraja, seperti sambutan hari jadi, pertabalan Sultan, pengurniaan gelaran-gelaran dan menyambut tetamu-tetamu agung negeri.[353]

Menyedari tentang pentingnya mentaati perintah Allah untuk menunaikan rukun Islam yang ke lima, maka pada abad ke 20an, satu catatan terawal mengenai pelayaran Sultan Zainal Abidin III seorang Sultan Terengganu yang ke 11 berangkat ke Tanah

[352] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., (2006), 20.
[353] Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *op. cit*., (1992),244.

Suci bersama-sama pengiring baginda sekitar tahun 1911-1918 melalui jalan laut.[354] Keberangkatan ini dirahsiakan sehingga pada awalnya para pengiring pun tidak mengetahui maksud pelayaran baginda ke Singapura itu. Dari Singapura, baginda berangkat ke Jedah, sebulan kemudian tiba di Aden, malangnya kapal yang ditumpangi baginda tersebut mengalami masalah. Maka pengiring baginda merasa cemas dikhuatiri baginda tidak boleh melaksanakan ibadah haji pada tahun tersebut, berkat keyakinan dan doa baginda kepada Allah S.W.T. Akhirnya, baginda menyewa sebuah kapal kecil untuk menuju ke Jedah. Pada 7 Zulhijjah baginda sampai ke Jedah, dijemput oleh Syeikh Nik Mat dan anaknya Syeikh Abdullah.[355]

Pada mulanya, Syeikh Nik Mat Kecik Fatani (Muhammad bin Ismail) mahu meminjamkan keretanya kepada Syarif Makah untuk menjemput Sultan Zainal Abidin III, namun baginda tidak berkenan bahkan lebih selesa dengan cara lain. Pada 8 Zulhijjah, baginda bersama-sama pengiringnya dengan didampingi oleh Syeikh Nik Mat dan Syeikh Abdullah menuju ke Makah dan pada malam 9 Zulhijjah, Baginda bersama pengiringnya menuju ke Arafah untuk melaksanakan ibadah wukuf dengan didampingi oleh Syeikh Nik Mat dan anaknya Syeikh Abdullah. Selepas melaksanakan ibadah haji, baginda bersama-sama pengiringnya berkesempatan mengunjungi Mesir selama dua minggu dan mempunyai niat untuk mengunjungi Masjid Baitul Maqdis tetapi tidak berkesempatan kerana gering, kemudian balik ke Tanah Air. Kerajaan Mesir menghantarkan seorang doktor bernama Tayyar untuk merawat Baginda sehingga tiba di Singapura.[356]

---

[354] Majalah Milenia Muslim, tahun 8 bil. 96, Kuala Lumpur : Penerbit *MMP Comunication Sdn. Bhd*., (Ogos 2010/Syaaban-Ramadan 1431H), 17.
[355] *Ibid.*, 21
[356] *Ibid.*, 21.

Penguasaan dalam ilmu-ilmu agama sehingga membolehkan baginda mengajar kitab-kitab agama kepada rakyatnya menunjukkan bahawa baginda memiliki dan mencontohi ciri-ciri kepimpinan moyangnya Rasulullah S.A.W. Ilmu agama yang diperolehi daripada ramai guru-guru yang alim seperti Tok Ku Paloh menjadikan kerajaan dan rakyat di bawah pemerintahan sultan yang taat ini, aman dan makmur daripada sebarang kekacauan. Selepas baginda dan Tok Ku Paloh mangkat penjajah British berjaya menguasai kerajaan Terengganu.[357]

Sultan Zainal Abidin III memerintah sekitar 37 tahun, baginda mangkat pada 21 Safar 1337H/25 November 1918M jam 2.25 pagi hari Isnin, pada jam 5 pagi tembakan meriam dibunyikan menghala ke arah udara untuk memberi tahu rakyat kemangkatan baginda. Pada hari Selasa jam 5 petang, baginda selamat dimakamkan di tanah perkuburan kerabat sultan Masjid Abidin dengan penuh adat istiadat kebesaran raja-raja. Manakala penduduk negeri berkabung selama empat puluh hari.[358]

Sebagai seorang pemerintah bertaraf ulama, baginda memiliki sifat-sifat unggul antaranya ialah: (i). Sangat serius dalam keagamaan termasuk melaksanakan hukum syarak sehingga baginda disebut ’Sultan yang Warak’. (ii). Amat mementingkan keadilan dan kesejahteraan rakyat jelata. (iii). Menyintai ilmu pengetahuan dan berkaliber dalam bidang ilmu. (iv). Menerima sistem pentadbiran moden. (v). Amat memberi perhatian terhadap kemajuan ekonomi. (vi). Begitu perihatin terhadap kemajuan intelektual dan pendidikan dan (vii). Mempunyai kearifan dan kemahiran yang cukup tinggi dalam menjalankan dasar luar dan hubungan antarabangsa.[359]

---

[357]Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* (c.1, (Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD, 1991), 187.
[358] *Ibid.*, 288.
[359] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *op.cit.*, 132.

3.3.2.5 Sultan Muhammad (1918M)

Setelah kemangkatan Sultan Zainal Abidin III, putera baginda berdarah Ahlul Bait bernama Tengku Muhammmad daripada perkahwinan dengan Cik Kalsum ditabalkan sebagai Sultan Terengganu pada usia 30 tahun. Manakala, Tengku Sulaiman dilantik menjadi Raja Muda dan menduduki pejabat "jabatan maha tinggi" pada 1 Zulhijah 1337H. Semasa Tengku Sulaiman memegang jawatan sebagai Raja Muda, beliau telah diberi kuasa oleh Sultan Muhammad dalam beberapa pentadbiran. Beliau ditugaskan untuk menerima surat-surat dari Terengganu dan jajahan taklukannya. Beliau juga dibenarkan untuk menjawab dan memutuskan segala keputusan dan minit-minit mesyuarat serta cadangan yang disyorkan kecuali surat-surat yang datang dari luar negeri.[360]

Sultan Muhammad sempat memerintah selama 18 bulan 10 hari sahaja kerana uzur dan tidak mampu untuk mengatasi krisis kewangan, kekacauan, kesusahan yang timbul akibat campur tangan British dan krisis pertelingkahan antara baginda dan Gabenor Sir Arthur Young. Maka baginda mengisytiharkan melepaskan jawatan tersebut pada 2 Ramadhan 1338H.[361] Pada zaman baginda tidak ada pengaruh ulama ditonjolkan dalam menegakkan syiar Islam, walau bagaimanapun Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah sudah dilantik sebagai mufti untuk menjaga hal ehwal agama ketika itu, dari tahun 1890-1912M.[362]

---

[360] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., (2006), 22.
[361] *Ibid*., 22.
[362] Fail JMNT, *senarai nama-nama mufti negeri Terengganu*.

3.3.2.6 Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1918-1942M)

Apabila Sultan Muhammad mengundurkan diri sebagai Sultan Terengganu, maka tahta kerajaan digantikan oleh Tengku Sulaiman ibni Sultan Zainal Abidin III yang juga berdarah Ahlul Bait. Selepas Tengku Sulaiman ditabalkan menjadi Sultan Terengganu pada tahun 1339H ketika berumur 26 tahun, baginda terus melakukan kerja-kerja turun padang dengan mengunjung ke beberapa daerah jajahan di Timur dan Barat terutama di sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan buat pertama kalinya pada tahun 1921M (1340H). Kemudian pada tahun 1938M, baginda melawat beberapa buah jajahan dan pulau di Terengganu.[363]

Baginda berkahwin dengan Tengku Mariam binti Sultan Ahmad Pahang pada tahun 1331 Hijrah memperolehi sembilan orang putera dan puteri. Sepanjang pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, kerajaan mengalami perubahan di atas kebijakanaan baginda. Hal ini dilakukan atas saranan seorang wakil British J.L. Humphreys. Di antara kebijaksanaan yang dimaksud adalah tentang peraturan percukaian dan pemilikan tanah. Kebijaksanaan ini ternyata menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.[364]

Pada masa pemerintahan baginda, peristiwa pencerobohan kusa Jepun ke atas Terengganu telah berlaku. Selepas dikuasai oleh Jepun maka seluruh kekuasaan Terengganu dikendalikan oleh Jepun dan Sultan pada masa itu hampir langsung tidak

---

[363] *Ibid*., 23.

[364] Maka sejumlah tokoh masyarakat di pedalaman seperti: Haji Abdul Rahman Limbung bin Haji Abdul Hamid, Haji Musa Abdul Ghani (Haji Musa Minang Kabau), dan Syed Sagaf bin Syed Abdul Rahman al-Idrus bersama-sama rakyat menentang British. Penentangan melawan British itu berlaku sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1922M, 1925M dan 1928M. Namun usaha itu tidak berhasil dan boleh dikalahkan oleh pasukan British. Dengan kekalahan itu, Abdul Rahman Limbung ditangkap dan dibuang ke Makah sedangkan kedua tokoh yang lainnya dibebaskan dan tidak dihukum. Lihat: *Sejarah Negeri Terengganu*, dicapai 28 Dis.2009, http://www. com. my. *op. cit*.

ada kuasa. Sultan Sulaiman berkuasa selama 22 tahun 14 hari, baginda mangkat pada 25 September 1942M (15 Ramadan 1361H) di Istana Timur, Padang Seri Negara ketika berumur 48 tahun.[365] Mufti yang bertugas sebagai penasihat agama pada masa itu ialah Haji Wan Mohd Saleh bin Ismail (Dato' Indera Guru) dari 10.12.1912 – 7. 12. 1931M.[366]

3.3.2.7 Sultan Ismail Nasiruddin Syah (1945-1981M)

Tengku Ismail (Tengku Paduka Raja) juga keturunan Ahlul Bait yang dilantik sebagai Sultan Terengganu yang ke-15 dengan memakai gelaran Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III. Istiadat pertabalannya telah diadakan pada 6 Jun 1949M. Pada masa yang sama, permaisuri baginda ditabalkan sebagai Tengku Ampuan Besar Terengganu.[367]

Sultan Ismail[368] berkahwin dengan Tengku Intan Zahrah Almarhum Tengku Setia Raja (Tengku Omar) pada tahun 1944M, hasil perkahwinan itu baginda telah memperoleh 10 orang putera dan puteri. Pada 21 September 1965M hingga 20 September 1970M, Baginda dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong keempat untuk tempoh lima tahun. Setelah memerintah Terengganu selama 35 tahun, pada 20

---

[365] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., 2006), 23.
[366] Fail JMNT, *senarai nama-nama mufti negeri Terengganu*.
[367] Wan Ramli Wan Mohamad, *Pengakuan Tengku Ali: Mengapa Saya Diturunkan Dari Tahta Terengganu?*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD, 1993), 10.
[368] Ketika Sultan Ismail telah dikunjungi oleh seorang ulama daripada Hijaz (Mekah) iaitu Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi. Akhirnya baginda Sultan mempelawa Shaykh Syed Yusof untuk menjadi Mufti kerajaan Terengganu. Seterusnya Shaykh Syed Yusof bersedia menerima jawatan mufti Terengganu bermula 1953M/1373H-1970M/1389H. Pada peringkat awal menjadi mufti, beliau merasa agak sukar menghadapi persekitaran masyarakat Melayu, memandangkan beliau masih belum menguasai bahasa Melayu dengan baik. Selepas memegang jawatan mufti sekitar tiga tahun, barulah beliau boleh bercakap dan memahami bahasa Melayu. Shaykh Syed Yusof adalah seorang ulama yang boleh menguasai pelbagai bidang ilmu agama Islam seperti Fikah empat mazhab, tafsir, al-Hadis dan ilmu-ilmu lain. Dengan kemahiram ilmu tersebut, beliau mudah menyesuaikan diri dengan masyarakat dan memahami berbagai permasalahan yang sedang berlaku dikalangan mereka baik dalam bidang agama, kemasyarakatan, politik dan ekonomi. Beliau juga merupakan mufti Terengganu yang kedua berasal dari Negara Arab, Mekah selepas mufti Terengganu yang ke tujuh iaitu Syeikh Hassan bin Said Al-Yamani.

September 1979M, baginda telah mangkat dan takhtanya diteruskan oleh putera baginda iaitu tengku Mahmud.[369] Walaupun baginda tidak menunjukkan sikap yang agresif dalam memperjuangkan Islam seperti melibatkan ulama dalam pentadbirannya, namun pada zaman baginda ada dua orang ulama berketurunan Syed dan ulama Melayu yang dilantik sebagai mufti untuk mengurus hal ehwal agama Islam. iaitu Syeikh Hassan bin Said Al-Yamani dari 1.9.1940-17.10.1943 & 1.1.1946-17.7.1952., Haji Wan Abdul Rahman bin Long (Dato' Purba DiRaja) dari 14.4.1952 – 27.4.1967, Haji Wan Long Mohd. Saleh bin Ahmad (Dato' Sangsura Pahlawan) dari 17.7.1952 – 22.11.1957 dan Syed Yusuf bin Ali Az-Zawawi dari 7.4.1953 – 1975.[370]

3.3.2.8 Sultan Mahmud Syah (1981-1998M)

Tengku Mahmud Syah diputerakan pada 29 April 1930M, baginda dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda pada 18 Disember 1950M ketika berumur 20 tahun. Semasa pemerintahan Almarhum Sultan Ismail Syah, Tengku Mahmud pernah dilantik menjadi pemangku Raja Terengganu semasa Sultan Ismail berada di luar negara dan sewaktu Sultan Ismail ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia.[371]

Tengku Mahmud[372] menggantikan ayahandanya untuk meneruskan pemerintahan kerajaan Terengganu semasa ketiadaan ayahanda baginda. Kemudian ditabalkan menjadi Sultan Terengganu pada 21 Mac 1981M, dengan gelaran Sultan Mahmud al-

---

[369] Wan Ramli Wan Mohamad, *op.cit.*, (1993), 10.
[370] Fail JMNT, *senarai nama-nama mufti negeri Terengganu*.
[371] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., 2006), 25.
[372] Ketika Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah memerintah, baginda berkenan melantik Engku Alwi sebagai mufti yang bertaraf ulama berketurunan Syed. Beliau merupakan seorang ulama berkelulusan Universiti Al-Azhar yang pertama mendapat tajaan biasiswa daripada kerajaan Terengganu dan juga seorang ulama yang sangat tegas dan berdisiplin sehingga tamat jawatannya. Pada tahun 1990, beliau telah bersara sebagai mufti, namun memandangkan Sultan Mahmud masih berkenan kepada beliau, akhirnya tempoh jawatan sebagai mufti dipanjangkan di bawah perkhidmatan kontrak sehingga tahun 2000. Bahkan ketika Sultan Mahmud mangkat pada tahun 1998M, beliau masih lagi berkhidmat sebagai mufti Terengganu.

Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah sebagai Sultan Terengganu yang ke-6.[373] Baginda mempunyai dua permaisuri, pertama baginda berkahwin dengan Tengku Bariah, puteri Sultan Hasanudin Alam Syah al-Haj yang kemudian menjadi Tengku Ampuan Besar Terengganu tapi baginda tidak memperoleh zuriat. Kemudian baginda berkahwin pula dengan Datuk Seri Sharifah Nong Fatimah binti Sayyid Abdullah al-Sagaff dan telah memperolehi beberapa orang putera dan puteri. Baginda memerintah kerajaan Terengganu selama lebih kurang sembilan tahun dan mangkat pada tahun 1998M di Singapura.[374] Baginda mengambil berat tentang hal ehwal agama Islam dengan melantik mufti sebagai orang yang bertanggungjawab dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan umat Islam di Terengganu. Mufti yang pernah bertugas semasa baginda ialah, Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaakob (Dato' Indera Guru) bermula pada 1.1. 1976 -15. 2. 1988M, Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus (Engku Pengeran Arif Di Raja) dari 16.2. 1988-28.3.2000M.[375]

3.3.2.9 Sultan Mizan Zainal Abidin (1998M- Sekarang)

Tengku Mizan Zainal Abidin diputerakan pada 22 Januari 1962M, baginda merupakan keturunan keluarga Ahlul Bait daripada kedua ibubapanya yang berasal daripada Syed dan Sharifah. Mendapat pendidikan di Sekolah Rendah dan Menengah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu. Kemudian baginda melanjutkan pelajaran ke Australia di Geelong of English Grammar School, Victoria. Semenjak 5 Februari 1979M baginda pernah memegang beberapa jawatan sebelum ditabalkan menjadi Sultan. Pada 28 Mac 1996M, baginda berkahwin dengan Permaisuri Nur Zahirah dan

[373] Wan Ramli Wan Mohamad, *op. cit.*, (1993), 10.
[374] Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *op. cit*., 2006), 25. Lihat: *Sejarah Negeri Terengganu* dicapai 28 Dis. 2009, http://www..com.my. *op. cit.*,
[375] Fail JMNT, *senarai nama-nama mufti negeri Terengganu*.

dikurniakan empat orang cahaya mata, Tengku Nadhirah Zahrah, Tengku Muhammad Ismail, Tengku Muhammad Mua'az dan Tengku Fatimatuz Zahra'.

Setelah kemangkatan ayahandanya Sultan Mahmud Syah, Tengku Mizan Zainal Abidin ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang ke-17 pada 15 Mei 1998M dengan gelaran Sultan Mizan Zainal Abidin al-Mukhtafi Billah Syah ibni Almarhum Sultan Mahmud al-Mukhtafi Billah Syah.[376] Setelah Baginda memerintah kerajaan Terengganu selama lebih kurang sepuluh tahun, pada 13hb Disember 2006M bersamaan 22hb Zulkaedah 1427H Baginda telah ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-13 hingga 2011. Dengan itu takhta kerajaan Terengganu buat sementara waktu telah dipangku oleh anakanda Baginda yang bernama Tengku Muhammad Ismail.[377] Sebagai ketua agama, baginda sendiri melantik penasihat agama di istana yang berasal dari keluarga Syed iaitu Al-Aalimul Al-Allamah Dato' Syed Omar bin Abdul Kadir al-Idrus (Ahli Dewan Pangkuan DiRaja) cucu Tok Ku Paloh, Baginda sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal agama Islam untuk melihat umat Islam di negeri Terengganu sentiasa dalam keadaan harmoni aman sejahtera. Zaman baginda merupakan mufti yang palig ramai berkhidmat antaranya, Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus (Engku Pengeran Arif Di Raja) dari 16.2. 1988-28.3.2000M, Dato' Al-Syeikh Abdul Halim bin Abdul Kadir dari 1.7.2000 -30.4. 2004M, Dato' Dr. Haji Mohamad Zubir bin Haji Awang dari 7.7.2004 – 31.10.2005M, Dato' Haji Ismail dari 1.4.2006 – 31.3.2008M dan Dr. Haji Alias bin Abdullah dari 1.4. 2008 – sekarang.[378]

---

[376] Ketika Sultan Mizan Zainal Abidin dilantik menjadi Sultan Terengganu, Engku Alwi masih memegang jawatan sebagai Mufti Kerajaan Terengganu. Selepas dua tahun Sultan Mizan berkuasa sebagai sultan Terengganu, Engku Alwi bersara daripada jawatan mufti.

[377] Al-Fikrah Penajaan Islam Hadhari, Terengganu: *Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.* Journal Bil.6, (Januari – April 2007M/ Muharram-Rabiul Akhir 1428)

[378] Fail JMNT, *senarai nama-nama mufti negeri Terengganu*.

3.4 SEJARAH PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN TERENGGANU

Kesultanan Terengganu telah berkuasa hampir selama tiga abad, iaitu sejak tahun 1708M. Sepanjang kekuasaan itu, Terengganu pernah mengalami kejayaan di bawah pemerintahan Sultan Omar (1839M-1876M). Begitu juga kerajaan Terenggau pernah menghadapi serangan daripada kerajaan Siam. Hal ini digesa kerana Sultan Ayuthia meminta kepada Sultan Mansur mengadapnya. Namun Sultan Mansur menolak permintaan tersebut sehingga kerajaan Siam berusaha untuk menyerangnya. Kemudian Sultan Mansur kebingungan, akhirnya Sultan Mansur menjalinkan hubungan diplomatik dengan Syarikat Hindia Timur di Pulau Pinang. Melalui hubungan itu Sultan Mansur boleh mengimbangi kekuatan kerajaan Siam yang akan menyerangnya.[379]

Dalam pada itu juga kerajaan Terengganu pernah menghadapi penjajahan Inggeris. Ceritanya di mana Inggeris mendesak Sultan Omar untuk menyerahkan mantan Sultan Lingga iaitu Sultan Muhammad [untuk ditangkap] tetapi Sultan Omar tidak mengendahkan permintaan Inggeris tersebut, maka pada tahun 1862M, Inggeris menghantar angkatan perangnya untuk menyerang Kuala Terengganu. Begitu juga dengan Sultan Muhammad Shah (1918M-1920M), baginda pernah berselisihan dengan Gabenor Sir Athur Young yang mana Sultan Muhammad Shah tidak mahu menerima tawaran gaji sebanyak $3500.00 padahal semasa Sultan Zainal Abidin sebelumnya mendapat gaji sebanyak $6000.00, oleh itu Sultan Muhammad Shah berkali-kali berselisih dengan Sir Athur Young itu tentang Mahkamah Besar itu mesti ditadbir oleh hakim dari Inggeris dan hakim Melayu. Akhirnya, Sultan Muhammad Shah meletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertuan Sultan Terengganu.[380]

---

[379] Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Perubahan Pentadbiran Terengganu (1839-1941M)*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, *Jurnal Warisan* bilangan 3, Terengganu: Panji Pustaka, (1982), 38.
[380] *Ibid.*, 48-49.

Pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920M-1942M), Terengganu mula menghadapi penjajahan Jepun dan semenjak Terengganu dikalahkan oleh Jepun itu, pemerintahan kerajaan Terengganu banyak dikendalikan oleh penjajah Jepun yang mempunyai kepentingan kepada mereka. Walau bagaimanapun pengaruh Jepun telah berakhir di Terengganu selepas dikalahkan oleh tentera Inggeris. Pada tahun 1931M juga pernah terjadi perselisihan antara penasihat Inggeris G. L. Ham dengan Dato' Sri Andika Diraja iaitu Ketua Kastam atau Syahbandar Terengganu. Perselisihan itu berlaku adalah disebabkan G.L. Ham telah digantikan oleh C.C. Brown pada tanggal 3 November 1932M.[381]

3.4.1 Pentadbiran Islam Di Terengganu.

Ketika Islam dibawa ke Alam Melayu, khususnya ke Terengganu, ajaran Islam banyak membawa perubahan besar terhadap kehidupan masyarakat Melayu dalam pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Terengganu. Setelah kerajaan Islam Terengganu ditubuhkan dan Tengku Zainal Abidin dinobatkan atau ditabalkan sebagai Sultan Terengganu yang pertama dengan memakai gelaran Sultan Zainal Abidin I. Maka pada masa itu, baginda bersama-sama ulama membangun dan mentadbir pemerintahannya berasaskan prinsip-prinsip siasah Islamiyyah.[382]

Dengan prinsip-prinsip Islam, pentadbiran dan pemerintahan memberi ruang yang luas kepada rakyat untuk turut serta bersama-sama Sultan dalam mentadbir sebuah pemerintahan negeri, seperti para ilmuan. Ulama juga turut diberi peluang untuk melibatkan diri dalam beberapa jawatan sebagai pentabir, ahli majlis mesyuarat

---

[381] *Ibid.*, 53.

[382] Siddiq Fadhil, "Islam Dalam Pemerintahan dan Budaya Masyarakat Melayu Penumpuan Kepada Kes Terengganu" (kertas kerja seminar Islam Di Terengganu, Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu, t.t.) 1.

kerajaan dan jawatan-jawatan penting yang lain. Sokongan ini dibuktikan oleh Sultan Zainal Abidin III dan Baginda Omar yang sangat berminat terhadap kemajuan Islam dalam negeri sehingga ulama asing diberi tempat dan kemudahan untuk menjalani kehidupan di Terengganu.[383] Golongan ulama telah menjadi tenaga perubah paling utama sehingga menjadikan masyarakat Terengganu masyarakat yang bertamadun kerana mereka sendiri yang mengambil peluang dalam perkembangan Islam. Seperti Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis) yang menulis kitabnya sebagai sumber rujukan dakwah. Walaupun ada persepsi atau pandangan bahawa Kesultanan Melayu khususnya Kesultanan Terengganu merupakan pewarisan atau penyesuaian secara halus kepada konsep dewaraja hindu dengan menyebutkan bahawa Sultan sebagai: "bayangan Tuhan di bumi" ini banyak ditafsirkan sebagai cara pengekalan ciri-ciri mendewakan raja pada zaman Hindu.[384]

Namun ramai di kalangan ahli sejarah tidak bersependapat mengenai pandangan di atas, ini kerana proses Islamisasi dalam Kesultanan Melayu, khususnya kerajaan Terengganu terus dilakukan secara beransur-ansur. Sebagaimana istilah raja dalam Islam terbahagi kepada tiga yakni "Khilafah", "Sultan" dan "Imam". Raja yang bernama "Khilafah" ialah Khalifah Rasulullah S.A.W. yang menyampaikan dan menghidupkan ajaran Islam serta melaksanakan hukuman terhadap seluruh hamba Allah dengan hukuman al-Quran, al-Hadith dan Ijmak. Manakala raja bernama "Sultan" bererti menekankan segala hukuman ke atas sekalian rakyatnya dengan hukuman yang adil bersumberkan daripada Allah dan Rasulnya. Kemudian raja yang dinamakan

[383] Muhammad Abu Bakar, *op. cit.*, 17

[384] Istilah Sultan sebagai bayang Tuhan dalam bahasa Arabnya adalah *Zillu al-Ilahi fi al-'Alam*, yang mana gelaran itu bukan hanya dipakai oleh raja-raja Melayu tetapi sudah lama dipakai oleh raja-raja Islam lain seperti masa Kekhalifahan Abbasiyyah, hal ini dijumpai dalam kitab *Nasihatul al-Muluk* karya Abu Zayd al-Balaky. *Ibid.*, 2.

“Imam” bererti ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tidak membawa kepada perbuatan kufur dan maksiat.[385]

Melihat kepada pengertian raja di atas ia sangat bersesuaian dengan apa yang telah diamalkan dalam Kesultanan Kerajaan Terengganu. Kerana istilah gelaran raja dalam Kerajaan Terengganu adalah Sultan. Sultan-sultan Kerajaan Terengganu semenjak awal lagi sudahpun menegakkan undang-undang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Salah satu contohnya ialah pada masa Sultan Zainal Abidin III, baginda menggubal undang-undang Terengganu yang mana isinya benar-benar mengandungi pengaruh daripada Islam dan mempertahankan adat warisan Melayu dalam beberapa aspek.[386]

Misalnya; dalam kitab *Itqanul al-Muluk bi Ta’dilis Suluk,* sebuah perlembagaan negeri Terengganu Tahun 1911, menyebutkan tentang hilangnya kelayakan menjadi raja disebabkan; kecacatan yang besar yang menyalahi sifat raja-raja seperti gila, buta, bisu ataupun ada sifat kekejian yang tidak dibenarkan oleh syarak menjadi raja. Seterusnya dalam kitab tersebut juga menjelaskan tentang beberapa syarat raja yang memerintah Terengganu adalah beragama Islam, berbangsa Melayu, darah keturunan sultan-sultan yang memerintah kerajaan Terengganu dan lelaki.[387]

---

[385] Pemahaman istilah raja dalam Islam telah merubah persepsi atau pandangan terhadap kedudukan raja bukan lagi dilihat sebagai jelmaan dewa. Untuk lebih jelas sila lihat dalam buku *Raja Ali Haji* dalam *Kitab Thamarat al-Mahammahnya* yang dipetik dalam Itqanul al-Muluk. *Ibid.*, 4.

[386] Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, *Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911: Kuasa Raja dan Pengaruh Islam dalam Kerajaan Melayu,* (UKM : Seri-International Journal of Malay World and Civilisation 29 (1), 2011), 67-68.

[387] Seterusnya, bila mana keturunan (zuriat) Sultan Zainal Abidin III sudah tiada atau putus generasi. Maka perlu diambil langkah-langkah dengan mengadakan mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah menteri dan ahlul halli wa al-‘aqd untuk memutuskan bahawa yang menjadi raja mesti seorang laki-laki yang cukup umurnya dan sempurna akalnya, beragama Islam, berbangsa Melayu Terengganu, darah daging yang merdeka yang diakui dengan sah dan halal, baik pengetahuannya boleh membaca, menulis, bahasanya dan mempunyai tabiat perangai yang baik dan tingkahlaku yang kepujian. Lihat: Siddiq Fadhil (t.t.), *op.cit.,* 5.

A. Pentadbiran Islam Zaman Kesultanan Terengganu Kurun ke 17 hingga 1911

Perkembangan pesat Agama Islam di Terengganu adalah berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh pemerintah sendiri. Walaupun kedudukan hal ehwal pentadbiran Islam pada zaman Sultan Zainal Abidin I kurang jelas, namun pada masa itu telah wujud pucuk pimpinan negeri di bawah kekuasaan sultan secara sepenuhnya, manakala hal ehwal jajahan diserahkan kepada wakil-wakil raja. Cara pemerintahan baginda berasaskan hukum-hukum Islam di mana baginda telah melantik pembesar/pegawai yang terdiri daripada menteri, hakim, kadhi, mufti, panglima-panglima, pegawai-pegawai keselamatan yang kebanyakan terdiri daripada para ulama dan kaum kerabat yang memahami tentang Islam. Bagi menyelaraskan lagi pentadbiran Islam, Sultan Zainal Abdin I telah melantik Syaikh Abdul Malik Abdullah (Datok Pulau Manis) menjadi penasihat kanan baginda.[388]

Sultan Omar (1849-1876) juga sangat mengambil berat dalam memperluaskan syiar Islam. Baginda telah membuat satu susunan pentadbiran yang agak lengkap untuk seluruh Terengganu dan berpusat di Kuala Terengganu, serta membahagikan Terengganu kepada beberapa daerah dan kampung yang dikendalikan oleh 'Ketua Kampung' atau Penghulu.[389] Bagi melicinkan lagi pentadbiran Islam di zamannya, baginda melantik pegawai-pegawai tadbir yang terdiri daripada ulama-ulama. Sehingga pada masa itu jarang kedengaran berlakunya kecurian, merompak, zina dan sebagainya hasil kepatuhan rakyat terhadap ajaran-ajaran agama yang disampaikan oleh Tuk Guru

[388] Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar, "Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu semenjak 1900 hingga 1950an" (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978), 13-14.
[389] *Ibid.*, 17.

dan imam-imam di masjid. Bahkan segala hukuman terhadap sebarang kesalahan adalah berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Khulafa' Al-Rasyidin.[390]

Sultan Omar juga telah melengkapkan hukum Syariah di bawah pentadbirannya, umpamanya mengenakan hukum potong tangan dalam beberapa kes jenayah dan juga meluaskan pengetahuan tentang undang-undang Islam kepada rakyat. Sehingga pada suatu masa, sultan sendiri mengambil peranan penting dan mentadbirkannya di dalam mahkamah balai yang telah dibentuk untuk menyelesaikan kes-kes sivil dan jenayah. Sepertimana laporan Hugh Clifford tentang peranan sultan sebagai hakim di bandar Kuala Terengganu pada tahun 1895;[391]

> 'Baginda sat in the Balai (palace) with smiling face making the grim jests for which he was famous, while he dealt out mutilation or death, or the imprisonment in goal-cages which is worse than death, in accordance with the star it how you will, is no gentle code'[392]

Memandangkan Sultan sendiri terkenal sebagai seorang yang kuat berpegang kepada ajaran Islam maka baginda sangat mengambil berat pentadbiran berasaskan Islam, suasa ini dapat dilihat semasa perbicaraan dan hukuman dilaksanakan;[393]

> Dalam kes –kes jenayah, keterangan dari dua pihak didengar oleh baginda tetapi akhirnya dirujukkan kepada Quraan untuk mendapat satu keputusan menjalankan hukuman itu. Jenis-jenis hukuman yang mungkin dikenakan ialah hukuman mati dicekik, penjara, denda, dera, dan kalau berlaku kesalahan zina, perempuan yang bersalah itu ditanam setakat pinggang di halaman pasar untuk satu hari, orang ramai diizinkan merejam pesalah itu dengan batu. Sekiranya ia masih hidup ia akan dibebaskan. Hukuman dera dikhaskan untuk pesalah-pesalah muda dan kadang-kadang perempuan. Deraan dikenakan ke bahagian punggung, tanpa membuang pakaian. Jumlah yang mati dihukum dalam masa 27 tahun pemerintahan baginda ialah hanya 5 orang, iaitu 3 orang China dan 2 orang Melayu.[394]

---

[390] *Ibid.*, 19.
[391] *Ibid.*, 22.
[392] H. Clifford, *'Expedition to Trengganu and Kelantan'* dalam JMBRAS Vol. 34 pt. 1 Singapore, (1961), 61.
[393] Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar, *op. cit.* (1978), 29.
[394] *Ibid.*, lihat juga Allan, *'The ancien regime in Terengganu; 1909-1919'*, JMBRAS, vol. 41, pt.1, (1968), 29.

Selaras dengan keperibadian sultan yang berpergang kuat kepada prinsip keislaman dan mendapat sokongan para ulama, akhirnya membawa kepada pembentukan undang-undang tersendiri iaitu Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang dikeluarkan pada 12 November 1911.

B. Pentadbiran Islam Dari Tahun 1911 hingga 1930

Setelah berlaku perundingan dan perbincangan di antara Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) dengan Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Kerajaan di samping beberapa pembesar negeri, Terengganu telah memutuskan persetujuan membentuk sebuah undang-undang tubuh negeri yang dikenali dengan nama *Itqanul Muluk Bi Ta'dilis Suluk*.[395] Undang-undang tersebut berasaskan hukum-hukum Islam yang digubal mengikut keadaan tempatan.[396]

Kitab *Itqanul Muluk* dengan jelas menetapkan bahawa kedudukan agama Islam sebagai "Agama Rasmi Negeri" dan Negeri Terengganu dijadikan sebagai sebuah "Negeri Islam". Manakala kerajaan yang memerintah pula mestilah Kerajaan Melayu Islam (Kerajaan Islamiah Malayuiah). Agama-agama yang lain tidak boleh sekali-sekali dijadikan agama rasmi, walaupun dibenar masuk, dianuti serta diamalkan di dalam negeri dan jajahan Terengganu.[397]

Dalam perlembagaan ini, beberapa garis panduan tertentu yang harus dipatuhi oleh pemerintah (Raja) semasa menjalankan pemerintahannya. Umpamanya di dalam fasa 8 dinyatakan 'Mustahaknya di atas Raja Bermesyuarat';

---

[395] Maksudnya; "Kesungguhan Raja Menyempurnakan Perjalanan Pemerintahan dengan Adil"
[396] Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff. *Pentadbiran Agama Islam Di Terengganu Dari Tahun 1911 hingga 1930an*, JEBAT 13, (1984/85), 119.
[397] Lihat, *Undang-undang Tubuh Terengganu 1911*, fasal 51, 16.

> "Sesungguhnya sekelian kuasa negeri dan kerajaan semuanya pada raja juga tetapi lazim dan mustahaklah raja itu bermesyuarat dengan segala menteri atas apa perkerjaan kerajaan dan peraturan undang-undang.[398]

Konsep *ijtimak*[399] yang terkandung dalam perlembagaan 1911, amat diutamakan seperti mana yang telah digariskan bahawa Jemaah Menteri hendaklah ijtimak berhimpun sekurang-kurangnya sebulan sekali kerana pekerjaan negeri dan kerajaan ataupun bila ada titah perintah raja menyuruh atau dengan perintah Menteri Besar atau tiga orang daripada Jemaah Menteri.[400]

Corak pentadbiran yang diwujudkan berdasarkan perlembagaan 1911 adalah berpandukan kepada undang-undang hukum syarak, yang merupakan satu-satunya undang-undang yang tidak dapat diubah oleh sebarang kuasa pemerintah yang ada di negeri itu, baik Majlis Mesyuarat Negeri, Jemaah Negeri mahupun sultan sendiri. Bertepatan dengan perlembagaan negeri yang berlandaskan prinsip ajaran Islam, urusan surat mesyuarat dalam pentadbiran negeri adalah diselenggarakan dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi.[401]

Bagi melicinkan lagi pentadbiran kerajaan negeri berlandaskan undang-undang hukum syarak beberapa jabatan telah ditubuhkan seperti berikut:

1. Penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan.[402]

---

[398] Lihat *Undang-undang Tubuh Terengganu 1911*, 6.
[399] "Ijtimak" bererti musyawarah dan persetujuan rasmi amat dipentingkan. Konsep ini sangat digalakkan oleh agama Islam sendiri.
[400] Lihat *Undang-undang Tubuh Terengganu 1911*, 13.
[401] Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff. JEBAT 13., *op, cit,* (1984/85), 125.
[402] Ditubuhkan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, tahun 1912 untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dan juga menjalankan pentadbiran mahkamah syariah dengan cara yang lebih kemas dan teratur. Pejabat ini bernama Pejabat Pesuruhjaya Agama dan "Keadilan" kerana ia mempunyai tanggungjawab dalam soal keadilan termasuk hal ehwal mahkamah. Seperti bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen-lesen peguam, penulis dan sebagainya. Walau bagaimanapun tugas-tugas itu telah diserahkan sepenuhnya kepada mahkamah dan tidak lagi mejadi tanggungjawab pejabat agama selepas tahun 1955. Peringkat awalnya, ia dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang terdiri dari Sheikhul Islam sebagai ketua jabatan, penolong Sheikhul Islam, mufti, kadi dan nazir al-masjid. Tengku Sri Utama Raja

2. Pentadbiran Mahkamah.[403]

3. Pentadbiran Masjid.[404]

4. Pentadbiran Baitul Mal.[405]

5. Pentadbiran Sekolah Agama/Arab.[406]

C. Penubuhan Institusi-Institusi Pentadbiran Islam

Sebelum kedatangan British, Jawatan Kadi di Terengganu sudah beberapa lama diwujudkan. Mulai bulan Januari 1950, jawatan tersebut telah dibahagikan kepada Kadi

---

merupakan orang pertama memegang jawatan pesuruhjaya hal ehwal Agama Islam Terengganu, (beliau merupakan menantu kepada Sultan Zainal Abidin III) dengan gaji sebanyak $250 sebulan. Selepas tertubuhnya Pejabat Agama dan Keadilan ini dapatlah dikatakan bahawa pentadbiran yang diwujudkan lebih kemas dan berjalan dengan licin kerana adanya pembahagian-pembahagian kuasa dengan ahli-ahli penyelenggaraan yang lebih ramai. (*Ibid*., 126-127).

[403] Mahkamah-mahkamah yang telah diluluskan dalam undang-undang 1340 ialah Mahkamah Besar, Mahkamah Majisteret pangkat yang pertama, Mahkamah Majisteret pangkat yang kedua, Mahkamah Kadi dan Mahkamah Penghulu. Susunan mahkamah yang dinyatakan ini adalah mengikut tinggi rendahnya kedudukan dan kuasa mahkamah itu sendiri. (*Ibid*.,132)

[404] Bertanggungjawab dalam menjalankan dan menyelaraskan semua hal-hal yang bersangkutan dengan pentadbiran masjid, melantik seorang Nazir Masjid. Terdapat juga pegawai dan kakitangan-kakitangan masjid kerajaan yang mempunyai tanggungjawab masing-masing, umpamanya Imam dan Khatib untuk menjadi imam sembahyang lima waktu, Jumaat, terawikh, dua hari raya dan membaca khutbah hari jumaat dan sembahyang gerhana. Mereka juga dimestikan menyiasat dan mendakwa mereka yang tidak sembahyang Jumaat. Terdapat juga jawatan Pelayan Masjid Sultan, Pengisi Air Kolah, tukang sapu dan sebagainya. Mereka juga dibayar gaji, umpamanya dalam tahun 1928, skim gaji Pejabat Agama 1347 melaporkan berdasarkan jawatan: Khatib Masjid Sultan ($15.00-$18.00 sebulan) Imam Wakaf Masjid Sultan ($13.50 sebulan) Pelayan Masjid Sultan ($15.00 sebulan) Pengisi Air Kolah ($12.00 sebulan) (*Ibid.*, 137-138).

[405] Institusi khas Baitul Mal masih belum diwujudkan sekitar tahun 1910 hingga 30an. Pungutan zakat hanya dilakukan oleh imam-imam masjid ataupun amil dan hasil-hasil itu terus diberi kepada fakir miskin atau mereka yang berhak menerimanya termasuk amil. Institusi baitul mal yang diwujudkan semasa ini merupakan satu bentuk pentadbiran untuk mengendalikan harta orang-orang Islam yang mati dan tidak mempunyai waris. Harta-harta itu akan terserah sebagai hak baitul mal mengikut hukum syarak. Mereka yang mengendalikan institusi ini adalah dilantik sendiri oleh Sultan iaitu seorang Nazir, seorang Bendahari dan beberapa orang pegawai untuk membantu. Semua pegawai disyaratkan beragama Islam. Harta-harta Baitul Mal tidak boleh dikeluarkan atau dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya kecuali benar-benar untuk kepentingan Islam mengikut yang diluluskan oleh hukum syarak seperti untuk membaiki atau membina masjid dan sebagainya. (*Ibid.*, 139-140)

[406] Sekitar tahun 1910 hingga 1930an, Sekolah Agama/Arab di Terengganu masih belum berkembang. Sekolah Arab/Agama Terengganu yang pertama ditubuhkan ialah pada tahun 1925. Sebelum tahun 1920an dapat dikatakan sambutan masyarakat terhadap pengajaran agama Islam baik di rumah tok-tok guru, di masjid-masjid, surau dan juga di pondok-pondok agak memberangsangkan. Masyarakat ketika itu memberi sambutan yang baik terhadap majlis-majlis syarahan agama dan menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran asas di rumah tok-tok guru. Pendidikan secara pondok terus maju dan mendapat sambutan hingga ke tahun 1940. Dengan terbentuknya Madrasah Al-Arabiah pada tahun 1925 pengajaran agama Islam di Terengganu mulai berubah setapak demi setapak. Pembelajaran di institusi pondok telah mula diambil alih oleh Sekolah agama yang lebih teratur dan berorganisasi. Perjalanan sekolah yang berbentuk kelas ini lebih sistematik daripada institusi pengajaran agama sebelumnya. (*Ibid.*, 141-142)

Besar dan kadi-kadi daerah. Dalam sejarah pentadbiran Islam beberapa nama kadi yang terawal pernah disenaraikan antaranya ialah Wan Iman bin Mahmud, dilantik semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733). Jawatan Syeikhul Ulama', yang kemudian dikenali sebagai Syeikhul Islam, telah diwujudkan pada masa awal penjajahan British. Ketika itu jawatan Syeikhul Islam telah dipegang oleh keluarga Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus. Manakala Jawatan Mufti telah wujud sejak tahun 1880-an lagi. Pada mulanya ia merupakan penasihat dan guru agama kepada sultan. Menurut catatan sejarah, penasihat dan guru agama Sultan yang terawal ialah Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis). Sultan yang bertaraf khalifah mempunyai kuasa ke atas keseluruhan pentadbiran Islam di negeri Terengganu. Manakala mulai tahun 1924, Pejabat Hal Ehwal Agama dan Keadilan digabungkan dengan pentadbiran hal ehwal tanah. British antara pihak yang bertanggungjawab dalam usaha penggabungan ini dengan tujuan untuk menyempitkan lagi bidangkuasa pentadbiran Islam.[407]

[407] Abdullah Alwi Hasan, *Perundangan dan Pentadbiran Islam Terengganu di Zaman British*. Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya, *Jurnal Keluaran Khas Sempena 30 Tahun* Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (1994), 78-79.

Rangka awal Pentadbiran Islam Terengganu 1800an-1919



D. Penjajahan dan Penginstitusian Secara Moden Pentadbiran Islam

Penginstitusian yang berlaku di semenanjung Tanah Melayu ini telah dimulakan pada awal abad ke-20. Perubahan-perubahan itu dimulakan dengan penubuhan jabatan-jabatan kerajaan. Melalui pemodenan yang berlaku pada tahun 1901 dan 1902 menyebabkan Sultan Zainal Abidin III telah berkenan membenarkan satu undang-undang (*enacmant*) bagi menubuhkan satu hirarki mahkamah yang berasingan dengan

mempunyai pegawai-pegawainya sendiri. Mahkamah Balai (*Court of the State Palace*) dan Mahkamah Syariah mempunyai hakim masing-masing yang memiliki pengetahuan dalam undang-undang Islam. Fungsi Mahkamah Balai ialah sebagai Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes-kes transaksi awam (*muamalat*) dan jenayah, manakala Mahkamah Syariah menjalankan perbicaraan berhubung dengan ibadat, perkahwinan dan beberapa kesalahan agama.[408]

Pada awal kedatangan penjajah British ini, semua kes yang dibicarakan diputuskan menurut undang-undang syariah bermazhab Imam Shafi' dan undang-undang negeri. Setelah dipengaruhi oleh sistem undang-undang Inggeris pada awal tahun-tahun 1900an, hukuman yang dikenakan terhadap penjenayah tidak lagi menjadi pencegah (*deterrent*) kepada kesalahan-kesalahan jenayah yang makin bertambah, ini kerana kebanyakan undang-undang *hudud* mula diganti dengan sistem denda.[409]

E. Usaha Penerapan Undang-Undang British Terhadap Sistem Perundangan Islam.

Pada tahun 1910, Berdasarkan kepada penubuhan Mahkamah Bersama (*The Joint Court*), berbagai usaha telah dilakukan oleh penjajahan British untuk memperkenalkan dan menggantikan sistem perundangan tempatan dengan sistem perundangan British. Kehadiran John Liseter Humphreys (wakil British 1915-1919 dan penasihat British 1919-1925). Pelanggaran secara total terhadap kubu perundangan tempatan telah bermula dalam November 1915. Beliau telah berjuang melakukan reformasi ke atas tiga aspek perundangan dan kehakiman di Terengganu dalam masa dua tahun berikut daripada masa kedatangannya,. Aspek tersebut ialah; *Pertama*,

[408] Abdullah Alwi Hasan, *ibid.*, 71-72.
[409] *Ibid.*, 74-75

berusaha memperluaskan lagi kuasanya di dalam Mahkamah Bersama. *Kedua*, di dalam istilah penjajah British, melindungi peguam-peguam Melayu dari pengaruh orang atasan atau kerajaan dalam negeri. *Ketiga*, memperkenalkan prosedur ulangbicara yang lebih bebas. Langkah-langkah ini dijalankan adalah bertujuan memaksa perlaksanaan suatu gaya dan sistem perundangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ke atas negeri Terengganu.[410]

F. Sistem Perundangan British Mula Diperkenalkan Secara Sepenuhnya

Bermula akhir tahun 1921, selepas penguasaan British terhadap pentadbiran undang-undang negeri dan Islam di Terengganu. Mereka telah meluluskan *The Courts Enacment* (Enakmen Mahkamah) of A. H. 1340 dalam bulan November 1921 sebagai langkah pertama penguasaan mereka terhadap undang-undang dan mahkamah di negeri ini. Enakmen ini telah memisahkan Mahkamah Syariah dari seluruh sistem kehakiman negeri yang mana Kadi di mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa undang-undang diri Islam sahaja, terutamanya undang-undang keluarga. Mahkamah Ulangbicara (*The Appeals Court*) juga ditubuhkan oleh Penjajah British dan menjadikan salah seorang hakim mahkamah ini terdiri dari Penasihat British. Enakmen ini telah menubuhkan lapan hirarki mahkamah:

1. Mahkamah Penghulu
2. Mahkamah Kadi
3. Majistret Kelas Dua
4. Majistret Kelas Pertama
5. Mahkamah Agung/Tinggi (seorang Melayu sebagai salah seorang hakimnya)

[410] *Ibid.*, 76.

6. Mahkamah Ulangbicara (Penasihat British dan dua orang berpangkat Menteri sebagai panel hakimnya)[411]

Setelah disusun semula dan dibahagikan mahkamah-mahkamah majisterat kepada kelas pertama dan kedua dengan bidang kuasa yang berasingan maka perbicaraan kes-kes sivil juga dipisahkan daripada kes-kes jenayah. Perubahan ini berlaku dengan pesatnya beberapa tahun setelah penyemakan perjanjian British-Terengganu 1919 dimeterai dan diterima oleh kedua belah pihak. Antara perubahannya, British telah menentukan kuasa Penasihatnya di Terengganu, semua nasihatnya dipaksa supaya diterima sepenuhnya oleh Sultan dan kerajaan negeri. Konsep ini telah memberi lebih kuasa kepada pentadbiran British di Singapura dan London untuk mempraktikkan sistem perundangannya di Terengganu. Semenjak mereka bertapak di Terengganu mulai tahun 1909, tindakan ini adalah yang paling berjaya dilakukan oleh British. Dengan kelulusan peraturan-peraturan ini, maka berakhirlah zaman undang-undang Islam Terengganu.[412]

Setelah 20 tahun perjuangan mempertahankan undang-undang Islam oleh pihak pemerintah dan ulama Terengganu sehingga dipaksa mengaku kalah oleh British akhirnya keseluruhan undang-undang ditukar kepada Undang-undang Inggeris yang bermodelkan undang-undang Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, termasuklah undang-undang yang dipertahankan habis-habisan oleh pejuang-pejuang Islam di Terengganu, iaitu Appeal Court Procedure Enactment of 1338 (1920) (Enakmen Prosedur Mahkamah Ulangbicara 1338H (1920M).[413]

---

[411] *Ibid.*, 84.
[412] *Ibid.*, 85.
[413] *Ibid*, 86.

Usaha British yang bersungguh-sungguh untuk mengubah sistem pemerintahan melalui penukaran sistem perundangan dan politik Islam kepada sistem sekular barat sehingga berjaya menjadikan Terengganu berpemerintahan sekular tidak sia-sia selepas kedatangannya pada 1909. Dengan kejayaan itu, sebanyak seratus satu enakmen baru menggantikan satu ribu peraturan dan undang-undang di dalam isytihar dan enakmen baru ini telah menyempitkan fungsi undang-undang Islam. Dengan kepintaran dan tipu daya mereka ini, akhirnya sistem perundangan British lengkap diperkenalkan bagi mengganti sistem perundangan Islam di negeri Terengganu pada tahun 1934.

Walaupun telah diusahakan oleh sultan, pembesar-pembesar dan para ulama untuk mempertahankan kubu kuat Islam di Terengganu, akhirnya menemui kegagalan dan terpaksa tunduk juga kepada penjajah. Mereka hanya mempunyai pentadbiran dan undang-undang yang paling terhad sekali iaitu Pejabat Hal Ehwal Agama Islam dan Mahkamah Syariah sahaja, bersama dengan mufti dan kadi-kadi.

3.4.1.1 Kekuasaan Raja-Raja Terengganu

Kedudukan institusi Kesultanan Terengganu pada peringkat awal dan pertengahan telah melakarkan episod-episod perhubungan positif antara ulama dan umara dalam sejarahnya. Kekuasaan sultan dalam menggubal sebarang perundangan di bawah kerajaan negeri sering kali menjadikan golongan ulama sebagai tempat rujukan utama. Ramai ulama yang terkemuka terdiri daripada golongan Syed ketika itu telah dijemput untuk menyumbang idea dan memperturunkan pengalaman mereka terutama ketika berada di negara asal atau sewaktu menuntut di Mekah sebagai panduan. Sikap kepedulian institusi istana terhadap golongan ulama ini melahirkan keyakinan dan sokongan masyarakat yang tidak berbelah bagi terhadap institusi tersebut.

Dalam struktur Kesultanan Kerajaan Terengganu, sultan merupakan seorang yang mempunyai kuasa tertinggi. Menurut Undang-Undang Diri Kesultanan Negeri Terengganu (*al-Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*) yang ditulis pada 2hb November 1911M, disebutkan bahawa Sultan Terengganu adalah Raja yang bertakhta atau disebut juga Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Sultan Negeri Terengganu. Oleh itu secara keseluruhannya undang-undang tersebut berperanan sebagai panduan untuk sultan, pengganti sultan, menteri dan pembesar kesultanan baik dalam hal-hal bertingkah laku mahupun dalam hal memerintah Kesultanan Terengganu.[414]

Masih berkaitan dengan undang-undang di atas, sultan adalah penguasa tertinggi dalam pemerintahan Terengganu dan memiliki kuasa Kesultanan itu sendiri. Gelaran Sultan adalah Yang Dipertuan Besar Sultan Terengganu. Menurut undang-undang tersebut, syarat menjadi sultan adalah sebagai berikut: "Maka hendaklah sultan yang memerintah Kesultanan Terengganu adalah beragama Islam, bangsa Melayu, berasal daripada keturunan sultan-sultan yang memerintah Kesultanan Terengganu dan lelaki sebagaimana tertera pada pasal tiga, empat dan lima".[415]

Sekiranya mengikut undang-undang di atas, sultan-sultan Terengganu adalah berketurunan Sultan Zainal Abidin III (1881M-1918M) yang mana setelah undang-undang itu digubal kembali pada tahun 1950M, iaitu ketika Sultan Ismail Nasiruddin Shah (1949-1979M) berkuasa. Ada beberapa ketentuan dalam undang-undang itu yang menyebutkan bahawa sultan mesti berasal dari keturunan Sultan Ismail Nasiruddin bin al-Marhum Sultan Zainal Abidin III.

---

[414] Abdullah Zakaria bin Ghazali, *op.cit.*, (1982), 46.
[415] *Ibid.*, 46.

Kemudian, terdapat tujuh syarat lain yang mesti ada pada seorang sultan iaitu: mempunyai sifat adil (**al-'Adalah**), berilmu (**al-'Ilm**), sempurna pancaindera (**Salamah al-Hawas**), sempurna fizikal (**Salamah al-'Ada**), mempunyai pemikiran yang dapat mengarahkan dirinya dalam soal memimpin rakyat dan mengurus segala kepentingan sultan, serta memiliki susur galur keturunan yang mulia (**al-Nasab**). Sehubungan itu Sultan mempunyai tugas, tanggungjawab dan kekuasaan memimpin Kesultanan Terengganu sepertimana berikut:

1. Sultan berkuasa mengangkat dan melantik Menteri Besar, menteri-menteri, dan pegawai-pegawai. Sultan juga berhak menentukan bidang tugas dan kekuasaan mereka, termasuk dalam menentukan gajinya.
2. Hanya sultan yang berhak memberikan pangkat (darajat) dan penghargaan kepada para menteri dan pegawainya.
3. Hanya sultan yang berhak memberhentikan para menteri dan pegawainya.
4. Sultan bertanggungjawab dalam menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa sahaja yang berbuat kesalahan dan melanggar undang-undang kesultanan atau melanggar syariat agama.
5. Sultan diharuskan mengadakan mesyuarat dengan seluruh menteri terhadap apa sahaja yang berkenaan masalah kesultanan dan peraturan perundangan.
6. Jika sesuatu hal di anggap dapat mendatangkan kebaikan bagi kesultanan dan rakyatnya, maka sultan dapat melakukan ijtihadnya sendiri.
7. Hanya sultan yang boleh memutuskan bahawa undang-undang yang telah digubal itu baru boleh dilaksanakan.
8. Sultan bertanggungjawab menentukan cara untuk menjalin hubungan dengan kerajaan lain, termasuk dengan negara-negara Eropah.

9. Sultan bersama-sama dengan Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab untuk memperbaiki, menambah dan menentukan *syarah* (tafsir penjelasan) terhadap pasal Undang-Undang Diri Kesultanan Negeri Terengganu.
10. Sultan bersama-sama dengan mesyuarat kerajaan bertanggungjawab membuat simbol-simbol atau tanda-tanda kesultanan.

Bidang kuasa sultan yang telah dijelaskan di atas mempunyai tanggungjawab dalam perlantikan atau penolakan pegawai utama negeri termasuk jawatan Menteri Besar yang terkandung dalam lima fasal Undang-undang Kerajaan Negeri Terengganu, iaitu: Fasal-fasal ke-6, ke-7, ke-8, ke-9 dan ke-10 yang bermaksud:[416]

- Fasal ke-6 Bagi Raja Menjadikan Pegawai-Pegawai: Maka kuasa bagi Raja sahaja boleh menjadikan menteri-menteri dan pegawai-pegawai dan menentukan kuasa, dan segala pekerjaan dan gaji-gaji mereka itu.
- Fasal ke-7 Bagi Raja Mengeluarkan Menteri-Menteri daripada Jawatannya: Maka ada hak dan kuasa bagi Raja boleh melepas dan mengeluarkan menteri-menteri dan pegawai-pegawai daripada jawatannya, maka jikalau mereka itu ada berbuat salah melanggar undang-undang kerajaan atau berbuat pekerjaan yang berdosa pada hukum syariah…
- Fasal ke-8 Mustahak Di Atas Raja Bermesyuarat: Sungguhpun sekalian kuasa negeri dan kerajaan semuanya pada Raja juga tetapi lazim dan mustahaklah Raja itu bermesyuarat dengan segala menteri-menteri atas apa-apa pekerjaan kerajaan dan apa undang-undangnya.
- Fasal ke-9 Kuasa Raja Waktu Tiada Hadir Ahli Mesyuarat: Maka jikalau Raja fikir akan sesuatu pekerjaan yang menjadi kebajikan dan kesenangan atau perkara takut

[416] Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, *op.cit.*, (2011), 71.

menjadi kesusahan pada halnya ketika itu tiada hadir ahli mesyuarat maka haruslah dijalankan dengan fikiran Raja sendiri sahaja…

- Fasal ke-10 Raja Boleh Memberi Hukum Sendiri: Maka ada kuasa bagi Raja jikalau suka ia boleh memberi hukum sendiri di atas segala pegawai-pegawai yang memegang jawatan negeri atau di atas rakyat negeri, maka lain-lain orang tidak boleh sekali-sekali memberi hukum atau perintah di atas mereka itu melainkan kepala-kepala bagi kerajaan itu sahaja.

3.4.1.2 Kekuasaan Menteri Besar

Sejarah Terengganu pernah menyaksikan bahawa para ulama golongan Syed berperanan memegang jawatan menteri besar sebagai pendamping kepada Sultan dalam membantu mentadbir kerajaan negeri. Bermula daripada pemerintahan Sultan Zainal Abidin I, baginda menjadikan Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis sebagai pendamping baginda dan pembuat dasar. Baginda Omar melantik anak Tok Ku Tuan Besar iaitu Syed Muhammad Zain yang bergelar Engku Syed Seri Perdana selepas kematian menteri besarnya yang pertama, Tengku Ismail.[417] Begitu juga Sultan Ahmad II, baginda telah melantik Syed Abdullah bin Syed Muhammad (Engku Besar Paduka Raja, bergelar Sheikhul Ulama) sebagai Menteri Besar ketika itu. Sultan Zainal Abidin III telah melantik Tok Ku Paloh, sehinggalah kepada perlantikan Dato Seri Amar Diraja Hj. Ngah Mohamad bin Yusof merupakan tokoh ilmuan berpengaruh di zamannya. Kedudukan ulama yang diberi kepercayaan oleh institusi kesultanan ini telah meyakinkan masyarakat untuk terus memberi sokongan terhadap pentadbiran mereka dan mengikuti ajaran dakwah yang disampaikan. Suasana seumpama ini telah membuka

[417] Wan Husin Wan Embong, *Peranan dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar,* dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, (Muhammad Abu Bakar, 1991), 140.

jalan kepada kemasukan lebih ramai ulama Arab dan merancakkan lagi penglibatan mereka dalam penyebaran dakwah di Terengganu.

Jawatan Menteri Besar merupakan jawatan kedua tertinggi selepas sultan dalam sesebuah pentadbiran negeri, hanya sultan berhak untuk melantik sesiapa yang berkelayakan untuk memegang jawatan tersebut. Menteri Besar adalah pemimpin yang bertanggungjawab ke atas seluruh ahli exco kerajaan negeri serta kemajuan daerah masing-masing. Antara syarat-syarat untuk menjadi Menteri Besar adalah berasal dari kalangan pegawai kesultanan, pernah menjadi anggota Mesyuarat Kerajaan, beragama Islam dan anak negeri Terengganu. Tugas Menteri Besar adalah sebagai berikut:

1. Menjadi Ketua Mesyuarat Kerajaan.
2. Bersama sultan menentukan dan menimbang seseorang yang akan dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri.
3. Memanggil Jemaah Menteri untuk berkumpul sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk membincangkan urusan-urusan kesultanan.
4. Menteri Besar boleh melepaskan jawatannya asalkan tidak mengundurkan diri dari keanggotaan Mesyuarat Kerajaan.

Di antara mereka yang pernah dilantik memegang jawatan sebagai Menteri Besar dan berjasa kepada Negeri Terengganu dari tahun 1925-2008 ialah:[418]

[418] Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, 2011), t.m., di bawah tajuk *Menteri-Menteri Besar Terengganu.*

Bil	Nama Menteri Besar dan Tempoh Perkhidmatan
1	Y.A.B. Dato' Seri Amar Diraja Hj. Ngah Mohamad bin Yusof 21 April 1925- Jun 28 Jun 1940
2	Y.B.A. Tengku Seri Setia Raja Tengku Omar bin Othman 15 Julai 1940 – 9 Disember 1941
3	Y.A.B. Dato' Jaya Perkasa Encik Da Omar bin Mahmud 10 Disember 1941 – 1 Disember 1947
4	Y.A.B. Tengku Panglima Perang Tengku Muhamad bin Al Marhum Sultan Ahmad. 1 Disember 1947 – 26 Disember 1949
5	Y.A.B. Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato' Seri Setia Raja Kamaruddin bin Hj. Idris. 27 Disember 1949 – 29 Julai 1959
6	Y.A.B. Encik Daud bin Abdul Samad. 29 Jun 1959 – 8 November 1961
7	Y.A.B. Tan Sri Dato' Ibrahim Fikri bin Mohammad. 9 November 1961 – 30 September 1970
8	Y.A.B. Dato' Mahmood bin Sulaiman. 1 Okteber 1970 – 4. September 1971
9	Y.A.B. Dato' Hj. Nik Hassan bin Hj.Wan Abdul Rahman. 5 September 1971- 31Ogos 1974
10	Y.A.B. Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad. 1 September 1974 – 29 November 1999
11	Y.A.B. Dato' Seri Tuan Guru Hj.Abdul Hadi Awang. 30 November 1999 – 25 Mac 2004
12	Y.A.B. Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh. 26 Mac 2004 - 8 Mac 2008
13	Y.A.B. Dato' Ahmad bin Said. 23 Mac 2008- sekarang

Walau bagaimanapun semua Menteri Besar yang tersenarai dari tahun 1925-2008 di atas hanya Dato' Seri Amar Diraja Hj. Ngah Mohamad bin Yusof dan Dato' Seri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang sahaja yang bertaraf ulama.

3.4.1.3 Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam

Dalam sistem pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu selaras dengan dasar kerajaan yang menerapkan undang-undang pentabiran Islam dalam pemerintahan, maka ada beberapa bidang tugas dan peranan yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah pejabat Agama dan Keadilan Kerajaan Negeri Terengganu. Antaranya seperti berikut:

1. Jawatan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Agama dan Keadilan;

   Bidang tugas Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam adalah berperanan sebagai Ketua Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Terengganu dan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran pejabat tersebut, melaksanakan segala dasar yang ditetapkan dan juga Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak, mengawal dan mengembangkan agama Islam di Terengganu serta bertanggungjawab kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Pada tahun 1940-1950, tugas-tugas Pesuruhjaya ini semakin bertambah apabila kegiatan-kegiatan keagamaan semakin dipesatkan.[419]

2. Jawatan Mufti;

   Tugas mufti yang terpenting adalah mengeluarkan fatwa-fatwa untuk masyarakat Islam yang berkaitan dengan hukum-hukum Syarak.[420]

3. Jawatan Kadi Dan Kadi Besar;

---

[419] Misalnya: setelah Undang-Undang Pungutan Zakat dibentuk pada tahun 1941/1942 Pesuruhjaya ini diamanatkan sebagai pengawal zakat fitrah negeri yang berkuasa untuk melantik penolong pegawai zakat, amil-amil, penolong amil, serta mengawasi kira-kira hasil pungutan zakat itu. Untuk lebih jelas sila lihat: Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff (1985), *Pentadbiran Agama Islam Di Terengganu Dari Tahun 1911-1930*-An, *Journal Jebat*: Malaysian Journal of History, Political, and Strategic Studies, www.journalarticle.ukm.my, dicapai pada 10 Feb 2011, 129.

[420] Banyak hasil-hasil fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Terengganu berkaitan dengan hukum-hukum Syarak dari Tahun 1911 hingga sekarang. Hasil-hasil fatwa itu dibukukan sehingga masyarakat boleh mempelajarinya sebagai pegangan dalam beribadah atau bermuamalat. Untuk contoh hasil fatwa Mufti Terengganu boleh lihat dalam buku: *Keputusan Fatwa Mufti Terengganu Siri 2 Tahun 1976-1988*. (Terengganu: Jabatan Mufti Negeri Terengganu).

Secara umumnya bidang tugas Kadi Besar ini adalah untuk menjalankan penghakiman atau pengadilan bagi seluruh negeri, manakala kadi pula bertanggungjawab untuk menjalankan pengadilan di bawah jajahan ataupun daerah masing-masing.

4. Setiausaha Pejabat Agama;

   Secara umumnya bidang tugasnya adalah sebagai penolong kepada ketua pejabat. Ia bertanggungjawab untuk menjalankan dan menguruskan segala kewajipan dan urusan Pejabat Agama serta menyelia pekerjaan yang dibuat oleh kakitangan-kakitangan jabatan ini.

5. Pemeriksa Hal Ehwal Agama;

   Sebelum jawatan Nazir Sekolah-Sekolah Agama dibentuk dalam tahun 1953, Pemeriksa Hal Ehwal Agama ini berperanan untuk mengurus perjalanan sekolah-sekolah agama disamping tugas-tugas lain. Sebagai Pemeriksa Agama, ia ditugaskan sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap Pesuruhjaya Agama untuk menyiasat pengajaran Agama di seluruh Negeri Terengganu termasuk di kawasan perkampungan dan mukim-mukim. Di samping itu juga pegawai melakukan atau membuat lawatan ke masjid-masjid dan surau-surau. Dan menyiasat keadaan masyarakat terutamanya menyelidiki dari masa ke masa sekiranya ada ajaran sesat disampaikan kepada masyarakat.[421]

Pejabat Hal Ehwal Agama Islam telah ditubuhkan pada 1919M yang bertujuan untuk mentadbirkan hal ehwal atau urusan Agama Islam dan juga menjalankan Pentadbiran Mahkamah Syariah atau Syarak. Satu struktur organisasi jabatan telah dibentuk bagi melancarkan pentadbiran jabatan tersebut pada masa itu.

[421] *Ibid.*, 131.

Struktur organisasi ini pada peringkat awalnya berdasarkan susunan pringkat yang terdiri dari Sheikh Al-Islam yang bertugas sebagai Ketua Jabatan, Penolong Sheikh Al-Islam, Mufti, Kadi-Kadi dan Nazir-Nazir Masjid.

Berikut adalah struktur organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu peringkat awal (1912 - 1918M);[422]



(Pada tahun 1919M Jawatan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama diwujudkan menggantikan jawatan Sheikh Al-Islam dan penolongnya.)

[422] Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 1: "Pentadbiran Islam di Terengganu", anjuran Jawatankuasa Koleksi Terengganu, (Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu pada 19 Mac 1988), 4.

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (SEKARANG)[423]



Setelah berlaku perubahan terhadap Pentadbiran Hal Ehwal Agama di Terengganu, maka terdapat sedikit penambahan dalam bidang tugas di bawah organisasi tersebut seperti berikut.[424]

[423] *Ibid*., 5.
[424] *Ibid*., 6.

i. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sebagai Ketua Agama Islam.[425] Baginda adalah ketua Agama Islam bagi seluruh daerah negeri Terengganu Darul Iman, kedudukan sultan sebagai Ketua Agama telah ditentukan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu dan juga Perlembagaan Persekutuan.

ii. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu; Majlis ini ditubuhkan pada tahun 1949 berfungsi sebagai membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam semua perkara ini ditubuhkan pada tahun 1949 berfungsi sebagai membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama dan adat Melayu Terengganu.

iii. Pejabat Hal Ehwal Agama; disebut juga sebagai Jabatan Hal Ehwal Agama adalah institusi yang bertugas menjalankan pentadbiran harian yang berhubung dengan agama Islam. Ianya berfungi untuk menjalankan undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak bilangan (4) tahun 1955 dan bagi perkara-perkara yang lain harus diperuntukkan kepada jabatan ini menjalankannya.

Di antara objektif Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini ialah; (i). Melahirkan masyarakat yang menjalankan Islam sebagai cara hidup yang sempurna yang mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang disarankan dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, meliputi aspek-aspek akidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. (ii). Menegak keadilan mengikut hukum Islam serta mengawal atau

[425] Perkara ini telah disebut dalam *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911*, fasa 1 halaman 16 yang berbunyi; "Maka ketua Agama bagi negeri ini ialah Duli Yang Maha Mulia dan Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu (*Counci of Religion and Malay Custome'*) yang dilambangkan menurut undang-undang negeri yang sedia ada hendaklah terus membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia di dalam perkara-perkara yang berkait dengan ugama dan adat negeri".

membasmi kemungkaran, murtad, bidaah, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.[426]

3.5 PENDUDUK NEGERI TERENGGANU

3.5.1 Penduduk dan Masyarakat Terengganu

Negeri Terengganu telah dihuni oleh penduduk sejak peringkat awal penubuhannya. Bilangan penduduknya semakin meningkat setelah Terengganu di kenali sebagai sebuah destinasi perdagangan antarabangsa. Dari situ bilangannya semakin bertambah terutama masyarakat pendatang daripada luar termasuk orang Arab Hadramaut sebagai pedagang yang menjadi penghuni baru.

Penempatan mereka ini sudah dikesan sebelum pembentukan kerajaan Terengganu dan sebelum Tun Zainal Abidin ditabalkan menjadi Sultan Terengganu. Menurut Kapten Hamilton yang berkunjung ke Terengganu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1719M dan 1720M. Beliau hanya menemui sekitar 1000 buah rumah sahaja ketika itu dan masih tiada pembinaan kemudahan jalan sebagai laluan ke sesuatu distinasi, manakala penduduk pula menetap secara bertaburan atau tidak teratur di berbagai kawasan dan daerah Terengganu, bilangan rumah di setiap kawasan pada masa itu sekitar sepuluh atau dua puluh buah sahaja.[427] Kemudian beliau juga menjumpai sebuah pusat perniagaan yang dikuasai oleh orang-orang Cina yang mana peniaga-peniaga Cina itu belayar ke Siam, Kemboja dan sebagainya untuk berniaga.[428]

---

[426] *Ibid.*, 6-7
[427] M.C.F.F. Sheppard, *A Short History Of Trengganu, In The Books Papers Relating To Trengganu,* (Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd. 1983), 8.
[428] *Ibid*., 8.

Semasa kerajaan Terengganu diperintah oleh Sultan Zainal Abidin, penduduk Terengganu masih berada dalam keadaan yang berpuak-puak dan berkelompok secara berasingan. Walau bagaimanapun setiap kawasan penduduk itu sudah diatur dan diketuai oleh para pembesar sama ada daripada kalangan keluarga diraja atau daripada penduduk tempatan yang dipilih daripada kalangan ulama. Pada peringkat awal pentadbiran kerajaan Terengganu masih belum ditadbir dengan baik disebabkan ketiadaan rekod jumlah perkembangan penduduk yang dicatatkan pada masa itu.[429]Namun baginda sentiasa merujuk kepada para ulama untuk mendapat sebarang pandangan dalam pentadbirannya sepertimana peringkat awal pertabalan baginda, beberapa orang ulama telah dibawa dari Patani sebagai penasihat. Selepas beberapa lama pentadbiran beginda, ulama-ulama Arab khususnya dari Hadramaut datang ke Terengganu antara yang terkenal ialah Tok Pulau Manis.

Usaha ulama-ulama terdahulu merintis jalan ke arah penyebaran Islam di Terengganu, kesedaran Islam di kalangan penduduk semakin meningkat, manakala galakan kepada ulama untuk terus masuk semakin bertambah. Tok Ku Tuan Besar dan Tuk Ku Malaka antara ulama yang terkemuka selepas zaman Tok Pulau Manis yang menyasarkan dakwahnya kepada ramai penduduk Terengganu sebagai tadahan ilmu agama. Walaupun tidak disebut secara khusus bilangan ahli masyarakat yang terlibat dalam proses penyebaran ilmu agama pada waktu itu, namun kebiasaanya seluruh penduduk dijadikan sasaran tadahan ilmu mereka termasuk golongan bukan Islam.

Menurut perkiraan penduduk Terengganu pada tahun 1828, dianggarkan jumlahnya seramai 15,000-20,000 orang penduduk Melayu dan 600 orang penduduk

[429] MISBAHA, *op. cit.*, (1968), 57.

Cina.[430] Populasi penduduk Terengganu meningkat kepada 31000-3500 pada tahun 1830an dan semakin bertambah pada penghujung tahun tersebut seramai 100,000.[431] Menurut laporan Skinner yang dibuat pada tahun 1884, jumlah penduduk Terengganu seramai 37,000 pada tahun 1856.[432] Sultan Terengganu juga membuat anggaran tentang penduduk Terengganu pada tahun 1905, sekitar 115,000 orang. Manakala berdasarkan laporan oleh Wright dan Reid pula, pada tahun1912 jumlah penduduk Terengganu seramai 154,000 majoritinya adalah Melayu.[433] Kemungkinan besar bilangan ini telah disekalikan dengan orang-orang Arab yang datang dari Hadramaut pada tahun 1901, masuk ke negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu Besekutu seramai 2,000 orang dan negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu 1000 orang.[434] Para ulama ini sentiasa mengambil peluang di atas perkembangan peduduk tersebut bagi menyuburkan kesedaran tauhid di kalangan mereka.

Menurut laporan Hugh Clifford penghujung abad ke 19, secara kasar penduduk Terengganu seramai 100,000 orang. Daripada jumlah itu dipecahkan kepada; 40 000 adalah dewasa, 22,000 petani[435], 8000 nelayan, 5,000 tukang mahir, sekitar 1000 orang bangsawan termasuk kerabat-kerabatnya. Sejumlah 45,000 di Lembangan Sungai Terengganu, 44,000 tertumpu sekitar Lembah Kelemang, 12,000 menetap di persekitaran Kuala Terengganu manakala hampir 32,500 pula mendiami kawasan di

---

[430] Cheong Mei Ngai, "Sejarah Kedatangan dan Penempatan Orang-Orang China Di Kuala Terengganu Dari Tahun 1800-1940" (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1990/1991), 48. Lihat juga, W.L.Blythe, "*Historical Sketch of Chinese Labour In Malaya",* Jmbras, Vol. XX June (1947), 66.

[431] Shaharil Talib, *After Its Own Image, The Trengganu Experience 1881-1941*, (Singapore Oxford Universiti Press, Oxford New York, (1984), 25.

[432] Khoo Kay Kim, *"Kuala Terengganu : Pusat Perdagangan Antarabangsa",* dalam Abdullah Zakaria Ghazali ed, *Terengganu Dahulu dan Sekarang,* (Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984), 66.

[433] Cheong Mei Ngai, *op. cit*., 2. Lihat juga, J. De. Vere Allen, *"The Ancient Regime In Terengganu1909-1919",* Jmbras, Vol. 40-41, Part 1, 25.

[434] Mohamad Abu Bakar, *Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh),* dalam Khoo Kay Kim, *Islam Di Malaysia*, (t.t.), 34.

[435] Menurut penjelasan di dalam buku Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (1982), 141, bilangan petani seramai 26,000 orang.

antara Lembangan Kelemang dengan Kuala Terengganu.[436] Melihat kepada laporan ini, penduduk yang berada di pemusatan penyebaran oleh Tok Ku Tuan Besar dan Tuk Ku Malaka hanya sekitar 12,000 orang, walau bagaimanapun bilangannya tidak termasuk dengan penuntut-penuntut yang datang dari luar seperti Pahang, Kelantan dan sebagainya.

Demikian juga ketika Tok Ku Paloh dan saudara-saudaranya berperanan dalam penyebaran dakwah kepada rakyat Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Sistem penjumlahan rakyat masih belum betul-betul bersistematik namun konsep bancian telahpun bermula pada masa itu. Laporan banci pada tahun 1911, menunjukkan penduduk lembah Terengganu berhampiran dengan air terjun Jenagor seramai 100, 000 orang; 16,137 daripadanya tertumpu di sekitar hilir, hulu dan seberang bandar Kuala Terengganu. Pada tahun ini juga Wright dan Reid membuat laporan bahawa bilangan penduduk Kuala Terengganu lebih ramai sedikit iaitu sekitar 154,000. Pada tahun 1921, menurut banciannya penduduk Kuala Terengganu berkurangan menjadi 66,135. Walau bagaimanapun bertambah semula kepada 95, 800 di seluruh lembah Terengganu dan bandar Terengganu.[437] Dari laporan ini jumlah penduduk yang menjadi sasaran penyebaran dakwah semakin meningkat dan menggalakkan, lebih-lebih lagi Sultan Zainal Abidin III sendiri berperanan sebagai ulama.

Sepanjang kerajaan Terengganu berada di bawah kekuasaan Sultan Zainal Abidin I sehinggalah kekuasaan Sultan Omar, tiada bancian penduduk dilakukan oleh mereka sehingga tidak diketahui dengan tepat berapakah jumlah penduduk Terengganu keseluruhannya. Setelah Sultan Zainal Abidin III berkuasa dan penduduk Terengganu

---

[436] Muhammad Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman Tradisi Persejarahan Malaysia*, (Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Malaysia, Kuala Lumpur, 1991), 86.
[437] *Ibid.*

semakin meningkat, maka pada 10hb Mac 1911 barulah bancian penduduk yang pertama di jalankan di Terengganu. Melalui bancian tersebut jumlah penduduk Terengganu yang berada di seluruh kawasan jajahan kerajaan Terengganu adalah seramai 154,073[438] orang, 149,379 daripadanya adalah orang Melayu dan bakinya merupakan bangsa-bangsa lain termasuk 10 orang bangsa Eropah.[439]

Semasa zaman pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni almarhum Sultan Zainal Abidin III yang mana ketika itu Syed Yusof Ali Al-Zawawi seorang Mufti Terengganu merupaka ulama Arab yang berpengaruh dan berani dalam penyebaran dakwah kepada masyarakat Terengganu sebagai tadahan. Tahun 1957, kerajaan Terengganu telah melakukan bancian penduduk sekali lagi, melalui bancian ini data yang diperolehi sebanyak 66,323 buah rumah dan 278,147 orang termasuk penduduk kawasan bandar dan seluruh penduduk daerah jajahan kerajaan Terengganu iaitu:[440]

1. Bandar Kuala Terengganu: 28,463 buah rumah dan 124,388 orang
2. Besut: 12,768 buah rumah dan 53,273 orang
3. Hulu Terengganu: 5,863 buah rumah dan 22,649 orang
4. Marang: 3,598 buah rumah dan 14,549 orang
5. Dungun: 7,537 buah rumah dan 30,683 orang
6. Kemaman: 8,094 buah rumah dan 32,605 orang.

Selepas sepuluh tahun dari tarikh bancian penduduk 1957 iaitu bancian tahun 1967, jumlah rakyat Terengganu semakin meningkat manakala institusi-institusi perkembangan ilmu Islam mulai bertambah baik dan dipelbagaikan. Konsep

---

[438] Shaharil Talib, *op. cit*.,25
[439] Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *op. cit.*, (1992M), 265.
[440] Kedudukan kawasan bandar itu terdiri daripada beberapa kampung dan untuk lebih terperincinya sila lihat: *Ibid.*, 265-269.

penumpuan pengajaran di sesuatu tempat seperti di masjid, surau, rumah guru dan seumpamanya telah ditingkatkan kepada sistem persekolahan agama, institusi agama Islam/jabatan agama Islam, universiti dan lain-lain. Melihat kepada peranan Engku Haji Alwi al-Idrus yang mengambil berat dan menuruti langkah ulama-ulama Syed terdahulu, beliau mula aktif menyebarkan ilmu agama bermula selepas pulang daripada Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1962. Usaha beliau semakin terserlah di mata masyarakat selepas diangkat menjadi mufti pada tahun 1988. Jasa besar yeng telah dicurahkan itu menyebabkan Sultan Mahmud sebagai pemerintah negeri Terengganu ketika itu telah berkenan menganugerahkan darjah kebesaran negeri kepada beliau. Kegigihan beliau menyampaikan ilmu agama masih diteruskan sehingga hari ini, walaupun penambahan rakyat semakin meningkat di Terengganu selepas masuk kepada bancian tahun 2000 dan 2010, kerana rakyat semakin menyedari tentang kepentingan beragama dalam kehidupan mereka.

3.5.2 Jumlah Penduduk Berdasarkan Bancian Tahun 2000

Menurut bancian penduduk dan perumahan pada tahun 2000, jumlah penduduk Bumiputera keseluruhan di Negeri Terengganu adalah seramai 854,922 orang, Bumiputera terbahagi kepada dua iaitu Melayu dan Bumiputera bukan Melayu. Bumiputera Melayu berjumlah 851,995 orang dan Bumiputera bukan Melayu berjumlah 2,927 orang. Daripada jumlah itu, sekiranya dilihat kepada jantina iaitu lelaki Melayu berjumlah 430,462 orang dan lelaki Bumiputera bukan Melayu berjumlah 1,938 orang. Manakala perempuan Melayu berjumlah 421,533 orang dan perempuan Bumiputera bukan Melayu berjumlah 989 orang.[441]

[441] Besut; Melayu berjumlah: 118,844 dan bukan Melayu berjumlah: 66, Dungun; Melayu berjumlah: 122,821 dan bukan Melayu berjumlah: 1,025. Kemaman; Melayu berjumlah: 125,950 dan bukan Melayu berjumlah: 1,252. Kuala Terengganu; Melayu berjumlah: 289,719 dan bukan Melayu berjumlah: 259. Marang; Melayu berjumlah: 82,689 dan bukan Melayu berjumlah: 19. Hulu Terengganu; Melayu

Bancian pada tahun 2000 juga, penduduk berbangsa China di Negeri Terengganu adalah seramai 24,295 orang. jika dilihat kepada jantina, lelaki seramai 12,706 orang dan perempuan seramai 11,589 orang. Sekiranya dilihat jumlah penduduk China berdasarkan umur dari 0 tahun hingga 75 tahun ke atas, jumlahnya secara terperinci boleh dirujuk kepada jadual 2.14 pada lampiran. Begitu juga dengan jumlah penduduk China menetap di setiap daerah jajahan pentadbiran Negeri Terengganu.[442]

Selain bebangsa Cina, negeri Terengganu juga memiliki penduduk berketurunan India. Jumlah penduduk India yang berada di negeri Terengganu adalah seramai 1,825 orang dan berdasarkan jantina, jumlah penduduk lelaki seramai 1,031 orang dan penduduk perempuan seramai 794 orang. Adapun jumlah penduduk India berdasarkan umur dari 0 hingga 75 tahun ke atas berjumlah lebih kurang sama seperti jumlah secara keseluruhan.[443] Penduduk India lain turut menetap di kawasan-kawasan atau daerah-daerah jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu.[444]

Jumlah penduduk bukan bangsa-bangsa di atas, mereka seramai 1,945 orang. penduduk lelaki seramai 1,004 orang manakala jumlah penduduk perempuan adalah seramai 941 orang.[445] Penduduk bukan warganegara Malaysia yang tinggal di negeri

---

berjumlah: 62,054 dan bukan Melayu berjumlah:299. Setiu; Melayu berjumlah: 49,918 dan bukan Melayu berjumlah: 7. Untuk lebih jelas jumlah penduduk Melayu dan Bumiputera bukan Melayu dilihat kepada umur dari 0 -75, sila lihat Jadual 2.14 pada lampiran. Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia). Dan Lihat: Pembahagian jumlah penduduk berdasarkan jantina lelaki dan perempuan di daerah-daerah jajahan pentdabiran Negeri Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[442] Besut; China berjumlah: 1,278 orang, Dungun; China berjumlah: 3,618 orang, Kemaman; China berjumlah: 5,970 orang, Kuala Terengganu; China berjumlah: 11,520 orang, Marang; China berjumlah: 1,427, Hulu Terengganu; China berjumlah: 350 orang, Setiu; China berjumlah: 132 orang.

[443] Untuk lebih jelas, jumlah secara terperinci sila lihat jadual 2.14 pada lampiran.

[444] Besut; India berjumlah: 65 orang, Dungun; India berjumlah: 323 orang, Kemaman; India berjumlah: 688 orang, Kuala Terengganu; India berjumlah: 656 orang, Marang; India berjumlah: 66 orang, Hulu Terengganu; India berjumlah: 19 orang, Setiu; India berjumlah: 8 orang. Untuk lebih jelas, sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[445] Besut; Bangsa lain berjumlah: 303 orang, Dungun; Bangsa lain berjumlah: 481 orang. Kemaman; Bangsa lain berjumlah: 512 orang. Kuala Terengganu; Bangsa lain berjumlah: 365 orang, Marang; Bangsa lain berjumlah: 124 orang. Hulu Terengganu; Bangsa lain berjumlah: 66 orang, Setiu; Bangsa lain berjumlah: 94 orang. Jumlah penduduk berdasarkan umur dari 0-75 tahun lebih sila lihat pada jadual

Terengganu juga di ambil kira dan dicatat dalam banci penduduk di Malaysia, jumlah mereka yang berada di negeri Terengganu melebihi penduduk tempatan berketurunan bangsa India dan lain-lain bangsa. Jumlah mereka di Malaysia adalah seramai 15,838 orang, jumlah penduduk lelaki seramai 11,208 orang dan jumlah penduduk perempuan seramai 4,630 orang.[446]

3.5.3 Jumlah Penduduk Berdasarkan Bancian Tahun 2010

Berdasarkan bancian penduduk dan perumahan pada tahun 2010, jumlah penduduk Bumiputera secara keseluruhan di Negeri Terengganu seramai 1,035,977 orang. Bumiputera terbahagi kepada dua iaitu Melayu dan Bumiputera bukan Melayu. Bumiputera Melayu berjumlah 985,011 orang, bukan Melayu berjumlah 1,991 orang. Daripada jumlah itu, jika dilihat kepada jantina, lelaki Melayu berjumlah 499,162 orang dan lelaki Bumiputera bukan Melayu berjumlah 1,077 orang. Manakala perempuan Melayu berjumlah 485,849 orang dan perempuan Bumiputera bukan Melayu berjumlah 914 orang.[447]

2.14 pada lampiran. Jumlah penduduk lelaki dan perempuan bangsa lain yang tinggal di kawasan jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[446] Besut; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 2,188 orang. Dungun; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 3,317 orang. Kemaman; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 5,947 orang. Kuala Terengganu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 1,662 orang. Marang; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 613 orang. Hulu Terengganu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 843 orang. Setiu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 1,268 orang. Jumlah penduduk yang bukan warganegara Malaysia berdasarkan umur daripada umur 0-75 ke atas. Sila lihat jadual 2.14 pada lampiran. Jumlah penduduk yang bukan warganegara Malaysia berdasarkan jumlah lelaki dan perempuan yang duduk di kawasan jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[447] Besut; Melayu berjumlah: 136,482 dan bukan Melayu berjumlah: 118, Dungun; Melayu berjumlah: 148,070 dan bukan Melayu berjumlah:89 . Kemaman; Melayu berjumlah:157,778 dan bukan Melayu berjumlah: 712. Kuala Terengganu; Melayu berjumlah: 325,145 dan bukan Melayu berjumlah: 660. Marang; Melayu berjumlah: 94,184 dan bukan Melayu berjumlah: 38. Hulu Terengganu; Melayu berjumlah: 69,138 dan bukan Melayu berjumlah:343. Setiu; Melayu berjumlah: 54,214 dan bukan Melayu berjumlah: 31. Untuk lebih jelas jumlah penduduk Melayu dan Bumipuera bukan Melayu dilihat kepada umur dari 0 -75, maka sila lihat Jadual 3.13 pada lampiran. (Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 2010) (Jabatan Perangkaan Malaysia). Dan Lihat: Pembahagian jumlah penduduk berdasarkan jantina lelaki dan perempuan di daerah-daerah jajahan pentdabiran Negeri Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

Bancian pada tahun 2010 juga turut menunjukkan jumlah penduduk berbangsa China di Negeri Terengganu seramai 26,429 orang. Jika dilihat daripada jantina, maka jumlah lelaki seramai 14,333 orang dan perempuan seramai 12,096 orang. Untuk melihat kepada jumlah berdasarkan umur dari 0 tahun hingga 75 tahun ke atas, boleh dirujuk kepada jadual 3.13 pada lampiran. Begitu juga bilangan penduduk China yang menetap di setiap daerah jajahan pentadbiran Negeri Terengganu.[448]

Selain daripada penduduk yang bebangsa Cina, negeri Terengganu juga memiliki penduduk yang berketurunan India. Jumlah mereka berada di negeri Terengganu seramai 2,397 orang dan menurut jantina, jumlah penduduk lelaki seramai 1,413 orang dan penduduk perempuan seramai 984 orang. Adapun jumlah penduduk India berdasarkan umur dari 0 hingga 75 tahun ke atas berjumlah lebih kurang sama seperti jumlah secara keseluruhan.[449] Ada juga penduduk India menetap di kawasan-kawasan atau daerah-daerah jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu.[450]

Melihat kepada penduduk negeri Terengganu yang bukan daripada ketiga-tiga bangsa di atas, jumlah mereka seramai 1,382 orang. Lelaki seramai 685 orang manakala perempuan 697 orang.[451] Jumlah penduduk yang bukan warganegara Malaysia tinggal di negeri Terengganu juga di ambil kira dalam bancian penduduk Malaysia, jumlah mereka yang berada di negeri Terengganu melebihi jumlah penduduk

---

[448] Besut; China berjumlah: 1,761 orang, Dungun; China berjumlah: 3,563 orang, Kemaman; China berjumlah: 6,937 orang, Kuala Terengganu; China berjumlah: 11,861 orang, Marang; China berjumlah: 1,874, Hulu Terengganu; China berjumlah: 318 orang, Setiu; China berjumlah: 125 orang.

[449] Untuk lebih jelas, jumlah secara terperinci sila lihat jadual 5.14 pada lampiran.

[450] Besut; India berjumlah: 185 orang, Dungun; India berjumlah: 307 orang, Kemaman; India berjumlah: 743 orang, Kuala Terengganu; India berjumlah: 886 orang, Marang; India berjumlah: 167 orang, Hulu Terengganu; India berjumlah: 97 orang, Setiu; India berjumlah: 12 orang. Untuk lebih jelas, sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[451] Besut; Bangsa lain berjumlah: 330 orang, Dungun; Bangsa lain berjumlah: 313 orang. Kemaman; Bangsa lain berjumlah: 264 orang. Kuala Terengganu; Bangsa lain berjumlah: 294 orang, Marang; Bangsa lain berjumlah: 121 orang. Hulu Terengganu; Bangsa lain berjumlah: 37 orang, Setiu; Bangsa lain berjumlah: 23 orang. Jumlah penduduk berdasarkan umur dari 0-75 tahun lebih sila lihat pada jadual 5.14 pada lampiran. Dan Jumlah penduduk lelaki dan perempuan bangsa lain yang duduk di kawasan jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

tempatan berbangsa India dan lain-lain bangsa. Jumlah penduduk bukan warganegara Malaysia ini seramai 18,767 orang, lelaki seramai 11,824 orang dan perempuan seramai 5,943 orang.[452]

3.6 MATA PENCARIAN PENDUDUK NEGERI TERENGGANU

3.6.1 Mata Pencarian Penduduk Negeri Terengganu Dahulu

Pada abad kedua belas Foloan (Kuala Berang) telah dijadikan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara sebagaimana dijelaskan dalam buku Ling-wai Tai-ta oleh Chao Chu-Fei pada tahun 1178M. Kemungkinan Foloan masih berada di tepi laut pada abad kedua belas.[453]

Pada awal pembentukan kerajaan Terengganu di bawah Sultan Zainal Abidin I. Sumber pendapatan penduduk Terengganu hanya tertumpu kepada dua sahaja. Penduduk berhampiran pantai, mereka bekerja sebagai nelayan. Manakala mereka yang tinggal di kawasan daratan, bekerja sebagai petani dengan bercocok tanam. Secara keseluruhannya keadaan penduduk Terengganu pada amnya masih berada pada kedudukan miskin dan sampai tahap "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang".[454]

---

[452] Besut; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 2,076 orang. Dungun; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 2,590 orang. Kemaman; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 4,949 orang. Kuala Terengganu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 4,448 orang. Marang; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 1,473 orang. Hulu Terengganu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 2,119 orang. Setiu; Bukan Warganegara Malaysia berjumlah: 1,112 orang. Jumlah penduduk yang bukan warganegara Malaysia berdasarkan umur daripada umur 0-75 ke atas. Sila lihat jadual 5.14 pada lampiran. Jumlah penduduk yang bukan warganegara Malaysia berdasarkan jumlah lelaki dan perempuan yang duduk di kawasan jajahan pentadbiran kerajaan Terengganu. Sila lihat jadual 3.13 pada lampiran.

[453] Ling-wai Tai-ta telah dijadikan rujukan oleh ahli sejarah Melayu iaitu; Lihat: Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (c.2, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp, 1982), 7.

[454] MISBAHA, (1968), *op. cit*., 54

Dengan keadaan masyarakat yang sangat sederhana, maka rupa bentuk pakaian yang dipakai oleh penduduk pada masa itu adalah berpakaian kain lepas di bahagian atas dan bawah, jadi mereka belum mengenali baju dan seluar. Manakala perempuan pula memakai kain dukong sebagai ganti baju. Pakaian anak-anak raja dan orang-orang pembesar adalah berlainan iaitu menggunakan seluar sapak atau seluar empat karat berselimpang giling ungu dan berdastar, ada pula mereka memakai songkok daripada urat resang yang dijalin-jalin, bajunya dikenali dengan nama baju ketat, lengannya sa-kerat siku.[455]

Selepas kerajaan Terengganu dipimpin oleh Sultan Zainal Abidin III, penduduk Terengganu semakin ramai dan kebanyakan mereka menjalankan aktiviti perniagaan. Ketika itu pusat perniagaan bertempat di Kedai Payang dan di Kampung China yang beroprasi pada waktu petang dan malam, manakala pada waktu pagi di Kedai Hilir. Ketika itu orang-orang Terengganu terkenal dalam berbagai bidang pertukangan, seperti tukang besi, tembaga dan bertenun kain. Manakala barang-barang keperluan pula boleh didapati dengan harga yang murah.[456]

3.7.2 Mata Pencarian Penduduk Negeri Terengganu Sekarang

Setelah kerajaan Terengganu mengalami kemajuan dan memasuki alam kemodenan, jumlah penduduk Terengganu pula mulai meningkat dan berbagai bidang pekerjaan telah diceburi oleh masyarakat Terengganu. Berdasarkan bancian tahun 2000,

---

[455] *Ibid.*, 55.

[456] Seterusnya, pada masa itu banyak barang-barang perusahaan negeri yang telah dihasilkan oleh rakyat Terengganu seperti kain tenunan sutera, kain-kain benang, senjata, dan perkakas-perkakas kayu. Perusahaan tenunan kain biasanya dilakukan oleh para pekerja perempuan, manakala perusahaan tembaga putih, tembaga kuning dan perahu dilakukan oleh pekerja lelaki. Manakala golongan petani, mereka menjalankan perusahaan penanaman padi, kelapa, tebu, buah-buahan, gambir dan sayur-sayuran. Walau bagaimanapun hampir 1/3% beras dibawa masuk daripada Negeri Siam dan Negeri Selat. Adapun pendapatan para nelayan tiap-tiap bulan bermula daripada bulan Mac hingga September kira-kira $8.00 manakala bagi tukang perahu pendapatannya dua kali ganda. Lihat: Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (1992M), *op. cit.*, 206-208.

jumlah penduduk yang bekerja dari umur 15 tahun hingga 64 tahun adalah seramai 248,003 orang. Kerajaan Terengganu telah membuat pecahan terhadap sumber mata pencarian dikalangan penduduknya kepada dua belas iaitu:[457]

1. Penggubal Undang-undang (Pegawai Kanan Dan Pengurus). Seramai 5,947 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 5,225 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun adalah seramai 722 orang.
2. Profesional. Terdiri daripada Guru, Doktor dan sebagainya berjumlah 12,865 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 7,478 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 5,387 orang.
3. Juruteknik dan Profesional Bersekutu. Seramai 30,007 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 17,390 orang. manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 12,617 orang.
4. Pekerja Perkeranian. Seramai 17,536 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 6,999 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun adalah seramai 10,537 orang.
5. Pekerja Perkhidmatan (Pekerja Kedai dan Jurujual). Seramai 40,148 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 23,434 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun ialah seramai 16,714 orang.
6. Pekerja Mahir (Pertanian dan Perikanan). Sramai 46,202 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 38,480 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 7,362 orang.
7. Pekerja Pertukangan Dan yang Berkaitan. Seramai 40,811 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 36,224 orang. Manakala perempuan daripada umur 15- 64 tahun seramai 4,587 orang.

---

[457] Tenaga pekerja di Negeri Terengganu, untuk lebih terperinci. Lihat : lampiran pekerjaan peduduk berumur 15-64 tahun mengikut kumpulan umur, jantina dan pekerjaan, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000*.

8. Pekerja Operator Loji dan Mesin Serta Pemasang. Seramai 25,497 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 20,714 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 4,783 orang.
9. Pekerjaan Asas. Seramai 28,579 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 21,683 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 6,896 orang.
10. Pekerjaan Yang Tidak Diketahui. Seramai 411 orang. Lelaki daripada umur 15 - 64 tahun seramai 260 orang. Manakala perempuan daripada umur 15 - 64 tahun seramai 151 orang.

3.7 KESIMPULAN

Setelah kemunculan Terengganu sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa pada zaman awal, Terengganu menjadi sebuah tempat tumpuan dan persinggahan para pedagang untuk mendapat barangan keperluan negara mereka. Kemasukan para pedagang yang terdiri dari pelbagai negara termasuk dari Hadramaut menyebabkan suasana di pusat perdagangan bukan sahaja untuk berdagang namun turut dijadikan medan dakwah oleh golongan ulama Arab yang menular masuk ke seluruh ceruk pelusok negeri Terengganu sehingga melibatkan masyarakat tempatan dan golongan istana.

Saudagar Arab juga merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membawa Islam masuk ke Terengganu sehingga Terengganu muncul di antara sebuah negeri yang terawal menerima Islam berdasarkan bukti batu besurat yang dijumpai di Hulu Kuala Berang. Sehubungan itu negeri Terengganu mampu membentuk sebuah kerajaan berlandaskan syariat Islam di bawah payung istana.

Apabila institusi istana menjadi tonggak utama dalam penyebaran dakwah Islamiyyah sehingga terbentuknya sebuah pentadbiran Islam, maka para ulama merasakan ini satu peluang yang sangat baik dan semakin bersemangat untuk terus mendukung pihak istana dalam hal tersebut. Dari sinilah para pendakwah Arab khususnya golongan Syed Hadramaut mengambil peluang untuk terus masuk dan memainkan peranan masing-masing. Walau bagaimanapun tidak semua sultan memiliki sikap kepedulian terhadap gerakan dakwah yang rangcak tersebut. Namun Terengganu sempat menyaksikan pemerintahan berlandaskan Islam dengan melaksanakan hukum hakam Islam sehinggalah campurtangan British yang melemahkan konsep pemerintahan tersebut dengan menerapkan unsur-unsur Barat dalam pentadbiran Islam kerajaan negeri Terengganu.

Perjalanan dakwah yang semakin berkembang melibatkan beberapa orang tokoh ulama tempatan yang berketurunan Ahlul Bait sangat mendapat sambutan khususnya masyarakat Terengganu dan tidak kurang juga rakyat dari negeri jiran. Tahun demi tahun, walaupun rakyat semakin bertambah namun mereka tetap mendapat fahaman aqidah yang baik hasil daripada kerjasama ulama dan umara. Bukan soal kerohanian sahaja, bahkan hal-hal kebajikan keduniaan juga turut dijaga sehingga ada pemerintah yang turun padang untuk melihat sendiri suasana kehidupan rakyatnya.

Maka apabila negeri Terengganu berada dalam konteks masa dan situasi keagamaan yang cukup baik sudah tentu ia melahirkan sebuah negeri yang rakyatnya mentaati perintah Allah, patuh kepada pemimpin, seterusnya negeri menjadi harmoni, makmur, tiada kacau bilau akhirnya rakyat dan pemimpin hidup dalam keadaan aman.

Malangnya selepas pencerobohan British di Terengganu, semua sistem pemerintahan Islam yang dilihat tidak menyebelahi mereka, akhirnya sistem pentadbiran Islam sedia ada telah dirobek dengan alasan tertentu dan diganti degan undang-undang di bawah pentadbiran mereka. Selepas itu sehingga hari ini umat Islam menjadi lemah dan takut untuk bangkit semua kerana dimomokkan dengan fahaman-fahaman yang salah jika Islam ditegakkan. Akhirnya, Sultan Terengganu hanya mempunyai kuasa dalam pengurusan hal ehwal keagamaan sahaja.

BAB EMPAT

KEMUNCULAN DAN PERTAPAKAN GOLONGAN SYED DI TERENGGANU

4.0 PENGENALAN

Kemunculan ulama keturunan Syed di Terengganu berlaku serentak dengan kemunculan mereka di Nusantara dan pertapakan mereka berkait rapat dengan kedatangan Islam di Terengganu. Namun boleh dikatakan kehadiran mereka jauh lebih awal daripada itu jika mengambil kira daripada tarikh kewafatan keturunan Syed yang pertama pada 1792M/1794M yang menunjukkan jaraknya sekitar 107 atau 105 tahun Masihi. Permulaan kehidupan ulama Syed di Terengganu dengan menjalankan aktiviti perniagaan, penyebaran ilmu pengetahuan, perkahwinan antara penduduk tempatan dan sebagainya. Akhirnya kehadiran mereka khususnya dalam pendakwahan mendapat penerimaan baik masyarakat manakala sultan pula memberi restu kepada mereka.

Sejajar dengan itu, kemunculan Syed yang terawal di Terengganu daripada golongan al-Idrus telah dirintis oleh Syed Muhammad Mustafa bin Ahmad al-Idrus. Golongan ini membawa banyak perubahan kepada masyarakat setempat. Penonjolan mereka bukan sahaja dalam bidang agama, malahan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan istana, terutama pada zaman pemerintahan Sultan Omar dan Sultan Zainal Abidin III.

Jika diperhatikan bahawa sebahagian besar keturunan kesultanan Terengganu itu sendiri, bermula dari Tun Zainal Abidin sehingga Sultan Mizan Zainal Abidin sudah membawa darah keturunan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W. yang berpunca dari

Tun Habib Abdul Majid, maka tidak hairanlah sekiranya keluarga istana ini boleh menerima golongan Syed dan sangat mencintai ulama ini di kalangan mereka. Boleh dikatakan bahawa kerabat Diraja ini sudah memahami antara satu sama lain dan dapat memenuhi keperluan serta lengkap-melengkapi semasa mereka dalam banyak perkara. Kalau tidak sedemikian, amat sukar bagi sultan untuk mengahwini seseorang anak ulama Syed yang sudah jelas rakyat biasa dan bukan kerabat Diraja, seperti anak kepada Tok Pulau Manis, Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh yang berkahwin dengan sultan Terengganu. Dari sinilah wujudnya sebuah pemerintahan dan pentadbiran yang seimbang serta penuh keadilan apabila ulama dan umara dapat duduk bersama. Penerimaan masyarakat dalam penyampaian ilmu agama pula sangat mudah dan berkesan disebabkan pemerintah dan ulama sudah menjadi model yang terbaik kepada mereka. Maka tiada sebab bagi rakyat untuk menolak sebarang dasar yang dibuat oleh pemerintah berlandaskan syariat Islam.

Kelebihan dan kehebatan beberapa orang ulama Syed al-Idrus dalam bidang agama seperti Tuk Ku Malaka, Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh telah membabitkan mereka dengan pentadbiran istana. Pembabitan ulama Syed ini bukan sekadar suasana itu sahaja bahkan lebih lagi daripada skop tugas yang biasa, umpamanya sebagai mertua kepada sultan di istana sehingga melayakkan mereka memegang jawatan terpenting dalam pentadbiran kerajaan yang menguatkan lagi kedudukan golongan Syed al-Idrus di Terengganu.

Sikap masyarakat Melayu Terengganu pula mudah menerima golongan Syed sebagai pendokong mereka sehingga merasakan golongan tersebut sebagai penyelamat dalam kehidupan mereka khususnya dalam bidang agama, dan sebagai orang yang membuka jalan ke arah kebaikan kehidupan berdasarkan konsep beragama. Lebih-lebih

lagi perasaan terlalu hormat dan tunduk kepada golongan Syed yang dianggap mulia dari keturunan Rasulullah S.A.W. ini sangat membantu dan membuka ruang yang luas kepada ulama Syed untuk mendapat pengaruh yang lebih besar dari kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, golongan Syed juga memiliki aura dan persepsi yang berlainan dengan manusia biasa di samping memiliki sifat yang tegas dalam peraturan kehidupan mereka. Umpamanya dari segi keturunan, mereka mesti berkahwin dengan kalangan keluarga Syed dan Sharifah sahaja untuk mengekalkan keaslian salasilah keturunan keluarga Syed. Mereka juga mempunyai amalan-amalan tersendiri untuk memantapkan akidah, menambah kekuatan rohaniah dan sebagainya untuk merapatkan diri kepada Allah, seperti Rattib al-Attas dan panduan-panduan lain yang menjadi amalan hidup. Perkara-perkara inilah antaranya yang menyebabkan orang-orang Melayu kagum dan hormat kepada mereka. Berbeza dengan masyarakat Melayu hari ini, asal berkenan sahaja boleh berkahwin tanpa melihat lebih jauh dari segi latar belakang keturunan pasangan rumah tangga mereka.

Melalui pembahasan ini, perbincangan akan tertumpu kepada pertapakan golongan Syed, kesultanan, masyarakat dan golongan Syed serta penerimaan terhadap golongan Syed oleh masyarakat Terengganu.

4.1 PERTAPAKAN GOLONGAN SYED

4.1.1 Sejarah Kedatangan

Kehadiran golongan Syed di rantau Asia Tenggara dipercayai secara berperingkat-peringkat bermula dari sebelum kedatangan Belanda.[458]Sebuah manuskrip menyebut tentang kedatangan golongan Syed Alawiyyin ke Nusantara dengan menyatakan bahawa golongan al-Idrus sebagai pendakwah telah masuk ke Terengganu setelah melalui beberapa tempat untuk menuntut ilmu agama dari guru-guru yang alim. Sumber ini disebut dalam sebuah manuskrip yang bertajuk "Inilah asalnya cerita al-Habib Husain bin al-Habib Ahmad al-Kadri[459] yang turut mengesahkan kedatangan golongan Syed ke Terengganu, iaitu … Seorang lagi Syed Muhammad bin Ahmad al-Kudsi belayar lalu masuk ke Terengganu yakin pada beliau dan digelar "Dato' Marang nama mulia ikut adat orang Terengganu".

Berdasarkan manuskrip ini, menunjukkan bahawa seorang sahabat yang datang ke Acheh berketurunan al-Idrus dikenali sebagai Syed Abu Bakar al-Idrus telah menetap di Acheh sehingga kewafatannya dan digelar oleh penduduk tempatan sebagai

---

[458] R.B Serjant, *The Saiyids of Hadramaut*, School of Oriental and African Studies, (University of London, Luzac and Co., Londong, 1957), 24.

[459] Manuskrip yang bertajuk "Inilah asalnya cerita al-Habib Husain bin al-Habib Ahmad al-Kadri : Tuan Besar Negeri Mempawah" yang dihimpun oleh Syarif Abu Bakar bin Syarif Umar disalin semula oleh Alwi bin Ahmad bin Ismail al-Kadri dari Muzium Kalimantan Utara, Pontianak.
"Inilah Cerita al-Habib Husain bin al-Habib Ahmad al-Kadri Tuan Besar Negeri Mempawah, Pontianak"
"Adapun Tuan Besar Negeri Mempawah itu namanya Tuan Besar Mempawah al-Syed al-Syarif Husain, anak al-Habib Muhammad yang berbangsa al-Kadri lagi Syarif, Jamalulai, lagi bangsa Ba Alawi. Maka al-Habib Husain itu diperanakkan di Tanah Arab, negeri bernama Tarim di Hadramaut. Turun dari Tarim lalu masuk ke Kulandi, India. Berhenti empat tahun di situ mengaji kitab dengan seorang guru Pendita Besar Tuan Syed Muhammad bin Hamid. Sebentar di Kulandi dan sebentar di Calicut. Pergi al-Habib Husain dengan tiga lelaki Syed bersama-sama mengaji dengan Syed Muhammad.
Syahdan berhentilah empat tahun, Habib Husain bersama tiga orang minta izin daripada gurunya Syed Muhammad untuk keluar dari negeri Khuldi, diterima gurunya atas permintaan itu. Salah seorang rakan Habib Husain iaitu Syed Abu Bakar bangsanya al-Idrus menetap di Acheh hingga wafatnya dan dikuburkan orang dalam Acheh, itulah Tuan Syed yang bergelar hingga sekarang "Tuan Besar Acheh". Seorang lagi Syed Umar bangsanya al-Saqqap, tinggal di Siak dan mengajar hingga wafat dan dikuburkan orang dalam Siak, itulah Tuan Syed yang bergelar "Tuan Besar Siak". Seorang lagi Syed Muhammad bin Ahmad al-Kudsi belayar lalu masuk ke Terengganu yakin pada beliau dan digelar "Dato' Marang nama mulia ikut adat orang Terengganu". Husna Saadah Binti Haji Saad,*op.cit.*, (1991/92), 34.

"Tuan Besar Acheh". Melalui sumber yang didapati sekitar abad ke 17 ini bererti telah wujud golongan Syed al-Idrus di Nusantara. Perkara ini berkait rapat dengan kedatangan keturunan al-Idrus yang pertama ke Terengganu. Walau bagaimanapun tiada tarikh tepat dapat dibuktikan bila sebenarnya keluarga al-Idrus ini tiba di Terengganu. Cuma boleh berpegang kepada bukti sebuah makam lama yang dijumpai di Kampung Chabang Tiga, Kuala Terengganu dijadikan panduan sebagai tarikh kedatangan Syed al-Idrus yang pertama ke Terengganu[460] dan tiada lagi keturunan Syed paling awal tiba di Terengganu selain beliau. Sekiranya ada, sudah pasti terdapat tinggalan bahan bukti yang boleh dijadikan landasan, tetapi sehingga hari ini beliau sahaja yang dipertahankan paling awal ditemui.[461]

4.1.2 Salasilah Kedatangan

Kehadiran golongan Syed di Terengganu tidak terpisah daripada konsep ketibaan mereka di Malaysia sepertimana diceritakan di negeri-negeri sebelumnya. Manakala bumi asal mereka juga tetap di Hadramaut yang menjadi kebanggaan sebagai sebuah pusat penting dalam perniagaan memandangkan kedudukannya di kawasan Laut Merah dan Laut India yang menghubungkan negeri-negeri di sebelah timur dan barat negeri Arab.[462]

Keluarga Alawiyyin berketurunan Rasulullah S.A.W. melalui susur galur cucunya Sayyidina Husein mempunyai pengaruh yang luar biasa baik sebagai ulama, pemimpin suku dan ahli perniagaan di Hadramaut. Dari situlah aktiviti perniagaan

---

[460] Temuramah dengan Mohamad Salleh Hj Awang (Misbaha, 30 Ogos1991). *Ibid.* 35.
[461] Mohamad Abu Bakar, *"Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tokku Paloh)",*(*Islam di Malaysia* Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, t.t.), 35.
[462] Mahayudin Haji Yahya, *Sejarah Orang Syed Di Pahang, op.cit.,* (1984), 3.

mereka tersebar sehingga ke Semenanjung Tanah Melayu[463] termasuk negeri Terengganu. Golongan Syed al-Idrus ini sudah terkenal sebagai pedagang dan menjadikan sumber ekonomi mereka. Sebagai contoh, bapa Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) iaitu Syed Zainal Abidin salah seorang peniaga beras yang sentiasa berulang alik daripada pulau Jawa ke Terengganu dan seterusnya berkahwin dengan anak Tok Makam Lama. Beliau pernah bermastautin di Terengganu sebelum pulang semula ke Jawa untuk urusan perdagangan dan akhirnya meninggal di sana.[464] Hasil pembawaan beliau itu secara tidak langsung telah menarik minat lebih ramai ulama lain untuk turut serta berdagang dan berdakwah di Terengganu. Kesan pengaruh keagamaan golongan Syed di Terengganu ini menyebabkan pada pertengahan kurun ke 19 dan ke 20 munculnya era pengaruh agama yang dipegang oleh ulama keturunan al-Idrus[465] yang membawa suatu perubahan yang mendadak ke atas rakyat Terengganu.

4.1.3 Kekeluargaan

Keluarga Alawiyyin yang pertama berhijrah ke Tanah Melayu khususnya di Negeri Terengganu terdiri daripada keluarga al-'Idrus dan mereka dianggarkan mula menetap di Terengganu pada abad ke 12 Hijrah bertempat di Kampung Chabang Tiga KualaTerengganu. Dakwaan ini adalah berdasarkan kepada bukti sejarah yang menunjukkan terdapat sebuah "makam lama", yang dijumpai di Chabang Tiga Kuala Terengganu di mana makam lama tersebut adalah terdiri daripada keturunan keluarga al-'Idrus iaitu Syed Muhammad Mustafa al-'Idrus. Berdasarkan tulisan yang ada pada

---

[463] *Ibid.*, 21-23.
[464] Wan Husain Wan Embong, *"Peranan dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar", Ulama Terengganu : Suatu Sorotan,* (Utusan Publication and Distribution, Kuala Lumpur, 1991), 36.
[465] Shafie Abu Bakar, *"Latarbelakang Keagamaan di Terengganu Dahulu Dan Sekarang"*, (Muzium Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1991), 12.

makam lama itu terdapat catatan yang menyatakan bahawa beliau telah wafat pada malam Khamis 22hb Rajab 1207H atau 1209H (1792M atau 1794M).[466]

Melalui tarikh yang dijumpai pada makam lama itu, maka ahli sejarah dan keturunan Syed telah menjelaskan/mengandaikan bahawa keluarga Syed al-'Idrus merupakan keluarga yang pertama menetap dan berdakwah di negeri Terengganu. Syed Muhammad Mustafa al-'Idrus bersama dua orang saudaranya melakukan perjalanan dari Hadramaut ke Alam Melayu. Salah seorang saudaranya menetap di Jawa dan seorang lagi di Patani. Walaupun mereka bertiga masing-masing menetap di berlainan tempat, namun mereka tetap menjalankan aktiviti perniagaan dan menyebarkan agama Islam tidak kira di mana mereka berada.[467]

Kedatangan Syed Muhammad Mustaffa bin Ahmad ke Terengganu bukan secara terus dari Hadramaut, malah keluarga mereka telah bermastautin terlebih dahulu selama beberapa tahun di Indonesia sebelum datang ke Terengganu.[468] Masyarakat Terengganu telah menerima kedatangan mereka dengan baik memandangkan mereka berasal dari golongan Ahlul Bait Rasulullah S.A.W., berdasarkan kemuliaan tersebut, keilmuan dan budi pekerti baik yang dimiliki golongan al-Idrus ini, menyebabkan bukan sahaja mendapat sambutan baik dari rakyat negeri Terengganu malah juga dari keluarga Diraja Terengganu pada masa itu.[469]

---

[466]Al-'Allamah al-Sayyid al-Sharif 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn al-Mashur, *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani 'Alawi Furu' Fatimah al-Zahra' Wa Amir al-Mu'minin 'Ali Radhiya Allah 'Anhu,* (Juz 1 Jeddah:'Alam al-Ma'rufah, 1984), 125.
[467] *Ibid.*,125.
[468] Temubual dengan Engku Embong Abdul Kadir, (29 Ogos 1991). Lihat : Husna Saadah Binti Haji Saad, *op.cit*, (1991/92), 48.
[469] Ismail Abdul Halim, "Keturunan Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus" (buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam ke VI, Bangi, 1981), 2.

4.1.4 Salasilah

Salasilah keluarga al-Idrus yang pertama di Terengganu bermula apabila Tok Makam Lama yang telah berkahwin dengan perempuan tempatan bernama Wan Selamah anak kepada seorang Dato' di Terengganu (Dato' Bukit Datu). Ketika zaman pemerintahan Tun Zainal Abidin I. Penempatan pertama yang telah dibuka oleh Tok Makam Lama sebaik tiba di Terengganu ialah di Kampung Baru (Chabang Tiga).[470]

Seterusnya pertambahan kepada keluarga ini terus berlaku dengan kehadiran peringkat kedua iaitu seorang peniaga beras dari Jawa bernama Syed Zainal Abidin ke Terengganu telah menemukan beliau dengan keluarga al-Idrus di situ, dan terus menetap di Terengganu. Syed Zainal Abidin kemudiannya telah berkahwin dengan salah seorang daripada anak Tok Makam Lama. Dan dari sinilah lahirnya seorang tokoh agama yang terkenal berketurunan al-Idrus di Terengganu iaitu Tok Ku Tuan Besar (Syed Muhammad bin Zainal Abidin) yang lahir malam kewafatan datuknya Tok Makam Lama.[471]

Penempatan pertama bagi golongan Syed al-Idrus setelah tiba di Terengganu ialah di Kampung Baru yang sekarang ini dinamakan Kampung Chabang Tiga. Kampung Chabang Tiga merupakan sebuah mukim yang letaknya kira-kira 3 kilometer dari bandar Kuala Terengganu. Berhampiran dengan pekan Chabang Tiga dan menghala ke Kuala Berang ialah Kampung Tok Ku. Kira-kira 100 tahun lalu, hampir seluruh penduduk kampung itu terdiri daripada keturunan Syed, hanya sebilangan kecil

---

[470] Husna Saadah Binti Haji Saad, *op.cit.,* (1991/92), 36

[471] Wan Husain Wan Embong, *"Peranan Dan Pengaruh Tokku Tuan Besar", Ulama Terengganu: Suatu Sorotan,* (Utusan Publication and Distributions, Kuala Lumpur, 1991), 36.

sahaja orang-orang bukan Syed. Sebuah Masjid Tok Ku masih wujud dengan megahnya sehingga sekarang.

Merujuk kepada salasilah keturunan Syed di Terengganu, keluarga al-'Idrus merupakan yang terawal sekali datang ke Terengganu. Perkara tersebut boleh dilihat kepada susurgalurnya yang bermula daripada Syed Muhammad Mustafa al-'Idrus bin Ahmad, bin Shaykh bin Mustafa bin 'Ali Zayn al-'Abidin bin'Abd Allah bin Shaykh bin 'Abd Allah bin Shaykh bin 'Abd Allah al-'Idrus (al-Akbar), bin Abu Bakar al-Sakran bin 'Abd al-Rahman al-Saggaf bin Muhammad Maula Dawilah bin 'Ali bin 'Alwi bin Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam) bin 'Ali bin Muhammad Sahib Mirbat bin 'Ali Khali' Kassam bin 'Alwi bin Muhammad bin al-Shaykh 'Alawi ('Alawiyyah), bin 'Abd Allah (Ubaidillah), bin Ahmad al-Muhajir bin 'Isa bin Muhammad al-Nakib bin 'Ali al-Raydi bin al-Imam Ja'far al-Sadiq bin al-Imam Muhammad al-Bakir bin Imam 'Ali Zayn al-'Abidin bin al-Imam Husayn bin Fatimah al-Zahrah binti Muhammad S.A.W.[472]

Keluarga al-Idrus ini juga telah menyusurgalurkan keturunan mereka sama seperti mana yang dilakukan oleh keturunan Syed Alawwiyyah yang lain. Susurgalur ini sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W., melalui puteri baginda iaitu Fatimah al-Zahrah.

[472] *Ibid.*, 126. Juga berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu).

4.2 KESULTANAN, MASYARAKAT DAN GOLONGAN SYED DI TERENGGANU

Pada peringkat awal penubuhan kerajaan Terengganu di bawah pemerintahan raja pertamanya Sultan Zainal Abidin I, baginda telah membangun dan membina masyarakat Islam Terengganu bersama-sama ulama. Pada masa itu jabatan mufti masih belum ditubuhkan oleh kerajaan negeri, maka dengan inisiatif dan sifat keterbukaan sultan, baginda memohon seorang ulama untuk dijadikan penasihat baginda dalam sebarang masalah berkaitan dengan keagamaan. Sehubungan itu, ulama yang pertama diangkat menjadi penasihat sultan pada masa itu ialah Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis), seorang ulama yang sangat disegani oleh sultan kerana keilmuannya manakala beliau sendiri merupakan salah seorang ulama daripada golongan Syed berketurunan daripada Sharif Muhammad, ulama yang berdakwah di Kampung Pauh Hulu Terengganu pada abad ke 16 berasal daripada Baghdad. Beliau sangat rapat dengan keluarga sultan memandangkan semua keluarga baginda belajar mengaji dan ilmu-ilmu agama daripada beliau.[473]

Walaupun beliau sebagai seorang ulama serta penasihat kepada sultan, namun menjadi kewajipan beliau untuk sentiasa mengajar ilmu-ilmu agama kepada orang ramai dalam masyarakat Terengganu. Justeru itu beliau mendekati keluarga sultan dan rakyat jelata dalam satu masa. Untuk lebih fokus dalam pendidikan Islam kepada masyarakat, beliau menubuhkan madrasah atau sekolah pondok bagi memudahkan aktiviti pengajiannya. Pada masa itu ramai pelajar yang datang daripada luar negeri

[473] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, (Terengganu: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1991), 53-58.

Terengganu untuk menuntut ilmu, dengan kelebihan beliau sebagai seorang ulama yang menguasai pelbagai disiplin ilmu agama.[474]

Pada zaman pemerintahan sultan-sultan yang berikutnya, amalan melantik ulama sebagai penasihat istana masih diteruskan dan dijadikan sebagai amalan istana, pada masa Sultan Omar, baginda selalu berdamping dengan seorang ulama daripada golongan Syed yang sangat masyhur dengan ilmu agamanya iaitu Syed Muhammad bin Syed Zainal Abidin (Tok Ku Tuan Besar). Beliau dilantik menjadi mufti Terengganu oleh baginda. Walaupun sebagai mufti, bukan bermakna beliau hanya menumpukan kepada bidang tugas mufti dan istana semata-mata bahkan beliau mengambil berat terhadap perkembangan Islam dengan meyampaikan ilmu melalui syarahan agama kepada masyarakat Terengganu. Beliau telah menjadikan Masjid Kampung Tok Ku di Chabang Tiga Kuala Terengganu sebagai pusat perkembangan pendidikan Islam kepada orang awam. Bermula daripada sinilah, pusat penyebaran Islam pertama beliau itu telah mendapat sambutan daripada ramai murid yang berkeinginan untuk mengikuti syarahan agamanya. Antara dorongan kehadiran pelajar yang semakin bertambah untuk mengikuti pengajian Islam di Masjid Tok Ku ini adalah disebabkan gaya penyampaian syarahan dan ajarannya menggunakan bahasa yang sangat mudah difahami sehingga mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang telah diperolehi daripada Tok Ku Tuan Besar tersebut.[475]

Tidak kurang juga dengan ulama-ulama golongan Syed generasi berikutnya seperti Tok Ku Paloh, Shaykh Syed Yusuf al-Zawawi, Engku Alwi dan sebagainya hingga sekarang masih mengekalkan tradisi menjalinkan kerjasama yang erat atau hubungan baik di antara institusi istana dan masyarakat Terengganu secara harmoni. Ini

---

[474] *Ibid.*,

[475] Wan Husin Wan Embung, *Peranan Dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar*, 1991), *Ibid.*, 135-143.

kerana ulama golongan Syed ini mempunyai kemampuan untuk menjadi penasihat dan mufti untuk kerajaan Terengganu dan juga sebagai ulama yang sentiasa istiqomah mengajar dan memberi didikan kepada rakayat. Sebagai contoh; Tok Ku Paloh, merupakan seorang ulama yang masyhur dan hubungan beliau dengan keluarga Sultan Zainal Abidin III sangat erat bahkan baginda sendiri mencemar duli menuntut ilmu agama daripada beliau. Begitu juga sifat beliau yang sangat tegas dan berani memberi nasihat dan teguran kepada baginda. Di samping itu, hubungan beliau dengan orang ramai juga sangat rapat sehingga tidak ada batasan pergaulan yang terhad di antara mereka walaupun berjawatan tinggi sebagai mufti, yang penting usaha dakwah beliau berjalan lancar dan kehidupan rakyat berada dalam keadaan harmoni.[476]

Di antara bukti lain yang menunjukan bahawa ulama golongan Syed di Terengganu hingga sekarang masih disegani oleh masyarakat dan golongan pemerintah khususnya dari istana serta pembesar kerajaan Terengganu, di mana ketika Sultan Ismail, ulama golongan Syed masih diberi kehormatan yang luar biasa sehingga baginda mengangkat Shaykh Syed Yusuf al-Zawawi yang bukan ulama tempatan sebagai mufti kerajaan Terengganu. Ini menggambarkan bahawa ulama golongan Syed tetap dimuliakan oleh keluarga sultan dan menganggap kedudukan ulama golongan Syed setara dengan keluarga sultan. Begitu juga dengan masyarakat awam negeri Terengganu tetap memuliakan dan menghormati ulama golongan Syed walaupun mereka melihat bahawa Shaykh Syed Yusuf al-Zawawi itu bukan daripada rakyat Terengganu.[477]

---

[476] Untuk lebih jelas mengenai keakraban hubungan ulama golongan Syed dengan Sultan dan masyarakat boleh lihat: artikel yang ditulis oleh Mohamad bin Abu Bakar, *Syed Abdul Rahman bin Muhammad* (*Sejarah Malaysia*, t.t), 34-51.

[477] Untuk lebih jelas sila lihat senarai Mufti-Mufti Negeri Terengganu dalam bukunya: *Ringkasan Fatwa Dan Pandangan Mufti Dan Jawatankuasa fatwa Negeri Terengganu Juzuk 1*, (Terengganu: Jabatan Mufti Negeri Terengganu), XI-XIII.

4.3 PENERIMAAN TERHADAP GOLONGAN SYED

4.3.1 Hubungan Perkahwinan

Penyebaran Islam di Terengganu yang dibawa oleh ulama golongan Syed telah menggunakan beberapa metod pendekatan yang sangat harmoni. Sejarah telah membuktikan bahawa Islam tersebar di Alam Melayu melalui jalan yang sangat mudah tanpa adanya peperangan. Pada peringkat awal kedatangan ulama golongan Syed ke Terengganu adalah untuk menyebar dan memberi pendidikan agama Islam kepada keluarga istana dan masyarakat. Pertama, keluarga Diraja Terengganu sangat menerima baik kehadiran mereka dan menjalinkan hubungan erat dengan keluarga ulama golongan Syed (al-Idrus).[478] Hubungan baik ini telah membawa kepada peringkat perkahwinan di antara keluarga ulama golongan Syed al-Idrus dengan keluarga Diraja Terengganu. Seperti; empat orang ulama golongan Syed yang berketurunan daripada Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar) berkahwin dengan keluarga Diraja. Mereka telah mengahwini anak saudara Sultan Omar, yang merupakan Sultan Terengganu ke 9 (1839-1876M).[479]

Manakala seorang lagi anak Tok Ku Tuan Besar yang berkahwin dengan kerabat Diraja ialah Syed Abdul Kadir (Tok Ku Wakaf) yang juga dikenali sebagai Tok Ku Tuan Kechik mengahwini Tengku Embong, anakanda pada Yam Tuan Muda Tengku Abbas. Jadi hubungan kekeluargaan antara kerabat Diraja dan keluarga ulama golongan Syed al-Idrus bertambah erat dan memberi kesan yang sangat besar kepada masyarakat Terengganu dalam usaha penyebaran dakwah memandangkan pihak istana sendiri

[478] Husna Saadah Binti Haji Saad, *op.cit.*, 61.

[479] Kemudian dua anak lelaki Tok Ku Tuan Besar telah berkahwin dengan keluarga Diraja Terengganu iaitu: Syed Abdul Rahman (Tok Ku Paloh) dan Syed Mustafa telah berkahwin dengan puteri-puteri Sultan Ahmad II (1876-1881M) iaitu: Tengku Mandak kahwin dengan Syed Abdul Rahman dan Tengku Aminah kahwin dengan Tok Ku Syed Mustafa (Tuan Dalam). Untuk lebih jelas sila lihat: *Ibid.*, 62.

menerima mereka dalam keluarga istana. Ini bererti kedatangan ulama golongan Syed al-Idrus di Terengganu amat diterima oleh kerabat Diraja Terengganu, memandangkan martabat atau kedudukannya sangat mulia[480] maka dengan cara ini kemuliaan keluarga Diraja juga semakin terserlah dan lebih diyakini oleh rakyat jelata, atas dasar itulah hubungan kekeluargaan golongan istana masih diteruskan dengan keluarga ulama golongan Syed.[481]

Keluarga al-Idrus ini lebih mendapat tempat yang tinggi dikalangan masyarakat apabila hubungan kekeluargaan mereka terjalin dengan kerabat Diraja Terengganu melalui perkahwinan. Dengan cara ini, masyarakat Melayu telah memberi pengiktirafan terhadap kemuliaan darjat mereka. Perkara ini juga telah disebut oleh J.M. Gullick :

> "The royal lineage accepted one group of outsiders as equal in status to themselves. These were the decendants of the Prophet Mohammed who bore the personal prefix before their names of 'Syed' (male) and 'Sharifa' (female). There was no stigma of disapproval or less of status attached to a marriage between a female 'Raja' and a 'Syed' (nor between a 'Sharifa and a male' 'Raja' though this seems to have been less common."[482]

4.3.2 Pentadbiran Kerajaan

Kedatangan ulama golongan Syed ke Terengganu selain mendapat penerimaan yang sangat baik kalangan masyarakat, mereka juga turut menjadi perhatian kerabat Diraja dari istana. Di Terengganu, ulama golongan Syed telah membina hubungan yang

---

[480] Mereka (ulama golongan Syed al-Idrus) sekiranya dilihat dari susurgalurnya mereka ini masih berketurunan Rasulullah S.A.W., untuk lebih jelas sila Lihat: salasilah ulama golongan Syed Tok Ku Tuan Besar yang ditulis oleh Syed Fadhil.

[481] Bukti yang menunjukan sejarah hubungan perkahwinan antara ulama golongan Syed dengan keluarga diraja sebagai pemerintah di Alam Melayu. Di sini bukan hanya kerabat Diraja Terengganu sahaja yang melakukan hubungan perkahwinan dengan keluarga ulama golongan Syed tetapi hampir semua kerajaan di Alam Melayu yang melakukan hubungan kekeluargaan dengan keluarga ulama golongan Syed. Kerana anggapan kerabat Diraja ini bahawa keluarga ulama golongan Syed itu merupakan keluarga yang memiliki darjat kemuliaanya sama dengan kerabat Diraja.

[482] J.M Gullick, *Indigeneous Political Syestems Of Wesrern Malaya London,* (1956), 67. Lihat dalam Razi bin Yaakob, "Tok Ku Paloh : Suatu Kajian Khusus Mengenai Sumbangannya Terhadap Pengajian Agama di Terengganu" (disertasi sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2008), 31.

erat sejak awal lagi iaitu ketika penubuhan Kerajaan Terenggau di bawah pimpinan Sultan Zainal Abidin I. Dalam waktu yang sama terdapat seorang ulama golongan Syed yang sanggup bersama-sama dengan baginda untuk membangunkan kerajaan Terengganu itu ialah Syekh Abdul Malik, beliau terlibat dalam urusan pentadbiran kerajaan Terengganu khususnya dalam pengurusan Hal Ehwal Agama Islam.[483]

Pada zaman pemerintahan Sultan Omar pula (1839-1876), hubungan baginda sangat rapat dengan seorang ulama golongan Syed (Tok Ku Tuan Besar) baik dari segi hubungan kekeluargaan mahupun dalam mentadbir kerajaan Terengganu. Baginda Sultan Omar berkenan melantik Tok Ku Tuan Besar sebagai *Syeikh ul-Ulama* (Ketua daripada ulama-ulama) dalam kerajaan Terengganu. Kemudian Tok Ku Tuan Besar diberi penghormatan istimewa sebagai salah seorang pembesar negeri dengan memakai gelaran "Paduka Raja Indera".[484]

Peranan Tok Ku Tuan Besar dalam pentadbiran negeri dan masyarakat menunjukkan kesan yang positif terutamanya terhadap perkembangan Islam dan pembangunan negeri, sehingga penerimaan dan penghormatan terhadap beliau oleh masyarakat pada waktu itu secara menyeluruh termasuk golongan istana. Sebagai seorang ulama yang barasal dari golongan Syed (Ahlul Bait), beliau sangat sibuk menguruskan hal ehwal pentadbiran negeri lebih-lebih lagi memegang jawatan ketua ulama, namun kewajipan mengerjakan dakwah sentiasa beristiqomah dan tidak diabaikan oleh beliau melalui kaedah-kaedah yang telah disebutkan di atas. Beliau juga diberi kuasa dan tanggungjawab oleh Baginda Sultan Omar untuk mengurus atau mentadbir daerah Chabang Tiga.[485]

---

[483] Husna Saadah Binti Haji Saad, *op.cit.,* 65.
[484] Untuk lebih jelasnya sila lihat: *Ibid.,* 65.
[485] *Ibid.,* 66-67.

Tok Ku Tuan Besar menjadikan masjid Kampung Chabang Tiga yang dikenali sebagai Masjid Tok Ku sebagai pejabat pentadbirannya kemudian di sebelah masjid, beliau telah membangunkan rumah pasung yang gunanya untuk menjalankan hukuman atau menahan sesiapa yang melakukan kesalahan di daerah Chabang Tiga termasuk pendatang dari luar. Beliau juga memacak sebatang tiang yang digunakan untuk menta'zir bagi setiap warga masyarakat Chabang Tiga yang tidak melaksanakan solat Jumaat. Dalam pentadbirannya di daerah Chabang Tiga, beliau dibantu oleh anak-anaknya seperti; Tuan Dalam (Syed Mustafa), Engku Chik (Syed Abdul Rahman), Tuan Embong (Syed Abu Bakar) dan Tuan Ngah (Syed Ahmad). [486]

Ketokohan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran dan penyebaran Islam terhadap masyarakat Terengganu serta mencorakkan kehidupan beragama telah mendapat sambutan dan penerimaan yang amat baik di kalangan penduduk Terengganu khususnya masyarakat Chabang Tiga. Kejayaan beliau dalam memajukan negeri Terengganu pada zamannya tidak hanya terhenti selepas kematiannya sahaja, bahkan penghormatan dan kepercayaan oleh masyarakat dan pihak istana terus mengangkat keturunan beliau yang berkelayakan untuk meneruskan perjuangan dalam mengembangkan dan mentadbir negeri Terengganu baik dari segi penataan sosial kemasyarakatan, corak keagamaan yang telah diperjuangkan oleh Tok Ku Tuan Besar. Seperti Syed Muhammad Zain telah dilantik menjadi Menteri Besar,[487] To Ku Tuan Dalam (Syed Mustafa, pernah menjawat atau dilantik oleh Sultan Zainal Abidin III

[486] *Ibid.*,

[487] Istilah yang dipakai pada masa Sultan Omar yang melantik Syed Muhammad Zain Perdana Menteri, kerana pada masa itu belum terbentuknya Negara Malaysia, jadi masing-masing negeri membangun sendiri dan menjadikan pusat pentadbirannya dalam Istana Kerajaan yang ada di setiap Negeri. Jadi wajarlah kalau Syed Muhammad Zain, pada masa itu kedudukannya adalah sama dengan Perdana Menteri hari ini. Istilah Menteri Besar itu digunapakai setelah semenanjung ini digabungkan dengan Sabah dan Sarawak menjadi sebuah Negera Malaysia. Untuk lebih jelas sila lihat: Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982),124.

sebagai Ulama,[488] dan Tuan Embong Abu Bakar (Tok Ku Tuan Kechik) dilantik oleh Sultan Zainal Abidin III sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.[489]

Kemudian, anak Tok Ku Tuan Besar yang sangat masyhur pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan dikatakan setaraf dengan kebolehan bapanya telah diberi pengiktirafan memegang jawatan sebagai *Syeikh ul-Ulama* [490]iaitu Tok Ku Paloh atau Syed Abdul Rahman. Tok Ku Paloh merupakan seorang ulama yang diterima, disegani dan dihormati sama ada di kalangan pentadbiran kerajaan, juga di kalangan masyarakat awam. Beliau mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat berat, iaitu sebagai ketua ulama Terengganu, ahli majlis mesyuarat kerajaan di bawah Sultan Zainal Abidin III. Beliau juga menjalankan urusan pentadbiran kerajaan negeri dan rakyat dengan pendekatan yang sangat baik, tidak pernah kasar terhadap rakyat, berlemah lembut, bersopan santun dan tidak pernah bersikap sombong diri atau bermegah dengan kekayaan dan kedudukan. Beliau merupakan seorang ulama yang menghormati semua lapisan masyarakat. [491]

---

[488] Istilah Ulama di sini menurut penulis kurang tepat, tetapi ia lebih tepat sekiranya Syed Mustafa itu dilantik sebagai Mufti kerana Mufti adalah Jabatan yang menguruskan tentang hukum hakam Syarak. Disamping menjadi penasihat kepada Baginda Sultan, Mufti juga berperanan dalam bidang agama dan juga menjelaskan masalah-masalah hukum hakam yang sedang berkembang dalam masyarakat. Lihat: Tuan Ruhani Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar, "Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu Semenjak 1900an-1950an" (latihan ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,1978), 60.

[489] Husna Saadah Binti Haji Saad, *op.cit.,* 67.

[490] Selain daripada *Sheikhul Ulama*, beliau juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan bertanggungjawab membantu kerajaan mentadbirkan negeri dan rakyat. Mengikut laporan agen British di Terengganu, Tok Ku Paloh dikatakan tidak mempunyai tugas yang tetap dalam kerajaan negeri; *"The chief religious authority in whom is of course vested the interpretation of all difficult legal matters in the last instance is Ungku Said Abdul Rahman. He apparently has no regular active dutie, but he is as well as two Judes sometimes called to the council if matters affecting religion are to be discussed."*C.O 273/351. Laporan Conlay dari 11 Julai – 31 Ogos, Anderson kepada Colonial Office, 22 September 1909. Lihat Razi bin Yaakob, *op. cit,* (2008), 35. dan Muhammad Abu Bakar, *Ulama dan Umara: Tok Ku Paluh dan Pemerintahan Islam*. Tulisan ini Terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* (1991),183.

[491] *Ibid*., 68.

4.3.3 Pengiktirafan Sebagai Guru Agama/Ulama

Golongan Syed di Alam Melayu telah mendapat pengiktirafan di kalangan kebanyakan masyarakat tempatan dan golongan istana sebagai guru agama atau ulama sebagai pencerah kehidupan daripada kegelapan kepada cahaya keimanan, bukti pengiktirafan ini diperhatikan semenjak awal kedatangan mereka sebagai pedagang di Melaka, terutamanya berhubung peristiwa pengislaman Sultan Melaka oleh Sayyid Abdul Aziz dengan mengambil nama Sultan Muhammad Shah. Kemudian Sayyid Abdul Aziz telah dilantik sebagai guru agama peribadi kepada baginda selama lapan tahun.[492] Baginda Sultan Muhammad Shah juga pernah berjalan kaki mengadap gurunya Qadi Yusuf untuk mengaji dengannya dan baginda membahasakan dirinya "fakir".[493] Begitu juga berlaku terhadap anaknya yang bernama Sayyid Yusuff dan cucunya bernama Sayyid Menawar telah diiktiraf sebagai guru atau ulama di Melaka.[494]

Seterusnya penerimaan-penerimaan terhadap mereka sebagai guru agama telah berlaku di seluruh Alam Melayu, khususnya di negeri Terengganu sendiri, mereka telah diiktiraf oleh rakyat biasa dan golongan istana. Sultan Zainal Abidin 1 dan rakyat Terengganu juga telah berlapang dada menerima seorang ulama Arab bernama Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis sebagai guru agama dalam penyebaran Islam di tengah-tengah masyarakat yang kebanyakannya berpegang kepada unsur-unsur animisme dan keluarbiasaan dapat dikurangkan oleh fahaman benar yang diajarkan oleh mereka.[495]

---

[492] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, (2007), 103.
[493] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*. (Tulisan ini Terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, 1991), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.*, 16.
[494] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, 103.
[495] Mohamad Abu Bakar, *Sayid Abdul Rahman Bin Muhammad Al-Idrus (Tukku Paloh)*, tulisan ini terdapat dalam Buku: Khoo Kay Kim,et al, *Islam Di Malaysia.* Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka, t.t.), 36.

Demikian juga penerimaan dan pengiktirafan terhadap golongan Syed ini kepada peringkat-peringkat yang seterunya. Umpamanya pada zaman Baginda Omar (1837-1876), baginda sendiri telah hadir untuk berguru dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas,[496] Baginda juga pernah ke Duyung dari Kuala Terengganu semata-semata untuk mendapatkan ilmu dan belajar dari Tok Sheikh Duyung. Begitu juga baginda telah mengiktiraf Tok Ku Tuan Besar sebagai ulama dan beliau sangat diterima oleh keluarga istana dan rakyat Terengganu sebagai guru agama.[497] Demikian juga dengan Tuk Ku Malaka yang hidup sezaman dengan Tok Ku Tuan Besar, merupakan golongan Syed yang diiktiraf oleh masyarakat Melaka dan Terengganu sebagai guru agama dalam menyampaikan ajaran agama Islam.[498]

Ketika pemerintaahan Sultan Zainal Abidin III, baginda dan rakyat Terengganu sangat menerima dan menyanjungi golongan Syed ini sebagai guru agama mereka sehingga Sultan sendiri pernah menghabiskan sebahagian masa kecilnya di rumah ulama ini,[499] baginda juga sanggup dan telah mencemar duli berulang alik dari istananya mengadap Tok Ku Paloh sebagai guru agama di Paloh. Demikian juga dengan Haji Abdul Rahman Abdul Hamid atau Haji Abdul Rahman Limbung dan seluruh rakyat jelata. Dalam hal ini juga, penerimaan dan pengiktirafan terhadap mereka sebagai guru agama, bukan sahaja daripada kalangan rakyat tempatan, bahkan dari luar negeri Terengganu, antaranya Tok Janggut yang berasal daripada Patani turut datang

---

[496] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*. Tulisan ini Terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.,* (1991), 16.

[497] Wan Husin Wan Embong, *Peranan Dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar,* (Tulisan ini Terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* (cet.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD., 1991) 140.

[498] Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu,* (j.13, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), 16.

[499] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, tulisan ini terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.,* (1991), 18.

untuk menimba ilmu agama dari seorang guru yang sangat alim lagi kharamah berketurunan Syed.[500]

Amalan penerimaan dan pengiktirafan terhadap golongan Syed ini telah berterusan sehingga sultan-sultan dan rakyat Terengganu yang berikutnya. Seperti Shaykh Syed Yusof Ali al-Zawawi ketika zaman Sultan Ismail Nasaruddin Shah, beliau dilantik sebagai guru agama kepada keluarga diraja, kakitangan kerajaan dan orang awam.[501] Manakala Dato' Engku Alwi al-'Idrus pula dilantik sebagai penasihat agama pada zaman Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan sempat juga berkhidmat pada zaman anakandanya Sultan Mizan Zainal Abidin. Manakala beliau sendiri sentiasa sibuk dalam menyampaikan kuliah-kuliah agama di surau-surau dan masjid-masjid.

Penghasilan penulisan kitab-kitab yang dijadikan bahan rujukan kepada semua ahli masyarakat termasuk golongan istana sebagai panduan beragama juga menjadi pengiktirafan oleh masyarakat sehingga hari ini. Walaupun ramai di kalangan mereka telah meninggal dunia, namun hasil peninggalan mereka dalam bentuk kitab-kitab, risalah-risalah dan fatwa-fatwa mereka masih dijadikan panduan sehingga hari ini.[502]

4.3.4 Penghargaan/Penganugerahan

Penghormatan dan pengiktirafan yang diberikan terhadap ulama golongan Syed oleh keluarga istana dan rakyat biasa khususnya di Terengganu sangat luar biasa. Ini

---

[500] Mohamad Abu Bakar, *Ulama Dan Umara: Tok Ku Paluh dan Pemerintahan Islam*, tulisan ini terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.*, (1991), 181.
[501] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi. (doktor perubatan, di klinik perubatannya, No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012.
[502] Antara kitab-kitab yang dihasilkan oleh ulama golongan Syed, boleh dirujuk pada bab 5 di bahagian hasil penulisan lima orang tokoh ulama Syed yang telah dibahaskan.

membuktikan bahawa keturunan yang berasal daripada keluarga Rasulullah S.A.W. ini dianggap mulia dan mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan keturunan biasa, kerana Allah sendiri mengembangbiakkan keturunan Rasulullah S.A.W. agar dapat memikul tanggungjawab menjadi para pemimpin ummah, khususnya dari aspek kerohanian, sebagai keberkatan bagi umat Islam dan sarana keselamatan untuk mereka. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud; "Bintang-bintang adalah keselamatan bagi penghuni langit, sedang ahlul-baitku keselamatan bagi penghuni bumi." (HR At-Thabarani).[503]

Dalam konteks penerimaan dan penghargaan terhadap golongan Syed, selain menjadikan mereka sebagai guru agama, mereka juga dikurniakan sesuatu perkara dalam bentuk kebendaan atau pangkat kebesaran untuk membuktikan mereka sangat dikasihi oleh masyarakat. Umpamanya dalam hal Tok Ku Tuan Besar, ketika masih kecil beliau telah dijadikan anak angkat oleh Raja Tepok. Manakala ketika usianya 7 tahun Tok Ku Tuan Besar telah dihantar ke Mekah, Raja Tepok juga telah mewakafkan istananya untuk dijadikan balaisah atau tempat pengajian dan seterusnya selepas kematian baginda, semua hartanya dianugerahkan kepada Tok Ku Tuan Besar.[504] Zaman Sultan Omar pula, Tok Ku Tuan Besar telah diberi penghormatan dan pengiktirafan dengan gelaran *Syeikh ul-Ulama* dan *Tuan Besar Paduka Indera* serta peranannya dalam memupuk sastera berunsurkan Islam telah mendorong seorang ahli sejarah tempatan menggelarnya *"Bapa Kesusasteraan Terengganu"*.[505]

Tidak kurang juga hebatnya anak Tok Ku Tuan Besar iaitu Tok Ku Paloh, mendapat pengiktirafan dan anugerah daripada Sultan Zainal Abidin III dalam bentuk

---

[503] (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, Hj. Muzaffar Dato Hj. Mohamad, *op. cit.*, 31.
[504] Wan Husin Wan Embong, *Peranan Dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar*, tulisan ini terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op.cit.*, 136.
[505] *Ibid.*, 135.

sebuah kawasan Paloh untuk ditadbir dan dimajukan.[506] Tok Ku Paloh juga dianugerahkan oleh Sultan Zainal Abidin III dengan gelaran Raja Anak Sungai bagi kawasan Nerus pada 1882.[507] Selain dari itu beliau sering mendapat anugerah berbentuk sumbangan dan hadiah daripada orang ramai seperti buah-buahan, padi dan binatang ternakan dan sebagainya.[508] Anugerah yang paling mulia telah diiktiraf oleh Sultan Zainal Abidin III kepada beliau ialah jawatan "*Syeikh ul-Ulama*" iaitu ketua kepada ulama.[509]

Kehebatan beliau telah menjadi sebutan ramai, nasihat serta pandangan beliau sering dipatuhi dan beliau sering menjadi tempat mengadu dan menyelesaikan masalah untuk kebaikan umum. Perbuatan serta percakapan beliau telah meyakinkan semua pihak dan golongan termasuk kerabat Diraja. Satu contoh untuk menunjukkan sanjungan orang ramai terhadap beliau ialah disediakan (tandu[510]) ketika beliau hendak menyempurnakan tugasnya seperti ke istana atau ke tempat lain.[511]

Seterusnya semasa Shaykh Syed Yusof Ali al-Zawawi juga turut mendapat pengiktirafan oleh rakyat dan golongn Istana, dengan kehadiran beliau ke Terengganu, sultan berkenan menganugerahkan beliau dengan menawarkan jawatan mufti selepas dikosongkan oleh Syeikh Hassan Yamani.[512] Selepas bersara, beliau sekali lagi dilantik sebagai pegawai penyelidik di Jabatan Perdana Menteri,[513] tidak kurang juga beliau mendapat anugerah dalam bentuk pemberian sebidang tanah oleh rakyat biasa yang

---

[506] Mohamad Abu Bakar, *Sayid Abdul Rahman Bin Muhammad Al-Idrus (Tukku Paloh)* (t.t.), *op. cit.* 41.
[507] Shaharil Robert Talib, *After It's Own Image The Terengganu Experience 1881-1941*, (Oxforrd University Press, Singapore, 1948.) 230
[508] Mohamad Abu Bakar, *Sayid Abdul Rahman Bin Muhammad Al-Idrus (Tukku Paloh),* (t.t.), *op. cit.*, 43.
[509] *Ibid.* 50.
[510] "Tandu" = "tanduan" Sejenis usungan berupa kerusi, rumah-rumah kecil,dll. (lihat Kamus Dewan Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2002), 1367.
[511] Razi bin Yaakob, *op. cit*, 30.
[512] Muhammad Abu Bakar, *Syed Yusof Ali Al-Zawawi, Mufti Terengganu, 1952-1975.* tulisan ini terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.,*248.
[513] *Ibid.* 254.

kemudiannya dibangunkan Darul Falah sebagai sebuah institusi penempatan anak-anak yatim.[514]

Kita juga boleh melihat beberapa anugerah yang telah diberikan kepada Dato' Engku Alwi al-'Idrus sebagai bukti penerimaan terhadap golongan Syed di Terengganu, antaranya; anugerah tokoh Hijratul Rasul peringkat negeri Terengganu dan anugerah pangkat gelaran daripada Sultan Terengganu dengan membawa gelaran "Engku Pengeran Arif DiRaja". Perkara ini juga telah disebutkan dalam bab 5 tesis ini.

Selain daripada bukti penerimaan mereka melalui pengurniaan anugerah, hasil-hasil karya dalam bentuk penulisan yang telah disumbangkan oleh golongan ini juga telah diiktiraf dan masih tersimpan sehingga sekarang sama ada di arkib, perpustakaan, pejabat mufti, simpanan ahli keluarga dan sebagainya. Ini menunjukan golongan ini sangat dimuliakan di kalangan keluarga istana dan rakyat biasa semenjak awal kehadiran mereka sehinggalah selepas kematian mereka.

4.3.5 Penasihat Sultan

Bermulanya zaman pengislaman kerajaan Melaka di Alam Melayu. Kedudukan dan kemuliaan golongan ulama ini sangat mendapat perhatian di sisi sultan atau raja yang memerintah. Semenjak zaman Melaka dan di sepanjang sejarah Islam di Alam Melayu, ulama sering mendekati istana atau pusat pemerintah. Di istana Sultan Melaka, ulama seperti Maulana Abu Bakar, Sayed Abdul Aziz dan Maulana Yusuf muncul sebagai penasihat kepada pemerintah yang menjadi satu peluang untuk menghala pemerintahan ke arah pengislaman negara dan masyarakat. Perkara ini dapat mendidik

[514] *Ibid.* 253.

dan melahirkan masyarakat yang mentaati dan mematuhi *ulil amri.*Hubungan simbiosis antara ulama dan umara jelas mendapat restu dan sokongan rakyat.[515]

Kita juga dapat menyaksikan ramai lagi di kalangan para pemerintah atau sultan yang mendampingi para ulama sebagai penasihat baginda. Sultan Hisamuddin Alam Shah pernah menjemput ulama seperti Syeikh Mahmud Al-Bukhari dari Bukhara dan Syeikh Mahmud Zuhdi dari Patani untuk menasihatinya, manakala Sultan Muhamad Jiwa pula membawa masuk gurunya Syeikh Abdul Jalil dari Palembang bagi membantunya dalam pemerintahan Kedah.[516]

Sejarah Islam Terengganu juga banyak mengandungi babak-babak ulama menjadi penasihat istana, tetamu di raja, guru sultan dan dalam bentuk yang lebih rasmi sebagai mufti, syeikul ulama dan syeikhul Islam.[517] Pengasas tradisi kesultanan di Terengganu pada kurun ke 17M juga tidak boleh dipisahkan dari penglibatan seorang ulama, iaitu Syeikh Abdul Malek atau Tok Pulau manis. Beliau yang hidup sezaman dengan Abdul Rauf Singkel, dan mendapat pendidikan di Acheh dan Mekah telah berjaya menjadi *king-maker* dan penasihat di istana.[518]

Hubungan antara ulama dengan istana jelas mendapat sokongan daripada rakyat dan tuntutan tersebut turut disentuh dalam al-Quran surah An-Nisa' 4 : 59 tentang hubungan antara pemerintah dengan golongan ulama (*Ulil Amri*). Ayat tersebut bermaksud.

---

[515] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*. tulisan ini terdapat dalam Buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.,* 18.
[516] *Ibid*., 16.
[517] *Ibid*., 16.
[518] *Ibid*., 17.

> "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan RasulNya dan Ulil Amri di antara kamu. Kemudian jikalau berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kamu kepada Allah dan Rasul. Jika kamu benar-benar beriman dengan Allah dan hari kemudian, yang demikian itu lebih baik bagimu dan lebih baik akibatnya".[519]

4.4. KESIMPULAN

Apa yang boleh disaksikan di sini bahawa keluarga ulama golongan Syed daripada keturunan al-Idrus bermula daripada awal kedatangan mereka hingga sekarang, sangat dihormati dan kehadiran mereka sentiasa diterima oleh masyarakat awam dan keluarga Diraja Terengganu. Ini kerana berkat perjuangan mereka yang sentiasa meneruskan ajaran benar daripada Rasulullah S.A.W. dengan cara berkomunikasi, beradaptasi dan pandai mengambil hati semua lapisan masyarakat menyebabkan masyarakat awam dan keluarga Diraja mudah menerima mereka sebagai tokoh dan pemimpin masyarakat dalam urusan keagamaan dan pentadbiran kerajaan.

Beberapa impak yang luar biasa turut menjadikan golongan Syed ini mendapat sambutan masyarakat tempatan dan Islam semakin bersinar di Terengganu iaitu, sikap keterbukaan institusi kesultanan yang menerima mereka tanpa syarat serta memberi ruang yang seadanya terhadap mereka, secara tidak langsung masalah ulul amri terbuka di mana-mana dan mereka mendapat perlindungan sewajarnya. Kedatangan mereka pada masa itu bertepatan dengan keadaan masyarakat yang tidak berilmu dan dahagakan ilmu pengetahuan sepanjang zaman, ditambah pula dengan suasana fahaman khurafat yang merata sejak Sultan Zainal Abidin I menunjukkan masyarakat Terengganu kekurangan ilmu agama Islam.

---

[519] Al-Quran, *surah An-Nisa'*(ayat 59)

Kedudukan mereka sendiri dari segi kemulian keturunan yang berasal dari keluarga Rasulullah (Ahlul Bait) sepertimana yang dihujahkan tentang keagungan mereka berdasarkan nas al-Quran dan Hadis, menjadikan Islam tersebar luas dengan secara langsung ataupun tidak langsung, maka dari situ mereka terus diangkat dan sentiasa mendapat sokongan masyarakat. Di samping itu pula, tabiat orang Melayu sendiri yang tidak boleh bertemu dengan orang luar sehingga menjadikan mereka teruja dan sangat mudah untuk didampingi dan memberi bantuan. Budaya-budaya yang dibawa oleh mereka menjadi tarikan untuk dikuti seperti budaya orang Inggeris, orang India, lebih-lebih lagi orang Arab yang memiliki rupa paras yang menarik sehingga dapat memberi sanjungan yang tidak berbelah bagi.

BAB LIMA

PERANAN DAN SUMBANGAN ULAMA GOLONGAN SYED DALAM PERKEMBANGAN ISLAM

5.0 PENGENALAN

Perkembangan Islam di Terengganu pada abad ke 19 merupakan puncak kepada kemunculan ulama terkemuka dan kepesatan institusi pengajian tradisi di Terengganu. Terengganu yang telah lama diorientasikan dengan identiti keagamaan sejak penemuan Batu Bersurat yang menunjukkan tarikh diproklamirkan undang-undang bercorak Islam terus mengalami lagi beberapa perkembangan yang semakin mengukuhkan kedudukan agama Islam di negeri tersebut.

Perkembangan Islam di Terengganu pada abad ke 19 dan awal abad ke 20 banyak didorong oleh peranan yang dimainkan oleh golongan ulama yang berhijrah dari luar. Peranan dan pengaruh ulama-ulama ini khususnya yang datang dari Patani dan Hadramaut, daripada keturunan Syed al-Idrus begitu menonjol baik dalam keagamaan, sosial dan perdagangan mahupun dalam pentadbiran.

Di Terengganu, ulama-ulama terkemuka pada abad ke 19, kebanyakannya diberi kepercayaan oleh pemerintah memegang jawatan-jawatan teratas dalam hirarki pentadbiran agama. Hal ini adalah sebagai satu pengiktirafan keilmuan, kewarakan dan kebolehan mereka dalam agama. Abad ke 19, di Terengganu juga merupakan punca peningkatan dalam penjiwaan ilmu pengetahuan Islam pada zaman tradisi. Kelahiran institusi pengajian tradisi dan ulama-ulama terkemuka adalah hasil minat dan galakan pemerintah terutamanya baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Sebagai contohnya, Baginda Omar, walaupun baginda tidak tahu membaca ataupun menulis,

tetapi baginda berminat dalam ilmu pengetahuan. Sultan Zainal Abidin III pula seorang yang alim gemar membaca dan banyak mempelajari ilmu pengetahuan dalam bahasa Arab. Baginda mempunyai guru khas bahasa Arab bernama Habib Umar (Al-Attas) dan guru-guru agama baginda seperti Tok Sheikh Duyung dan Engku Syed Paloh.[520]

Tegasnya, kedudukan agama Islam di Terengganu pada abad ke 19 berada di tempat teratas sama ada dalam kehidupan masyarakat mahupun dalam pemerintahan. Rakyat Terengganu yang cintakan ilmu pengetahuan Islam, kelahiran ulama-ulama yang terkemuka dan persekitaran yang di lingkungi dengan kehidupan bercirikan keislaman telah menjadikan agama, aspek terpenting dalam kehidupan mereka.

Melalui bab lima ini, penulis akan membuat kupasan terhadap lima tokoh ulama yang menonjol khususnya berketurunan Syed yang sangat terkenal di kalangan masyarakat Terengganu, sebagai ulama yang aktif dalam perjuangan dan mengembangkan agama Islam di negeri Terengganu, bahkan kedudukan mereka dianggap penting dalam sebuah pentadbiran. Kelima-lima ulama itu juga mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam bidang ilmu yang berbeza-beza, manakala usia kehidupan mereka juga benar-benar dimanfaatkan pada jalan dakwah semata-semata menegakkan amal ma'ruf dan nahi munkar.

Antara nama-nama tokoh ulama yang menjadi tumpuan penulis dalam tesis PhD ini ialah; Syed Ahmad al-'Idrus (Tuk Ku Malaka), Syed Muhammad al-'Idrus (Tok Ku Tuan Besar), Syed Abdul Rahman al-'Idrus (Tok Ku Paloh), Shaykh Syed Yusof Ali al-Zawawi dan Dato' Engku Alwi al-'Idrus. Ulama-ulama ini sangat terkenal di

[520] Sharifah Afidah binti Syed Hamid, "Ulama' Terkemuka Terengganu Abad ke 19 : Pemikiran dan Peranan Mereka Kepada Masyarakat" (disertasi sarjana, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/90), 34.

kalangan masyarakat Terengganu terutamanya dari segi pemikiran mereka. Namun begitu, penulis ini mencakupi perbahasan yang lebih luas bermula daripada latar belakang mereka, salasilah, pendidikan, peranan dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Terengganu.

Menurut kenyataan daripada pengerusi biro salasilah golongan Syed di Terengganu, anggaran populasi golongan ulama Syed di Terengganu kira-kira dua ribu orang, manakala bilangan ulama golongan Syed yang masyhur dahulu dan sekarang sekitar sebelas orang. Di antara nama-nama mereka selain daripada lima orang tokoh yang dibincangkan dalam tesis ini ialah; Engku Ali bin Muhammad (Engku Endut) bin Abdullah bin Zin bin Tok Ku Tuan Besar sepupu kepada Engku Alwi, Syed Abu Bakar bin Syed Abdul Rahman (Tuan Embung bin Tok Ku Paloh), Syed Aqil bin Abdul Rahman (Tok Ku Paloh), Tok Ku Tuan Dalam, Syed Suhaimi bin Syed Husen bin Syed Saggaf bin Tok Ku Paloh dan Engku Embung bin Abdul Qadir bin Abdullah bin Zin bin Tok Ku Tuan Besar.

Mungkin timbul persoalan di sini, kenapa penulis hanya memilih lima tokoh ulama golongan Syed ini sahaja sedangkan ramai lagi ulama-ulama lain di Terengganu yang berjasa? Memang tidak dapat dinafikan bahawa ramai lagi ulama lain, namun penulis melihat bahawa kebolehan mereka ini lebih menonjol dan menyerlah berbanding ulama-ulama lain, kalau tidak sedemikian masakan ramai sekali di antara ilmuan-ilmuan, ahli sejarah, penuntut-penuntut universiti dan sebagainya membuat kajian terhadap mereka dalam bentuk kertas kerja, latihan ilmiah dan tesis bahkan diseminarkan sehingga di peringkat Nusantara dan dibukukan, ini sudah pasti sesuatu keluarbiasaan yang dimiliki oleh mereka dalam usaha penyebaran dakwah Islamiyyah.

Cuma kajian mereka dalam bentuk yang berlainan dengan apa yang dikaji oleh penulis dalam tesis ini.

Antara faktor-faktor penonjolan yang mejadi pilihan terhadap tokoh-tokoh berketurunan Syed ini, *Pertama,* kemuliaan keturunan mereka telah disebut secara khusus dalam al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. sepertimana yang telah dihuraikan dalam bab ke dua tesis ini. *Kedua,* kealiman dalam ilmu agama dan kewarakan mereka sebagai hamba Allah menyebabkan mereka sangat dihormati dan dimuliakan oleh setiap lapisan masyarakat. Kesan perkembangan ilmu pengetahuan Islam, penghasilan berpuluh-puluh karya Islam oleh ulama-ulama ini dan juga hasil pendidikan Islam yang berlangsung berabad-abad secara kesinambungan inilah yang membentuk jiwa keislaman masyarakat Negeri Terengganu sehingga mampu bertahan sebelum campur tangan British, bahkan Terengganu pada waktu itu menurut Abdullah Munsyi menyatakan bahawa penduduk Terengganu gemar mempelajari dan membaca Al-Quran manakala bacaan mereka adalah begitu baik. Tegasnya lagi, pada masa tersebut juga di setiap kampung dikatakan mempunyai surau. Demikian juga yang disebut oleh seorang pengkaji Islam di Malaysia seperti mana yang dinyatakan dalam buku *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* berpendapat bahawa "Terengganu was a famed centre of Islamic studies and Arabic, and religious education was probably more advanced than in any other state of the Peninsula."[521] *Ketiga,* pengalaman mereka yang begitu lama berada di tanah suci Mekah semasa menuntut ilmu dan ada yang dilantik sebagai pensyarah di Universiti al-Azhar Mesir menyebabkan mereka memperolehi banyak idea-idea dan pengalaman di sana untuk dipraktikkan di Terengganu terutamanya dalam pentadbiran bersama sultan. *Keempat,* mereka juga mempelopori konsep

[521] Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu* (tulisan ini terdapat dalam buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan, op. cit.,* 1991), 9.

pendidikan yang dipelajari di Mekah dengan kaedah halaqah menadah kitab yang diteruskan di Terengganu seperti di masjid, surau, balai, langgar atau institusi pondok dan sebagainya. Banyak kitab-kitab hasil tulisan mereka diguna pakai sehingga hari ini. Berikut adalah perbincangan setiap tokoh tersebut:

5.1 SYED AHMAD BIN MUHAMMAD AL-'IDRUS (TUK KU MALAKA) (1822-1897M)

5.1.1 Latar Belakang

Syed Ahmad bin Muhammad al-Idrus atau gelarannya dengan Tuk Ku Malaka dilahirkan pada tahun 1822 di Kampung Chabang Tiga, Kuala Terengganu. Ayah Tuk Ku Malaka bernama Syed Muhammad yang digelar dengan Tuk Ku Tuan Pahang. [522] Ayahnya bernama Syed Husein. Ayahnya bernama Syed Mushthafa, bererti moyang kepada Tuk Ku Malaka yang diriwayatkan ini mempunyai tiga orang adik-beradik iaitu Syed Mushthafa bin Syaikh (moyang Tuk Ku Malaka), Syed Ahmad bin Syaikh dan Syed Zainal Abidin bin Syaikh. Syed Ahmad bin Syaikh mempunyai anak bernama Syed Muhammad yang digelar dengan nama Tok Ku Makam Lama. Kuburnya di Chabang Tiga Kuala Terengganu (tarikh 1209 H/1794 M). Syed Zainal Abidin bin Syaikh mempunyai anak bernama Syed Muhammad yang digelar dengan Tok Ku Tuan Besar. Tok Ku Makam Lama dan Tok Ku Tuan Besar bererti datuk saudara kepada Tuk Ku Melaka. Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) memperoleh predikat sebagai ulama adalah berkat belajar daripada Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Tok Ku Tuan Besar adalah sebagai Ketua Ulama dan orang Arab di Terengganu. Anak beliau yang terkenal menjadi ulama ialah Syed Abdur Rahman yang lebih dikenal dengan gelar Tok

[522] Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, j.13, (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), 13.

Ku Paloh (lahir 1233 H/1818M, wafat Zulhijjah 1335 H/September 1917M). Ini bermakna beliau ini masih ada pertalian kekeluargaan rapat dengan Tuk Ku Malaka manakala Tok Ku Paloh pula berkahwin dengan anak Tuk Ku Malaka yang bernama Tuan Nik.[523]

Setelah berjaya menyelesaikan pengajiannya di Mekah, beliau berangkat kembali ke Terengganu dan selepas beberapa lama di Terengganu, beliau berkahwin dengan isteri pertamanya yang bernama Cik Syaidah, kemudian berkahwin lagi dengan isteri keduanya yang bernama Tuan Nik. Seterusnya, beliau berkahwin lagi untuk isteri yang ketiga dengan Tuan Batu. Hasil perkahwinan beliau dengan ketiga-tiga orang isteri tersebut, beliau telah dikurniakan ramai anak serta cucu-cucunya.[524]

Sepanjang kehidupan beliau, banyak masanya telah diperuntukkan untuk menguruskan keluarga, mendidik anak-anak dan berdakwah menyebarkan agama Islam sehingga ke luar daripada negeri Terengganu terutamanya Melaka, menyebabkan beliau mendapat gelaran Tuk Ku Malaka[525] atas usaha ikhlas beliau berdakwah menyebarkan agama Islam dalam jangka masa terlalu lama berada di sana. Beliau telah meninggal dunia ketika berusia 75 tahun, pada 31hb Jun 1897M/1315H hari sabtu di Kampung

---

[523]htt://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0508&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama7pg=ba_01.htm, dicapai 7 Jun 2012.

[524] Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus , *op. cit*.,

[525] Kenapa disebut dengan panggilan Tuk Ku"Malaka", kerana pada masa itu beliau banyak bergaul dan berguru dengan orang Arab sebagai pendakwah, sehingga panggilan Tuk Ku Malaka terikut-ikut dengan pelat/lahjah Arabiah menjadi "Malaka"(Ma la ka') dan pada ketika itu juga kebanyakkan mereka menggunakan tulisan jawi/Arab dalam sebarang penulisan samada surat-menyurat, penulisan kitab-kitab dan sebagainya, maka jika dirumikan bunyinya agak berbeza. Demikian juga dengan gelaran Tuk Ku Malaka tersebut, bukan beliau sendiri yang menggelarkanya, bahkan gelaran itu adalah panggilan oleh masyarakat Melaka, memandangkan kehebatan yang dimilikinya. *Ibid*.,jawapan daripada pertanyaan terhadap ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar melalui SMS pada 1 April 2011, jam 8.47pm. Menurut sumber lain, perkataan "Melaka" merujuk kepada sebatang pokok yang bernama "Malaka". Ada juga pandangan lain yang mengatakan bahawa Melaka itu berasal dari istilah Arab, iaitu *Malaqat* yang bermaksud 'tempat perlindungan': Hasnah Hussin dan Mardiana Nordin, *Pengajian Malaysia* (Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2007), 2.

Chabang Tiga. [526] (Gambar-gambar tanah perkuburan Tuk Ku Malaka, sila lihat pada lampran).

5.1.2 Salasilah Dan Keluarga

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, salasilah Syed Ahmad al-Idrus adalah berketurunan keluarga Ahlul Bait yang ke 35 sekiranya dilihat kepada susur galurnya sehingga kepada Rasulullah S.A.W. Melalui salasilah yang didapati menunjukkan kedudukan pertalian Syed Ahmad bin Muhammad al-Idrus adalah seperti berikut:

Muhammad S.A.W.[527]
↑
Fatimah al-Zahrah
↑
al-Imam Husayn
↑
Imam ‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
al-Imam Muhammad al-Bakir
↑
al-Imam Ja‘far al-Sadiq
↑
‘Ali al-‘Uraydi
↑
Muhammad al-Nakib
↑
‘Isa
↑
Ahmad al-Muhajir
↑
‘Abd Allah (Ubaidillah)
↑
al-Shaykh ‘Alawi (‘Alawiyyah)
↑
Muhammad Sahib al-Sawma‘ah
↑
‘Alwi
↑

[526] *Ibid.,*

[527] Salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Lihat: Al-‘Allamah al-Sayyid al-Sharif ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn al-Mashhur, *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani ‘Alawi Furu‘ Fatimah al-Zahra’ wa Amir al-Mu’minin ‘Ali Radiya Allah ‘Anhu,* Juzuk. 1, (Jeddah: ‘Alam al-Ma‘ruf, t.t.), 111-112. Lihat pada lampiran.

‘Ali Khali’ Qasam

↑

Muhammad Sahib Mirbat

↑

‘Ali Walid al-Faqih

↑

Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam)

↑

‘Alwi al-Ghayur

↑

‘Ali

↑

Muhammad Maula Dawilah

↑

‘Abd al-Rahman al-Saqaf

↑

Abu Bakar al-Sakran

↑

‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)

↑

Shaykh al-Akbar

↑

‘Abd Allah

↑

Shaykh

↑

‘Abd Allah al-Awsat

↑

‘Ali Zayn al-‘Abidin

↑

Muhammad Mustafa

↑

Shaykh

↑

Mustafa

↑

Hussein

↑

Syed Muhammad

↑

Syed Ahmad al-Idrus

Melalui salasilah yang telah penulis sediakan ini berdasarkan rujukan daripada kitab *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani ‘Alawi Furu‘ Fatimah al-Zahra’ wa Amir al-Mu’minin ‘Ali Radiya Allah ‘Anhu,* Juzuk. 1, ia dapat melengkapi salasilah yang telah disediakan oleh almarhum Wan Mohd. Shaghir Abdullah dalam kitabnya bertajuk *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* Jilid 13

halaman 12-13 yang bermula daripada Syed Ahmad al-Idrus dan hanya berhenti kepada Ahmad al-Muhajir. Manakala dalam penyusunan tersebut pula terdapat dua nama yang tertinggal di tengahnya iaitu antara Shaykh dan ‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar) sepertimana berikut […];

‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)
↑
[Shaykh al-Akbar]
↑
[‘Abd Allah]
↑
Shaykh

Merujuk kepada latar belakang keluarga Syed Ahmad (Tuk Ku Malaka) sepertimana yang telah disentuh di atas, beliau telah berkahwin dengan tiga orang isteri (Cik Saiyidah, Tuan Nik dan Tuan Batu). Melalui hasil perkahwinan itu, Tuk Ku Malaka telah dikurniakan beberapa orang anak iaitu:[528]

- Syed Hasan, gelaran Tuan Nasan dan beliau mempunyai zuriat yang bernama Syed Mohsen gelarannya Tuan Sulung.
- Syed Umar (Tuan Mutil). Beliau juga dikurniakan keturunan seramai lima orang anak iaitu: Syed Muhammad (Tuan Dalam) [Engku Wok[529]], Syed Abdullah (Tuan Cilik), Sharifah Sakinah (Tuan Kuning), Tuan Cik Cuking dan Tuan Su Naflullah.
- Syed Abdullah (Tuan Dolah). Beliau memperolehi tiga orang anak, iaitu: Shaikhah Tuan Dayang, Tuan Mutil dan Tuan Kuntum.
- Sharifah Maryam (Tuan Ngayam). Beliau memperolehi seorang anak, iaitu: Syed Ahmad (Tuan Nanum) kemudian Syed Ahmad mempunyai dua orang anak iaitu; Syed Abd Allah dan Syed Abd al-Rahman.

[528] Salasilah keturunan Tuk Ku Malaka ini berdasarkan hasil kajian Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, j.13, (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), 22-23.
[529] Engku Wok adalah isteri kepada Syed Muhammad.

- Syed Muhammad (Tuan Kicut). Beliau memperolehi hanya tiga orang anak sahaja, iaitu: Tuan Timun, Tuan Sifat dan Tuan Nat.
- Tuan Nik (Syarifah Fatimah). Anak Tuk Ku Malaka yang berkahwin dengan Syed Abdul Rahman al-Idrus (Tuk Ku Paloh). Beliau dikurniakan keturunan seramai tiga orang anak iaitu: Syed Abdullah (Tuan Muda), Nur / 'Aishah (Tuan Debak) Safiyah (Tuan Kembang).[530]

5.1.3 Pendidikan

Semasa kecil, Syed Ahmad bin Syed Muhammad al-Idrus telah diasuh dan diberi penekanan dalam pengajian akidah, fiqh dan ilmu yang berkaitan dengan al-Quran daripada ayahnya sendiri Syed Muhammad al-Idrus. Syed Ahmad seorang anak yang rajin belajar dan sangat teliti mencari dan mempelajari ilmu agama Islam. Selepas mengkhatam al-Quran, beliau meneruskan pengajiannya dengan Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas.[531] Syeikh Abdul Qadir adalah seorang ulama yang sangat alim dalam bidang ilmu yang diajarnya, bahkan beliau dikenali sebagai seorang wali. Syed Ahmad merupakan salah seorang murid yang tekun belajar dan sangat bijak, sehingga beliau boleh menguasai ilmu-ilmu agama termasuk ilmu Qiraat, Tafsir, Tauhid, Fikah dan

[530] Salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang telah dirujuk daripada Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Berdasarkan salasilah ini, penulis mendapati bahawa anak Tuk Ku Malaka kesemuanya adalah seramai 6 orang. Sepertimana yang telah disenaraikan oleh Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu,* j.13, *op. cit.,* (2000), 22-23. hanya lima orang sahaja, manakala bagi anak Tok Ku Malaka yang bernama Syarifah Maryam hanya mempunyai seorang anak sahaja bukan lima orang sepertimana yang dinyatakan oleh Allahyarham Wan Mohd Shaghir, dengan itu penulis dapat melengkapi data-data yang berkurangan di dalam tesis ini.

[531] Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas atau nama asalnya Wan Abdul Qadir bin Wan Abdul Rahim, merupakan ulama bermazhab Shafi'i berperanan sebagai pendidik dan tokoh agama di Terengganu dan pernah dilantik sebagai Mufti oleh Sultan Omar (1839-1876), beliau pernah berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani yang juga bermazhab Shafi'i. Wan Zulkifli bin Wan Hassan, "Pengaruh Mazhab Shafi'I dalam Fatwa mengenai Zakat di Terengganu : Kajian Dari tahun 1953-2005" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Aakademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2009), 46.

lainnya.[532] Syed Ahmad merupakan seorang murid yang amanah dan sangat memuliakan gurunya. Sehingga apa yang diperolehi daripada gurunya, beliau benar-benar menjaga dan mengamalkannya bahkan beliau sangat takut untuk menyalah gunakan walaupun sepatah daripada ilmu yang telah disampaikan oleh gurunya itu.[533]

Setelah beliau selesai menuntut ilmu dengan Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas, beliau dihantar oleh bapanya untuk melanjutkan pengajiannya di Mekah. Di sana beliau menimba ilmu agama daripada ulama-ulama yang terkenal selama beberapa tahun, sehingga beliau mampu mendalami dan menguasai berbagai-bagai ilmu agama seperti; ilmu Hadis, Tafsir, Fikah, Tasawuf, Tauhid dan sebagainya. Bahkan beliau sendiri rajin menulis dan mengarang buku-buku yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama dengan menggunakan bahasa Arab yang baik.[534] Dikatakan Syeikh Ahmad al-Fathani juga sempat bertemu dan ada hubungan keilmuan dengan beliau dan menggelarkan Tuk Ku Malaka dengan Tuan Saiyid Embun Tarqanu.[535]

Syed Ahmad juga sangat menghormati para gurunya, lebih-lebih lagi jika seorang gurunya itu berketurunan zuriat Rasulullah S.A.W. (Ahlul Bait) atau keturunan Syed. Demikian juga sifat beliau sangat rajin mencari dan mempelajari ilmu-ilmu agama ke merata tempat, termasuk di Melaka memandangkan pada masa itu ramai ulama berketurunan Syed datang daripada Arab khususnya Hadhramaut berada di sana untuk berdagang. Dalam masa yang sama mereka juga berdakwah kepada masyarakat

---

[532] Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu, di Rumahnya Pekan, Pahang) dalam temubual dengan penulis, 15hb May 2010.
[533] Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *op. cit.*, (2000), 15.
[534] *Ibid.*,

[535]http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0508&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm., dicapai 7 Jun 2012.

Melaka tentang ilmu-ilmu keagamaan. Boleh dikatakan pada ketika itu beliau sering berulang alik pergi ke Melaka untuk belajar dan juga mengajar, dari situlah beliau dapat menguasai bahasa Arab dengan baik kerana sentiasa menggunakan bahasa Arab sepanjang bergaul dan berdakwah bersama orang-orang Arab. Sehubungan dengan itu berdasarkan makluman daripada salah seorang keturunan Tuk Ku Malaka yang bernama Syed Abdul Rahman telah menceritakan bahawa Tuk Ku Malaka ini ketika hidupnya, beliau banyak belajar sambil berdakwah (mengajar) di Melaka. Bahkan beliau sempat mengarang sebuah kitab di Melaka.[536]

5.1.4 Peranan Dan Sumbanganya Dalam Perkembangan Islam Dan Pembinaan Masyarakat

Syed Ahmad al-'Idrus merupakan seorang ulama yang banyak menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan Islam khususnya di Terengganu dan Tanah Melayu amnya. Beliau adalah seorang ulama yang sangat berani dalam menghadapi berbagai cabaran dalam mengembangkan Islam walaupun jauh ke Melaka. Memandangkan terlalu lama berdakwah di Melaka maka banyak usianya dihabiskan di sana untuk membina generasi awal dalam menghayati nilai-nilai Islam.

Dalam pembahasan ini, penulis lebih menjuruskan kepada peranan dan sumbangan Syed Ahmad dalam perkembangan Islam dan pembinaan masyarakat negeri Terengganu dan Melaka. Memandangkan datuk saudara beliau (Tok Ku Tuan Besar) sudah berada di Terengganu dan memegang jawatan penting dalam negeri sebagai Syaikhul Ulama yang diberi gelaran Paduka Raja Indera pada zaman Sultan Omar.[537] Maka menurut data sejarah yang ditemukan oleh penulis, beliau mengambil masa lebih

[536] Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *op. cit.*, (2000), 16.
[537] *Ibid.*, 5.

lama untuk berdakwah di Melaka, kemudian balik semula ke Chabang Tiga, Terengganu setelah tiba masanya. Jadi tumpuan dakwahnya meliputi dua negeri iaitu Terengganu dan Melaka. Walau bagaimanapun, penulis lebih memfokuskan perbahasan tentang peranan dan sumbangan Syed Ahmad ini dalam perkembangan Islam dan pembinaan masyarakat Islam di Terengganu sahaja.

Melalui perbincangan berkaitan sumbangan yang diberikan oleh Tuk Ku Malaka, kajian hanya dapat ditumpukan kepada tiga sumbangan sahaja iaitu sumbangan berkaitan keagamaan, kemasyarakatan dan penulisan ilmiah, manakala dalam bidang politik, penulis tidak dapat membuat kupasan, memandangkan tiada penemuan terhadap data-data yang menyatakan penglibatan beliau dalam politik atau pentadbiran kerajaan, lebih-lebih lagi datuk saudaranya (Tok Ku Tuan Besar) telah bertanggungjawab dalam urus tadbir kerajaan negeri Terengganu, dalam waktu yang sama beliau juga merupakan pendokong kuat kepada Tok Ku Tuan Besar dan sebagai pendakwah biasa kepada masyarakat Terengganu. Untuk mengelakkan daripada berlebihan tenaga pendakwah di Terengganu khususnya di Kampung Chabang Tiga, dari situlah Tuk Ku Malaka memikirkan bahawa adalah lebih baik usaha mereka ini berpecah untuk dimanfaatkan di Melaka, memandangkan di sana lebih memerlukan dan tidak ada pendakwah yang berkaliber di kalangan bangsa Melayu pada masa itu, sungguhpun ramai pedagang-pedagang Arab dan dalam waktu yang sama sebagai pendakwah di Melaka, tetapi masyarakat tidak dapat memahami bahasa Arab dengan baik, tambahan pula dengan keadaan mereka yang buta huruf, maka sudah tentu penerimaan ajaran Islam di kalangan masyarakat ketika itu agak lemah. Dengan adanya Tuk Ku Malaka yang memahami bahasa Arab dan bahasa Melayu, maka sudah pasti sedikit sebanyak dapat memudahkan usaha-usaha dakwah tersebut.

Walaupun kelihatan Tuk Ku Malaka meluangkan masanya terlalu lama di Melaka, namun beliau juga banyak memberi sumbangan kepada masyarakat Terengganu yang akan diperbahaskan melalui beberapa peranan beliau.

5.1.4.1 Peranan Dan Sumbangan Syed Ahmad Dalam Perkembangan Islam

Selepas Syed Ahmad al-'Idrus pulang dari Mekah dan mendirikan rumah tangga, beliau terus mengabdikan dirinya untuk berdakwah menyebarkan Islam dengan mengajar ilmu-ilmu agama Islam kepada masyarakat pada masa itu. Beliau hidup sezaman dengan Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar), yang mana Tok Ku Tuan Besar juga seorang ulama yang aktif dalam pentadbiran kerajaan Terengganu dan juga sebagai pendakwah kepada masyarakat Kampung Chabang Tiga.[538]

Memandangkan Tok Ku Tuan Besar sudah berada di Chabang Tiga, maka Syed Ahmad lebih memfokuskan dakwahnya di luar Kampung Chabang Tiga. Beliau merupakan seorang ulama yang sangat alim dalam ilmu Fikah, Hadis, Tafsir dan Bahasa Arab sehingga beliau terkenal sebagai ulama besar di Melaka.[539] Semasa berulang-alik daripada Chabang Tiga ke Melaka, beliau menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan terutamanya dari segi kemudahan pengangkutan yang masih mundur, belum ada jalan raya dan kenderaan sepertimana hari ini. Kebanyakan masyarakat pada masa itu hanya menggunakan laluan sungai dan jalan darat untuk bergerak ke sesuatu tempat sekiranya ingin melaksanakan sebarang urusan. Begitu juga dari segi keselamatan masih belum terjamin sepanjang perjalanan pergi dan balik. Jadi tidak

---

[538] Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu, di Rumahnya Pekan, Pahang) dalam temubual dengan penulis, 15hb May 2010.
[539] *Ibid.*,

hairanlah jika Tuk Ku Malaka tinggal lebih lama di Melaka setelah beliau berangkat daripada Terengganu. Di sana juga beliau terpaksa berdepan dengan masyarakat Melaka yang pemahaman Islamnya masih sangat rendah. Oleh kerana itu, beliau dengan kesabaran dan ketabahannya memberi pemahaman ilmu-ilmu keislaman kepada masyarakat dengan menggunakan bahasa yang sangat mudah dan senang difahami oleh masyarakat Islam pada masa itu. Maka keperluan kepada masa yang panjang bagi menjalankan proses tarbiyah kepada penduduk Melaka sangat penting.

Dalam usaha Syed Ahmad mengajar ilmu-ilmu agama Islam, beliau tidak hanya menetap di satu-satu kawasan sahaja bahkan beliau berdakwah dan memberi syarahan di setiap surau dan masjid yang ada di Melaka. Beliau mempunyai jadual syarahan di setiap surau atau masjid yang telah disusun, maka setiap hari beliau akan memberi syarahan di surau-surau atau masjid yang berbeza-beza. Sehingga beliau perlu menetap dan tinggal di rumah saudara-mara yang ada di Melaka, bagi memudahkan beliau meneruskan usaha-usaha dakwahnya, sekiranya beliau selalu berulang-alik dari Melaka ke Terengganu sudah tentu aktiviti dakwahnya akan terganggu dan kurang berkesan, lebih-lebih lagi keadaan kenderaan yang masih terhad dan kemungkinan perjalanannya memakan waktu yang cukup lama berbanding dengan keadaan sekarang yang hanya mengambil masa beberapa jam sahaja dari Melaka ke Terengganu.[540]

Kemudian, setelah umurnya semakin tua, beliau kembali semula berdakwah di kampung kelahirannya, Kampung Chabang Tiga. Ini kerana beliau sudah tidak mampu

[540] Menurut Syed Sheikh bin Syed Mohd. Jarak perjalanan yang begitu jauh dari Terengganu ke Melaka atau sebaliknya, sekiranya difikirkan menurut lojik akal sudah tentu ia mengambil masa yang lama, namun beliau telah membuat andaian bahawa kemungkinan besar Tuk Ku Malaka ini memilki Karamat *Lipat Bumi*, iaitu jarak yang jauh bagi orang biasa tetapi dekat kepada Tuk Ku Malaka atau wali Allah. Beliau juga membuat perbandingan terhadap peristiwa yang telah berlaku kepada Tok Pulau Manis, telah balik ke Terengganu mengambil buah durian dalam waktu yang singkat, pada hal ketika itu beliau berada di Mekah. Berkenaan dengan keramat *Lipat Bumi* ini juga ada dibahas secara khusus dalam sebuah kitab yang bertajuk ***Siru al-Salikin*** yang dikarang oleh Abdullah Palembang. Syed Sheikh bin Syed Mohd cicit kepada adik beradik Tuk Ku Malaka dan Imam Masjid Tok Ku Tuan Besar, di rumahnya beralamat 70B. Kampung Masjid Tok Ku Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2012.

lagi untuk melakukan perjalanan yang jaraknya begitu jauh tetapi beliau tetap bersemangat memberi syarahan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat Terengganu agar mereka betul-betul memahaminya, beliau mempunyai keinginan yang sangat kuat dan sangat berdisiplin dalam memberi pengajaran kepada masyarakat dan mengambil berat terhadap jemaah pengajian sehingga beliau sentiasa memberi ruang kepada mereka untuk mengemukakan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama kepada jemaah surau atau masjid baik yang berada di Chabang Tiga ataupun di sekitar Kuala Terengganu.[541]

Walaupun usia beliau sudah tua, namun beliau masih memberi sumbangan bakti dan melayani tetamu yang datang ke rumahnya pada bila-bila masa sahaja untuk bertanyakan permasalahan berkaitan agama, keluarga ataupun masalah-masalah lain. Beliau seorang ulama yang sangat memahami kemampuan masyarakat Islam yang masih lemah dalam memahami teks-teks yang ditulis dalam bahasa Arab. Bahkan beliau banyak menterjemahkan buku-buku yang berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, dengan tujuan agar masyarakat Islam Terengganu mampu mengamalkan nilai-nilai ibadah dalam kehidupan harian mereka terutamanya masalah solat dan zikir kepada Allah S.W.T., berselawat kepada Nabi Muhammad S.A.W. Bagi beliau walaupun usahanya tidak dibayar dengan wang ringgit namun yang paling penting segala kepenatannya akan terbalas sekiranya masyarakat mentaati perintah Allah.[542]

---

[541] Syed Ahmad seorang ulama yang tegas dan mempunyai keilmuan yang tinggi dalam masalah agama Islam. Beliau menginginkan agar masyarakat Islam Terengganu mampu memahami ilmu-ilmu agama yang berkaitan dengan masalah ibadah solat, zakat, puasa dan haji. Begitu juga, beliau menerapkan hukum hakam hudud, jinayat menurut Islam. Jadi beliau bersama-sama dengan Tok Ku Tuan Besar menerapkan hukum hudud dan jianayat di kawasan yang ditadbir oleh Tok Ku Tuan Besar.
[542] Ustaz Syed Mohd. Fadhil, *op. cit.*,

5.1.4.2 Peranan Dan Sumbangan Syed Ahmad Dalam Pembinaan Masyarakat Islam

Syed Ahmad al-'Idrus adalah seorang ulama yang sangat rapat dengan orang ramai dalam usaha penyebaran dakwah Islamiyyah. Beliau seorang ulama yang sangat tegas dan kuat memegang kepada prinsip-prinsip agama. Sekiranya beliau melihat keadaan masyarakat dan adat resam melakukan perkara-perkara yang bercanggahan atau menyimpang daripada prinsip-prinsip agama Islam, maka beliau terus memperbetulkannya dan memberi teguran kepada masyarakat secara hikmah dan baik sehinggakan masyarakat atau orang ramai tidak merasai ditegur atas kekeliruannya atau dengan kata lain tidak menyinggung perasaan ahli masyarakat.[543]

Syed Ahmad (Tuk Ku Malaka) seorang ulama yang tergolong di kalangan wali Allah, kerana melihat kepada aktiviti ibadah beliau yang sangat padat seperti mengajar dan melakukan perjalanan yang jauh ke Melaka, beliau masih memiliki kekuatan untuk tujuan tersebut. Suatu ketika beliau pernah menolong seseorang yang rumahnya mengalami kebakaran, setelah beliau sampai ke tempat itu, beliau mengeluarkan sehelai kertas kemudian dituliskan sesuatu ayat di atasnya lalu kertas tersebut dicampakkan ke dalam api yang sedang menyala, dengan keizinan Allah S.W.T. tiba-tiba api tersebut padam dengan seketika. Jika dilihat dengan mata kasar peristiwa itu sangat tidak masuk akal, tetapi sekiranya ia difikirkan dengan akal yang waras dan berpandukan wahyu Allah S.W.T. yang dianugerahkan kepada hambanya sebagai wali, maka ia suatu perkara yang tidak mustahil berlaku dan sangat mudah bagi Allah S.W.T. jika dikehendakiNya.[544]

---

[543] *Ibid.,*

[544] Ustaz Syed Mohd. Fadhil (cucu daripada sebelah emak anak Tuk Ku Malaka di Rumah bapanya Syed Omar Belakang Masjid Tok Ku Tuan Besar) dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011.

Demikian juga sebuah peristiwa yang diceritakan oleh Syed Sheikh, di mana pada suatu masa Tuk Ku Malaka ingin ke suatu tempat dengan menggunakan sebatang sungai di Kuala Terengganu sebagai laluannya dan menaiki sebuah sampan bersama seorang sahabatnya yang mengayuh sampan tersebut. Tiba-tiba muncul seekor buaya besar yang melintangi laluan beliau, maka beliau menasihati sahabatnya itu supaya jangan berundur dan teruskan sahaja perjalanan. Setelah sampai kepada buaya tersebut, lalu beliau memijak badan buaya tersebut dengan kakinya, kemudian buaya tadi pergi dari situ dan memberi laluan kepada beliau. Disini kita dapat gambarkan bahawa seolah-olah buaya tersebut memahami tugas seorang ulama dalam menjalankan kerja-kerja menyampaikan dakwah Islamiyyah kepada masyarakat.[545]

Konsep dakwah yang dilakukan oleh Syed Ahmad merupakan konsep yang telah diamalkan oleh para penyebar dakwah sebelum beliau dan mencontohi dakwah yang telah diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. sebagaimana digambarkan dalam al-Qur'an bahawa Rasulullah S.A.W. sangat tegas atau keras terhadap orang-orang kafir tetapi baginda sangat lembut dan kasih sayang terhadap kaumnya yang beriman kepada Allah S.W.T., gambaran ini telah difirmankan dalam al-Qur'an iaitu:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ
تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى
وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِى
ٱلْإِنجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ

[545] Syed Sheikh bin Syed Mohd (cicit kepada adik beradik Tok Ku Melaka, Imam Masjid Tok Ku Tuan Besar, 70B Kampung Masjid Tok Ku Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2012.

يُعۡجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلۡكُفَّارَۗ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ
ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنۡهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمَۢا ٢٩

Surah al-Fath 48:29

Maksudnya:

"Nabi Muhammad (S.A.W.) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, Dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan Ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, S.A.W. dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana Dengan perasaan marah dan hasad dengki - Dengan kembang biaknya umat Islam itu. (dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar".

Semasa penjajahan British yang sangat terkenal dengan sikap dan tabiat buruk dari negara mereka, Tuk Ku Malaka berusaha keras memberi pemahaman kepada masyarakat tempatan khususnya umat Islam yang mulai berkembang dan berusaha untuk memahami ajaran-ajaran Islam bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah, agar masyarakat menjauhi dan membenci amalan dan budaya yang di bawa oleh penjajah British. Melalui cara ini masyarakat akan melahirkan perasaan benci dan marah kepada penjajah bukan sekadar sahaja bahkan menyeru kepada masyarakat melayu menentang dan menghalau penjajah British dari Tanah Melayu.

Satu budaya yang sangat dibenci oleh Tuk Ku Malaka terhadap Penjajah British ialah budaya merokok yang menjadi kegemaran orang-orang British. Bagi menyedarkan masyarakat Islam pada masa itu, beliau telah menulis sebuah buku mengenai hukum haram merokok berlandaskan dalil-dalil yang kuat supaya bila orang ramai membaca dan memahami hukum tersebut mereka dapat mematuhinya. Dilihat pada masa sekarang ini dan beberapa tahun yang lalu para mufti telah mengeluarkan fatwa tentang hukum mengharamkan rokok kepada umat Islam di Malaysia, namun ternyata Syed Ahmad (Tuk Ku Malaka) walaupun bukan seorang mufti, beliau jauh lebih awal dan terkehadapan dalam mengeluarkan fatwa itu bahkan bukan mengeluarkan fatwa pengharaman merokok begitu sahaja, tetapi sangat berhati-hati dalam menulis dan mencari dalil-dalil yang kuat dan pendapat-pendapat para ulama yang muktabar tentang pengharaman merokok (candu).[546]

Justeru itu memandangkan beliau seorang ulama yang sangat teliti dan tidak suka menyinggung perasaan orang ramai sama ada di Kuala Terengganu atau Melaka, beliau telah mengambil pendekatan untuk mengubah sesuatu perkara yang dilihatnya

[546] Ustaz Syed Mohd. Fadhil, *op. cit.*,

menyimpang atau bercanggahan dengan agama Islam berlaku dalam masyarakat, maka beliau lebih senang membuat teguran melalui penulisan artikel, risalah atau buku untuk dibaca oleh orang ramai. Dengan membaca tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Tuk Ku Malaka itu, mudah-mudahan mereka akan menyedari dan memahami tentang perkara yang berkaitan dengan semua kekeliruan tersebut. Sepertimana budaya merokok yang telah diamalkan oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu khasnya dan seluruh negara Islam amnya.[547]

Di samping itu juga, beliau sangat memberi perhatian terhadap amalan-amalan atau aktiviti masyarakat Islam Terengganu. Sama ada dalam bidang kemasyarakatan, keusahawanan, pertanian, perladangan, ataupun masalah amalan atau aktiviti yang bercanggah dengan akidah Islam. Beliau tidak hanya membiarkan begitu sahaja malah terus memperbaiki dan memperbetulkan kekeliruan yang sedang berlaku dan timbul dalam masyarakat. Amalan-amalan yang bercanggah dengan syarak berlaku dalam masyarakat, seperti budaya menyabung ayam, melakukan upacara tradisi memotong kepala lembu untuk diletakkan di tepi laut dengan tujuan agar para nelayan mendapat tangkapan ikan yang banyak. Beliau juga sangat membenci terhadap budaya yang di bawa oleh penjajah British seperti minum arak, perzinaan, merokok dan sebagainya. Beliau berusaha keras untuk mengatasi masalah ini supaya masyarakat Islam Terengganu tidak terpengaruh dengan budaya tersebut, beliau sangat aktif dalam menyebarkan dakwah dan bersungguh-sungguh untuk mengingatkan masyarakat Islam Terengganu sama ada melalui ceramah-ceramah agama atau semasa dalam pergaulan di kalangan masyarakat agar menghentikan amalan khurafat yang menyesatkan kehidupan manusia.

---

[547] *Ibid.,*

Dapat disimpulkan bahawa usaha gigih Tuk Ku Malaka dalam menyelamatkan anak bangsanya daripada terpengaruh dengan perbuatan-perbuatan keruntuhan moral dan kemusnahan jasad yang berpunca daripada rokok, candu, dadah, arak dan sebagainya telah menggambarkan bahawa beliau berpandangan jauh dan mempunyai wawasan masa depan yang jelas bagi menyelamatkan generasi muda daripada kemusnahan dan keruntuhan nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia.

Begitu juga amalan penyembahan terhadap unsur-unsur khurafat dalam masyarakat, beliau juga berusaha bersungguh-sungguh menyedarkan umat Islam supaya menjauhkan amalan tersebut daripada berterusan, dengan itulah beliau telah menjadikan masjid, surau, rumah dan pondok pengajian untuk membimbing masyarakat mentaati perintah Allah. Usaha ini, bukan sekadar melalui pengkuliahan sahaja, bahkan kegigihannya turut dizahirkan dengan penyediaan bahan rujukan khusus seperti kitab ***Al-fawa'id Fi al-Salah wa 'Awa'id wa Fath al-Malik al-Majid;*** panduan melaksanakan amal ibadah, kitab ***Hidayah al-'Awam Fi Bayan Hukum Sharab al-Dukhan;*** panduan menyelamat keruntuhan moral masyarakat dan lain-lain kitab yang telah ditulis oleh beliau.

5.1.5 Sumbangan Syed Ahmad Dalam Bentuk Karya Penulisan Ilmu-Ilmu Islam

Syed Ahmad sentiasa mengabdikan diri dalam berdakwah kepada masyarakat Melaka atau Terengganu, beliau sangat aktif menulis dan menterjemahkan buku-buku dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Banyak tulisannya diselesaikan ketika berada di Melaka, ini menggambarkan bahawa beliau seorang ulama yang sangat produktif dan aktif sehingga berjaya menghasilkan karya yang begitu banyak.

Sekiranya dibandingkan dengan usia dan masanya yang terhad, agak mustahil bagi beliau untuk menyelesaikan tulisan-tulisannya sambil menjalankan kerja-kerja dakwah yang padat pada dua tempat yang jaraknya berjauhan. Tambahan pula tiada kemudahan disediakan seumpama geran penyelidikan atau bantuan lain bahkan kemudahan alat tulis dan kemudahan-kemudahan lain pada masa itu juga sangat terhad tetapi berbekalkan semangat dan usaha yang gigih, beliau mampu melakukannya dan kemampuan beliau melebihi para cendekiawan muda pada hari ini yang sudah tersedia dengan semua kemudahan dan bantuan kewangan yang lengkap dan bahan-bahan rujukan sudah disediakan.

Syed Ahmad bin Muhammad al-Idrus (Tuk Ku Malaka) adalah seorang ulama yang sangat rajin berdakwah dalam mengembangkan agama Islam kepada masyarakat. Dalam kesibukan berdakwah, banyak permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu sehingga mendorong beliau menulis dan mengarang buku-buku yang berkaitan dengan masalah hukum hakam berhubung agama Islam. Menurut Ustaz Syed Fadhil (pengerusi biro salasilah), Tuk Ku Malaka seorang ulama yang sangat dalam ilmunya terutamanya mengenai pemahaman terhadap sumber-sumber rujukan yang berbahasa Arab. Jadi ketika mengarang kitab-kitab tersebut beliau selalunya merujuk kitab-kitab yang muktabar manakala kebanyakan kitab yang ditulisnya menggunakan bahasa Arab yang baik.

Beliau merupakan seorang ulama mempunyai ingatan yang sangat kuat kerana ketika beliau menulis kitab-kitabnya sepatutnya harus berada di dalam sebuah ruangan yang dipenuhi dengan bahan rujukan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Sedangkan beliau sangat aktif ke sana-ke mari dalam memberi syarahan agama dari satu surau ke surau yang lain atau dari masjid ke masjid lain, penulis membuat gambaran bahawa

beliau merupakan seorang ulama yang sangat luar biasa dan mampu menjalankan tugas serta mengurus waktu sangat baik.[548]

Menurut Dr. Adel Muhammad Abdulaziz, pensyarah USIM yang telah membuat kajian tentang *Sayyid Ahmad bin Mohammad al-'Aydarus (Tuk Ku Malaka) dan Metod Penulisan Kitab Tanbih al-Ghafilin bi Bayan Shay'in min Fada'il Aali Sayyid al-Mursalin,* telah membuat andaian bahawa kehebatan hasil penulisan Tuk Ku Malaka terhadap kitab-kitabnya, sehingga beliau menggambarkan bahawa Tuk Ku Malaka mesti memerlukan sebuah perpustakaan yang sangat besar dan dipenuhi dengan pelbagai buku rujukan yang banyak serta bersesuaian dengan mutu penulisannya yang begitu baik.[549] Walau bagaimanapun terdapat juga sebahagian buku-bukunya yang ditulis dengan menggunakan bahasa Melayu.[550] Antara hasil karangan dan sumbangan beliau adalah:[551]

a) ***Al-fawa'id Fi al-Salah wa 'Awa'id wa Fath al-Malik al-Majid,*** Tuk Ku Malaka telah menyelesaikan penulisan kitab ini pada 20hb. Safar 1265H (1848M). Ketika Tuk Ku Malaka pergi ke Mekah, kitab itu diserahkan kepada Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani (Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani) untuk disemak. Setelah Syeikh Muhammad bin Ismail selesai menyemaknya (mentashih), kitab itu diserahkan kembali kepada Tuk

[548] Penulis membuat perbandingan sebagaimana pada masa sekarang ini, sekiranya seorang Profesor yang sedang menulis karya ilmiyah atau bukunya, sudah pasti ia harus fokus kepada penulisannya dan berada di dalam sebuah ruangan yang mana di dalamnya sudah tersedia buku-buku rujukannya dan biasanya aktiviti penulisannya tidak boleh terganggu oleh aktiviti lain. Sedangkan Tuk Ku Malaka seorang ulama yang mengabdikan diri hanya untuk berdakwah atau memberi pemahaman agama kepada masyarakat Melaka dan Terengganu yang berada di dua tempat berjauhan. Sedangkan beliau tidak mempunyai ruang pejabat bahkan selalu berpindah-pindah dari Terengganu ke Melaka. Ini lah perbandingan kehebatan beliau yang mempunyai kemampuan menulis sambil melakukan aktiviti lain atau dengan kata lain beliau menulis buku-bukunya sambil berjalan kerana beliau memanfaatkan waktu yang sangat terhad di mana setelah selesai kerja-kerja dakwah atau selepas menyampaikan kuliah kepada masyarakat awam, beliau memanfaatkan waktu tersebut dengan mengarang kitab-kitabnya.

[549] Ustaz Syed Mohd. Fadhil (cucu daripada sebelah emak anak Tuk Ku Malaka, di Masjid Tok Ku Tuan Besar) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

[550] Ustaz Syed Mohd. Fadhil (cucu daripada sebelah emak anak Tuk Ku Malaka di Rumah bapanya Syed Omar Belakang Masjid Tok Ku Tuan Besar) dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011.

[551] Karangan-karangan Tuk Ku Malaka ini berdasarkan hasil kajian Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah.

Ku Malaka. Atas usaha Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani, kitab ini pernah dicetak beberapa kali oleh Matba'ah al-Miriyah Mekah. Kitab ini menjelaskan tentang ilmu hikmah, iaitu; membahas fadhilah-fadhilah ayat al-Quran, Salawat, doa-doa dan lain-lain. Kitab ini merupakan sebuah kitab istimewa yang melibatkan beliau menyusun karangannya dalam bidang perubatan. Sebenarnya kitab ini adalah hasil penterjemahan beliau dari kitab-kitab berbahasa Arab tetapi Tuk Ku Malaka telah memberi penjelasan dan huraian yang lebih mendalam tentang kitab tersebut.

b) ***Hidayah al-'Awam Fi Bayan Hukum Sharab al-Dukhan,*** Tuk Ku Malaka menyelesaikan penulisan kitab ini pada hari Selasa bulan Rabiul Awwal 1293H (1876M) di Melaka. Manuskrip merupakan salinan oleh Muhammad Alim Barus pada hari Selasa 20 Zulhijjah 1337H (1919M). Ia menjelaskan tentang fatwa pengharaman tembakau (merokok) oleh Tuk Ku Malaka berlandaskan pendapat ulama-ulama yang telah menghasilkan fatwa dalam perkara yang sama, seperti: Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Suhaimi di dalam kitabnya "*Sharah al-Zubad*" menjelaskan bahawa mereka yang mula-mula menghasilkan tembakau ialah orang kafir Nasara (Kristian). Syeikh Abdullah bin Ahmad al-Khathib di dalam kitabnya "*Sharah Khutbah*" menurut Habib Thahir bin al-Husein, beliau mengambil dari Syed Abdullah bin Alwi al-Haddad, bahawa penggunaan tembakau yang pertama adalah pada tahun 1200M. Selain itu, Tuk Ku Malaka menyebutkan bahawa ... "telah menjazamkan dengan haram tembakau itu oleh beberapa ulama yang muhaqqiqun yang ikutan bagi sekalian kita, daripada ulama yang dalam negeri Mekah dan dalam negeri Yaman dan negeri Syam dan lain daripadanya". Maka setengah daripada mereka itu adalah Syeikh Ahmad al-Qalyubi di dalam *"Hashiyah Sharah Minhaj*" bagi Syeikh Mahalli, pada bab Najasah". Selain ulama-ulama itu, beliau menambahkan senarai beberapa ulama yang mengharamkan tembakau, mereka ialah; Syeikh Shalih al-Bulqini, Syeikh Nuruddin Ali al-Zaiyadi,

Syeikh Ahmad bin Allan al-Makki, Syeikh Aziz al-Amiri, Syeikh Najamuddin al-Damshiqi, Syeikh Muhammad bin Ali bin Allan al-Makki. Seterusnya beliau menjelaskan: "Ada pun segala ulama daripada segala tuan-tuan Syed yang anak cucu Rasulullah S.A.W. yang berkata bahawa mengharamkan minum asap tembakau itu, maka mereka itu pun banyak juga". Habib Abu Bakar bin Salim bin Habib Husein, Habib Umar bin Abdurrahman al-'Athas, Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad, Habib Abdurrahman al-Baz, dan Habib Thahir bin al-Husein. Begitu juga Tuk Ku Malaka menyebutkan dalam kitab ini tentang ulama-ulama Hadramaut yang mengharamkan rokok, iaitu: Al-Faqih Abdullah bin Umar di Mahzamah, Syeikh Ali bin Abdullah Barus, Syeikh Abdullah bin Ahmad Bashamush, Syeikh Abdullah al-Amudi dan lain-lain. Syed Ahmad juga membahas dalam kitabnya tentang "Afiun"(bahasa Arab), ertinya "candu" (Bahasa Melayu), dapat kita samakan dengan semacam najis "dadah". Menurut beliau bahawa tembakau (rokok) tidak sunyi bahan-bahannya dari candu. Di akhir kitab ini beliau memberi nasihat iaitu: "ketahui olehmu akan bahawa sesungguhnya adalah minum arak dan afiun, dan asap tembakau itu setengah daripada segala jalan kafir dan segala mereka itu yang sesat, dan yang fasiq, dan tiada malu dan tiada maruah. Maka janganlah engkau menyerupai dengan mereka itu..." jadi fatwa atau pendapat Tuk Ku Malaka tentang pengharaman tembakau (rokok) itu sangat keras dan tegas.

c) ***Terjemahan Muqaddimah Dan Doa Dalail al-Khairat.*** Tuk Ku Malaka menyelesaikan penulisan kitab ini pada waktu Dhuha, tahun 1256H (1840M). Manuskrip ini dimasukkan ke Muzium Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur awal tahun 1993.

d) ***Taghrib al-Rijal Fi Kasb al-Halal***. Manuskrip kitab ini telah hilang dari simpanannya jadi tidak diketahui bila Tuk Ku Malaka menyelesaikan penulisannya. Keterangan ini berdasarkan keturunan Tuk Ku Malaka iaitu Syed Abdul Rahman di Kuala Terengganu.

e) ***Ta'rif al-Khalan Fi Tajwid al-Qur'an.*** Kitab ini pernah dicetak dan cetakan pertamanya pada tahun 1333H.

f) ***Tanbih al-Ikhwan***. Kitab ini pernah dicetak sehingga kali ke empat dan ia kemungkinan sama dengan kitab betajuk ***Hidayah al-Ikhwan Fi Adhkar al-Salah Ma'a Arkan***. Tuk Ku Malaka telah menyelesaikan penulisan kitab ini pada hari Jumaat 9hb Safar 1283H (1865M). Pernah dicetak di Mekah dan Mesir, cetakan Matba'ah al-Taqaddum al-Ilmiyyah Mesir pada kulit depan menggunakan nama *Al-Alim al-Fadhil Tuan Embun Terengganu*. Gelaran ini juga pernah disebutkan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani pada kulit depan kitab *al-Fawaid Fi al-Salah*. Sedangkan cetakan Matba'ah al-Miriyah, al-Kainah Mekah 1311H (1893M). Pada muqaddimahnya, beliau menulis namanya yang sebenar iaitu Syed Ahmad bin Syed Muhammad bin Syed Husein al-Shafi'i.

g) ***Kumpulan Wirid Dan Doa***. Tuk Ku Malaka menyelesaikan kitab ini pada 28hb Safar 1295H (1878M).

h) ***Tanbihulghafilun.*** Kitab ini ditemukan oleh Misbaha masih dalam bentuk asal karangan Tuk Ku Malaka dengan berbahasa Arab. Kandungan kitab ini menerangkan tentang kelebihan-kelebihan keluarga junjungan besar Rasulullah S.A.W. dan ia mengandungi 54 halaman dengan tulisan tangan.[552]

i) ***Targhib al-'Ibad Fi Qiraah Ratib al-Hadad.*** Kitab ini diterjemah oleh Tuk Ku Malaka dalam Bahasa Melayu dan menggunakan tulisan tangan keseluruhannya serta

[552] Haji Mohd. Salleh Bin Haji Awang (MISBAHA), *Perkembangan Penulisan Dan Pengarang-Pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Kedua*, tulisan ini terdapat dalam Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu Pesaka yang Disusun oleh MISBAHA, (cet.1, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., 1983), 96-97.

menggunakan huruf-huruf jawi. Tujuan beliau menterjemahkan kitab ini agar masyarakat Terengganu dan orang ramai khususnya umat Islam memahami dan menghayati maksud yang terkandung dalamnya. Berdasarkan catatan Syed Ahmad pada akhir kitab ini, beliau menyelesaikan penterjemahan dan penulisan kitab ini pada hari sabtu 7 Zulhijjah 1301 Hijrah.[553]

j) ***Husul al-Najah fi Ahkam al-Nikah,*** sebuah kitab berkaitan dengan hukum fiqh.[554]

Antara karya-karya beliau ini, telah dijadikan bahan ilmu yang dipelajari di pondok Bukit Bayas ketika itu dan kitab perubatan yang disusunnya menjadi panduan penting bagi pengamal-pengamal perubatan tradisi. Segala usaha yang dilakukan oleh Tuk Ku Malaka ini merupakan satu titik permulaan dan pencerahan kepada generasi hari ini dan seterusnya. Ketulenan dan keikhlasan perjuangan beliau ini merupakan idola yang sangat baik kepada para pendakwah tanah air khususnya rakyat Terengganu. Walaupun dengan kemudahan yang serba kekurangan beliau berjaya mencorakkan dan membentuk masyarakat dengan kefahaman dan budaya Islam yang bersifat kehambaan dan menghasilkan banyak kitab yang berguna kepada generasi selepasnya sehingga hari ini.

[553] Manuskrip ini disalin daripada Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-Idris. Sila lihat lampiran.
[554] Shafie Abu Bakar, "Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu"24.

5.2 SYED MUHAMMAD BIN SYED ZAINAL ABIDIN AL-IDRUS (TOK KU TUAN BESAR) (1795M-1878M)

5.2.1 Latar Belakang

Syed Muhammad bin Syed Zainal Abidin al-Idrus dilahirkan pada 12 Februari 1795M.[555] Menurut ahli sejarah yang lain, Syed Muhammad lahir ketika malam datuknya Tok Makam Lama meninggal dunia iaitu pada malam khamis 28hb Rejab 1207 Hijrah, bersamaan 18hb Februari 1795M di Kampung Chabang Tiga, Kuala Terengganu.[556] Ketika usianya masih kecil, Syed Muhammad diasuh dan dijadikan anak angkat oleh Raja Tepok (raja daerah yang memerintah kawasan sekitar Chabang Tiga hingga Ulu Telemong dan Tanjung Aur).[557]

Sejak dari kanak-kanak lagi telah dididik dan diasuh dengan ajaran agama serta diberi pendidikan asas agama oleh keluarganya. Beliau diajar membaca al-Quran, rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara asas yang lain dalam Islam termasuklah tingkah-laku, sopan santun dan berhemah tinggi terutamanya dari kaum keluarga sebelah ibunya. Seterusnya beliau mendapat pendidikan secara pondok dari Sheikh Abdul Qari Bukit Bayas.[558]

---

[555] Haji Mohd. Salleh Bin Haji Awang (MISBAHA), *Perkembangan Penulisan Dan Pengarang-Pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Kedua*, tulisan ini terdapat dalam Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu Pesaka, disusun oleh MISBAHA, cet.1, (Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., 1983), 87. Menurut keterangan yang diambil dari tulisan Mohamad bin Abu Bakar bahawa Syed Muhammad lahir pada 23 Rejab 1209H bersamaan dengan 1794M iaitu bersamaan dengan tarikh Tuk Makam Lama meninggal dunia. Lihat: Mohamad Abu Bakar, *Tuk Ku Paloh*, dalam buku *Islam Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, (t.t.) 36.

[556] Wan Husin Wan Embong, *Peranan Dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar*, tulisan ini terdapat dalam buku: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, cet.1, (Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD., 1991), 136.

[557] *Ibid*., 136.

[558] Sharifah Afidah binti Syed Hamid, "Ulama' Terkemuka Terengganu Abad ke 19 : Pemikiran dan Peranan Mereka Kepada Masyarakat" (disertasi Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/90), 74.

Setelah tamat pengajiannya di Mekah, beliau terus pulang ke Kampung Chabang Tiga Kuala Terengganu. Berbekalkan ilmu yang dipelajarinya beliau mula memperkenal dan meneruskan pengajaran ilmu agama kepada orang kampung pada peringkat awalnya, melihat kepada kesungguhannya itu maka bapa angkat beliau Raja Tepok mewakafkan istananya kepada Tok Ku Tuan Besar untuk dijadikan surau sebagai tempat pengajian agama. Setelah Raja Tepok meninggal dunia maka semua harta kekayaannya diserahkan kepada Tok Ku Tuan Besar. Kemudian Tok Ku Tuan Besar memulakan pengajarannya bermula di surau yang kecil bertempat di kampungnya Chabang Tiga. Selepas beberapa lama pengajarannya dijalankan, sistem pengajian yang disampaikan oleh Tok Ku Tuan Besar mendapat sambutan yang sangat baik dari masyarakat setempat dan sekitarnya, sehingga surau yang kecil itu tidak mampu lagi menampung jemaah pengajiannya yang semakin bertambah. Lalu surau itu diubah dan dijadikan masjid, di samping itu, dalam masa yang sama beliau membina pondok sebagai kemudahan untuk menjayakan institusi pengajian yang sedang berkembang. [559]

Pengajian yang dikendalikan oleh Tok Ku Tuan Besar ini meliputi ilmu-ilmu keagamaan seperti Tafsir, Hadis, Fikah, Sejarah dan Tasawuf. Ramai pelajar yang mengimarahkan majlis ilmu itu datang dari daerah Terengganu dan negeri-negeri jiran antaranya: Pahang dan Kelantan untuk mengikuti pengajian daripada Tok Ku Tuan Besar. Melihat kepada kebolehan dan ketekunan beliau mengajar dan memberi syarahan kepada murid-muridnya, menyebabkan beliau diberi ruang oleh Sultan Omar untuk memainkan peranan penting dalam masyarakat dan negeri. Lebih-lebih lagi beliau adalah seorang ulama dari keturunan Syed (Ahlul Bait) yang sangat dihormati dan dimuliakan oleh masyarakat bersesuaian dengan sifatnya sebagai seorang yang

[559] *Ibid.*, 137.

sangat sederhana, lemah lembut, bersopan santun dan tidak suka bercakap banyak. Walaupun Tok Ku Tuan Besar sentiasa sibuk dengan mengajar ilmu agama kepada orang ramai, namun beliau sendiri masih sempat berkunjung ke tempat majlis-majlis ilmu di Bukit Bayas untuk mendalami ilmu pengetahuannya dan beliau pula mengamalkan Tarekat Naqshabandiyyah.[560]

Setelah sekian lama dan sepanjang hidupnya, Tok Ku Tuan Besar banyak mencurahkan jasanya dengan mengabdikan diri untuk agama, masyarakat dan bangsa sehinggalah di penghujung usianya mencecah 84 tahun, beliau telah dijemput oleh Allah S.W.T pada malam Isnin 17 Muharram 1295 Hijrah, bersamaan 22hb Januari 1878M. Jenazah almarhum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Chabang Tiga di bahagian belakang Masjid Tok Ku, Kuala Terengganu.[561] (Gambar tanah perkuburan Tok Ku Tuan Besar, sila lihat pada lampran).

5.2.2 Salasilah Dan Keluarga

Jika dilihat kepada susurgalur datuk atau nenek kepada Syed Muhammad ialah Syed Muhammad Mustaffa bin Ahmad al-Idrus yang dikenali sebagai 'Tok Makam Lama', dipercayai keturunan al-Idrus yang pertama dari Hadramaut datang ke Terengganu pada abad ke 18.[562] Kuburnya terletak di Kampung Chabang Tiga Kuala Terengganu bertarikh 1207H (1792M). Bermula dari sini sehingga beberapa lapisan keturunannya menjadi tokoh-tokoh besar yang terkenal di Terengganu khususnya dan semenanjung umumnya. Di antara keturunan Syed Muhammad Mustaffa al-Idrus yang

---

[560] *Ibid.*, 140.
[561] Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, j.13, (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), 3. Lihat: Wan Husin Wan Embong (1991), *op. cit.*, 143.
[562] Mahayudin Hj. Yahya, *Sejarah Orang Syed di Pahang,op.cit.*, 41.

terkenal ialah Syed Muhammad al-Idrus dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar.[563] Untuk melengkapkan salasilah ini, penulis mengambil salasilah daripada Syed Fadhil bin Syed Omar iaitu:

Muhammad S.A.W.[564]
↑
Fatimah al-Zahrah
↑
al-Imam Husayn
↑
Imam ‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
al-Imam Muhammad al-Bakir
↑
al-Imam Ja‘far al-Sadiq
↑
‘Ali al-‘Uraydi
↑
Muhammad al-Naqib
↑
‘Isa al-Rumi
↑
Ahmad al-Muhajir Ila Allah
↑
‘Abd Allah (Ubaidillah)
↑
al-Shaykh ‘Alawi (‘Alawiyyah) al-Mubtakir
↑
Muhammad Sahib al-Sawma‘ah
↑
‘Alwi
↑
‘Ali Khali‘ Qassam
↑
Muhammad Sahib Mirbat
↑
‘Ali Walid al-Faqih
↑
Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam)
↑
‘Alwi al-Ghayur
↑
‘Ali
↑
Muhammad Maula Dawilah

[563] Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *op.cit*., (2000), 11.
[564] Salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Sila lihat pada lampiran.

↑
‘Abd al-Rahman al-Saqaf
↑
Abu Bakar al-Sakran
↑
‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)
↑
Shaykh al-Akbar
↑
‘Abd Allah
↑
Shaykh
↑
‘Abd Allah al-Awsat
↑
‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
Muhammad Mustafa
↑
Shaykh
↑
Mustafa
↑
Husayn
↑
Zainal Abidin
↑
Syed Muhammad al-Idrus

Berdasarkan sumber daripada rajah salasilah Syed Muhammad bin Zainal al-Abidin (Tok Ku Tuan Besar). Di dapati bahawa beliau mempunyai empat orang isteri dan beberapa orang anak. Isteri pertama beliau adalah Hajah Aminah. Ketika bersama dengan isteri pertamanya, beliau memperolehi beberapa orang putera dan puteri iaitu: Syed Md. Zayn al-Abidin (S. Zein), Syed Abdul Rahman (Engku Chik, Engku Sayyid Paloh-Tok Ku Paloh), Syed Mustaffa (Tok Ku Tuan Dalam), Syed Ahmad (Tok Ku Tuan Ngah), Tuan Nik Haji (perempuan), Tuan Teh (perempuan).[565]

Selepas Syed Muhammad berkahwin dengan Cik Isah (Cik Chik Pulau Rusa), beliau dikurniakan pula seorang putera dan tiga puteri, iaitu Syed Abu Bakar (Tuan

[565] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, (1991), 141.

Embong Solok atau Tok Ku Tuan Kecik, gelaran Sayyid Ulama Sultan Zainal Abidin III), Tuan Hitam Alim (perempuan), Tuan Senik (perempuan), Tuan Debak (perempuan). Kemudian Tok Ku Tuan Besar berkahwin pula dengan Cik Safiah (Pulau Ketam Terengganu) dan telah memperolehi dua orang putera dan seorang puteri, iaitu Syed Hassan (Tuan Senik Parit), Syed Hussin (Tuan Muda), Tok Ku Tuan Puteh (Isteri Tuan Dollah). Seterusnya Tok Ku Tuan Besar berkahwin lagi dengan isterinya yang ke empat iaitu Tuan Mandak, juga dikurniakan keturunannya (zuriat) seramai dua orang putera dan dua orang puteri iaitu Syed Ahmad, Syed Abdul Kadir (Tok Ku Wakaf), Tuan Kembang, Tuan Wook.[566] (Carta keluarga Tok Ku Tuan Besar, sila lihat rajah I pada lampiran).

5.2.3 Pendidikan

Syed Muhammad al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar) merupakan keturunan Ahlul Bait yang begitu disanjungi oleh masyarakat. Dari awal lagi beliau telah dididik dengan sifat-sifat mulai, luhur sesuai sebagai seorang yang berketurunan daripada keluarga yang mulia. Semasa kecil beliau melalui sistem pendidikan yang disediakan oleh keluarga di rumahnya. Kesungguhan menuntut ilmu agama begitu jelas terbukti ketika usia remajanya apabila beliau sanggup berulang alik dari kampung Chabang Tiga ke Bukit Bayas dengan berjalan kaki melalui bendang padi dan hutan belukar untuk berguru dengan Tok Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman (Tok Syeikh Bukit Bayas). Apabila cuaca panas dan hujan, beliau menggunakan daun keladi betawi sebagai payung. Beliau adalah seorang pelajar yang cergas, bijak dan mempunyai daya ingatan yang baik sehingga gurunya Syeikh Bukit Bayas menyayanginya. Di samping itu, beliau berkebolehan dalam membaca al-Quran dengan beberapa qiraat beserta lagu

[566] *Ibid.*, 142.

yang baik dan suara yang merdu. Dengan kebolehan yang dimiliki oleh beliau akhirnya, Syeikh Bukit Bayas menyarankan beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah.[567]

Setelah Syed Muhammad al-Idrus sampai ke Mekah ketika umurnya 20 tahun, beliau telah mendalami lagi bidang Tasawuf, Feqah, Usuluddin dan lain-lain. Di samping itu, beliau juga mempelajari kitab-kitab dari mazhab Shafie, di sana beliau telah berguru dengan ulama-ulama besar yang mahir dan masyhur seperti Shaykh ‘Abdul Hamid Shurwani dan Imam al-Shaykh Nawawi.[568] Beliau juga masih sempat belajar daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan pernah juga bersahabat dengan Tuan Guru Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf Terengganu- Patani, iaitu seorang yang banyak menyalin pelbagai kitab karya-karya ulama Asia Tenggara. Tuan Guru pun menyalin sebuah manuskrip karya Tok Ku Tuan Besar sendiri yang menyatakan bahawa Tok Ku Tuan Besar pernah belajar daripada Sayyid Abdullah ibnu Umar ibnu Yahya. Beliau menyebutkan ulama ini sebagai. “Persandaranku dan guruku”. Sanad atau salasilah keilmuan beliau jelaskan bahawa gurunya pernah belajar daripada Sayyid Thahir bin Husein.[569]

Selanjutnya, Sayyid Thahir bin Husein belajar daripada Sayyid Umar ibnu Saqaf, belajar daripada Sayyid Hasan ibnu Abdullah, belajar daripada ayahnya Quthbur Rasyad Sayyid Abdullah al-Haddad, belajar daripada Sayyid Umar bin Abdur Rahman, belajar daripada Sayyid Husein, belajar daripada Sayyid Abi Bakar, belajar daripada Umar ibnu Muhammad Ba Syaiban, belajar daripada Sayyid Abdur Rahman ibnu Ali, belajar daripada al-Quthub al-Aidrus Sayyid Abdullah, belajar daripada ayahnya Sayyid Abi Bakar as-Sakran, belajar daripada ayahnya Sayyid Abdul Rahman as-Saqaf, belajar

[567] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, (1991), 136.
[568] Wan Zulkifli bin Wan Hassan, *op.cit.*, (2009), 44.
[569] Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *op.cit.*, (2000), 3.

daripada ayahnya Sayyid Muhammad Maula ad-Dawilah, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali.[570]

Seterusnya, Sayyid Ali belajar daripada ayahnya Sayyid ’Alawi, belajar daripada ayahnya Sayyid al-Faqih al-Muqaddam Muhammad ibnu Ali, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali, belajar daripada ayahnya Sayyid Muhammad Shahib Mirbat, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali Khala’ Qasam, belajar daripada ayahnya Sayyid Alawi, belajar daripada ayahnya Sayyid Muhammad, belajar daripada ayahnya Sayyid Alawi, belajar daripada ayahnya Sayyid ’Ubaidillah, belajar daripada ayahnya Sayyid Muhammad al-Muhajir, belajar daripada ayahnya Sayyid Muhammad an-Naqib, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali ar-Ridha, belajar daripada ayahnya Sayyid Imam Ja’far as-Shadiq, belajar daripada ayahnya Sayyid Imam al-Baqir, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali Zainal Abidin, belajar daripada ayahnya Sayyid Husein cucu Rasulullah S.A.W, belajar daripada ayahnya Sayyid Ali bin Abi Thalib, Karramahullah Wajhah, belajar daripada penghulu kita Nabi Muhammad S.A.W.[571]

Melihat kepada sanad dan salasilah penerimaan ilmu yang dipelajari oleh Syed Muhammad al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar) menunjukkan beliau sangat mengutamakan penerimaan ilmunya dari kalangan keluarganya sendiri yang berketurunan Ahlul Bait. Ini kerana beliau sendiri adalah salah seorang berketurunan Ahlul Bait yang mana susurgalurnya sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W.

[570] *Ibid.*, 3.
[571] *Ibid.*, 4.

5.2.4 Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam, Sosial Dan Politik

Syed Muhammad al-'Idrus adalah seorang ulama yang memiliki ilmu pengetahuan agama yang sangat luas. Beliau merupakan seorang ulama yang rajin berdakwah, sekembalinya dari Mekah, beliau telah memperluaskan lagi tanggungjawabnya dengan mengajar secara syarahan kepada orang ramai di Kampung Chabang Tiga dan sekitar Kuala Terengganu. Begitu juga, beliau seorang ulama yang sangat rapat dengan masyarakat dan keluarga Diraja Terengganu. Sehingga dengan sikap dan kelebihan yang dimilikinya, beliau telah diberi kepercayaan oleh sultan untuk mentadbir dan menguruskan wilayah atau daerah di sekitar Kampung Chabang Tiga.

Syed Muhammad adalah ulama yang sangat aktif dan berani menghadapi berbagai masalah yang dihadapannya, beliau juga mempunyai beberapa peranan dan sumbangan yang besar kepada kerajaan Terengganu sama ada sebagai ulama yang bertanggungjawab menyebarkan agama Islam dan sebagai pentadbir dalam pengurusan dan pembinaan masyarakat Islam, beliau juga bergerak aktif sebagai ahli politik Islam yang sentiasa mendampingi raja dalam menguruskan kerajaan yang berkait rapat dengan siasah (pemerintahan). Lebih-lebih lagi pada masa itu penjajah British sudah mulai datang ke Tanah Melayu. Maka peranan aktif seorang ulama seperti Syed Muhammad sangat diperlukan oleh seorang raja untuk mendampinginya sebagai penasihat dan membantu baginda dalam menguruskan sebuah kerajaan yang aman, sejahtera dan tenteram. Sehubungan dengan itu, penulis membahagikan tiga bahagian peranan dan sumbangan Syed Muhammad kepada perkembangan agama Islam, pembinaan masyarakat dan politik Islam.

5.2.4.1 Peranan Dan Sumbangan Syed Muhammad Dalam Perkembangan Agama Islam

Berbekalkan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa menuntut di Mekah, selepas kembali ke tanah air, Syed Muhammad mula mengajar di sebuah surau yang sangat sederhana di Kampung Chabang Tiga seterusnya menjadi guru agama di sana, kemudian beliau dilantik sebagai mufti negeri Terengganu dari tahun 1860 hingga 12.1.1878 M.[572] Pengajaran beliau kepada masyarakat Kampung Chabang Tiga itu dengan menggunakan kaedah syarahan yang pernah diamalkan oleh guru-gurunya ketika di Mekah. Melalui kaedah syarahan ini, beliau sangat dikagumi oleh para pendengarnya memandangkan cara ini jarang diamalkan oleh ulama di Terengganu. Kelebihan kaedah yang diamalkan oleh Tok Ku Tuan Besar ini tidak memaksa ahli jemaah atau penuntut membeli dan memiliki kitab bacaannya cuma mereka hanya dikehendaki duduk dalam satu halaqah atau bentuk bulatan di dalam surau atau masjid sambil mendengar dan memberi tumpuan ketika majlis ilmu berlangsung.[573]

Melalui metod pengajaran yang dibawa oleh Tok Ku Tuan Besar itu, menunjukkan suatu perkembangan yang sangat menarik telah dicapai oleh masyarakat Terengganu di mana ilmu yang mereka perolehi dalam bentuk bacaan syair-syair (Nabam) atau dalam bentuk alunan nasyid itu lebih mudah dan mempercepatkan lagi proses mengingati ilmu yang dipelajarinya. Sepertimana dalam kitab beliau yang bertajuk *Jawahir Al-Saniyyah mengenai Al-aqaid Al-Saniyyah*[574], beliau telah memberi penekanan dalam memahami aqidah iaitu berkaitan ilmu tauhid terhadap masyarakat. Beliau menghuraikan tentang makna syahadah secara lebih mendalam melalui

---

[572] Wan Zulkifli bin Wan Hassan, *op.cit.*, 44.
[573] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, 137.
[574] Jauharus Saniah. Lihat: Tok Ku Tuan Besar, *"Jauharus Saniah"*, (Singapura: Jawi Press, 1939), 59.

penulisan bait syair tentang syahadah supaya mudah dihafal oleh para jemaah agar mereka benar-benar yakin tentang konsep beriman kepada Allah, memandangkan keimanan yang sempurna itu merupakan perkara asas dan syarat wajib sebagai seorang Islam.

Setiap permulaan pengajian, Syed Muhammad melantunkan bait syair syahadah tersebut kemudian diikuti oleh para jemaah yang hadir dalam majlis ilmu itu. Sistem pengajian ini sangat berkesan dalam perkembangan sistem pengajian tradisi Islam. Ini kerana ketika Syed Muhammad menghuraikan berkenaan kalimat syahadah, beliau menggunakan kaedah yang sangat mudah kepada orang ramai, memandangkan pada masa itu kebanyakan ahli masyarakat atau penuntut ilmu masih buta huruf, justeru penghayatannya dalam berbagai keadaan mempunyai erti yang sangat besar kepada mereka, bukan sahaja dapat mengenal Allah, bahkan mereka juga memperolehi ketenangan dan kekuatan dalam kehidupan.[575]

Penghuraian berhubung dua kalimah syahadah juga turut dibahaskan oleh Tok Ku Tuan Besar dalam syarahan-syarahan beliau melalui risalahnya bertajuk *Uqud al-Durratayn fi Tarjamah Kalimatay Shahadatayn*, dengan tujuan supaya masyarakat dapat memahami dan meyakini bahawa Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pembawa wahyu daripada Allah S.W.T. untuk disampaikan kepada seluruh manusia supaya melaksanakan semua kewajipan serta menjelaskan tentang aspek kehidupan sebagai hamba. Seterusnya beliau menerangkan kepada masyarakat tentang konsep beribadah dalam kehidupan umat Islam sepertimana yang terkandung dalam rukun Islam yang lima, terutamanya ibadah sembahyang yang menjadi tiang agama. Perkara ini juga telah diterangkan oleh Tok Ku Tuan Besar kepada masyarakat tentang hukum dan kaedah

[575] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, 138.

sembahyang dengan cara yang betul. Bahkan bukan sekadar itu sahaja, beliau juga menjelaskan masalah solat *muafiq* dan *masbuq* sepertimana yang ditulis dalam kitabnya yang bertajuk *Sullam al-Tawfiq*. Tidak kurang pentingnya, beliau juga menyampaikan syarahannya berkaitan dengan ilmu feqah melalui kitabnya *Mukhtasar Feqah* dan mengenai sejarah kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. melalui kitabnya *Sirah Nabawiyah*.

Segala ilmu yang disebarkan oleh Tok Ku Tuan Besar melalui kuliah-kuliah yang disampaikan ini sangat berfaedah kepada masyarakat Terengganu sebagai panduan beribadah sepanjang kehidupan mereka untuk menggantikan amalan khurafat dan tahyul yang diwarisi daripada agama Hindu sejak sekian lama.[576]

Metod yang digunakan oleh Tok Ku Tuan Besar ini sangat relevan untuk diterapkan kepada masyarakat awam, memandangkan pada masa itu masyarakat Terengganu sudah ada yang mencapai tahap pengajian mereka ke peringkat sekolah agama bahkan sehingga ke peringkat perguruan tinggi. Di samping itu juga sebahagian daripada masyarakat Terengganu ini sudah mampu menguasai bacaan al-Quran dan tulisan-tulisan Arab. Walau bagaimanapun golongan ini tidak begitu ramai berbanding dengan yang buta huruf. Namun dengan adanya golongan yang celik al-Quran ini sedikit sebanyak dapat membantu memudahkan beliau dalam penyebaran ilmu agama kepada masyarakat dengan lebih lancar dan berkesan. Sekiranya diteliti, metod penyampaian yang diamalkan ini pun hampir sama dengan apa yang telah dilakukan oleh para wali dalam penyebaran Islam di Nusantara, di mana sejarah penyebaran Islam di sana boleh dikatakan kesemuanya tidak melalui jalan berperang (kekerasan atau

[576] Berhanuddin Abdullah, "Pemerintah Dan Ulama Dalam Menghadapi Ancaman Kuasa Asing Di Terengganu Dari Tahun1888-1948" (tesis kedoktoran, Universiti Kebansaan Malaysia Bangi Selangor, 2011), 41.

paksaan). Jadi para wali yang berdakwah kepada masyarakat awam juga menggunakan kaedah lemah lembut dan secara hikmah, mereka juga tidak melakukan perubahan terhadap adat resam yang telah diamalkan oleh masyarakat turun temurun semenjak daripada nenek moyang mereka.[577]

Kaedah pengajaran yang digunakan oleh Syed Muhammad dalam pengajarannya sangat terkesan kepada orang ramai. Difahamkan bahawa murid-murid yang mengikuti kuliah beliau, selalunya menjadikan syahadah itu sebagai wirid yang dibaca setiap kali selepas menunaikan solat fardhu. Di samping menerapkan fahaman akidah tauhid, metod ini sangat menarik minat masyarakat untuk menghafaz risalah tersebut. Pengajaran yang dikendalikan oleh Tok Ku Tuan Besar menempa kemajuan pesat sehingga sebuah masjid terpakasa dibina bagi menggantikan surau yang sedia ada. Pembinaan masjid itu juga disebabkan peningkatan dan perkembangan pengajian yang meliputi semua ilmu-ilmu Islam seperti Tafsir, Hadis, Fikah, Sejarah dan Tasawuf. Sebahagian besar pelajar-pelajar yang menuntut ilmu di masjid ini adalah terdiri daripada masyarakat penduduk di Chabang Tiga itu sendiri dan ramai juga pelajar-pelajar yang datang dari luar daerah Terengganu dan tidak terkecuali penuntut-penuntut yang turut serta dari negeri-negeri jiran seperti Pahang dan Kelantan yang hadir sama mengikuti syarahan ilmu beliau.[578]

Selepas Syed Muhammad al-Idrus dilantik sebagai Syeikhul Ulama iaitu pemimpin kepada ulama-ulama Terengganu (atau mufti), beliau bersama-sama dengan para ulama lain membahas berhubung masalah-masalah yang berkaitan dengan hukum-hakam syarak. Mereka berusaha menerapkan hukum-hakam Islam yang berkaitan

---

[577] Lihat; Buku-buku Sejarah mengenai Perjuangan Dakwah Yang Diamalkan Oleh Para Wali Songo dan Para Pendakwah Islam lainnya.
[578] *Ibid.*, 138.

dengan masalah muamalat, munakahat dan jinayat. Sebagai Syaikhul Ulama yang selalu mendampingi Sultan dalam menguruskan hal ehwal agama Islam sentiasa berusaha agar hukum-hakam tersebut diterapkan dalam perundangan Terengganu. Walaupun perundangan masih baru digubal pada masa Sultan Zainal Abidin III, tetapi rumusan undang-undangnya sudah ada sejak zaman Sultan Omar. Misalnya; hukum potong tangan bagi seorang pencuri, hukum rejam bagi seorang yang melakukan zina dan sebagainya.[579]

5.2.4.2 Peranan Dan Sumbangan Syed Muhammad Dalam Pembinaan Masyarakat

Suasana sosial masyarakat Terengganu pada masa Sultan Omar memberi ruang kepada Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) memainkan peranan penting terhadap masyarakat dan negeri Terengganu. Penghormatan orang ramai terhadap seorang ulama berketurunan Syed telah menjaminkan tempat yang sangat tinggi di sisi masyarakat kepada keturunan tersebut lebih-lebih lagi beliau berketurunan Ahlul Bait, serta diasuh dengan baik mengikut tarbiyah Islamiyyah, Syed Muhammad begitu mudah diterima dan dihormati serta dimuliakan oleh sesiapa sahaja, memandangkan keperibadian beliau seorang yang bersifat sederhana, lemah lembut, sopan santun, penyabar dan tidak suka bercakap banyak.[580]

Syed Muhammad juga adalah seorang ulama yang sangat rajin dan berkebolehan dalam menulis syair atau nazam. Orang ramai menyebutnya dengan perkataan nabam, mungkin pada masa itu mereka agak sukar untuk mengucapkan nazam, mereka membaca atau membuat persembahan sekiranya ada di antara anggota

[579] Berhanuddin Abdullah, *op. cit.*, 41.
[580] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, 139.

masyarakat yang melangsungkan kenduri perkawinan, khatan dan sebagainya. Maka nabam itu akan dibacanya dengan rentak rebana atau rentak barzanji ketika majlis tersebut. Begitu juga para nelayan selalunya mereka membaca nabam tatkala bulan purnama dan sambutan perayaan laut. Kaedah membaca nabam berbentuk syair ini telah melahirkan kumpulan-kumpulan nabam yang tersebar disekitar Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Pulau Ketam, Seberang Takir dan terutama di Kampung Chabang Tiga. Ini menunjukan bahawa mesej nabam itu boleh difahami dan diserap masuk ke dalam jiwa sesiapa yang mengamalkannya dan secara tidak langsung ia dapat menggantikan amalan-amalan syirik yang telah diamalkan oleh masyarakat Terengganu seperti jampi-serampah atau mentara-mentara yang diwarisi daripada agama Hindu sejak sekian lama.[581]

Sebagai cerita dan sejarah Sirah Rasulullah S.A.W., nabam sangat diminati kerana rentak iramanya sama dengan rentak rebana, barzanji, Ya sollu alaih dan tabur bayam yang diiringi dengan salawat.[582] Sehingga hari ini, pengaruh nabam ini masih kuat diamalkan terutama di Kampung Chabang Tiga, Pulau Ketam dan Seberang Takir. Kejayaan Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam Masyarakat Melayu tradisi melalui falsafah "*Sirat al-Nabawiyyah*", yang diolah dalam bentuk puisi membuktikan bahawa beliau adalah seorang ulama yang faham tentang kehendak masyarakat, keadaan masyarakat dan keadaan psikologinya.[583]

Demgan yang demikian ia dapat memupuk sebuah kelompok masyarakat yang patuh kepada agama, bersatu padu, harmoni dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

---

[581] Berhanuddin Abdullah, *op. cit*., 41.
[582] Wan Husin Wan Embong, *op. cit.*, 139.
[583] *Ibid.*, 139.

5.2.4.3 Peranan Dan Sumbangan Syed Muhammad Dalam Pembinaan Politik Islam

Golongan Syed pernah disifatkan sebagai manusia yang pandai berdiplomasi, mereka juga mempunyai sifat-sifat ketinggian dan pintar berbicara serta mempunyai peradaban yang unggul. Dengan adanya sifat-sifat dan peribadi yang tinggi ini menyebabkan mereka berjaya memperolehi pengaruh dan kuasa politik di Tanah Melayu.[584] Sejarah penglibatan golongan Syed al-Idrus dalam bidang politik di Terengganu telah bermula sejak zaman Sultan Omar lagi (1839-1876).[585]

Syed Muhammad al-Idris (Tok Ku Tuan Besar) merupakan Sheikul ulama yang sangat berperanan dalam politik istana. Keperibadian dan ketokohan beliau sangat dihormati di kalangan masyarakat dan keluarga Diraja Terengganu. Bahkan beliau diberi tempat yang sangat istimewa di Istana dan diberi kepercayaan sepenuhnya untuk menjadi ketua Jabatan Dewan Ulama. Jabatan Dewan Ulama adalah jabatan tertinggi dalam kerajaan dan fungsinya sebagai tempat rujukan dalam semua bidang dan penyelesaian terhadap masalah dalam negeri. Jadi peranan ulama di bawah pimpinan Syeikhul Ulama Paduka Indera Tok Ku Tuan Besar ini meliputi semua bidang politik dan pentadbiran serta hubungan baik dengan keturunan umara sehingga Terengganu menjadi negeri yang maju. Dalam pelaksanaan hukum misalnya ulama berjaya meletakkan syariah Islam sebagai perlembagaan negeri. Seperti ada beberapa kes yang terlibat pada masa Sultan Omar yang mesti dijatuhkan hukuman dengan hukum Islam iaitu, seorang yang dihukum mati kerana membunuh seorang budak raja dan ada lagi seorang dihukum potong tangan kerana mencuri dan sebagainya.[586]

---

[584] J.A.E. Morley, *"The Arab and Eastern Trade",* JMBRAS, Vol. 22, Part 1, (1949), 165.
[585] Wan Husin Wan Embong, *op cit.,* 139.
[586] *Ibid.,* 140.

Seterusnya, pelaksanaan hukuman takzir dikenakan kepada orang-orang yang tidak menunaikan solat Jumaat atau makan di khalayak ramai pada masa bulan Ramadhan. Antara hukuman takzir yang telah dikenakan terhadap mereka yang melanggar perintah tersebut adalah seperti, mereka diarak mengelilingi bandar Kuala Terengganu. Pada masa Sultan Omar juga ada seorang yang dikenakan hukuman rejam kerana berzina. Baginda Sultan Omar juga tidak membenarkan orang-orang bukan Islam mendirikan rumah-rumah ibadah mereka yang baru.[587]

Dari segi pentadbiran, Tok Ku Tuan Besar telah diberi semacam kuasa autonomi untuk mengurus daerah Chabang Tiga. Beliau menjadikan masjid sebagai pejabatnya dan di sebelahnya beliau mendirikan sebuah rumah pasung untuk menahan orang-orang yang melakukan kesalahan. Manakala sebatang tiang untuk mengikat orang-orang yang dikenakan takzir kerana tidak melaksanakan solat Jumaat dan tidak berpuasa pada bulan Ramadhan turut disediakan. Dalam menjalankan tugas itu, Tok Ku Tuan Besar telah dibantu oleh anak-anaknya iaitu: Syed Mustafa (Tuan Dalam), Syed Abdul Rahman (Engku Chik), Syed Abu Bakar (Tuan Embung), Syed Ahmad (Tuan Ngah).[588] Supaya urusan pentadbirannya berjalan dengan lancar adil dan saksama.

5.2.5 Sumbangan Tok Ku Tuan Besar Dalam Bentuk Karya Penulisan Ilmu-Ilmu Islam

Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar) adalah seorang ulama yang sangat kreatif dan rajin dalam bidang penulisan walaupun masanya sangat terhad disebabkan kerja-kerja sebagai seorang ulama, maka beliau sentiasa memenuhi jadual hariannya untuk mengajar, berdakwah, mentadbir negeri dan ketua

[587] *Ibid.*, 140.
[588] *Ibid.*, 142.

Dewan Ulama. Walau bagaimanapun beliau masih boleh menghasilkan karya dalam penulisannya sebanyak enam belas buah. Bahkan beliau mendapat penghargaan sebagai Pelopor Kesusasteraan Lama Di Terengganu yang juga tercatat di dalam Sejarah Kesusasteraan Bangsa. Di antara karya-karya beliau adalah:[589]

1. *Kanzul Ula/Kanz al-Ula*

Buku tentang Kanzul Ula atau dengan nama lainnya Nabam- "Nazam" yang mengisahkan sejarah Rasulullah S.A.W. hingga peperangan Badar, banyak didapati dalam tulisan tangan yang cantik dan disimpan oleh penduduk kampung di sebelah hulu daerah pedalaman. Buku Kanzul Ula ini juga telah dicetak semula antaranya: di Kuala Terengganu, percetakan Matbaah Al-Ahliyah, yang telah mencetak buku ini pada tahun 1322 H (1904M) dengan huruf batu yang mengandungi 144 halaman. Buku ini telah ditashihkan dan diterbitkan oleh Syed Aqil bin Syed Abdul Rahman al-Idrus 1347H.[590] Di Singapura, percetakan Matbaah Al-Aminiah mencetak buku ini pada tahun 1353H (1924M) dengan huruf timah. Begitu juga percetakan Matbaah Jawi Press di Singapura mencetak buku ini pada tahun 1938M dengan huruf timah juga. Selain itu buku Kanzul Ula masih sentiasa dihafal oleh kaum wanita dengan lagu yang sangat merdu dan menjadi kegemaran mereka di sebelah Hulu Terengganu dan Nerus. Berikut adalah sebahagian daripada petikan Nazam (Kanzul Ula) yang ditulis oleh beliau dalam kitab ini:[591]

Tuan itulah pelita hati dan dada
Tuan itulah habibullah pula yang mulia

---

[589] MISBAHA hanya menemui karya Tok Ku Tuan Besar dari No. 1-8 sahaja. Lihat: Haji Mohd. Salleh Bin Haji Awang (MISBAHA), *op. cit.*, (1983), 89. Manakala Hj. Wan Mohd Shaghir telah menemui karya Tok Ku Tuan Besar dari No.1-11. Lihat: Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *op.cit.*, (2000), 7. Sedangkan dalam tulisan Shafie Abu Bakar hanya 8 karya Tok Ku Tuan Besar sahaja yang dapat ditemukannya. Lihat: Shafie Abu Bakar, *Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*, tulisan ini dimuat dalam *Jurnal Warisan* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, bil 3, Terengganu: Persatuan Sejarah Terengganu, (1982) 21.

[590] Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Tok Ku Paloh Al-Aidrus pejuang Islam dan bangsa Melayu*, http://ulama-nusantara.blogspot.com/2006/11/tok-ku-paloh-al-aidrus-pejuang-islam.html., dicapai 7 Jun 12.

[591] Haji Mohd. Salleh Bin Haji Awang (MISBAHA), *op. cit.*, 89.

Tuan itulah bunga yang sangat harumnya
Tuan itulah cahaya bagi segala mata
Tuan itulah gunung tuan itulah payung
Tuan itulah tempat dapat segala cinta
Tuan itulah tempat lari oleh yang salah
Tuan itulah naung bagi segala hamba
Maka besarlah tuan dan untungnya pula
Bagi barang siapa pandang wajah yang mulia
Tuan pula yang punya syafaat yang besar
Pada hari kiyamat yang tolak ambinya.[592]

2. *Jauharus Saniyah/Jawahir Al-Saniyyah*

Buku yang merupakan sebuah risalah tauhid ini telah dicetak beberapa kali, diantaranya dalam tahun 1358H/1939M di Jawi Press, Singapura dan mengandungi 116 halaman (muka surat). Walau bagaimanapun naskah-naskah Jauharus Saniyah banyak tersimpan dengan tulisan tangan oleh penduduk pedalaman di kampung-kampung Hulu Terengganu. Di antara rangkap nazam atau bait yang dipetik daripada kitab Jauharus Saniyah adalah seperti berikut:

Laginya hukum Allah sangat daifnya
Adat kanun ia jua zahirnya
Banyak Zulum pada hukum pulanya
Dengan banyak makan surong padanya
Lagi banyaklah dipakaikan sutera
Banyak Zulum maka banyaklah sangsara
Lebih dari laki-laki yang mulia
Banyak talak jatuh atas perempuan
Banyak mautlah terkejut itu zaman
Orang hina itu jadilah mulia
Yang mulia itu dihina akan dia
Dusta itu jadi sangat benar ia
Khabar benar itu ditolak akan dia
Lagi khianat sangat banyak ia
Tidak dapat orang dipercaya dia[593]

---

[592] Nabam atau Nazam menurut pengertian orang Melayu adalah rangkapan dua bait serangkap. Kaedah yang digunakan mengikut gaya timbangan syair Arab. Dengan dijadikan Melayu maka hujungnya yang kedua sahaja disamakan sedang rentak membunyikannya terkadang-kadang tidak semua perkataan penuh tersebut.—hanya sebahagian atau sepenggal daripada perkataan itu sahaja—iaitu mengikut alunan rentak bunyinya. Yang dipakai untuk nazam ini hanya bahar rajaz sahaja – iaitu alunan bunyi mengikut kaedah syair Arab Persuratan Melayu II. Puisi. Bait ini diambil dari buku *Kanzul Ula* cetekan Terengganu pada tahun 1322H (1904M), 40-41.

[593] Bait ini dipetik dari kitab *Jauharus Saniah*. Lihat: Tok Ku Tuan Besar, *Jauharus Saniah*, Singapura: Jawi Press, (1939), 59.

3. *Uqudu Durratain Fi Tarjamati Kalimataish Shhadatain*

Risalah singkat ini lebih dikenali dengan Shahadah Tok Ku, kerana Tok Ku Tuan Besar menjelaskan secara singkat dan jelas tentang makna shahadatain. Sehingga masyarakat Terengganu pada masa itu samada orang dewasa atau kanak-kanak mudah memahaminya bahkan risalah singkat itu boleh dihafal dan dijadikan pedoman bagi masyarakat untuk melahirkan rasa cintanya terhadap agama di tanah air. Pada tahun 1950 risalah ini telah dijadikan pegangan khusus untuk sekolah agama sebagai bahan bacaan pelajar-pelajar. Risalah itu dicetak dengan menggunakan huruf jawi. Pada tahun 1978, Yayasan Islam Terengganu telah membuat cetakan ulangan risalah itu untuk dibahagikan kepada penduduk kampung.[594]

4. *Tuhfatul Wildan*

5. *Mukhtashar*

6. *Siratun Nabawiyah*

7. *Sullam al-Tawfiq*

Kitab ini adalah sebuah risalah mengandungi enam muka surat yang menerangkan tentang hukum orang solat dalam masalah *muwafiq* dan *masbuq.* Pada masa itu ada kemungkinan bahawa masalah itu sangat rumit dan susah untuk menyelesaikannya. Dalam risalah kitab *Sullam al-Tawfiq* ini telah dinyatakan sebagai berikut:

> Orang muwafiq yang dapat serta imam
> Zaman luluskan Fatihah dalam qiam
> Dengan baca yang pertengahan mulanya
> Dari ikut hingga rukuk imamnya
> Pada barang mana ada rakaatnya
> Orang muwafiq itu wajib Fatihah atas dia dengan tidak ditanggunglah

[594] Petikan risalah ini didapati daripada cicit Tok Ku Tuan Besar iaitu Syed Mustafa bin Syed ‘Abd Allah. Sila lihat lampiran.

Dahulu dengan satu rukuk fi'li tamam.[595]

Sedangkan pada muka surat yang keempat pula beliau menjelaskan tentang orang *masbuq,* iaitu ayat-ayatnya sebagai berikut:

Masbuq orang tidak dapat serta imam
Zaman luluskan Fatihah dalam qiam pada barang mana ada rakaatnya
Hingga empat rakaat habis semuanya
Dengan sebab zahmah atau lambat qiraah
Sebab tua atau lain tidak faraq
Atau sangat segera imam bacanya
Lebih dari adat baca sedangnya.[596]

Sebenarnya dalam risalah di atas mengandungi penjelasan tentang amalan-amalan tentang solat khususnya berkaitan *muwafiq* dan *masbuq.* Sekiranya seseorang itu hanya melihat kepada penerangan di atas sahaja tanpa merujuk atau membaca kitab-kitab fiqh yang lain, maka sangat susah untuk memahami kandungan yang terdapat dalam ayat-ayat di atas tersebut.

8. *Targhib al-Shibyan fi Hifz Aq'al-Iman*.

Risalah ini telah dicetak pada tahun 1948M oleh Pejabat Percetakan Terengganu.

9. *Ahaditsun Nabawiyah mimma Yata'allaqu bil 'Imamatil 'Arabiyah*

10. *Silsilah Ratib al-Haddad*

11. *Kaifiyat 'Amal Ratib al-Haddad.*

Berdasarkan daripada riwayat hidup Tok Ku Tuan Besar ini, beliau adalah seorang intelek Islam yang benar-benar cintakan ilmu pengetahuan hasil didikan agama

---

[595] Ayat-ayat risalah Kitab *Sullam Tawfiq* ini, penulis memetik daripada tulisan Khairuddin Hj. Muhammad, *Sayid Muhammad Zayn al-Abidin (Tok Ku Tuan Besar) 1789-1878*, dalam bukunya Ismail Mat, *Ulama Silam Dalam Kenangan*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992), 65.
[596] *Ibid.*, 65.

sejak kecil lagi. Sama ada dari sudut pendidikan yang menampakkan kesungguhannya untuk menuntut ilmu mahupun dari sudut penghasilan kitab-kitab pengajaran agama. Kitab-kitabnya yang masih terpelihara dan ada yang telah dicetak oleh Yayasan Agama Islam Terengganu adalah merupakan hasil karya seorang ulama yang begitu disanjungi dan berperanan penting. Malah, daripada keturunannyalah, lahirnya beberapa orang lagi alim ulama dan golongan pentadbir yang berpengaruh dalam masyarakat Terengganu sehinggalah sekarang ini.

5.3 SYED ABDUL RAHMAN BIN SYED MUHAMMAD BIN SYED ZAINAL ABIDIN AL-IDRUS (TOK KU PALOH) (1817-1918M)

5.3.1 Latar Belakang

Syed Abdul Rahman al-Idrus atau Tok Ku Paloh merupakkan anak kedua dari perkahwinan Syed Muhammad al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar) dengan isterinya yang pertama, Hajjah Aminah yang dikahwininya semasa beliau berada di Mekah.[597] Beliau adalah seorang ulama pada masa kesultanan Zainal Abidin III. Terdapat beberapa gelaran istimewa yang telah diiktiraf oleh masyarakat Terengganu kepadanya bersesuaian dengan ketokohan dan keluarbiasaan yang dimilkinya iaitu, Tok Ku Paloh, Syed Paloh, Engku Chik, Tuan Chik dan Syeikh Islam Terengganu. Beliau juga adalah seorang putera daripada Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus yang paling berbakat dan berkebolehan berbanding dengan adik beradiknya yang lain. Bapanya lebih dikenali dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar Syeikh Ulama Paduka Indra dan hidupnya sezaman dengan Sultan Omar. Tok Ku Paloh dilahirkan kira-kira pada tahun 1817M (1236H) di Kampung Chabang Tiga iaitu berhampiran dengan kawasan Masjid Tok Ku Tuan Besar di Chabang Tiga.[598] Tok Ku Paloh juga dikenali dengan panggilan Engku Sayid Keramat disebabkan orang-orang Terengganu menganggapnya sebagai keramat hidup dan beliau masih berketurunan Nabi Muhammad S.A.W., iaitu berada pada nasab yang ke-36. Nasab sebelah bapanya dikatakan sampai kepada Sayidina Hussain r.a. iaitu anak Sayidatina Fatimah al-Zahrah binti Muhammad S.A.W.[599]

---

[597] Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 92.

[598] *Ibid*, 19. Lihat: Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *Kitab Ma'arij al-Lahfan Ila Haqai'iq al-'Irfan oleh Sayid Abdul Rahman bin Muhammad bin Zayn al-'Idrus (Tuk Ku Paloh),* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 111.

[599] Salasilah ini berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu).

Semasa kehidupan Tok Ku Paloh, usianya banyak dihabiskan untuk perjuangan menegakkan agama Allah dan melaksanakan pentadbiran dalam pemerintahannya berasaskan undang-undang Islam. Beliau telah meninggal dunia pada 1 Zulhijah 1336 Hijrah bersamaan 7 September 1918, pada usia lebih kurang 80 tahun. Tok Ku Paloh dimakamkan di tanah perkuburan Islam di Kampung Paloh yang terletak di atas bukit.[600] (Gambar tanah perkuburan Tok Ku Paloh, sila lihat lampiran).

5.3.2 Salasilah Dan Keluarga

Salasilah Syed Abdul Rahman al-Idrus (Tok Ku Paloh) di mana susurgalurnya sampai kepada Rasulullah S.A.W., berdasarkan salasilah yang telah penulis perolehi adalah seperti berikut iaitu:

Muhammad S.A.W.[601]
↑
Fatimah al-Zahrah
↑
al-Imam Husayn
↑
Imam ‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
al-Imam Muhammad al-Bakir
↑
al-Imam Ja‘far al-Sadiq
↑
‘Ali al-‘Uraydi
↑
Muhammad al-Naqib
↑
‘Isa al-Rumi
↑
Ahmad al-Muhajir Ila Allah
↑
‘Abd Allah (Ubaidillah)
↑
al-Shaykh ‘Alawi (‘Alawiyyah) al-Mubtakir
↑

[600] Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *op. cit*., 115.
[601] Salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Sila lihat lampiran.

Muhammad Sahib al-Sawma‘ah

↑

‘Alwi

↑

‘Ali Khali‘ Qassam

↑

Muhammad Sahib Mirbat

↑

‘Ali Walid al-Faqih

↑

Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam)

↑

‘Alwi al-Ghayur

↑

‘Ali

↑

Muhammad Maula Dawilah

↑

‘Abd al-Rahman al-Saqaf

↑

Abu Bakar al-Sakran

↑

‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)

↑

Shaykh al-Akbar

↑

‘Abd Allah

↑

Shaykh

↑

‘Abd Allah al-Awsat

↑

‘Ali Zayn al-‘Abidin

↑

Muhammad Mustafa

↑

Shaykh

↑

Mustafa

↑

Husayn

↑

Zainal Abidin

↑

Syed Muhammad al-Idrus

↑

Syed ‘Abdul Rahman al-Idrus

Sekiranya dilihat kepada bapanya (Tok Ku Tuan Besar) yang berkahwin dengan beberapa orang isteri, maka sudah tentu Tok Ku Paloh mempunyai adik beradik yang

ramai dan berlainan ibu, sepertimana yang telah disebutkan di atas bahawa beliau merupakan anak kedua daripada Tok Ku Tuan Besar dengan isteri pertamanya Hajjah Aminah.[602] Antara adik beradik Tok Ku Paloh yang menjadi saudara kandungnya terdiri daripada Syed Zein al-Aidrus (Engku Syed Sri Perdana), Syed Ahmad al-Aidrus (Tuan Ngah Seberang Baruh), Syed Mustofa al-Aidrus (Tuan Dalam) dan Syed Hasan al-Aidrus (Tuan Senik Pareh) yang mana mereka ini memiliki kebolehan masing-masing dalam mewarisi perjuangan bapanya.

Tok Ku Paloh berkahwin dengan isteri pertamanya, Tuan Nik, puteri Syed Ahmad (Tuk Ku Malaka). Selepas itu Tok Ku Paloh berkahwin lagi dengan kakanda Sultan Zainal Abidin III, Tengku Mandak.[603] Hasil perkahwinan itu beliau telah dikurniakan beberapa orang putera iaitu Syed Abu Bakar (Tok Ku Tuan Embong), Syed Akil (Engku Sriwijaya), dan Syed Saggof (Engku Kelana).[604] (Carta keluarga Tok Ku Paloh, sila lihat rajah II pada lampiran)

Berdasarkan carta salasilah di atas, penulis ingin membuat penambahan terhadap beberapa nama yang tertinggal di dalam susunan salasilah yang disediakan oleh Mohamad bin Abu Bakar dalam artikelnya bertajuk "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh)" dalam buku *Islam di Malaysia*, Khoo Kay Kim (1980) penerbitan Persatuan Sejarah Malasyia.

Dalam rajah salasilah I (b) halaman 38, beliau telah menyediakan susunan keturunan keluarga al-Idrus daripada Nabi Muhammad S.A.W., Fatimah Al-Zahrah dan

---

[602] Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Tuk Ku Paluh (1817M-1918M)", tulisan ini di muat dalam majalah Al-Fikrah, bil 6, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, Januari-April 2007M, 18.
[603] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, (c.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors. SDN. BHD., 1991), 180-183.
[604]Abdul Ghani Said (t.t.), *Tok Ku Paloh*, artikel ini dirujuk daripada web site: http://www. Terengganu.com. my., dicapai 28 Disember 2009.

seterusnya ke bawah sehingga kepada Al-Syeikh Abdullah Al-Idrus (Al-Akhbar), susunan yang seterusnya sebelum daripada Al-Syeikh Abdullah Al-Idrus (Al-Akhbar) ini terdapat empat nama keturunan telah tertinggal seperti mana di dalam ruanggan [...] carta berikut:[605]

Al-Syeikh ‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)
↑
Shaykh al-Akbar
↑
‘Abd Allah
↑
[Shaykh]
↑
[‘Abd Allah al-Awsat]
↑
‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
Muhammad Mustafa
↑
Shaykh
↑
[Mustafa]
↑
[Husayn]
↑
Zainal Abidin
↑
Syed Muhammad al-Idrus
↑
Syed ‘Abdul Rahman al-Idrus

5.3.3 Pendidikan

Sejak kecil lagi Tok Ku Paloh menunjukkan beberapa kelebihan dalam bidang ilmu agama berbanding dengan saudara-saudaranya yang lain. Walau bagaimanapun, mereka sekeluarga sememangnya terkenal dalam masyarakat Terengganu sebagai kaum

[605] Pembetulan salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada ustaz Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Berpandukan sebuah kitab yang bertajuk *Al-‘Allamah al-Sayyid al-Sharif ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn al-Mashhur* (t.t.), *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani ‘Alawi Furu‘ Fatimah al-Zahra’ wa Amir al-Mu’minin ‘Ali Radiya Allah ‘Anhu,* Juzuk. 1, (Jeddah: ‘Alam al-Ma‘ruf), 111-112.

keluarga al-Idrus yang cintakan ilmu pengetahuan.[606] Semua adik beradik Tok Ku Paloh sejak kecil lagi mereka telah diajar mempelajari kitab-kitab karangan bapanya dan mencontohi keperibadiannya.

Semasa kecil, Syed Abdul Rahman telah mendapat pendidikan asas daripada keluarganya. Beliau belajar membaca al-Quran dan hal-hal asas keagamaan daripada ayahnya, Syed Muhammad dan sahabat-sahabat ayahandanya. Apabila meningkat dewasa, beliau berguru pula dengan Haji Wan Abdullah bin Mohd. Amin (Tok Syeikh Duyong) seorang ulama dan mufti pada masa Sultan Omar sehinggalah mereka menjadi sahabat baik dan saling menghormati antara satu sama lain kedua-duanya menjadi ulama terkemuka Terengganu. Sepertimana ulama-ulama terkemuka lain, untuk meningkatkan lagi pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Setelah dewasa, beliau dihantar oleh bapanya untuk mendalami ilmu agama di Mekah.[607]

Semasa beliau menyambung pelajarannya di Mekah, Tok Ku Paloh telah menuntut ilmu daripada beberapa orang ulama yang masyhur ketika itu, antara yang terkenal ialah: Syed Ahmad Zaini Dahlan, Syed Abdullah Ali al-Zawawi[608] dan Saidi Ahmad Madzhar al-Ahmadi. Pengajiannya merangkumi Tasawuf, Usuluddin, Fiqh, Tafsir, Hadis, dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan bahasa Arab.[609] Namun di dalam semua bidang pelajaran ini, Syed Abdul Rahman mempunyai minat yang tinggi

---

[606]Kenyataan daripada Syed Abdul Rahman dan Dato' Setia Jasa, Dato' Misbaha. Lihat: Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 93

[607]Muhammad Abu Bakar, *op. cit.*, 180.

[608]Keterangan Engku Embung bin Abd. Kadir dan disahkan oleh Tuan Al-Syed Yusuf bin Ali Al-Zawawi, J.P., P.J.K., iaitu cucu kepada Syed Abdullah Ali Al-Zawawi, dan ketika itu Mufti Kerajaan Negeri Terengganu, mengikut beliau, kedua-dua guru ini pernah menjadi Mufti Mekah. Syed Abdullah Ali Al-Zawawi mengajar di masjid Mekah dan di antara murid-muridnya daripada Terengganu dan Kelantan ialah Haji Awang Rusila, Datuk Sengsara Pahlawan dan Tuk Kenali Kelantan, Ahmad Zaini Dahlan pula merupakan seorang pengarang yang terkanal dan telah banyak mengarang kitab-kitab Arab. Beliau dianggap sebagai bapa kepada semua guru agama di Mekah ketika itu. Lihat buku *Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur Persatuan Sejarah Malaysia 1979), 41.

[609]Mohamad Abu Bakar, *Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh). Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur Persatuan Sejarah Malaysia 1979), 41.

terhadap ilmu Taswuf. Seperti ayahnya juga, Syed Abdul Rahman telah dapat menguasai ilmu bahasa Arab dengan baik. Menurut cucu Tok Ku Paloh yang masih ada iaitu Syed Mustafa Bin Syed ’Abd Allah (Tuan Baru) menceritakan bahawa Tok Ku Paloh adalah salah seorang wali yang mendapat ilmu laduni[610] daripada Allah S.W.T. Sewaktu di Mekah beliau telah mempelajari banyak ilmu daripada para ulama yang alim dan pakar dalam ilmu agama Islam. Setelah beberapa lama menuntut ilmu di sana, beliau juga mempunyai keupayaan dan telah diberi peluang untuk mengajar di Masjidil Haram Mekah al-Mukarramah, memandangkan beliau sendiri sudah menguasai berbagai ilmu agama yang berkaitan dengan ilmu Tasawuf, Tafsir, al-Hadis dan Fiqh. Maka sangat layak bagi beliau untuk mengajar di Masjidil Haram, memandangkan guru-guru beliau sendiri pun merupakan ulama-ulama yang sangat hebat dari Mekah.[611] Setelah sekian lama belajar dan mengajar di Tanah Suci Mekah iaitu sekitar sepuluh tahun, akhirnya beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Terengganu.[612] Dikatakan semasa di Mekah juga beliau telah didedahkan kepada unsur-unsur pembaharuan (refomasi) dan perkembangan-perkembangan di Timur Tengah.[613] Pengalaman dan pendedahan beliau sepanjang kehidupan di Tanah Suci Mekah itu telah mempengaruhi corak kehidupan dan pemikiran beliau ketika berada di tanah air Kuala Terengganu.[614] Seterusnya beliau terus melakukan usaha-usaha penyebaran dakwah Islamiyyah kepada masyarakat di Kuala Terengganu.

---

[610] Ilmu anugerah Allah kepada hambaNya tanpa proses pembelajaran (tanpa guru atau kitab). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2002), 743.
[611] Ustaz Syed Mustafa (Tuan Baru) (cucu Tok Ku Paloh, di Masjid Tok Ku Paloh Kampung Paloh Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 8hb Mac 2011.
[612] Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *op. cit*., 112.
[613] Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 95.
[614] Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *op. cit*., 180.

5.3.4 Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam, Sosial Dan Politik

Syed Abd al-Rahman al-Idrus adalah seorang ulama yang sangat karismatik dan memiliki ilmu pengetahuan agama yang mendalam. Seperti mana ayahnya beliau sangat aktif dalam berdakwah terutamanya dalam memberi syarahan di Kampung Paloh. Dalam waktu yang sama Sultan Zainal Abidin III yang merupakan sultan Terengganu pada masa itu sentiasa mendokong usaha-usaha murni ini demi kesejahteraan rakyat dan negeri Terengganu. Kebolehan dan penonjolan beliau sangat luar biasa berbanding ulama-ulama lain yang ada bersama-bersama dengannya ketika itu, terutamanya hubungan keakraban beliau dengan keluarga Sultan Terengganu serta penampilannya yang disenangi oleh rakyat menyebabkan beliau benar-benar dihormati.

Dengan sikap dan daya kepimpinan demikian, pengaruh Tok Ku Paloh menjadi sangat luas, lebih-lebih lagi beliau merupakan seorang ulama yang mahir dan alim dalam bidang ilmu Tafsir, Tasawuf, Fikah dan sebagainya. Dalam waktu yang sama beliau memilki daya kepimpinan yang baik sebagai pemimipin masyarakat untuk mentadbir sebuah daerah di Paloh. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh Tok Ku Paloh itu sangat luar biasa di mana beliau sangat cekap dan berdisiplin dalam menguruskan waktu kehidupannya terutamanya dalam melaksanakan tugas harian beliau. Sehinggakan zaman kegemilangan negeri Terengganu umpamanya disebut-sebut sewaktu Tok Ku Paloh menjadi penasihat Sultan. Memandangkan tanggungjawab beliau sebagai ulama dalam perkembangan Islam serta sebagai pentadbir kerajaan negeri dalam pembangunan masyarakat dan ahli politik yang sentiasa mendampingi raja dalam memelihara kerajaan Terengganu daripada dijajah oleh penjajah British pada masa itu. Maka penulis membahagikan pembahasan ini kepada tiga bahagian iaitu

peranan dan sumbangan Tok Ku Paloh dalam perkembangan Islam, pembinaan masyarakat Islam dan pembinaan politik Islam.

5.3.4.1 Peranan Dan Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Perkembangan Islam

Setelah Tuk Ku Paloh pulang dari Mekah, beliau telah berazam untuk menyampaikan ilmunya kepada orang ramai khususnya masyarakat Islam Chabang Tiga, tempat kelahirannya. Peringkat permulaannya beliau mengajar di 'Surau Tok Ku' iaitu surau peninggalan ayahnya untuk beberapa ketika. Memandangkan beliau mempunyai integriti dan semangat untuk memperluaskan pengajaran ilmu-ilmu agama Islam, maka beliau berpindah ke Paloh.[615] Dari situ beliau benar-benar berkhidmat untuk mengembangkan dan memperluaskan dakwah Islamiyyah di Paloh secara khusus dan di kawasan-kawasan lain secara amnya.

Tok Ku Paloh adalah seorang ulama yang berkaliber dalam pengembangan ilmu agama melalui pengajaran kepada murid-muridnya serta ahli masyarakat sekeliling, beliau tidak menjadikan suatu kawasan itu sebagai pusat pendidikan atau pengajian yang khusus seperti mendirikan madrasah dan pondok, tetapi beliau menggunakan metod syarahan yang biasanya bertempat di surau atau masjidnya. Setiap kali beliau menyampaikan ilmu agama Islam di Paloh, ahli jemaah yang hadir atau para pendengar

[615] Sebagaimana diketahui, Paloh adalah sebuah kampung terletak di tepi sungai Terengganu dan jaraknya sekitar 8 kilometer melalui jalan darat dari Kuala Terengganu. Setengah pendapat mengatakan bahawa Paloh adalah gelaran yang diberikan oleh Sultan Zainal Abidin III kepada Syed Abdul Rahman atas jasa beliau yang telah membuka kawasan baru yang asalnya dipenuhi hutan tebal, lalu Syed Abdul Rahman membuka perkampungan untuk dijadikan penempatan pertama dalam memperluaskan pengajaran ilmu-ilmu agama kepada masyarakat. Sehingga beliau membina rumah dan Surau untuk dijadikan tempat atau kemudahan proses dakwahnya. Lihat: Muhammad Abu Bakar, *op. cit*., 181. Dikatakan juga bahawa Syed Abdul Rahman mulai dikenali sebagai Tok Ku Paloh setelah beliau dianugerahkan kawasan Paloh oleh Sultan Zainal Abidin III. Lihat: Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 95.

sebagai muridnya[616] bukan sahaja daripada kalangan penduduk tempatan, bahkan ramai yang datang daripada pelbagai daerah luar daripada Terengganu. Ini kerana syarahan yang beliau berikan adalah sangat menarik, lantang dan nyaring suaranya. Sehingga semasa hidupnya, Tok Ku Paloh telah berjaya menjadikan Paloh sebagai sebuah pusat dakwah Islamiyyah di Kuala Terengganu dan sekitarnya yang masyhur dan terkenal. Manakala sistem syarahan yang beliau gunakan, sehingga sekarang masih dikekalkan sebagai media dakwah Islamiyyah yang masih sesuai dengan perkembangan zaman bukan hanya di surau-surau dan masjid-masjid bahkan sehingga ke peringkat universiti.

Tok Ku Paloh adalah seorang ulama yang lebih dikenali sebagai ulama tasawuf, memandangkan kitab tasawuf yang ditulisnya masih wujud sehingga sekarang. Di samping itu juga Tok Ku Paloh turut mengembangkan Tariqat Naqhshbandiyah[617]

---

[616] Antara penuntut-penuntut luar yang datang ke Kampung Paloh ialah terdiri daripada penduduk-penduduk negeri Kelantan, Pahang, dan Petani seperti **Lebai Abdul Rahman (Tok Janggot)**. Lihat: Muhammad Abu Bakar, *op. cit*., 181 dan **Haji Abdullah Chik Hok Patani**. Lihat Razi Yaakob, *op. cit*., 44. Mereka yang datang dari luar ini membina pondok-pondok di sekitar Surau Tok Ku Paloh sebagai tempat tinggal sementara yang digunakan untuk belajar dan menimba ilmu daripada Tok Ku Paloh. Murid-murid Tok Ku Paloh daripada Terengganu yang aktif menuntut ilmu ialah seperti: **Sultan Zainal Abidin III**, (ketua pemerintah Terengganu ketika itu), **Haji Abdul Rahman Limbong (Haji Abdul Rahman bin Hj. Abdul Hamid bin Abdul Kadir)**, beliau merupakan seorang murid yang berpengaruh besar dan akhirnya terlibat dalam pemberontakan Tani1928 di Hulu Terengganu, beliau selalu berulang alik dari Beladau yang dikatakan tempat kelahirannya ke Paloh untuk berguru dengan Tok Ku Paloh. Beliau menuntut ilmu Tasawuf daripada Tok Ku Paloh untuk belajar cara-cara dan jalan merapatkan dirinya kepada Allah melalui Tasawuf. Kealiman dan ketokohan Abdul Rahman Limbong menjadikannya seorang murid yang disayangi dan pernah Tok Ku Paloh membayangkan yang Hj. Abdul Rahman Limbong sebagai penggantinya. **Tuan Hj. Mohammad (Mat) Shafie Losong** merupakan seorang yang alim dalam Feqah, Usuluddin dan Tasawuf. Membawa dan mengajar tarekat Syattariyyah. Beliau juga beramal dengan ratib al-Haddad. Kehebatan murid Tok Ku Paloh ini sehinggakan beliau mampu membuka pondok pengajian di Losong dan mengajar kitab-kitab Jawi dan Arab. Antaranya, *Fath al-Wahhab, Fath al-Muin, Fath al-Qarib, Jauhar al-Mauhub, Hadis-hadis Bhukari-Muslim* dan *Bulugh al-Maram.* Anak-anak Tok Ku Paloh sendiri seperti **Syed Sagoff bin Syed Abdul Rahman (Engku Kelana)**, merupakan pendekar Melayu yang begitu berpengarauh sehingga pengaruhnya telah digunakan oleh penduduk tempatan dan Kebangkitan Terengganu 1928. Beliau dikatakan pengasas Persatuan Melayu Terengganu bagi menentang Malayan Union 1945. **Syed Abu Bakar (Tuan Embong)** yang bergelar Sheikhul Ulama' dan Ahli Majis Mesyuarat negeri di zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942). **Syed Akil (Tuan Pangeran)** Engku Seri Bijaya Sura yang pernah menjadi Imam Masjid Zainal Abidin, Kuala Terengganu di samping pernah menjadi majisteret di Mahkamah Sivil Terengganu. Lihat: Muhammad Abu Bakar, *op. cit*., 181. Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 96-98 dan Razi Yaakob, *op. cit*., 44. **Tok Bahaman, Mat Kilau, Haji Wan Embong Paloh, Tok Gajah, Haji Wan Dollah Langkawi, Haji Mohd Syam Pahang, Haji Idrus** (Kampung Kota Manir), **Abdul Rahman bin Hamid** (Kemaman) (Arkib Negara t.t :21) Lihat: Berhanuddin Abdullah, *op. cit.*, 67.

[617] Tariqat Naqsabandiyyah ini diasaskan oleh Muhammad bin Muhammad Naqsyabandi (1318-1389) dari Bukhara yang bersumber dari Abu Ya'akub Yusuf al-Hamdani (1140). Tariqat ini menekankan zikir dalam ajarannya, yakni dengan cara berulang-ulang menyebut nama Allah atau mengucap kalimah

khususnya di Paloh dan di Terengganu umumnya. Seperti mana ulama-ulama lain juga mereka mengembangkan tariqat[618] masing-masing misalnya: Tuan Abdul Samad bin Muhammad Salih Al-Klantan (Tuan Tabal) seorang ulama di Kelantan yang mengamalkan tariqat Ahmadiyah. Melalui kelebihan dan ketinggian ilmu tasawuf yang dimilki olehnya, Tok Ku Paloh dikatakan telah mencapai darjat dan taraf Al-Kasef.[619]

Sepanjang kehidupan beliau, banyak sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan peristiwa aneh dan sangat luar biasa telah diceritakan berlaku terhadap dirinya. Misalnya, Tok Ku Paloh dapat mengetahui hajat atau niat seseorang yang datang berjumpa dengannya sebelum terlebih dahulu memberitahu tentang hajat kedatangan tersebut. Andainya terdapat seseorang yang hendak memberikan hadiah kepada beliau, maka beliau boleh tahu tentang asal usul hadiah itu. Sekiranya hadiah itu bukan milik pembawanya atau hasil curian, maka beliau tidak akan menerima hadiah tersebut. Satu kejadian yang sangat aneh dan tidak masuk akal yang pernah ditunjukkan oleh Tok Ku Paloh kepada murid-muridnya bahawa di dalam buah kelapa terdapat seekor ikan.[620]

Tok Ku Paloh telah memanfaatkan masa hidupnya untuk menyampaikan ajaran Islam kepada orang ramai. Walaupun terdapat ramai ulama-ulama lain yang

---

syahadah. Sebelas prinsip utama Tariqat Naqsyabandiah ialah sedar waktu bernafas, menjaga langkah, perjalanan mistik dalam diri, kesendirian dalam keramaian, peningkatan kembali, menjaga pemikiran sendiri, pemusatan perhatian kepada rasul, pemusatan perhatian kepada Allah S.W.T., memeriksa penggunaan waktu seseorang, memeriksa hitungan zikir seseorang dan menjaga hati tetap terkawal. Tariqat ini juga telah dipelajari oleh Tok Ku Paloh daripada guru-gurunya semasa di Mekah, terutamanya Saidi Muhammad Madzhar al-Ahmadi kemudian ajaran tersebut dibawa balik oleh beliau ke negeri Terengganu dan dijadikan sebagai subjek pengajarannya, menurut cucu Tok Ku Paloh, sanad Tarikat Naqsabandiyyah itu bersambung sehingga kepada Rasulullah S.A.W. Sekarang cucu Tok Ku Paloh (Syed Mustafa) masih meneruskan dan mengembangkan Tarikat Naqsabandiyyah yang ditinggalkan oleh Tok Ku Paloh di Kuala Terengganu khususnya di Masjid peninggalannya. Bahkan Syed Mustafa sendiri yang menjadi Mursyid Tarikat Naqsabandiyyah dan kegiatan amalan zikir Tarikat itu selalu diadakan di Masjid Tok Ku Paloh pada setiap malam Jumaat. Justeru bagi jamaah yang mengikuti majlis tersebut mestilah hadir pada setiap malam Jumaat. Lihat: Syed Mustafa (Tuan Baru) (cucu Tok Ku Paloh, Masjid Tok Ku Paloh Kampung Paloh Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011.

[618] Tarikat ialah jalan, tradisi kesufian atau organisasi persaudaraan sufi. Secara estimologis perkataan tarikat berasal dari bahasa Arab iaitu *tariqah* yang bererti jalan.

[619] Mohamad bin Abu Bakar, *op. cit.*, 47.

[620] *Ibid*., 48.

bertanggung jawab menyebarkan agama Islam secara mendalam melalui aliran tasawuf, namun Tok Ku Paloh mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dan handal sehingga beliau memiliki kelayakan untuk dilantik sebagai Syeikhul Ulama, iaitu ketua kepada para ulama, semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Sebenarnya jawatan ini telah diwarisi dari ayahanda Tok Ku Paloh melalui perlantikan oleh Sultan. Sebagai Syeikhul Ulama, tanggungjawab beliau sangat besar, di samping sebagai seorang ketua negeri beliau juga merupakan pakar rujuk oleh para ulama, terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.[621]

5.3.4.2 Peranan Dan Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Pembinaan Masyarakat

Keluarga al-Idrus merupakan salah sebuah keluarga daripada keturunan Syed yang bersusurgalurkan keturunan Rasulullah S.A.W. melalui anaknya Fatimah al-Zahrah. Keluarga al-Idrus di Terengganu ini sangat dihormati dan disanjungi oleh masyarakat tempatan. Penghormatan yang diberikan oleh masyarakat kepada keluarga al-Idrus khususnya kepada Tok Ku Paloh bukan sahaja disebabkan keturunannya tapi kerana keilmuan, kealiman dan kewibawaannya yang tinggi. Sehingga boleh dikatakan ke semua ahli masyarakat sama ada keluarga Diraja sehinggalah kepada lapisan masyarakat bawahan sangat menghormati beliau. Bahkan beliau dijadikan tempat rujukan dan pengaduan di kalangan ahli masyarakat yang mempunyai sebarang masalah sama ada yang berkaitan peribadi, kekeluargaan ataupun masalah agama.[622]

Selain mempunyai ilmu yang tinggi, Tok Ku Paloh juga memiliki sifat keperibadian yang mulia seperti lemah lembut dan kesopanan yang tinggi. Beliau

---

[621] *Ibid*., 50.

[622]Nur Faiz Bin Jamil, "Pemikiran Dan Peranan Dan Tuk Ku Paluh Dalam Pembangunan Negeri Terengganu Pada Pertengahan Abad Ke-19 Hingga Tahun 1920-An" (latihan ilmiah, Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 74.

sangat sabar dan tidak suka bercakap besar, berkelakuan baik terhadap orang ramai mahupun murid-muridnya sendiri. Di samping itu, beliau juga sangat menghormati semua lapisan masyarakat manusia, tidak pernah membesar diri dan bermegah-megah dengan kedudukannya. Sepanjang kehidupannya, beliau lebih banyak meneruskan kegiatan bersifat masyarakat. Dengan itu segala ilmu pengetahuannya dicurahkan untuk kepentingan masyarakat umum supaya kedaulatan Islam dapat ditegakkan.[623]

Dengan memiliki keperibadian yang sangat mulia itu, menyebabkan keseluruhan ahli masyarakat di Kampung Paloh itu sangat menghormati Tok Ku Paloh. Bahkan orang ramai dan murid-muridnya dengan hati yang ikhlas berkhidmat dengan penuh kerelaan membantu beliau dalam apa sahaja keadaan baik menguruskan kebun dan tanaman di ladangnya atau lain-lain. Kebanyakan penduduk Kampung Paloh sangat mematuhi dan menghormati ketuanya iaitu Tok Ku Paloh sendiri. Apabila mereka menziarah atau berkunjung untuk mengeratkan silaturrahim dengan beliau, kebiasaannya mereka tidak lupa untuk membawa hadiah sebagai tanda hormat dan mengambil berkat daripada seorang Tuan Guru yang di anggap keramat.[624]

Ketika berlaku peperangan menentang British di Pahang di bawah pimpinan Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau, mereka hampir menyerah kalah setelah mengalami tekanan daripada kerajaan, tetapi setelah menghubungi Tok Ku Paloh pada Mei 1894, ulama ini bukan sahaja memberi perlindungan bahkan mengajar dan melatih mereka dengan ilmu menentang musuh di Pahang. Sehingga Hugh Clifford dalam pemerhatiannya mengatakan Tok Ku Paloh telah menyeru pahlawan-pahlawan itu melancarkan perang jihad.[625]

---

[623]Mohamad bin Abu Bakar, *op. cit.*, 43-45.
[624] *Ibid*., 43.
[625] Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Tok Ku Paloh Al-Aidrus pejuang Islam dan bangsa Melayu", dicapai 7 Jun 2012, http://ulama-nusantara.blogspot.com/2006/11/tok-ku-paloh-al-aidrus-pejuang-islam.html.

Dalam memastikan kemakmuran masyarakat ketika itu, lebih-lebih lagi ingin menerapkan nilai-nilai murni berteraskan Islam, maka selepas ulama ini membuka kawasan Paloh, beliau menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk masyarakat seperti surau, masjid, kawasan lapang yang diperlukan oleh jemaah untuk membina pondok-pondok sebagai tempat tinggal sementara, kebun buah-buahan seperti kelapa, durian, rambutan dan sebagainya. Begitu juga penyediaan ladang-ladang ternakan binatang seperti ayam, itik, kambing, lembu dan sebagainya untuk mendapatkan daging atau tujuan membajak tanah, tidak kurang juga pentingnya dengan kawasan perairan sungai sebagai tempat penangkapan ikan, laluan utama dan lain-lain. Semua sumber-sumber ini sangat penting sebagai hasil ekonomi kepada seluruh penduduk Paloh atau orang-orang luar yang datang menuntut ilmu dan menetap sementara di sana.

Walaupun proses penyebaran Islam terhadap masyarakat giat dijalankan oleh Tok Ku Paloh pada masa itu, namun masih ada kepercayaan lama yang terkenal di kalangan orang-orang Melayu seperti ’membuang acak’ dan main puteri’ iaitu kepercayaan karut yang bercampur dengan amalan anamisme. Sebagai ketua agama atau mufti, adalah menjadi tugas beliau memberi penerangan dan menghalang perbuatan tersebut seperti mana beliau menyatakan adalah kafir sesiapa yang menghalalkan dan mengharuskan perkara tersebut, dianggap murtad dan hukumnya adalah dipotong leher dengan pedang.[626]

Tidak dinafikan juga kebolehan Tok Ku Paloh dalam ilmu mengubati penyakit dan kehebatan beliau berhadapan dengan musuh. Tok Ku Paloh semasa dikunjungi oleh Clifford telah membaca beberapa potong ayat-ayat al-Quran dan menjadikan Clifford

[626] Syed Abdul Rahman al-Idrus (Tok Ku Paloh), naskah *Ma’arij al-Lahfan*, 45.

terlekat dikerusinya seterusnya gagal untuk menyatakan hasratnya untuk menangkap para pemberontak Pahang yang dikatakan disembunyikan oleh Tok Ku Paloh.[627]

Sebagai seorang yang sangat warak dan rapat dengan Allah S.W.T., beliau tidak lupa dengan qadak dan qadar Allah iaitu saat kematian, maka beliau juga telah menyediakan satu kawasan perkuburan Islam yang luas mengambil nama beliau sendiri iaitu tanah perkuburan Tok Ku Paloh di Kampung Paloh.

5.3.4.3 Peranan Dan Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Pembinaan Politik Islam

Tok Ku Paloh merupakan seorang ulama yang mempunyai kebolehan dalam bidang pentadbiran sehingga beliau boleh mentadbir wilayah yang telah diberi kuasa oleh Sultan Zainal Abidin III iaitu wilayah Paloh. Justeru itu walaupun peranan beliau sebagai penasihat dalam hal ehwal agama kepada Sultan, namun beliau mempunyai kebolehan dalam pentadbiran dan pemerintahan. Ketika Sultan menghadapi masalah dalam pemerintahan, baginda akan memanggil anggota exco kerajaan antaranya Tok Ku Paloh sendiri. Suatu ketika pernah Tok Ku Paloh memberi saranan atau nasihat kepada Sultan mengenai pentadbiran negeri melalui surat yang dikirimkan kepada Sultan, di antara isinya adalah:

> "Bahawa sesungguhnya tiada terkaya tiap-tiap seseorang itu daripada membetulkan agamanya dengan mengikut dan menerima pertunjukan orang yang diikuti akan pertunjukkannya pada iktikad dan segala muamalah (kira bicara) yang duniawiyah atau ukhrawiyah. Maka wajiblah pada syara' mendirikan raja supaya berhimpun segala hati pada pemerintahannya dan aturan yang mahmud (terpuji) pada syara' mendirikan raja supaya berhimpun segala hati pada bawah

[627] Keterangan dari Sayyid Abdul Rahman Sayyid Hussin dan diakui kebenarnya oleh Dato' MISBAHA. Lihat, Sharifah Afidah binti Syed Hamid, *op. cit*., 195.

> pemerintahannya dan aturan yang mahmud (terpuji) pada syara' dan adat yang memudahkan bagi terdiri agama Islam dan mendatang aman dan kesenangan pada memberi kehidupan".[628]

Menurut ahli sejarah, Tok Ku Paloh sangat bijak dalam melaksanakan dua tugas yang diamanahkan kepadanya sama ada sebagai seorang ulama yang bertugas memberi syarahan pengajian ilmu keagamaan kepada masyarakat Islam Terengganu atau sebagai seorang pentadbir yang menjalankan pemerintahan di negeri Terengganu. Pada 1895, beberapa orang pahlawan daripada Pahang telah lari ke Terengganu dan memohon perlindungan daripada Sultan Terengganu untuk keselamatan, maka Sultan juga memberi tanggungjawab itu kepada Tok Ku Paloh. Akhirnya Tok Ku Paloh memberi perlindungan kepada pahlawan-pahlawan Pahang yang dipimpin oleh Tok Gajah dan Mat Kilau. Bukan itu sahaja bahkan Tok Ku Paloh mengajar kepada mereka ilmu untuk berjihad dan menambah kekuatan pasukan yang lebih besar untuk menentang musuh di kalangan penjajah.[629]

Demikian juga menurut Clifford, bahawa Terengganu mempunyai seorang yang berautoriti dalam mentadbir dan menguruskan kekuatan yang ada pada kerajaan Terengganu, yakni Ungku Syed (Tok Ku Paloh). Menurut Clifford lagi, beliau mempunyai ilmu sihir yang sangat luar biasa sehingga pahlawan yang datang dari Pahang mendapat perlindungan daripada Tok Ku Paloh bahkan beliau bersama-sama dengan pahlawan dari Pahang tersebut menyusun kekuatan untuk menyerang British. Akhirnya British mengalami kegagalan untuk menangkap pahlawan daripada Pahang.[630]

---

[628] *Ibid.*, 113.
[629] Muhammad Abu Bakar, *op. cit.*, 184.
[630] M.C.F.F. Sheppard, *A Short History of Trengganu, In The books Papers Relating To Trengganu*, (Kuala Lumpur: Reprinted by Art Printing Works Sdn. Bhd., 1983), 44.

Melihat kekuatan pahlawan-pahlawan Pahang yang dibantu oleh kekuatan pasukan dari jiran ini, maka Hugh Clifford melakukan ekspedisi pemburuan ke atas mereka. Akhirnya Hugh Clifford melakukan perundingan dengan Sultan Zainal Abidin III dan Tok Ku Paloh. Namun diplomasi yang dimainkan oleh Tok Ku Paloh sangat halus sehingga pegawai British gagal dan mengaku kalah. Padahal awalnya Clifford mengajak kerjasama dengan Sultan Terengganu untuk menjayakan rancangan itu tetapi melihat kepada tindak tanduk Sultan dan Tok Ku Paloh menyebabkan pihak British itu tidak berhasil. Bahkan selama pemerintahan kerajaan Terengganu dipegang oleh Sultan Zainal Abidin III dan ulama yang sangat termasyhur dan karismatik itu, maka Biritish tidak mampu menjajah dan menempatkan perwakilannya di wilayah Terengganu.[631]

Sebagai seorang pentadbir dan ulama pada masa itu, Tok Ku Paloh merasai bimbang dengan kehadiran British di Terengganu, seraya beliau mengingatkan pemerintah agar jangan sekali-kali terjerumus ke dalam tipu daya penjajah. Beliau yang dianggap salah seorang yang bertanggungjawab menyusun Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu menyelit di dalam undang-undang tersebut ingatan dalam fasal yang keempat belas;

Tegahan Di atas Raja

> ‘Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau huqugunya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa Eropah atau lainnya’.[632]

Peranan Tok Ku Paloh juga dalam menentang pencerobohan British ke atas negeri Terengganu melalui pengutusan sepucuk surat kepada Sultan Zainal Abidin III menasihati Baginda tentang pentadbiran negeri dan memelihara keutuhan agama Islam yang telah lama bertapak di Terengganu. Tok Ku Paloh menyatakan dalam suratnya

[631] *Ibid.*, 185-187.
[632] *Itqan al-Muluk bi Ta’dil al-Suluk* (Kuala Lumpur : Jabatan Cetak Kerajaan, 1973), 8.

kepada Sultan Zainal Abidin III, ...'maka wajiblah daripada sekarang ini paduka anakanda berkuat kepada menzahirkan agama dan membetulkan segala mungkar jangan sekali-kali tidak hirau...[633]

Tok Ku Paloh juga menyarankan agar Sultan mengamalkan dasar-dasar yang telah ditetapkan dalam agama, mempertahankan agama Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah, mengingati Sultan tentang tanggungjawab menegakkan ajaran Islam dan tugas raja sebagai penyatuan rakyat untuk menegakkan agama Islam. Melalui nasihat tersebut Sultan akhirnya berjaya mengelakkan Terengganu buat beberapa ketika dari jatuh ke tangan British seterusnya mendorong Sultan Zainal Abidin membekukan Perjanjian 1910.

Tok Ku Paloh adalah seorang ulama yang terkenal dengan karamah hidup dan ada yang mengatakan bahawa beliau adalah seorang wali. Pada saat itu, armada British hendak menyerang kerajaan Terengganu dengan melakukan tembakan ke arah pantai dan mengarahkan ke udara. Serangan itu bertujuan untuk menggertak dan mengarahkan tembakan ke atas seekor kambing di Padang Hilir, hingga pada masa itu masyarakat merasa cemas dan takut. Akhirnya, Sultan Zainal Abidin III menyerahkan tugas kepada Tok Ku Paloh untuk menyelesaikannya. lalu Tok Ku Paloh dengan tenang melakukan rondaan di pinggir pantai bersama orangnya termasuk Haji Abdul Rahman Limbong, Syeikh Ibrahim, dan Tuk Kelam. Mereka melakukan rondaan siang dan malam, sehingga armada British itu mundur dan tidak jadi menyerang kerana menurut laporan, armada perang British melihat bilangan pahlawan beribu-ribu pasukan lengkap dengan

[633] Tuan Rohani Tuan Shariff, *op.cit*., *JEBAT* 13, (1984/85), 122. Memetik kandungan surat asal Tok Ku Paloh kepada Sultan Zainal Abidin III.

senjata untuk melakukan serangan balas terhadap mereka. Dengan sebab itu mereka terpaksa cabut lari.[634]

Melihat kepada keakraban dan keharmonian di antara Sultan Zainal Abidin III dan Tok Ku Paloh pada masa itu, maka amat baik sekiranya amalan tersebut dijadikan sebagai tauladan untuk generasi pemerintah negeri Terengganu sekarang dan seterusnya. Ini kerana peranan Tok Ku Paloh sebagai ulama mampu memberi inspirasi kepada Sultan dalam mentadbir pemerintahannya sehingga semua aktiviti pemerintahan pada masa itu penuh dengan nuansa keagamaan bahkan undang-undang Islam boleh terlaksana dengan baik tanpa ada bantahan daripada masyarakat pada ketika itu dan akhirnya masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman, damai dan sejahtera.

Sepanjang perjuangan Tok Ku Paloh bersama-sama Sultan Zainal Abidin III, penjajah British tidak mampu untuk menjajah dan campurtangan dalam urusan pentadbiran Kerajaan Terengganu. Sebab itu Kerajaan Terengganu merupakan salah sebuah kerajaan yang terakhir dijajah oleh penjajah British di Nusantara. Memandangkan pada masa itu, kerajaan Kelantan, Kedah, Johor, Pahang, Negeri Sembilan sudah ditakluki oleh penjajah British bahkan semua urusan pentadbiran sudah dicampuri oleh British. Dengan kebijaksanaan Tok Ku Paloh semasa kehidupannya berganding dengan Sultan Zainal Abidin III, Terengganu masih selamat di bawah pemerintahan sendiri iaitu di bawah naungan Sultan sehingga melemahkan campurtangan British. Bila mana berlakunya kemangkatan kedua-dua orang tokoh ini, maka Penjajah British mulai mengambil peluang seterusnya menguasai kerajaan Terengganu dengan mencampuri sistem pemerintahan British sehingga melemahkan kekuasaan sultan dan pembesar Melayu, lebih-lebih lagi penekanan terhadap hukum-

[634] Abdul Ghani Said (t.t.), "Tok Ku Paloh", dicapai 28 Disember 2009, http://www. Terengganu.com.my. Lihat: Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *op. cit.*, 20.

hukum keagamaan tidak dipedulikannya. Akhirnya penjajahan British ke atas kerajaan Terengganu bermula pada pertengahan tahun 1919M.[635]

5.3.5 Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Karya Penulisan Ilmu-Ilmu Islam

Walaupun Tok Ku Paloh adalah seorang ulama yang sangat sibuk menguruskan tentang hal ehwal keagamaan dan pentadbiran kerajaan. Tapi beliau masih sempat untuk menulis dan menghasilkan beberapa kitabnya, kitab tersebut telah banyak ditemui oleh ahli sejarah. Antara karya Tok Ku Paloh adalah:

a. *Kitab Ma'arij al-Lahfan Ila Haqai'iq al-'Irfan*

Kitab ini merupakan sebuah kitab Tasawuf yang dikatakan hasil karya Tok Ku Paloh pada tahun 1304 Hijrah yang bermaksud ***'Tangga Orang yang Dahaga Bagi naik kepada Martabat Segala Hakikat'***. Kandungan kitab ini telah menekankan beberapa aspek penting berkaitan dengan beberapa tajuk iaitu: *Tauhid, Makrifat, Tarekat* dan *Hakikat.*[636] Pada bab pertama kitab ini telah dikupaskan berkenaan dengan ilmu Tauhid di mana beliau berpesan khususnya kepada umat Islam yang Mukallaf iaitu: *pertama*, umat Islam hendaklah memelihara diri daripada perkataan dan iktikad kufur. *Kedua*, wajib berpegang teguh kepada iktikad yang benar yang diambil daripada guru yang mengetahui kandungan al-Quran dan al-Hadis. *Ketiga*, jangan sekali-kali berpegang atau berhujah berasaskan kitab-kitab yang tidak diketahui penulisnya, kerana pada akhir zaman ini semua tempat tidak akan terkecuali daripada tersebarnya iktikad yang kufur. *Keempat*, membawa iktikad mereka kepada para ulama bagi menentukan benar atau

[635]Sebenarnya Penjajah British mula meletakkan orangnya sebagai penasihat Kerajaan Terengganu sejak awal tahun 1917M tetapi campur tangan British secara sepenuhnya dalam semua pentadbiran, sama ada dalam membuat keputusan dan pemilihan sultan yang harus mendapat persetujuan daripada penjajah British, bermula pada tahun 1919M. Lihat: Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982), 169-170

[636] Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *op. cit.*, 118.

salahnya pegangan mereka selama ini. *Kelima*, pegangan akidah kita hendaklah berasaskan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [637]

a. Kitab Diya' 'Uqud al-Daratayn

Kitab ini juga merupakan sebuah karya Tok Ku Paloh. Pada cetakan ini ada ditulis, "telah mengeluar dan mengecapkan terjemah ini oleh kita As-Saiyid Abdur Rahman bin Muhammad bin Zain bin Husein bin Mustafa al-Idrus..."[638]

Dalam risalah ini mengandungi doa dan di bawahnya tercatat kalimah yang berbunyi "Tiada dibenarkan sekali-kali siapa-siapa mengecapkan terjemahan ini melainkan dengan izin Muallifnya dan Multazimnya Ismail Fatani. Tercap kepada 22 Ramadan sanah 1335 (bersamaan dengan 11 Julai 1917M)." Ismail Fatani disini bermaksud Kadi Haji Wan Ismail bin Syeikh Ahmad al-Fathani. Menurut Wan Mohd. Shaghir, risalah ini diajar di Jambu, Patani secara hafalan dan beliau menerima risalah tersebut daripada salah seorang murid Haji Wan Ismail Fathani iaitu Nik Wan Halimah berusia 78 tahun (Oktober 2000) yang mana ketika itu beliau masih menghafal kandungan risalah tersebut.[639]

b. Kitab al-'Afiyah al-Islamiyyah

Kehebatan Tok Ku Paloh yang muncul di abad ke 19 ini telah menonjolkan ketokohan beliau dengan lebih ketara lagi pada awal abad ke 20. Beliau berupakan ulama yang berada pada masa Terengganu dan negeri-negeri Melayu lain bergolak dengan usaha campurtangan Inggeris di Tanah Melayu. Sifatnya yang berani dan tegas telah berjaya pula diwarisi oleh murid-muridnya yang berwibawa dan memainkan peranan penting dalam sejarah Terengganu.

---

[637] *Ibid.*, 118- 120.
[638] Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Tok Ku Paloh Al-Aidrus pejuang Islam dan bangsa Melayu", dicapai 7 Jun 2012, http://ulama-nusantara.blogspot.com/2006/11/tok-ku-paloh-al-aidrus-pejuang-islam.html.
[639] *Ibid.*

5.4. SHAYKH SYED YUSOF ALI AL-ZAWAWI, MUFTI TERENGGANU, (MINA AL-SYUYUKH AL-AZHAR[640]) (1908M-1980M)

5.4.1 Latar Belakang

Shaykh Syed Yusof Ali Al-Zawawi adalah salah seorang mufti negeri Terengganu yang bukan berasal daripada rakyat tempatan. Beliau dilahirkan pada tahun 1908M di Arab Saudi bertempat di sebuah perkampungan berhampiran Bandar Dahran, Mekah. Datuknya Syed ’Abd Allah Ali Al-Zawawi yang bermazhab Shafi’i adalah seorang ulama yang pernah memegang jawatan Mufti Mekah dan juga pernah mengajar di Masjidil Haram.[641]

Pada tahun 1950an, Shaykh Syed Yusof mengikut arahan bapanya Syed Ali (datuknya Syed Abdullah b. Muhammad Soleh) supaya pergi ke Terengganu untuk menjadi mufti. Kemudian ketika Shaykh Syed Yusof berkunjung ke Malaysia, beliau ditawarkan untuk memegang jawatan mufti di Jabatan Mufti Negeri Terengganu, iaitu setelah Syeikh Hassan Yamani melepaskan jawatan sebagai mufti. Akhirnya beliau dilantik memegang jawatan Mufti Terengganu bermula daripada (1953M-1975M).[642]

Setelah persaraan dan penamatan kontrak sebagai mufti Terengganu, Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi telah dijemput oleh tun Abdul Razak (PM) untuk

---

[640] Gelaran ini merupakan anugerah penghargaan yang diberikan oleh pihak Universiti Al-Azhar kepada beliau atas jasa perkhidmatannya yang cemerlang selama 15 tahun di Universiti tersebut: Dato’ Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof Ali Al-Zawawi, (doktor perubatan, klinik perubatannya No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012. Dato’ Dr. Syed Mohd Salleh adalah anak pertama kepada Shaykh Syed Yusof al-Zawawi, maka beliau lebih banyak mengetahui sejarah kehidupan bapanya ketika sama-sama berada di Terengganu khususnya pada masa bapanya menjadi Mufti Kerajaan Terengganu.

[641] Muhammad Abu Bakar, *Syed Yusof Ali Al-Zawawi, Mufti Terengganu (1952-1975),* dalam bukunya: Penyunting: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* (cet.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD., 1991), 248.

[642] *Ibid.,*

membantu dalam pembinaan pusat Islam dan penyelarasan hal ehwal agama Islam seMalaysia. Menurut isterinya, beliau pernah dijemput oleh keluarganya untuk pulang ke Mekah, tetapi dengan tarikan perkembangan Islam di Malaysia, beliau tetap ingin terus berkecimpung di Malaysia sehinggalah beliau meninggal dunia pada 20 Februari 1980M, dengan meninggalkan sepuluh orang anak, enam orang perempuan dan empat orang lelaki.[643]

5.4.2 Salasilah Dan Keluarga

Shaykh Syed Yusof al-Zawawi adalah seorang ulama yang mempunyai susurgalur salasilah yang sampai kepada Rasulullah S.A.W. melalui susurgalur Imam Hasan. Berdasarkan salasilah yang disimpan oleh anaknya Dato' Dr. Syed Mohd Salleh adalah seperti berikut:[644]

Muhammad S.A.W.
↑
Fatimah al-Zahrah ('Ali Bin Abi Talib)
↑
Imam Hasan
↑
Al-Hasan al-Thani
↑
'Abd Allah al-Hamil
↑
Idris al-Akbar
↑
Idris al-Asghar
↑
'Isa
↑
Musa al-Haraki
↑
Abd Allah al-Ridha
↑
Musa al-Thani

[643] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di rumahnya No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15 Sept 2010.
[644] Data Salasilah susurgalur ini penulis telah membuat salinan daripada salasilah yang disimpan oleh Dato' Dr. Syed Mohd. Salleh di rumahnya beralamat: No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu. 18hb. Mac 2011 pukul 4.30pm-6.00pm.

↑

Muhammad al-Sha’ir

↑

‘Abd Allah al-Akbar

↑

‘Ali

↑

Sulayman

↑

‘Abd Allah

↑

Yunus

↑

Yahya

↑

Mansur

↑

Mas‘ud

↑

‘Isa

↑

‘Ali

↑

Muhammad

↑

Ahmad

↑

‘Abd Allah al-Zawawi

↑

Ahmad

↑

‘Abd Allah

↑

Ahmad al-Zawawi al-Muhajir

↑

‘Abd al-Rahman

↑

Abu Bakar

↑

‘Abd al-Rahman

↑

Muhammad Salih

↑

‘Abd Allah

↑

‘Ali

↑

Yusof al- Zawawi

Pada akhir tahun 1940an ketika usia Shaykh Syed Yusof 36 tahun, beliau telah menamatkan zaman bujangnya dengan mengawini salah seorang sepupunya yang berasal dari Pontianak- Indonesia bernama Sharifah Zaharah binti Syed Muhammad Salleh al-Kadri pada usia 16 tahun. Setiap kali isterinya hamil ketika usia kandungannya satu bulan untuk anak pertama hingga anak ke sepuluh, Shaykh Syed Yusof sentiasa memberitahu kepada ayahnya iaitu dengan menulis telegram mengkhabarkan berita tersebut kepada ayahnya Ali al-Azawawi di Mekah, lalu ayahnya memberikan nama kepada anak tersebut tanpa mengetahui sama ada anak dalam kandungan itu syed ataupun sharifah iaitu tanpa mengetahui bayi atau cucunya itu lelaki atau perempuan. Yang menjadi anehnya bila bayi tersebut lahir maka tepat dengan nama dan jantina yang telah diberikan. Sekiranya nama itu diberi untuk anak lelaki, maka anak yang lahir akan menjadi anak lelaki begitulah sebaliknya anak perempuan.[645]

Cuma untuk anak yang terakhir sahaja Shaykh Syed Yusof telah memberikan kepercayaan kepada anak sulongnya iaitu Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh untuk meletakkan namanya. Hasil perkahwinan itu beliau dikurniakan seramai sepuluh orang anak, enam orang perempuan dan empat orang lelaki.[646] Di antara nama-nama anak Shaykh Syed Yusof adalah seperti berikut:[647]

1. Syed Muhammad Salleh
2. Syed Muhammad 'Ali
3. Syarifah Fatimah
4. Syarifah 'Azzah

[645] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di rumahnya No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15 Sept. 2010.
[646] Muhammad Abu Bakar, *op cit.*, 254.
[647] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di rumahnya No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 18hb. Mac 2011.

5. Syed ’Abd Fatah
6. Syed Muhammad Zaid
7. Syarifah Zainab
8. Salamah (Saudara susuan dengan Syarifah Zainab)
9. Syarifah Umaimah
10. Syarifah Hana

5.4.3 Pendidikan

Semasa Shaykh Syed Yusof berumur tujuh tahun, beliau mendapat pendidikan ilmu agama di Tanah Suci iaitu di Masjidil Haram. Ketika umurnya sebelas tahun, beliau sudah boleh menghafal al-Quran. Kemudian ketika meningkat dewasa beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Al-Azhar Mesir. Setelah beberapa tahun menjadi mahasiswa di Universiti tersebut, beliau berjaya menyelesaikan desertasinya untuk memperoleh ijazah. Dalam desertasinya beliau telah memasukkan sebanyak 12000 hadis.

Setelah menyelesaikan pelajarannya di Universiti Al-Azhar, beliau telah dilantik sebagai pensyarah Institut Pengajian Islam di Universiti yang sama selama 15 tahun, sepanjang tempoh tersebut beliau aktif mengajar dan berjaya menulis buku-buku ilmiah sehingga 33 buah kesemuanya, manakala 2 buah daripadanya telah dijadikan bahan rujukan di Universiti Al-Azhar sehingga ke hari ini terutamanya oleh para mahasiswa universiti.[648] Sepanjang 40 tahun berada di Mesir beserta kehadiran isterinya dalam tempoh 10 tahun bersamanya di sana, beliau telah mengambil kesempatan untuk

[648] Dato’ Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di klinik perubatannya, No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012.

memperdalamkan ilmu-ilmu agama dan berkhidmat untuk menjadi pensyarah dan sebagai pengarang buku. Beliau juga merupakan ulama pertama yang pernah mengumpulkan senarai nama 300 syuhada yang meninggal dunia dalam peperangan Badar. Seterusnya beliau mendalami lagi ilmu-ilmu agama yang berkaitan dengan fiqh serta mempelajari hasil pemikiran ulama empat mazhab yang mana keempat-empat mazhab tersebut juga telah dijadikan rujukan keturunan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.[649]

5.4.4 Peranan Dan Sumbangan Shaykh Syed Yusof Dalam Prkembangan Islam, Sosial Dan Politik

Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi merupakan seorang ulama dan mufti di Terengganu yang sangat alim dalam bidang ilmu-ilmu keagamaan dan beliau juga banyak memberi perhatian terhadap pembangunan masyarakat Terengganu. Walaupun beliau seorang ulama yang baru berhijrah daripada negara Arab serta mempunyai karakter dan budaya yang berbeza. Tetapi beliau sangat senang menghadapi pelbagai cabaran sebagai seorang mufti di mana pada ketika itu penguasaan bahasa Melayunya agak lemah, sehingga dikatakan selepas beliau memegang jawatan mufti selama tiga tahun barulah beliau mula menguasai bahasa Melayu dengan baik. Sebagai seorang mufti, aktiviti dakwah beliau sangat padat, di samping urusan pejabat, beliau juga sering turun ke dalam masyarakat untuk meyebarkan ajaran Islam kepada penduduk Kuala Terengganu agar dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna dalam kehidupan mereka.

[649] Muhammad Abu Bakar, *op cit.*, 248.

Memandangkan aktiviti Shaykh Syed Yusof itu sangat padat, lebih-lebih lagi beliau memiliki kelebihan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan agama, seperti ilmu Ibadah, Muamalah, Syiasah, al-Quran, Tafsir, al-Hadis dan sebagainya. Maka penulis membahagikan perbahasan ini bersesuaian dengan peranan dan sumbangan Shaykh Syed Yusof kepada perkembangan Islam, pembinaan masyarakat Islam, pembinaan politik Islam dan penulisan ilmu-ilmu Islam.

5.4.4.1 Peranan dan Sumbangan Syed Yusof Dalam Perkembangan Islam

Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi merupakan seorang ulama yang berkebolehan dalam menguasai ilmu Aqidah, Fiqh empat mazhab, Tafsir dan Hadis. Sungguhpun beliau lemah dalam bahasa Melayu namun beliau menguasai ilmu-ilmunya dalam bahasa Arab dengan baik dan secara beransur-ansur beliau dapat menguasai bahasa Melayu melalui urusan hariannya bersama orang-orang Melayu dan cara hidupnya mengikut budaya orang-orang Melayu, akhirnya tidak menjadi halangan lagi kepada beliau untuk berurusan dengan orang-orang Melayu, terutamanya dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat. Lebih-lebih lagi pada tahun 1950an, masyarakat Islam Terengganu masih ramai yang mengamalkan peninggalan-peninggalan animisme dan dinamisme, iaitu upacara-upacara yang bercanggahan dengan aqidah Islamiyyah.[650]

Shaykh Syed Yusof merupakan seorang mufti yang memberi penerangan berkaitan dengan keyakinan dan keimanan umat Islam mengenai persoalan yang berkaitan dengan azab kubur itu sama ada melibatkan roh dan jasad atau rohnya sahaja. Maka beliau memberi jawapan menurut faham mazhab Ahli Sunnah Wal

[650] *Ibid.*, 249.

Jamaah, bahawa azab kubur itu melibatkan jasad dan rohnya sekali. Roh bagi orang yang sudah meninggal akan dikembalikan kepada jasadnya walaupun jasadnya sudah ditanam dalam kubur, dibakar dan sudah menjadi abu atau dimakan binatang buas. Hal ini tidak mustahil bagi Allah S.W.T. untuk mengembalikan jasad itu dan menyatukan dengan roh. Kerana kehendak Allah S.W.T. itu tiada siapa yang mampu menghalangnya. Pendapat beliau ini adalah berdasarkan Sabda Rasulullah S.A.W.: "*Apabila diletak suatu mayat ke dalam kuburnya, maka datanglah dua malaikat. Mereka bangkitkan mayat itu dan kemudian bertanya kepadanya, apakah iktikad engkau terhadap lelaki ini (Nabi Muhammad S.A.W)? Orang yang beriman menjawab: Aku naik saksi bahawa dia itu hamba Allah dan pesuruhNya."*... oleh kerana itu setiap mukmin wajib menerima dan yakin bahawa azab kubur itu melibatkan roh dan jasad.[651]

Sebagai seorang mufti, Shaykh Syed Yusof sangat bertanggungjawab memperbetulkan fahaman-fahaman masyarakat yang bercanggah dengan aqidah Islamiyyah tersebut. Beliau berusaha untuk mengkritik dan memberi pemahaman yang benar dan betul tentang aqidah Islamiyyah kepada masyarakat Terengganu. Berkat usahanya dan bantuan daripada pihak kerajaan, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh Syed Yusof boleh diterima pakai oleh masyarakat. Seterusnya amalan-amalan animisme dan dinamisme iaitu upacara-upacara yang bercanggah dengan aqidah Islamiyyah seperti peristiwa main pantai, di mana setiap tahun negeri Terengganu mengadakan sambutan permainan pantai yang diadakan di tepian pantai dapat diatasi secara perlahan-lahan walaupun tidak keseluruhannya. Kebiasaannya sambutan itu akan dihadiri oleh sultan dan pembesar-pembesar Terengganu. Yang anehnya dalam

[651] Syed Yusof, *Ringkasan Fatwa Dan Pandangan Mufti Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu*, Juzuk 1, Terengganu: Jabatan Mufti Terengganu, (2010), 17-18. dan penjelsan mengenai azab kubur itu berhubung keyakinan umat Islam sekiranya masih tidak yakin tentang penjelasan tersebut sila lihat: 19-20.

sambutan tersebut, Shaykh Syed Yusof (Mufti) yang memahami hukum hakam Islam itu pun turut dijemput hadir bersama-sama sultan.[652]

Tujuan sambutan tersebut dijalankan antaranya adalah untuk mandi-manda, berehat, berenang dan lain-lain setelah penat bekerja, semasa dalam majlis itu terdapat satu upacara yang diadakan dengan cara memukul gendang dan alat-alat muzik yang diiringi dengan membawa seekor lembu besar yang telah dicat di sekeliling kedua matanya dan juga di badannya dengan warna putih, kemudian lembu tadi dibawa ke tepi laut dan dihanyutkan ke dalam laut dalam keadaan masih hidup untuk di beri makan kepada penunggu laut tersebut. Menurut fahaman mereka upacara ini dilakukan adalah untuk membalas budi baik kepada penunggu laut tersebut kerana telah membantu mengeluarkan hasil tanaman penduduk di negeri ini.[653] Setelah melihat perbuatan demikian, maka serta merta Shaykh Syed Yusof telah bersuara kepada sultan ketika majlis itu agar menghentikan perbuatan itu dalam masa 24 jam kerana amalan tersebut adalah syirik di sisi Allah dan sekiranga diteruskan kita semua akan masuk neraka.[654] Maka keesokan harinya sultan[655] telah mengeluarkan surat arahan agar amalan tersebut dihentikan.[656]

Dalam uasaha mendidik orang-orang Islam mentaati perintah Allah pada waktu itu, Shaykh Syed Yusof selalu duduk di depan rumahnya dan menyediakan minuman teh dan kuih karipap pada waktu Asar hingga Maghrib, tujuan beliau menunggu orang-

---

[652] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di rumahnya No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15 Sept. 2010.

[653] Orang-orang Arab Fallahin di Mesir, mereka juga mengadakan pesta mandi laut/pantai setelah penat bekerja menuai hasil gandum, namun mereka hanya mandi-manda bersuka ria serta dapat mengubati penyakit kulit dengan air laut yang masin. Walau bagaimanapun mereka tidak mempercayai dan perlu memberi makan kepada penunggu laut yang memberi hasil kepada tanaman mereka. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, di klinik perubatannya, No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis 5 Jun 2012.

[654] Ketegasan ini menunjukan sikap keberanian beliau dalam menegakkan hukum Islam dan berdakwah kepada masyarakat Islam.

[655] Pada masa itu Terengganu di bawah pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Syah (1945M-1981M)

[656] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi, *op. cit*., 15 Sept. 2010.

orang yang balik dari kerja melalui rumahnya untuk dijemput makan dan selepas itu beliau mengajak mereka solat berjemaah bersama-sama.[657] Konsep ini dapat mendidik masyarakat Islam di Terengganu pada masa itu supaya sentiasa menunaikan solat secara berjemaah.

Shaykh Syed Yusof juga selalu solat subuh di surau sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Atas,[658] menurut kebiasaannya beliau datang ke surau sebelum azan subuh dilaungkan, beliau menyuruh anaknya Dato' Dr. Syed Mohd Salleh membawa anjingnya untuk memudahkan pelajar-pelajar datang ke surau. Bila pelajar mendengar suara anjing, maka mereka terus bergegas ke surau untuk menunaikan solat subuh secara berjemaah. Untuk mengelakkan pelajar-pelajar balik lebih awal ke asrama selepas imam memberi salam sebelum berdoa, maka anjing tersebut ditambat di hadapan berdekatan dengan surau untuk menakutkan pelajar-pelajar tersebut. Ini merupakan satu kaedah beliau mendidik anak-anak muda ketika itu mentaati perintah Allah.[659]

Di samping itu juga, Shaykh Syed Yusof pernah terlibat dalam perbahasan mengenai cara-cara menentukan awal Ramadhan dan 1 Syawal. Beliau mempunyai

---

[657] *Ibid.*,

[658] Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA) merupakan sebuah pusat pengajaran agama yang tertua di negeri Terengganu. Penubuhannya sudah menjangkau hampir 100 tahun, sekolah ini telah melahirkan ramai tokoh-tokoh terbilang negeri, antaranya ialah Yang Amat Berhormat Tan Sri Ibrahim Fikri (Allahyarham), Yang Berhormat Dato' Mahmud bin Sulaiman, Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Dato' Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohd Noor dan lain-lain lagi. Penubuhan (SMAASZA) adalah hasil daripada kesedaran para cendekiawan berpendidikan agama selepas Perang Dunia Kedua berikutan perkembangan pesat sekolah Inggeris dan kemalapan sistem pengajian pondok. Ketidakseimbangan ini begitu ketara dan membimbangkan sehinggalah pada tahun 1925, suatu inisiatif telah diambil dengan mewujudkan satu kelas pelajaran agama dengan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kelas ini pada mulanya ditumpangkan di Sekolah Melayu Paya Bunga dan kemudiannya dipindahkan ke Sekolah Melayu Bukit Jambul, Kuala Terengganu. Kelas ini dikenali dengan nama Madrasah Arabiyyah. Pada tahun 1932, sebuah bangunan telah didirikan untuk Madrasah Arabiyyah di Kampung Ladang, Kuala Terengganu hasil dari pungutan derma orang ramai dan bantuan Kerajaan Negeri. Bangunan ini telah dirasmikan pada tahun 1933. Madrasah ini terus dimajukan dan dipindahkan ke Batu Buruk, Kuala Terengganu pada tahun 1958 dan dikenali dengan nama Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA).

[659] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi, *op. cit.*, 18hb. Mac 2011.

pendirian yang sangat kuat untuk menentukan awal Ramadhan dan 1 Syawal dengan berpegang kepada *rukyah*, walaupun pada masa itu sudah banyak trend pemikiran semasa dengan mengambil berat penentuan awal Ramadhan dan 1 Syawal itu dengan perhitungan *hisab*. Berkat pendirian beliau, pada tahun 1980an, pandangan yang mengutamakan *rukyah* dalam menentukan awal Ramadhan dan 1 Syawal itu semakin popular dan dijadikan pilihan oleh pemerintah.[660]

Shaykh Syed Yusof adalah seorang ulama yang sangat rajin berdakwah ke merata tempat di Terengganu. Beliau pernah berjalan kaki berjam-jam untuk pergi ke suatu tempat yang sangat berbahaya di Besut dengan mempunyai iktikad dan azam yang kuat semata-mata untuk berdakwah. Setelah sampai ke tempat tersebut, beliau memperbaiki serta membetulkan semua ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Beliau juga mengunjungi para pemuda yang sedang menjalani kehidupan di Rancangan Tanah Sungai Tong bagi mempastikan amalan mereka berada dalam keadaan yang sempurna tanpa percanggahan akidah. Beliau juga sering kali melawat hospital untuk mengadakan pertemuan dengan jururawat-jururawat dan menziarahi rumah pemulihan akhlak untuk menyampaikan kuliah agama kepada mereka. Menurut beliau, perjumpaan-perjumpaan seumpama ini amat penting kerana tugas mufti adalah memperbaiki perkara-perkara yang kurang baik kepada lebih baik. Syed Yusof juga kerap menziarahi masjid-masjid dan surau-surau bagi memastikan suasananya dimakmurkan oleh para jemaah. Sekiranya berlaku suatu perbalahan yang melibatkan kakitangan masjid ataupun orang ramai, maka beliau lagi kerap turun ke tempat tersebut untuk memulihkan keadaan.[661]

---

[660] Muhammad Abu Bakar, *op cit.*, 251.
[661] *Ibid.*, 254.

Dalam masa yang sama juga, Shaykh Syed Yusof telah menyediakan kelas kursus pengajian Islam di rumahnya bagi mereka yang berminat untuk memperdalamkan ilmu agama terutamanya untuk kakitangan kerajaan yang mempunyai minat untuk belajar.[662] Beliau juga senang menerima kehadiran orang ramai ke rumahnya bagi sesiapa yang berminat untuk membetulkan bacaan al-Quran atau menyelesaikan masalah-masalah peribadi mereka. Bahkan beliau sangat memberi perhatian terhadap orang Islam yang belum fasih membaca al-Quran. Sehingga beliau mengeluarkan fatwa khusus mengenai hukum bacaan al-Quran dan fatwa tersebut dapat memberi ketenangan kepada umat Islam yang masih belum fasih membaca al-Quran.[663]

Ada juga sesetengah orang yang berkunjung ke rumah beliau sekadar bertanya tentang kenapa Shaykh Syed Yusof memelihara anjing di rumahnya, yang mana isu ini telah menjadi buah percakapan umum di kalangan masyarakat.[664] Dalam perkara ini

---

[662] Kebiasaanya Shaykh Syed Yusof mengadakan kelas agama dan kelas pengajian al-Quran kepada kakitangan kerajaan yang terdiri daripada imam, bilal, guru agama, guru pelawat dan orang awam sekitar tahun 1950an, 1960an dan 1970an. Biasanya beliau mengadakan kelas pengajian ini setiap pagi selepas solat subuh sehingga pukul 9.30 pagi. Di antara murid-murid beliau yang pernah mengikuti kelas tersebut ialah: Hajah Rogaya bt Sulong, mula belajar mengaji al-Quran ketika usianya 15 tahun sehingga berjaya beberapa kali menjadi johan qariah mewakli negeri Terengganu. Syed Hasan bin Salim al-Attas, sekarang bertugas sebagai imam besar masjid Ba'alawi Bukit Timah Singapura. Che Ku Ali, imam *Masjid Raja* yang baru ditukar namanya kepada *Masjid Sultan Ismail* Terengganu. Sekitar tahu 1960an, selepas tamat belajar, beliau berkhidmat pula dengan mengajar anak-anak Shaykh Syed Yusof termasuk Dato' Dr. Mohd. Salleh sendiri pada waktu itu telah berjaya mengkhatam al-Quran sebanyak 7 kali, di samping itu, beliau juga menjadi guru al-Quran kepada anak Sultan Mahmud termasuk Sultan Mizan Zainal Abidin dan keluarga DiRaja yang lain. Ramai lagi murid-murid Shaykh Syed Yusof yang lain samada penduduk negeri Terengganu atau dari luarnya, mungkin penulis tidak perlu menyebutnya satu persatu. Di samping itu juga Shaykh Syed Yusof, bertugas sebagai kahtib membaca khutbah Jumaat di Masjid Sultan Ismail (Masjid Raja). Jadi pada setiap hari Jumaat Sultan akan menghantar kereta ke rumahnya untuk membawa beliau ke masjid tersebut. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi (doktor perubatan di kliniknya, No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012.

[663] Hasil fatwa yang khusus dikeluarkan melalui pemikiran dan pendapat Shaykh Syed Yusof itu. Sila lihat: Shaykh Syed Yusof (2010), *op. cit.*, 1-3.

[664] Kisah disebalik Shaykh Syed Yusof memelihara anjing. Pada mulanya rumah beliau telah dimasuki pencuri ketika beliau solat maghrib. Pintu tingkap rumahnya telah dipecahkan, setelah beliau menghubungi polis, pihak polis mengambil masa yang sangat lama untuk datang ke rumahnya sehingga jam 11.30 pagi besok baru tiba di rumahnya. Maka setelah ditanya oleh sultan tentang kejadian dan diperjelaskan tentang peristiwa tersebut, maka sultan telah memberi seekor anjing yang besar dari istana untuk diletakkan dirumahya untuk menjaga keselamatan daripada pencuri. Manakala anjing tersebut telah diletakan di rumah khas berhampiran rumahnya dan sentiasa diikat ketika dibawa keluar. Walau bagaimanapun anjing tersebut sentiasa dijaga dan dibasuh oleh anaknya Dato' Dr. Syed Mohd Salleh. Selepas kehadiran anjing di rumahnya maka ramai orang-orang kampung rasa ragu dan datang untuk bertanya tentang hukum memelihara anjing bagi orang Islam, sedangkan beliau seorang mufti, maka

beliau telah memberi penjelasan yang sangat rasional dan jelas yang mana "anjing juga merupakan sebahagian daripada makhluk Allah yang boleh dipelihara sebagai penjaga rumah kita."[665] Walau bagaimanapun haiwan itu juga telah digunakan pada zaman nabi untuk menjaga harta benda dan memburu binatang khususnya anjing jenis Saluki.

5.4.4.2. Peranan dan Sumbangan Shaykh Syed Yusof Dalam Pembinaan Masyarakat

Pada tahun 1960an, satu isu yang sangat sesitif timbul di kalangan masyarakat Terengganu iaitu berkaitan dengan "persoalan perancangan keluarga". Dalam isu ini, sebagai seorang mufti, Shaykh Syed Yusof telah mengeluarkan hujah beliau tentang amalan perancangan keluarga untuk menjaga kesihatan ibu atau anak yang bakal lahir atau seumpamanya, menurut pandangannya amalan tersebut adalah diharuskan dalam Islam. Namun begitu beliau tetap mengikut pendirian Islam bahawa tujuan hidup berkeluarga antara lain adalah menambah bilangan ummah dan Islam tetap melarang perancangan keluarga kerana takut kepada kemiskinan dan kepapaan. Persoalan penting di sini adalah selagi mana ia tidak ada tegahan dari segi syarak dan atas muslihat-muslihat tertentu, maka suami isteri dibolehkan mengurus kehidupan keluarga mereka.

Shaykh Syed Yusof merupakan orang pertama yang mencadangkan agar pihak kerajaan membentuk jawatan khusus yang benar-benar bertanggungjawab untuk

---

beliau menjawab bahawa anjing juga makhluk Allah dan di negara Arab juga anjing digunakan untuk memburu binatang, begitu juga dengan satu peristiwa seorang wanita sundal telah menolong memberi minum seekor anjing yang kehausan selepas balik daripada melacur, maka wanita tersebut telah dimasukan ke syurga. Telah diceritakan oleh Dato' Dr. Syed Mohd Salleh bahawa ketika Syed Yusof mengadakan solat berjemaah di rumahnya, sewaktu azan dilaungkan, anjing tersebut menjawab panggilan azan tersebut. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Shaykh Syed Yusof al-Zawawi (doktor perubatan di Rumahnya No 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15 Sept. 2010.

[665] Muhammad Abu Bakar, *op cit.*, 254.

memastikan perancangan keluarga itu berjalan dengan betul berlandaskan Islam dengan mengatakan bahawa perancangan ini telah diamalkan oleh masyarakat Islam dan juga sebelumnya. Gagasan-gagasan Shaykh Syed Yusof yang terkenal itu telah dikembangkan oleh Majlis Kependudukan yang berpusat di New York dan turut memasarkannya dalam bentuk risalah.[666] Kebanyakan masyarakat Islam dunia pada ketika itu masih belum mendalami kefahaman Islam dan mereka menganggap bahawa perancangan keluarga itu bukan Islamiyah. Setelah didedahkan atau dijelaskan melalui buku Shaykh Syed Yusof berkenaan hal tersebut, akhirnya mereka akur dan menerimanya, sehingga hari ini perancangan keluarga tersebut masih diteruskan.

Pada awal 1970an, ketika masyarakat berdepan dengan isu-isu pembangunan, khususnya berikutan pengenalan Dasar Ekonomi Baru. Shaykh Syed Yusof sebagai mufti terus memberi fatwa berdasarkan pendirian Islam yang mahukan penganutnya berusaha untuk hidup dan bertanggungjawab pada diri, keluarga dan bangsanya. Beliau berusaha menjelaskan tentang keperluan umat Islam iaitu; "bekerja mencari rezeki yang halal dan berusaha memajukan tanah-tanah kosong bagi mengeluarkan segala perbendaharaan demi untuk kebajikan dirinya sendiri, bangsa dan tanah air seterusnya untuk meninggikan syiar Islam dan memberi manfaat kepada seluruh manusia". Beliau menyertakan dalil-dalil dari al-Quran untuk menguatkan pandangannya tentang ayat-ayat yang berkenaan dengan tugas untuk memajukan diri dan bangsanya itu dengan memetik aya-ayat al-Quran seperti: Surah al-Baqarah 2:29, surah al-Qasas 28: 77 dan surah al-Jumu'ah 62:10. [667]

Setiap hari raya Aidilfitri, Shaykh Syed Yusof selalu menjemput pegawai-pegawai polis datang ke rumahnya untuk minum teh dan makan kuih-muih sebagai

[666] *Ibid*., 251.
[667] *Ibid.,* 252.

mengenang jasa mereka yang menjaga keamanan negeri Terengganu. Selepas selesai menikmati juadah, sebelum pulang, setiap pegawai tersebut disapu minyak wangi di lengang masing-masing oleh Shaykh Syed Yusof sebagai meraikan kedatangan mereka, dengan itu mereka rasa sangat gembira kerana dapat layanan yang istimewa dan berkat daripada mufti.[668]

Dalam perhubungan kekeluargaan dengan kerabat Diraja Sultan Terengganu, beliau sentiasa menjalinkan keakraban yang amat baik demi memelihara institusi ketua agama, walaupun pernah dipanggil oleh sultan pada waktu malam atau awal pagi untuk solat hajat, doa dan sebagainya, maka beliau tetap menjalankan tugas tersebut dengan ikhlas. Begitu juga dengan pihak istana, kadang-kadang sultan sendiri mencemar duli datang ke rumah Shaykh Syed Yusof untuk menziarahi keluarganya bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan terutamanya Hari Raya Aidilfitri.[669]

Shaykh Syed Yusof seorang mufti yang sangat mengambil berat terhadap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Islam khususnya di Negeri Terengganu, walaupun menurut pendapat penulis, isu-isu tersebut sangat sederhana tetapi beliau tetap prihatin dengan keadaan semasa, umpamanya beliau menjawab satu pertanyaan tentang hukum menjual, membeli dan menyimpan anak patung sebagai permainan kanak-kanak. Jawapan yang telah diberikan terhadap hukum tersebut adalah harus kerana tujuannya untuk memberi kegembiraan kepada kanak-kanak. Pendapat mengenai hukum tersebut berlandaskan kepada kitab al-Mawardi al-Ahkam al-Sultaniyyah dan juga mengambil al-Hadis daripada kitab al-Imam al-Bukhari yang

[668] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Syed Yusof al-Zawawi, *op. cit*., 15 Sept. 2010,
[669] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi, *op.cit.,* 5 Jun 2012.

meriwayatkan al-Hadis tersebut oleh Saidatina Aisyah r.a. yang berkata, *"Aku pernah bermain anak patung bersama kawan-kawanku di sisi Rasulullah S.A.W.".*[670]

Sebagaimana kita ketahui, Shaykh Syed Yusof merupakan mufti yang sangat peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di kalangan ahli masyarakat khususnya terhadap persoalan agama. Antaranya berkaitan dengan masalah perjudian TOTO yang sedang berjalan di kalangan masyarakat Terengganu khasnya dan di Malaysia amnya. Menurut beliau melalui jawapan yang telah diberikan bagi penyelesaiannya berdasarkan hukum syarak, maka perjudian TOTO hukumnya haram kerana ia merupakan perbuatan yang dilarang dalam al-Quran. Demikian juga hadiah dan wang yang diperolehi daripada kemenangan perjudian TOTO tersebut turut haram dan orang yang menerimanya berdosa kerana termasuk dalam hukum memakan harta benda yang diperolehi secara haram.[671]

Pada masa itu juga timbul persoalan daripada para petani yang menanam padi, dalam masa yang sama, mereka juga menanam pokok jagung. Apabila tiba musim menuai jagung, hasil yang diperolehinya sangat memberangsangkan lalu timbul persoalan di kalangan petani, apakah tanaman jagung itu wajib dibayar zakat atau tidak? Sekiranya wajib berapakah kadar nisabnya?. Setelah dirujuk kepada Shaykh Syed Yusof, beliau memberi jawapan bahawa tanaman jagung itu wajib dikeluarkan zakat kerana jagung itu salah satu tanaman yang tahan lama dan sebagai makanan asasi bagi penduduk sebuah negeri. Manakala masalah penentuan nisabnya adalah 5 ausuk menyamai 300 gantang Baghdad dan kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1/10 jika

[670] Syed Yusof, *op. cit*., (2010), 15.
[671] Keputusan Fatwa Mufti Negeri Terengganu Siri 1 (1953-1970M), (Terenggau: Jabatan Mufti Negeri Terengganu), 84-85.

disiram dengan air hujan, tetapi sekiranya diairi dengan pengairan yang melibatkan kos pembiayaan, maka zakatnya itu 1/20.[672]

Dalam usaha merapatkan jurang antara kaum yang berlainan agama. Shaykh Syed Yusof merupakan mufti yang pertama telah mengambil langkah-langkah membawa fahaman agama dan bangsa dengan mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Konsep ini amat diterima baik oleh masyarakat Terengganu sehingga ramai penganut-penganut Kristian ketika itu memeluk agama Islam.[673]

5.4.4.3 Peranan dan Sumbangan Shaykh Syed Yusof Dalam Pembinaan Politik Islam

Pada tahun 1960an ketika menjelang pilihan raya, telah timbul isu tentang fatwa kafir-mengkafir menguasai pemikiran sebahagian masyarakat ketika itu terutamanya di Pantai Timur. Pada tahun 1964, ulama-ulama Pas terdiri daripada kalangan guru-guru pondok di Kelantan telah menyebarkan pendapatnya tentang mengharamkan pensyarikatan di antara orang Islam dan bukan Islam serta mengeluarkan hukum kafir kepada mereka yang tidak melaksanakan syariah. Pas semakin popular ekoran daripada pengumuman fatwa tersebut manakala masyarakat semakin gelisah dan tegang akibat penyebaran idea-idea politik ini serta mendatangkan tekanan kepada pihak kerajaan umumnya dan perikatan khususnya.[674]

---

[672] *Ibid.*, 73.
[673] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi, *op. cit.*, 5 Jun 2012.
[674] Muhammad Abu Bakar, *op. cit.*, 249.

Sehubungan dengan itu, Shaykh Syed Yusof adalah satu-satunya mufti yang berani tampil untuk mententeramkan keadaan menerusi penyiaran pendapatnya. Beliau menentang perbuatan mengkafirkan sesama Muslim, bahkan beliau mengeluarkan fatwa bahawa seseorang warga negara yang bukan Islam menjadi wakil rakyat dalam dewan mesyuarat atau lain-lainnya yang tidak ada kaitan dengan perkara agama, di samping itu juga tidak ada halangan dari segi syarak bahawa seseorang Islam memilih atau mengundikan seseorang kafir yang telah diakui sah kewarganegaraannya dengan segala syarat-syarat yang tercatat dalam perlembagaan.[675]

Shaykh Syed Yusof sekali lagi mengulangi pendirianya tentang larangan perlakuan menuduh dan mengkafirkan seorang Islam yang lain. Pendirian beliau itu ditulis dalam artikel yang bertajuk: *"Soal Iman Dan Kafir Bergantung Pada I'tikad Seseorang*".[676] Dengan artikel itu, Shaykh Syed Yusof dapat menyedarkan masyarakat Islam pada masa itu yang sedang bertanding dalam pilihan raya. Atas kekeliruan yang telah berlaku antara umat Islam maka Shaykh Syed Yusof melihat bahawa fatwa kafir mengkafirkan antara umat Islam itu sangat bercanggah dengan nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunah yang mana perbuatan itu hanya boleh merugikan umat Islam sendiri sedangkan bangsa yang bukan beragama Islam mendapat keuntungan.

Dalam menghadapi dunia globalisasi pada hari ini, hubungan muamalah melalui perdagangan antarabangsa dengan negara-negara luar mesti terjadi dan tidak boleh dielakkan, seperti ahli perniagaan Malaysia yang menjalinkan hubungan perniagaan dengan bangsa-bangsa bukan beragama Islam seperti bangsa Yahudi, China,

---

[675] *Ibid.*, 250.
[676] *Ibid.*, 250.

India dan sebagainya. Ini adalah suatu realiti yang harus dijadikan sebagai satu cabaran bagi umat Islam, kerana sekiranya umat Islam menjauhi hubungan antara bangsa dalam soal perniagaan maka sudah pasti umat Islam akan ketinggalan daripada mereka dalam sektor ekonomi. Dalam menghadapi masalah ini, Shaykh Syed Yusof sangat bijak mengeluarkan pandangannya bagi merungkaikan kekeliruan yang dihadapi oleh umat Islam khususnya dalam masalah muamalah antarabangsa. Berpandukan ayat-ayat al-Quran dan bersesuaian dengan hukum syarak, beliau telah mengeluarkan satu jawapan yang munasabah di mana setiap manusia ini pada awal ciptaan mereka oleh Allah sebagai umat yang satu walaupun berjauhan tempat tinggal, keturunan, bangsa dan sebagainya. Sebagaimana Allah berfirman dalam Surah al-Anbiya 21: 92 iaitu:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَأَنَا۠ رَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُونِ ٩٢

Maksudnya:

"Sesungguhnya (agama tauhid) ini adalah agama kamu semua; agama yang satu, dan Aku adalah Tuhanmu; maka sembahlah Aku".

Melalui ayat ini, agama Yahudi pada pandangan Islam ialah salah satu agama yang diturunkan oleh Allah dan penganut-penganutnya tetap memegang salah satu kitab-kitab suci daripada Allah. Adapun yang dinamakan pada zaman sekarang dengan nama Israel adalah suatu gerombolan-gerombolan yang dinamakan Zionis. Dasar utama mereka adalah mendirikan kerajaan Israel di negeri Palestin dan menghalau penduduk-penduduk Arab Islam daripada Baitul Maqdis. Melihat permasalahan seperti gerakan zionis itu, maka Shaykh Syed Yusof berpandangan bahawa hubungan muamalat dengan

gerombolan-gerombolan zionis itu hukumnya haram kerana banyak mudharatnya daripada manfaatnya.[677]

5.4.5 Sumbangan Shaykh Syed Yusof Dalam Karya Penulisan Ilmu-Ilmu Islam

Sumbangan yang sangat bermakna daripada Shaykh Syed Yusof al-Zawawi adalah menubuhkan Darul Falah. Kisah dan sejarahnya adalah seperti berikut: Penubuhan asrama anak-anak yatim Darul al-Falah, bermula pada asalnya seorang tuan tanah yang bernama Hj. Zain (nama penuhnya tidak dapat dikesan) telah meminta bantuan Shaykh Syed Yusof untuk mendoakan supaya tanaman di kebunnya yang sudah lama tidak pernah mengeluarkan hasil agar mendatangkan hasil buahannya, lalu Shaykh Syed Yusof meminta satu bekas air dan diletakkan jarinya ke dalam air tersebut dan membaca al-Fatihah, selepas itu beliau menyuruh Hj. Zain menyiram semua tanamannya, maka pada tahun itu tumbuh-tumbuhannya telah mengeluarkan buah yang sangat lebat dan begitulah pada tahun-tahun seterusnya. Suatu masa Hj. Zain telah datang bertemu dan menjemput Shaykh Syed Yusof untuk makan buah-buahan tersebut di kebunnya dan menghadiahkan sebidang tanah di situ sebagai tanda berterima kasih kepada Shaykh Syed Yusof, lalu tanah tersebut telah dibina asrama untuk kediaman anak-anak yatim yang dinamakan Asrama Darul al-Falah.[678]

Demikian juga usaha Shaykh Syed Yusof yang sangat gigih berdakwah terhadap masyarakat sehingga beliau pernah mengislamkan sekitar 400 orang asli bertempat di Terengganu Mati iaitu di hujung daripada Hulu Kuala Berang di sempadan dengan

---

[677] Untuk melihat lebih terperinci mengenai fatwa yang menjelaskan berkenaan hukum bermuamalat antara umat Islam dengan Bani Israel sila lihat: *Keputusan Fatwa Mufti Negeri Terengganu Siri 1* (1953-1970M), Terenggau: *op. cit.*, 58-59.

[678] Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Shaykh Syed Yusof al-Zawawi, *op.cit.*, 15 Sept. 2010.

Perak. Ketika itu beliau hanya pergi bersama anaknya Dato' Dr. Syed Mohd. Salleh dengan menaiki sampan melalui sungai Terengganu, jalan kaki, dan jip polis.[679]Diceritakan oleh anaknya juga bahawa dalam perjalanan ke sana mereka telah menempuhi berbagai rintangan dan halangan termasuk juga bertemu dengan seekor harimau. Walau bagaimanapun berkat kejujuran dan keikhlasan mereka untuk menyebarkan agama Islam maka segala-galanya dipermudahkan oleh Allah S.W.T.

Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi adalah seorang ulama yang aktif dan produktif, baik dalam berdakwah mahupun dalam penulisan. Ketika beliau menyandang jawatan pensyarah di Universiti al-Azhar, beliau banyak menulis buku-buku yang berkaitan dengan perkuliahan dan bahan rujukan para mahasiswa. Buku-buku tersebut masih ada dalam simpanan anaknya Dato' Dr. Syed Mohd. Salleh di Kuala Terengganu sekitar 30 buah dalam bahasa Arab[680], namun penulis masih belum berkesempatan untuk melihat dan merujuknya memandangkan kitab-kitab tersebut berada di dalam tempat simpanan yang khusus dan terkunci dikhuatiri buku-buku tersebut akan hilang jika diletakkan di tempat terbuka atau dipinjamkan kepada individu tertentu, manakala beliau sendiri juga masih belum melihatnya kembali selepas peninggalan bapanya. Walaubagaimanapun ada beberapa karangan beliau yang lain telah penulis jumpai sama ada berbentuk hasil kumpulan fatwa-fatwa, kumpulan khutbah Jumaat ataupun artikel-artikel yang berkaitan dengan isu semasa terutama ketika beliau memegang jawatan sebagai mufti negeri Terengganu. Antara karangan beliau ialah:

---

[679] *Ibid.,*

[680] Suatu ketika Profesor Syed Hussin Al-Attas (Vice-Chancellor of the University of Malaya in the 1980) pernah berjanji akan mengeluarkan geran kepada Universiti Malaya untuk menterjemahkan kitab-kitab tersebut ke dalam bahasa Melayu, malangnya beliau telah meninggal dunia sebelum sempat menunaikan janjinya yang telah dibuat di Singapura semasa di masjid Ba'alawi. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi (doktor perubatan, klinik perubatannya, No 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012.

1. Buku Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu Tahun 1953-1970/1372-1389H. Buku ini adalah kumpulan fatwa-fatwa Shaykh Syed Yusof al-Zawawi ketika beliau memegang jawatan mufti kerajaan Terengganu. Buku koleksi fatwa-fatwa ini telah diterbitkan pada tahun 1971 bersempena 25 tahun pemerintahan DYMM Sultan Nasruddin Shah.

2. Soal Iman Dan Kafir Bergantung Pada I'tikad Diri Seseorang. Ini adalah tajuk artikel yang ditulis oleh Shaykh Syed Yusof al-Zawawi pada tahun 1963M yang berkaitan dengan bantahan terhadap orang-orang Islam yang menuduh dan mengkafirkan orang Islam lainnya.

3. Risalah Panduan Ibadat. Ini adalah sebuah buku kecil yang ditulis oleh Shaykh Syed Yusof al-Zawawi yang mengandungi tentang penerangan-penerangan mengenai Tauhid dan Fikah untuk tujuan amalan harian.

4. Kelebihan Bersedekah. Sebuah artikel yang ditulis oleh Shaykh Syed Yusof dan artikel itu dimuat dalam suara Jabatan Agama Terengganu.

5. Kumpulan Kutbah Jumaat Dari Masa Ke Semasa.[681] Kumpulan khutbah Jumaat yang ditulis oleh Shaykh Syed Yusof bin Ali al-Zawawi mufti negeri Terengganu untuk dibahagikan kepada seluruh masjid di negeri Terengganu pada masa itu. Khutbah yang dikeluarkan oleh beliau sedikit berbeza dengan teks khutbah yang ada hari ini, di mana selain daripada kandungan khutbah berdasarkan tajuk yang disediakan, beliau telah menyelitkan unsur-unsur nasihat di akhir khutbahnya khusus di bawah tajuk kecil

[681] Kumpulan Kuthbah ini dikeluarkan oleh *Suara Jabatan Agama Islam Terengganu* setiap minggu untuk diedarkan kepada masjid-masjid di seluruh Kuala Terengganu dan dibaca oleh khatib yang bertauliah pada hari Jumaat minggu tersebut. Sepanjang pencarian penulis terhadap teks-teks khutbah yang ditinggalkan oleh Shaykh Syed Yusof al-Zawawi ini di kebanyakkan tempat, seperti Muzium Negeri Terengganu, Arkib Negeri Terengganu, Perpustakaan Negeri Terengaanu, Pejabat Agama Negeri Terengganu, Pejabat Yayasan Islam Negeri Terengganu, Masjid Raja Bukit Besar Negeri Terengganu, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Negeri Terengganu di pejabat Mufti, Pensyarah UKM, anak beliau Dato' Dr. Syed Mohd. Salleh, Pengerusi Biro Salasilah Negeri Terengganu, Imam-Imam Masjid, dan individu-individu yang terlibat, semuanya tiada dalam simpanan. Berkat bulan Zulhijjah 1433H pada 7 Zulhijjah 1433H, teks tersebut telah dijumpai melalui seorang Imam Masjid Kampung Lingai Kuala Terengganu (Ustaz Halim bin Mamat) juga sebagai Pegawai Yayasan Islam Dungun Terengganu melalui sahabatnya yang bertugas di pejabat Mufti. Namun hanya tiga siri sahaja yang telah dapat dijumpai iaitu: Bilangan 3, Jamadil Awal 1380H/Oktober 1960M, bilangan 4, Jamadil Akhir 1380H/November 1960M dan bilangan 7, Ramadhan 1380H/1961M.

Insafllah!. Di antara tajuk-tajuk teks khutbah dan ulasannya adalah seperti berikut; (i). *Tingkah laku dan tutur kata yang lemah lembut*; beliau menekankan supaya setiap umat Islam wajib bertutur kata dan berbahasa dengan baik supaya mereka yang mendengar menerimanya dengan sebenar-benarnya. Nasihatnya di bawah tajuk *insafilah*, "Alangkah sedih manakala didapati banyak di kalangan kaum muslimin kita masih menghisap rokok di dalam masjid-masjid dan surau-surau, pada hal kaum-kaum yang lain di rumah-rumah berhala atau di gereja-gerejanya tidak mereka melaku sedemikian, bahkan di dalam majlis mesyuarat undangan pun kalau hendak menghisap rokok terpaksa kita keluar dari situ sementara. Marilah bersama-sama kita hormati tempat ibadah kita "(Bil.3, Jamadil Awal 1380H/Oktober 1960M). (ii). *Memelihara moral*; beliau menyeru kepada semua ahli jemaah agar sentiasa memelihara kehormatan diri untuk mengelakkan berlakunya gejala keruntuhan moral dalam masyarakat. Nasihatnya melalui tajuk *Insafilah*, "menurut penyata penceraian di dalam negeri ini bagi tahun 1959 berjumlah 2933 orang, ini bermakna 5866 tidak berbaik-baik di antara satu sama lain atau lebih tepat bermusuh. Kalau berpanjangan penyakit ini tentulah jumlah kaum kita hidup tidak berbaik antara satu sama lain, ini akan bertambah akhirnya masyarakat Islam dipandang hina tidakkah begitu? "(Bil. 4 Jamadil Akhir 1380H/November 1960M). (iii). *Lailatul Qadar*; dalam teks khutbah ini beliau menjelaskan tentang kelebihan puasa dan malam lailatul qadar serta peristiwa penting yang berlaku sepanjang bulan ini. Nasihatnya melalui tajuk *Insafilah*, dengan tidak membanyakkan belanja pada makan dan minum secara membazir dan umpat mengumpat yang selalu berlakunya di kaki-kaki masjid dan beranda-beranda surau kerana semuanya ini adalah berlawanan betul dengan hikmah-hikmah puasa". (Bil.7 Ramadhan 1380H/Februari 1961M).

Kandungan teks khutbah yang lengkap boleh dirujuk pada lampiran tesis.

6. Penubuhan Darul Falah. Ini adalah sumbangan yang sangat bermakna dari Shaykh Syed Yusof al-Zawawi walaupun pada awal penubuhannya mendapat penentangan daripada banyak pihak. Namun berkat keteguhan dan pendirian beliau yang kuat sehingga institusi Darul Falah telah diwujudkan. Darul Falah adalah sebuah institusi yang menempat dan menguruskan kehidupan anak-anak yatim daripada sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Sehingga hari ini Darul Falah masih berfungsi dan aktif seperti biasa.

Kehebatan yang dimiliki oleh Shaykh Syed Yusof al-Zawawi dalam menjalankan tugas sebagai seorang mufti Terengganu, sememangnya disanjungi dan dihormati. Sikap kejujuran dan keikhlasan beliau dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah kepada masyarakat melayu yang bukan anak bangsanya jelas terserlah demi melihat kesucian agama Islam itu dapat di daulatkan. Walaupun beliau terpaksa menghadapi pelbagai cabaran semasa seperti persekitaran yang masih lemah dengan kefahaman Islam dan halangan-halangan lain semasa bertugas. Namun beliau cekal menghadapi semua ini hasil didikan keluarga beliau berbangsa Arab berketurunan Ahlul Bait yang sentiasa bertegas dalam soal agama dan tidak mudah dipermainkan.

5.5 DATO' ENGKU HAJI ALWI BIN ENGKU HAJI AMBAK AL-IDRUS (ENGKU PANGERAN DIRAJA) (1935M-SEKARANG)

5.5.1 Latar Belakang

Engku Haji Alwi telah dilahirkan pada 21hb Mac tahun 1935M di Kuala Terengganu. Beliau masih tergolong daripada keturunan keluarga Syed melalui susur galurnya di bawah keluarga al-Idrus. Pada tahun 1962, setelah tamat pengajiannya di Universiti Al-Azhar, Mesir dan sekembalinya ke tanah air, beliau terus berkhidmat sebagai seorang Guru Bahasa Arab Gred 1, mengajar di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin (SMASZA), Batu Buruk, Kuala Terengganu. Pada 1hb. Februari 1966, beliau di sahkan dalam jawatan, pada 1hb Oktober 1969, beliau dilantik menjadi Guru Besar Sementara di SMASZA Batu Buruk. Selang beberapa bulan beliau dilantik sebagai Guru Besar, pada tahun 1970, beliau dilantik pula sebagai Ahli Mahkamah Apil Syariah.[682]

Selepas kembali dari Mesir untuk kali ke dua pada tahun 1972, beliau terus berkhidmat menjadi seorang guru dalam kategori D2 dan pada 1 Januari 1973, beliau dilantik menjadi Guru Besar SMASZA, Batu Buruk. Setelah setahun lebih memegang jawatan sebagai Guru Besar di sekolah itu. Pada 11 Ogos 1974 pula beliau dilantik lagi sebagai Guru Besar SMASZA Ladang. Seterusnya pada 7hb Januari 1978, beliau dilantik sebagai Nazir sekolah-sekolah Menengah Agama Terengganu dan pada masa

[682] Data ini diambil oleh penulis daripada Dokumentasi Senarai Nama-Nama Mufti Kerajaan Negeri Terengganu. Ustaz Ahadi bin Othman (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15hb. Mac 2010. Dokumentasi Senarai Nama-Nama Mufti Kerajaan Terengganu, 19.

yang sama beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Jawatankuasa Ulama selama dua tahun iaitu daripada 1 Januari hingga 31 Disember 1979.[683]

Pada 1 Januari 1982 beliau sekali lagi dilantik menjadi Guru Besar di SMASZA Batu Buruk, tetapi hanya beberapa bulan sahaja, kemudian pada 16 Jun 1983 beliau dipindah lagi ke Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan memegang jawatan sebagai pembantu mufti. Seterusnya pada 16 Jun 1983, beliau dinaikkan pangkat daripada pegawai perkhidmatan pelajaran agama Terengganu D1 kepada pegawai perkhidmatan pelajaran agama Terengganu D1 Peringkat Khas. Kemudian pada 1 Oktober 1985, beliau dinaikkan pangkat daripada D1 kepada peringkat tertinggi G.[684]

Seterusnya pada 26 November 1985 hingga 25 November 1987, beliau telah dilantik menganggotai ahli lembaga pengawalan dan pelesenan percetakan al-Quran. Akhirnya pada tahun 1987, beliau telah dipilih sebagai penerima hadiah perkhidmatan cemerlang negeri Terengganu. Di atas kecemerlangan perkhidmatan sebagai pegawai kerajaan, pada 16 Februari 1988, beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Terengganu hingga 21 Mac 1990 dan bersara ketika berusia 55 tahun.[685]

Walau bagaimanapun D.Y.M.M Sultan masih berkenan supaya beliau diteruskan menjadi mufti, maka pada 22 Mac 1990 Sultan telah melantiknya kembali sebagai mufti. Oleh itu, beliau memegang jawatan mufti secara kontrak bermula dari 23 Mac 1990 hingga 28 Mac 2000 dengan taraf jawatan Mufti yang Tertinggi 'F'. Akhirnya pada 29 Mac 2000 beliau telah bersara daripada jawatan mufti, walau bagaimanapun kepakaran beliau dalam perkhidmatan masih diperlukan untuk

[683] *Ibid.*, 20.
[684] *Ibid.*,
[685] *Ibid.*,

menguruskan hal-hal keagamaan, maka pada 23 April 2002 beliau telah dilantik menganggotai Ahli Majlis Perundingan Ulama Negara.[686]

Beliau mempunyai seorang isteri yang bernama Tengku Salihah @ Tg. Adnan binti Muhammad. Hasil perkawinannya, beliau dikurniakan seramai tujuh orang anak yang terdiri dari tiga orang lelaki dan empat orang perempuan.

5.5.2 Salasilah Dan Keluarga

Salasilah Engku Alwi berdasarkan rujukan daripada salasilah yang disimpan oleh Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar adalah seperti berikut:

Muhammad S.A.W.[687]
↑
Fatimah al-Zahrah
↑
al-Imam Husayn
↑
Imam ‘Ali Zayn al-‘Abidin
↑
al-Imam Muhammad al-Bakir
↑
al-Imam Ja‘far al-Sadiq
↑
‘Ali al-‘Uraydi
↑
Muhammad al-Naqib
↑
‘Isa al-Rumi
↑
Ahmad al-Muhajir Ila Allah
↑

[686] *Ibid.*,
[687] Salasilah ini adalah berdasarkan salasilah yang dirujuk daripada ustaz Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu). Sila lihat lampiran.

‘Abd Allah (Ubaidillah)

↑

al-Shaykh ‘Alawi (‘Alawiyyah) al-Mubtakir

↑

Muhammad Sahib al-Sawma‘ah

↑

‘Alwi

↑

‘Ali Khali‘ Qassam

↑

Muhammad Sahib Mirbat

↑

‘Ali Walid al-Faqih

↑

Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam)

↑

‘Alwi al-Ghayur

↑

‘Ali

↑

Muhammad Maula Dawilah

↑

‘Abd al-Rahman al-Saqaf

↑

Abu Bakar al-Sakran

↑

‘Abd Allah al-‘Idrus (al-Akbar)

↑

Shaykh al-Akbar

↑

‘Abd Allah

↑

Shaykh

↑

‘Abd Allah al-Awsat

↑

‘Ali Zayn al-‘Abidin

↑

Muhammad Mustafa

↑

Shaykh

↑

Mustafa

↑

Husayn

↑

Zainal Abidin

↑

Syed Muhammad al-Idrus

↑

Zayn

↑

Abd Allah
↑
Ahmad
↑
Engku Alwi

5.5.3 Pendidikan

Mengimbas kepada latarbelakang pendidikan Engku Alwi, pada tahun 1941 bermula daripada usianya enam tahun, beliau telah mula belajar mengaji al-Quran di rumahnya, kemudian di masjid seterusnya beliau belajar di Sekolah Melayu Bukit Jambul sehingga berjaya tamat darjah empat pada tahun 1945M. Selepas itu pada tahun 1946, Engku Alwi meneruskan pengajiannya dengan memasuki sekolah agama iaitu Madrasah Sultan Zainal Abidin sehingga tamat darjah tujuh pada tahun 1951M.[688]

Seterusnya pada tahun 1954, Engku Alwi[689] berjaya melanjutkan pendidikannya dalam bidang agama di Mesir dan terus diterima masuk ke Tahun 3 Thanawi di Universiti Al-Azhar (Mahad al-Buus al-Islamiah) dan tamat pada tahun 1955. Kemudian beliau meneruskan ke peringkat tahun 4 Thanawi dan tamat pada tahun 1956. Bidang pengajiannya telah dikhususkan kepada ilmu Fikah, Tafsir, Tauhid, Tasawuf dan Bahasa Arab. Pada tahun 1957-1962, beliau masih meneruskan pengajiannya di Universiti yang sama dengan mengambil bidang Syariah dan undang-undang, akhirnya beliau berjaya menamatkan pengajian dengan mendapat ijazah kelas atas (ʿAliyah) peringkat sarjana muda.[690]

---

[688] Data ini diambil oleh penulis daripada Dokumentasi Senarai Nama-Nama Mufti Kerajaan Negeri Terengganu. Ustaz Ahadi bin Othman (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (ISTINBAT), di Pejabat Mufti Negeri Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15hb. Mac 2010.
[689] Engku Alwi adalah seorang pelajar berasal dari Terengganu dan orang yang pertama melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar di bawah tajaan biasiswa kerajaan Negeri Terengganu.
[690] Ustaz Ahadi bin Othman, *op. cit.*, 15hb Mac 2010.

Setelah tamat pengajian di Universiti Al-Azhar, pada tahun 1963, beliau pulang ke Terengganu untuk berkidmat sebagai seorang guru bahasa Arab. Pada tahun 1970-1972, beliau sekali lagi ke Cairo-Mesir untuk melanjutkan pelajaran selama 18 bulan di Universiti Al-Azhar dalam bidang Diploma Am di bawah Fakulti al-Tarbiyyah (pendidikan). Seterusnya berjaya memperolehi sekeping sijil Diploma Am tersebut. [691]

5.5.4 Peranan Dan Sumbangan Engku Alwi Dalam Perkembangan Islam Dan Sosial

Engku Alwi adalah seorang ulama yang sangat istiqamah memberi tumpuan dalam bidang keagamaan dan beliau tidak terpengaruh dengan kehidupan dunia yang sangat menggoda seperti; kemewahan hidup, kereta mewah, rumah besar dan sebagainya. Semenjak beliau pulang daripada menuntut ilmu di Mesir, beliau terus memberi tumpuan dalam bidang pendidikan agama.

Seterusnya, beliau diberi amanah untuk memegang jawatan sebagai mufti negeri Terengganu sehingga usianya bersara, sekarang beliau masih hidup dan istiqomah dalam aktiviti berdakwah dengan mengajar ilmu-ilmu agama di masjid-masjid dan surau-surau. Beliau sangat aktif dalam usaha pengembangan Islam dan pembinaan masyarakat Islam di Terengganu semenjak zaman muda lagi. Sehubungan itu, penulis membahagikan pembahasan ini kepada dua tumpuan sahaja iaitu peranan dan sumbangan Engku Alwi dalam perkembangan agama Islam dan pembinaan masyarakat Islam di Terengganu.

---

[691] *Ibid.,*

5.5.4.1. Peranan Dan Sumbangan Engku Alwi Dalam Perkembangan Islam

Setelah Engku Alwi kembali ke tanah air selepas tamat belajar di Universiti al-Azhar Mesir, beliau terus berkhidmat dalam bidang keagamaan. Beliau merupakan seorang yang berketurunan Ahlul-Bait di bawah keluarga al-'Idrus yang juga mewarisi kebolehan dalam bidang keagamaan daripada orang tua dan datuknya yang merupakan seorang ulama yang sangat dihormati dan disegani oleh masyarakat negeri Terengganu bahkan datuknya Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) adalah seorang ulama yang sangat terkenal sehingga diiktiraf sebagai seorang Bapa Kesusasteraan Kebangsaan. Dari situ kita dapat melihat bahawa Engku Alwi juga telah mengikuti dan mewarisi jejak langkah yang murni ini melalui penumpuan kepada bidang keagamaan seperti: Fikah, al-Hadis, Tafsir, Tasawuf, Akidah dan Bahasa Arab.

Dengan keilmuan yang mendalam, beliau telah mula berkhidmat sebagai Guru Bahasa Arab, kemudian terus dipercayai dan diberi penghormatan untuk menduduki jawatan Mufti Terengganu bermula dari tahun 1988 hingga ke tempoh persaraannya dan dilanjutkan jawatan tersebut dalam perkhidmatan kontrak sehingga tahun 2000. Walaupun beliau sangat sibuk menguruskan hal-hal pentadbiran di Jabatan Mufti, namun beliau tetap aktif dalam penyebaran ilmu-ilmu agama melalui syarahan di masjid-masjid dan surau-surau.[692]

Engku Alwi merupakan seorang ulama yang disegani, semasa memegang jawatan mufti, beliau sangat aktif menjawab pertanyaan daripada masyarakat Islam seperti mengenai apakah hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran itu hanya

[692] Dato' Sri Mohd. Azhar (Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan merupakan kawan rapat Engku Alwi di Rumahnya No.38 PJS 9/30 Subang Jaya), dalam temubual dengan penulis, 8hb April 2010.

mencakupi soal solat, zakat, puasa dan haji sahaja? Bahkan beliau menjelaskan hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran tidak terhad hanya mencakupi soal ibadah sahaja, tetapi meliputi soal-soal akhlak kesopanan, ilmu pengetahuan, perniagaan, hukum kekeluargaan, peraturan kemasyarakatan dan lain-lain.[693]

Kemudian, beliau menjelaskan tentang hukum membaca al-Quran di sisi mayat yang sebelum atau sesudah dikebumikan, maka hukum membaca al-Quran tersebut adalah dibenarkan menurut hukum syarak.[694] Begitu juga beliau menjawab persoalan tentang hukum mengadakan kenduri arwah adalah dibenarkan menurut hukum syarak. Pendapat ini diambil daripada Imam al-Nawawi dari kitabnya Syarah Muslim.[695]

Ada persoalan yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh seseorang yang melakukan persetubuhan di siang hari pada bulan Ramadhan dengan membatalkan puasanya terlebih dahulu. Persoalan yang dikemukan ialah adakah ia akan dikenakan kifarat atau tidak? Sebagai seorang mufti, Engku Alwi sangat bijak menjawabnya iaitu kifarat diwajibkan ke atas orang yang membatalkan puasa Ramadhan dengan melakukan persetubuhan. Manakala, kifarat tidak diwajibkan ke atas orang yang membatalkan puasa Ramadhan selain daripada persetubuhan, sekalipun selepas itu melakukan persetubuhan.[696]

Dalam isu mengqadha solat pula, sekiranya seorang doktor yang melakukan pembedahan terhadap pesakit yang bermula sebelum waktu Zohor hingga hampir luput

---

[693] Engku Haji Alwi, *Ringkasan Fatwa Dan Pandangan Mufti Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu*, Juzuk 1, (Terengganu: Jabatan Mufti Terengganu, 2010), 4.
[694] Penjelasan beliau itu berlandaskan keterangan daripada pendapat Imam al-Nawawi yang diambil dari kitabnya *Syarah Muslim*. Untuk keterangan lanjut sila lihat: *Ibid.*, 4.
[695] Keterangan mengenai hukum kenduri arwah dan dasar hukumnya, sila lihat: *Ibid.*, 5.
[696] Beliau mengambil rujukan daripada: Muhammad al-Khathib al-Sharbini, *Kitab Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani al-Fadh al-Minhaj*, Bayrut: Dar al-Fikr. Untuk lebih jelasnya lihat: Keputusan Fatwa Mufti Negeri Terengganu Siri 3 (1988-2000). Terengganu: Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 9.

waktu Asar. Persoalannya apakah hukumnya dan bagaimana cara untuk mengqadha solat Zohor dalam waktu Asar atau bagaimana penyelesaiannya. Kemudian persoalan berhubung dengan bolehkah solat itu diqasar dan dijamak sedangkan pembedahan belum berakhir hingga ke sepuluh malam? Persoalan ini memerlukan kepada jawapan yang sangat arif. Beliau memberi jawapan dengan teliti dan sangat baik iaitu; seorang doktor yang menjalankan pembedahan memakan waktu yang sangat lama sehingga terluputnya waktu solat, maka perbuatan itu boleh dimaafkan memandangkan menolong menyelamatkan nyawa seseorang insan adalah perbuatan yang tidak dikira sebagai kecuaian meninggalkan solat. Walau bagaimanapun seseorang doktor itu wajib mengqada solat yang terluput tersebut. Adapun mengqasar solat dalam masalah yang dihadapi seumpama doktor tersebut tidak boleh kerana qasar solat khusus bagi orang yang dalam keadaan perjalanan yang jauh (musafir) dan dibolehkan oleh hukum syarak.[697]

Seterusnya, ada seorang pesakit yang telah mengalami pembedahan ke atasnya sehingga menyebabkan saluran najisnya telah diubah melalui bahagian bawah perut sebelah kanan. Kesan daripada perubahan itu, najisnya senantiasa keluar sepanjang masa. Persoalannya bagaimana dan apakah hukum pesakit tersebut melakukan solat? Sebagai seorang mufti yang arif, Engku Alwi mengemukakan jawapannya dengan sangat sopan iaitu pesakit tersebut hendaklah mengambil wudhu ketika mana hendak menunaikan solat dan kalau boleh beg najis yang lama hendaklah ditukar dengan beg najis yang masih bersih sekiranya boleh, kalau tidak boleh tidak menjadi masalah.[698]

Beliau adalah seorang ulama yang sangat bersahaja, sopan dan berakhlak mulia, sangat menghormati dan menghargai orang ramai yang bertemu dengannya. Walaupun

[697] *Ibid.*, 3.
[698] *Ibid.*, 2-3.

telah bersara tetapi beliau masih aktif memberi syarahan ilmu-ilmu agama di Masjid yang terdekat dengan rumahnya hingga sekarang. Kebanyakan syarahan yang disampaikan biasanya diadakan selepas waktu solat maghrib dan solat subuh.[699]

Melihat kepada keaktifan dan jasa-jasanya yang sangat besar dalam bidang dakwah kepada masyarakat Terengganu, maka Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan beliau sebagai Tokoh Hijratul Rasul sempena Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Terengganu tahun 1424H/2003M.[700] Sekiranya hendak dibandingkan penghargaan itu dengan semua jasa beliau yang dicurahkan semasa hidupnya dari awal hingga sekarang khususnya untuk perjuangan menyebarkan agama Islam sama ada melalui pengajian yang disampaikan di setiap surau, masjid dan majlis-majlis ilmu yang lain di sekitar Kuala Terengganu. Juga hasil pemikiran atau ijtihad beliau sewaktu memegang jawatan mufti Terengganu yang telah menghasilkan banyak keputusan fatwa yang berkaitan dengan hukum-hakam Islam, maka sudah tentu jasanya sangat besar kepada generasi hari ini dan seterusnya bukan sahaja di Terengganu bahkan di Malaysia seluruhnya.

Sudah menjadi fitrah manusia, memandangkan usianya semakin tua dan kekuatan sudah berkurangan, maka aktiviti dakwahnya agak kurang sedikit dan hanya berjalan di kawasan-kawasan yang terdekat dengan tempat tinggal beliau sahaja. Beliau juga sudah tidak aktif dalam menyertai majlis-majlis sempena hari kebesaran kerajaan Terengganu, demikian juga dengan majlis-majlis atau upacara-upacara yang diadakan oleh Sultan. Maka dengan sebab itu gelaran Dato'nya yang dianugerahkan oleh al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada tahun 1997 telah ditarik semula. Walau bagaimanapun beliau tidak begitu kecewa dengan peristiwa tersebut. Namun

[699] *Ibid.*,
[700] Fail JMNT.

beliau redha dengan keputusan dan tindakan Sultan sekarang ini kerana beliau berdakwah menyebarkan agama Islam bukan kerana Sultan dan ingin mendapat penghargaan bahkan dakwah dan perkhidmatan beliau adalah semata-semata kerana Allah S.W.T.[701]

5.5.4.2. Peranan dan Sumbangan Engku Alwi Dalam Pembinaan Masyarakat

Engku Alwi adalah seorang ulama yang sangat gigih memperjuangkan dan menerapkan nilai-nilai agama Islam di daerah Kuala Terengganu. Beliau seorang yang ramah, murah senyuman dan berakhlak mulia, jadi orang ramai tidak segan dan malu untuk berurusan dan bertanya kepada beliau tentang berbagai perkara yang berhubung dengan permasalah sosial dan agama. Banyak fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh beliau dapat membantu masyarakat dalam merungkaikan kemusykilan yang timbul di kalangan mereka serta membina generasi yang memahami konsep beragama dengan sempurna.

Sebagai seorang mufti kerajaan Terengganu, beliau sangat mengambil perhatian terhadap keadaan sosial masyarakat. Pernah menjawab permasalahan tentang hukum penggunaan nama-nama Allah untuk dijadikan nama jalan atau lorong, dengan ijtihad sendiri, beliau menjawab bahawa hukum penggunaan nama-nama Allah untuk jalan atau lorong itu tidak diharuskan kerana jalan itu adalah tempat laluan orang ramai, dikhuatiri berlaku pencemaran oleh karenah manusia yang jahil. Namun begitu lebih baik nama-nama Allah itu diletakkan di dalam rumah atau tempat-tampat ibadah atau juga pada pejabat institusi-institusi keagamaan.[702]

---

[701] *Ibid.*,
[702] Engku Haji Alwi (2010), *op. cit.*, 33.

Berhubung dengan isu-isu yang timbul di kalangan ahli masyarakat khususnya dalam qaryah yang didiaminya, beliau adalah antara orang yang menjadi tempat rujukan dalam memutuskan sesuatu pandangan atau pendapat walaupun sudah lama bersara, ini berdasarkan pengalaman dan ilmu yang dimilikinya sangat tinggi. Sebagai contoh, sekitar empat tahun yang lepas, Masjid Raja Bukit Besar yang dahulu diperbuat daripada kayu ingin dirobohkan dan di ganti dengan sebuah bangunan masjid baru yang lebih besar dan selesa seperti mana sekarang ini. Maka jawatan kuasa masjid telah merujuk kepada beliau terlebih dahulu sebelum kerja-kerja merobohkan masjid lama dijalankan.[703] Pertanyaan seumpama ini pernah dikemukakan kepada beliau ketika masih memegang jawatan mufti juga berhubung dengan pembinaan sebuah masjid baru di atas tapak baru yang dicadangkan berhampiran dengan masjid yang sedia ada yang di bina di atas tanah wakaf masjid. Jadi menurut beliau, membina bangunan masjid baru di atas tapak baru yang dicadangkan berhampiran dengan masjid yang sedia ada kira-kira jaraknya di antara kedua-duanya 500 kaki sahaja adalah satu perkara yang tidak diharuskan oleh syarak kerana sebab-sebab berikut:[704]

i. Bangunan masjid yang sedia ada boleh digunakan dan tidak ada sebarang ancaman terhadap keselamatan pengguna/pengunjung masjid itu di samping ia tidak ada sebab-sebab yang munasabah di sisi syarak untuk dibina masjid baru.
ii. Masalah kesempitan kawasan masjid yang sedia ada boleh diatasi dengan cara pengambilan balik tanah sekitar masjid bagi menambah keluasan.
iii. Sekiranya masjid baru yang dicadangkan itu dilaksanakan maka ia akan membawa kepada terbiarnya masjid yang sedia ada dengan tidak dimanafaatkan lagi atau dirobohkannya bagi mengelak kemungkinan disalahgunakan seperti dijadikannya

[703] Tuan Haji Che Ismail bin Salleh (Imam 1 Masjid Raja Bukit Besar di Masjid Raja 1503 Jalan Ibrahim Kampung Bukit Besar Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2012.
[704] *Keputusan Fatwa Mufti Negeri Terengganu Siri 3* (1988-2000). Terengganu: Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 23-24.

tempat yang kedua didirikan solat Jumaat dalam satu qaryah, kedua-dua perkara tersebut akan menghilangkan tujuan asal orang yang mewakafkan masjid berkenaan.

iv. Apa yang penting mengenai sesebuah masjid itu ialah bangunannya itu boleh diguna tanpa ancaman terhadap keselamatan pengguna, sikap mementingkan keindahan atau berlumba-lumba membina masjid baru bagi maksud duniawi semata-mata seharusnya dikikis kerana sikap seumpama itu dicela oleh syarak seperti mana sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud:

> "Aku tidak diperintahkan supaya membangunkan masjid dengan bangunan-bangunan yang besar dan indah. Ibnu Abbas berkata, demi sesungguhnya kamu akan menghiaskan masjid-masjid itu seperti mana orang-orang Yahudi dan Nasrani menghiaskan tempat-tempat ibadat mereka".
>
> (Rawahul Abu Daud)

Sekiranya ada kemungkaran atau budaya yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Terengganu, beliau dengan tegas dan berhemah memperbetulkan perilaku tersebut agar tetap berada pada jalan yang benar. Walaupun kemungkaran itu dilakukan oleh seorang keluarga Diraja atau keluarga pembesar. Beliau tetap menegur dan memperbetulkannya tanpa ada rasa takut dan segan kerana bagi beliau komitmen dalam melaksanakan amal ma'ruf nahi munkar itu mestilah ditegakkan walaupun mereka yang melakukan perbuatan tersebut terdiri daripada masyarakat awam, para pembesar negeri atau keluarga Diraja.[705]

Suatu ketika, timbul permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam Terengganu kesan daripada tranformasi budaya dari luar yang melanda muda mudi untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan hukum hakam Islam iaitu

[705] Dato' Engku Alwi (matan mufti, di Rumahnya No. 1457B Lorong Bahagia, Kampung Pasir Panjang , 21100 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 31hb. Jun 2010.

perbuatan melakukan hubungan persetubuhan di luar nikah yang mengakibatkan berlaku kehamilan di kalangan wanita sebelum berlakunya perkahwinan. Jadi bagaimana persoalannya berkaitan dengan anak luar nikah itu? Dalam hal ini, hasil muzakarah di kalangan Mufti Kebangsaan memutuskan bahawa anak luar nikah sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua ibu bapanya atau tidak, maka anak tersebut hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah (hamba Allah). Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Imam Ahmad yang maksudnya: "*Anak diluar nikah adalah terserah kepada ibu dan bagi bapa(penzina) itu hanya mendapat batu sahaja".*[706]

Kemudian, timbul persoalan berhubung dengan pasangan suami isteri yang tidak dikurniakan zuriat kalangan masyarakat Terengganu, mereka berhasrat untuk mengambil anak angkat. Maka dalam perkara ini timbul permasalahannya yang mana bolehkah anak angkat itu dibinkan kepada bapa angkat atau bapa kandungnya? Dalam isu ini, semasa diadakan majlis muzakarah Mufti Kebangsaan yang diikuti oleh Engku Alwi selaku mufti Terengganu, beliau telah menjawab persoalan tersebut di mana anak angkat hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada bapa kandungnya (asalnya). Ini berdasarkan Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Ahzab 33: 5 iaitu:

ٱدۡعُوهُمۡ لِأٓبَآئِهِمۡ هُوَ أَقۡسَطُ عِندَ ٱللَّهِۚ فَإِن لَّمۡ تَعۡلَمُوٓاْ ءَابَآءَهُمۡ
فَإِخۡوَٰنُكُمۡ فِي ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمۡۚ وَلَيۡسَ عَلَيۡكُمۡ جُنَاحٞ فِيمَآ
أَخۡطَأۡتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتۡ قُلُوبُكُمۡۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمًا
﴿٥﴾

Maksudnya:

[706] *Keputusan Fatwa Mufti Negeri Terengganu Siri 3* (1988-2000), *op. cit*., 25.

> “Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu. dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani)”.

Manakala persoalan yang berkaitan dengan seseorang berbangsa Cina atau India yang tertarik dengan agama Islam, sama ada melalui pengalaman peribadi atau perjalanan mereka mencari Tuhan atau sebab-sebab lain sehingga mereka betul-betul berminat untuk memeluk Islam. Sehingga ramai orang-orang China atau India yang memeluk Islam sama ada di negeri Terengganu atau negeri-negeri lain. Persoalan yang timbul berkenaan isu tersebut ialah bagaimanakah masalah nama dan binnya. Maka dalam hal ini muzakarah Mufti Kebangsaan dengan mudah menjawab persoalan ini dengan menjelaskan bahawa nama seseorang itu tetap tidak perlu diubah dan dibinkan atau dibintikan Abdullah tetapi seseorang itu hanya ditambah nama Islamnya sahaja. Contohnya Wong Ah Kau dengan ditambah nama Islamnya bererti Ahmad Wong Ah Kau. Atau Subramaniam ditambah nama Islamnya menjadi Muhammad Subramaniam.[707]

Engku Alwi merupakan seorang Mufti Terengganu yang memegang jawatan paling lama sehingga sepuluh tahun memandangkan kepakarannya dalam bidang keagamaan amat sukar dicari ganti. Bagi mengenangkan jasa beliau, Al-Marhum Sultan

[707] *Ibid.,* 26.

Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah mengurniakan beliau dengan gelaran "Engku Pengeran Arif DiRaja" pada tahun 1997.[708]

5.5.5 Sumbangan Engku Alwi Dalam Bentuk Karya Penulisan Ilmu-Ilmu Islam

Engku Alwi adalah seorang ulama yang sangat berdisiplin dan bersemangat kental dalam berdakwah menyebarkan ilmu-ilmu agama Islam di kalangan masyarakat awam di Negeri Terengganu. Beliau telah menyumbang pemikirannya melalui dua bahagian iaitu:[709] Berdakwah Dan Mengajar.

a) Engku Alwi mula bergiat aktif dalam bidang pengajaran dan dakwah bermula sebagai guru agama di sekolah-sekolah sejak tahun 1970an hingga sekarang masih meneruskan usaha dakwahnya melalui masjid dan surau yang terpilih, antaranya Masjid Raja Bukit Besar Kuala Terengganu dengan jadual kuliahnya seperti berikut:

- Kuliah Magrib; Malam Isnin. Sayarahan Tentang ilmu Hadis, mengulas Kitab Mustika Hadis.
- Kuliah Subuh; Hari Khamis. Syarahan ilmu Fiqh, mengulas Kitab Fathul Muin.
- Mengajar di Masjid Surau Panjang pada pagi Jumaat, dan Surau Gong Kapas sekitar tahun 1970an. Beliau juga pernah mengajar di Masjid Kampung Udang Bukit Penyug sekitar tahun 1970 hingga awal tahun 1980an, menyampaikan kuliah Maghrib tiap-tiap malam Isnin.

b) Hasil Karya Penulisannya;

Di samping mengajar dan berdakwah, Engku Alwi juga merupakan seorang Mufti Terengganu yang memegang jawatan paling lama. Sepanjang perkhidmatannya, beliau selalu mempengerusikan majlis fatwa ketika bersidang dan mengeluarkan fatwa-fatwa

[708] Fail JMNT
[709] *Ibid.,*

yang berkaitan dengan keagamaan dan sosial masyarakat Muslim Terengganu. Beliau juga telah menghasilkan karya yang berguna kepada masyarakat sepanjang memegang jawatan Mufti iaitu:

a) Buku Kumpulan Fatwa-Fatwa (1980-2000) sepanjang menjadi Mufti.[710]
b) Buku Panduan Korban. Buku ini mengandungi cara-cara yang betul untuk menjalankan ibadah penyembelihan korban dan aqiqah menurut hukum Islam. Begitu juga dijelaskan tentang syarat-syarat haiwan korban yang sah untuk dijadikan binatang korban pada hari raya Aidil Adha dan banyak lagi perkara-perkara lain yang dijelaskan dalam buku ini.[711]
c) Mengeluarkan Kalendar Islam yang diselaraskan dengan Kalendar Masihi.[712]

5.6 Kesimpulan

Ulama adalah seorang yang arif dan ‘alim dalam bidang ilmu-ilmu agama, seperti Al-Qur’an, al-Hadis, Ilmu Tafsir, Ilmu Fiqh, Ilmu Tauhid, Ilmu Tasawuf. Ulama merupakan pewaris para Nabi dan Rasul, mereka berjuang menyebar dan membina tamadun Islam di seluruh dunia tanpa mengharapkan ganjaran, hanya mengharapkan pahala dan keredhaan Allah S.W.T.

Jasa mereka sangat mulia dan tidak dapat ditukar dengan kekayaan dan kemewahan dunia. Usaha merekalah menyebabkan Islam berkembang di seluruh dunia termasuk gugusan Kepulauan Melayu (Nusantara). Islam sebagai agama samawi yang di bawa oleh para ulama bermula di Tanah Arab khusunya dari Hadramaut (Yaman Selatan) yang kebanyakan di kalangan ulama tersebut terdiri daripada golongan Syed.

---

[710] Buku-Buku Fatwa ini masih tersimpan di Pejabat Mufti Negeri Terengganu.
[711] *Ibid.,*
[712] Takwim Hijri dengan Masihi itu dibuat dengan mengikut awal hijrah iaitu bermula dengan bertepatan tahun 200 Masihi.

Ulama golongan Syed khususnya di Terengganu mempunyai jasa yang sangat besar dalam perkembangan dan pembinaan tamadun Islam terutamanya peringkat awal permulaan Islam. Sepertimana penulis perincikan dalam perbahasan ini, mereka sangat menonjol serta banyak memberi sumbangan kepada masyarakat Terengganu. Lima orang ulama Syed tersebut iaitu; **Pertama,** Syed Ahmad (Tuk Ku Malaka) merupakan seorang ulama yang sangat masyhur pada zamannya. Beliau berdakwah menyebarkan agama Islam meliputi Melaka dan Terengganu. Banyak menulis dan menghasilkan terjemahan buku-buku yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama Islam.

Kedua, Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) seorang ulama yang sangat rapat dengan rakyat dan merupakan pemimpin kerajaan Terengganu. Memiliki kelebihan serta keilmuan yang luar biasa sehingga memudahkan beliau memberi kefahaman tentang ilmu-ilmu Islam kepada rakyat Terengganu dengan bahasa yang mudah dihafal dan diamalkan dalam kehidupan harian mereka. Seorang ulama yang sangat warak, tawadhuk, sederhana dalam ilmunya sehingga diangkat menjadi pemimpin di kalangan ulama dalam membina dan berijtihad, berfatwa menghasilkan hukum- hakam Islam untuk diterapkan dalam masyarakat Islam Terengganu.

Ketiga, Syed Abdul Rahman (Tok Ku Paloh) seorang ulama yang sangat karismatik dan memiliki karamah. Ketika bersama Sultan Zainal Abidin III, beliau mampu mempertahankan kerajaan Terengganu daripada penjajah British dan memiliki pengetahuan yang sangat luas dalam ilmu Tasawuf, Tafsir, Fiqh dan sebagainya. Walaupun sangat sibuk mengurus mentadbir kampung Paloh, beliau tetap istiqomah dalam memberi syarahan agama khususnya di Masjid Paloh dan tempat-tempat lain.

Keempat, Shaykh Syed Yusof al-Zawawi adalah seorang ulama berasal dari Mekah ditawarkan jawatan Mufti Negeri Terengganu. Beliau adalah seorang ulama yang tegas dan berani menegakkan kebenaran. Seperti satu pertelagahan dalam isu politik sehingga kafir-mengkafir antara umat Islam, beliau berani mengeluarkan fatwa adalah haram membuat tuduhan kafir kepada pihak lawan politiknya.

Kelima, Engku Alwi adalah cucu kepada Tuk Ku Tuan Besar, beliau merupakan ulama yang berjuang mengabdi dan mengembangkan agama Islam kepada masyarakat Terengganu, sejak masih muda hingga sekarang, sentiasa beristiqomah mengajar dan memberi syarahan agama di masjid-masjid, surau serta jemputan di majlis-majlis ilmu di sekitar Kuala Terengganu. Walaupun gelaran kebesaran beliau digugurkan oleh Sultan Mizan Zainal Abidin, namun beliau terus berjuang menyebarkan ajaran Islam, satu cabaran hebat baginya untuk membina tamadun Islam supaya masyarakat Terengganu bersama-sama mengamalkan nilai-nilai Islam.

BAB ENAM

PENUTUP

6.1 KESIMPULAN

Penyebaran Islam secara berterusan atau beristiqamah di seluruh pelusok dunia oleh masyarakat berketurunan Syed Alawiyyah berlandaskan kepada tiga sumber kekuatan dalam Islam yang masih teguh hingga ke hari ini iaitu : *Pertama*, Islam mempunyai kitab al-Quran yang menjadi perlembagaan umat Islam sehingga sekarang tiada siapa yang mampu mengubahnya bahkan ia terpelihara sehingga hari kiamat. *Kedua*, kekuatan sanad yang tidak boleh dipisahkan kerana Islam adalah ajaran yang disampaikan berdasarkan kekuatan sanad seperti ibadah solat yang sampai kepada kita pada hari ini adalah berdasarkan kekuatan sanad yang tidak terputus. *Ketiga* kekuatan Ahlul Bait berketurunan keluarga Rasulullah S.A.W. hingga sekarang telah tersebar ke seluruh dunia. Dengan ketiga-tiga kekuatan ini Islam masih bertahan di muka bumi ini.

Kedatangan golongan Syed Alawiyyah ke Nusantara khususnya ke Tanah Melayu telah membawa suatu perubahan kepada masyarakat setempat. Golongan ini biasanya datang untuk berniaga, berdakwah dan seterusnya mendapat tempat istimewa sebagai pemerintah sesebuah negeri. Perjuangan Syed Alawiyyah yang bertebaran ke serata dunia dari dahulu hingga sekarang sangat memberangsangkan dan amalan ini mesti diteruskan dan perlu mendapat sokongan daripada seluruh umat Islam sehingga akhir zaman memandangkan kekuatan mereka dalam perjuangan menyebarkan agama Islam diseluruh dunia memberi kesan yang sangat baik. Sepertimana perjuangan golongan Syed Alawiyyah di Nusantara secara turun temurun, dengan keberkatan dan kesungguhan mereka dalam usaha dakwah tersebut menyebabkan pada peringkat awalnya Islam dijadikan agama rasmi oleh semua kerajaan yang ada di Nusantara

ketika itu seperti Kerajaan Malaka, Kerajaan Demak, Kerajaan Samudra Pasai, Kerajaan Johor, Kerajaan Lingga, Kerajaan Terengganu dan sebagainya.

Dalam konteks penyebaran dakwah Islamiyyah di dalam masyarakat Melayu pula, ulama disifatkan menyerupai kiyai dalam masyarakat Jawa, iaitu golongan cendekiawan Islam yang berfungsi dalam pelbagai lapangan dan berpengaruh dari segi penentuan arus dan arah sosial masyarakat. Apatah lagi sekiranya mereka lahir sebagai ilmuan yang berjasa besar kepada perkembangan masyarakat setempat, sebagaimana Daud Beureueh, di Acheh, yang bukan sahaja hidup sebagai guru tetapi dianggap bertanggungjawab menyebabkan terbangunnya masjid, terbinanya jalan dan jambatan, dan terbukanya taliair[713] atau Tok Ku Tuan Besar yang bertanggungjawab membawa kepada penubuhan surau, masjid dan tempat-tempat menjalankan hukuman terhadap pesalah di Negeri Terengganu, atau tokoh yang melahirkan keturunan berupa ilmuan-ilmuan Islam zaman berzaman.

Selepas kedatangan Islam ke Terengganu, tradisi keilmuan terus tumbuh dan berkembang di Terengganu, bermula dari corak pengajian di rumah, surau, langgar dan masjid sehingga ke peringkat pondok dan akhirnya hari ini kerajaan Negeri Terengganu berjaya mewujudkan sebuah institusi pengajian tingginya sendiri iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)[714] yang beroperasi di Gong Badak atas berkat usaha para ulama terdahulu memperjuangkan dakwah penyebaran Islam dan tradisi keilmuan yang berterusan.

---

[713] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, *op.cit*., 22-23. Lihat James T, Siegal, *The Rope of God* (Berkeley: University of Calofornia Press,1969), 56-57.

[714] Universiti Sultan Zainal Abidin ini mengambil nama sultan yang memerintah negeri Terengganu, khususnya Sultan Zainal Abidin III yang mempunyai sifat kewarakan dan kealiman yang bertaraf ulama semasa baginda bersama-sama mentadbir negeri Terengganu dengan Tok Ku Paloh.

Beginilah sebenarnya situasi yang sering lahir apabila ulama sebagai pendidik berperanan dengan penuh kekesanan; impaknya merata dan mendalam. Kawasan tempat beliau mengajar bertukar menjadi daerah budaya Islam, yang berpaksikan masjid, surau atau madrasah, ataupun kesemuanya itu, dan pusat pengajiannya bertukar menjadi perkampungan Islam atau perkampungan pondok, dalam pada itu ulama juga adalah individu sebagaimana anggota-anggota masyarakat yang lain, tetapi kedudukan mereka boleh bertukar menjadi institusi apabila mereka dipandang sebagai pemimpin agama, tempat rujukan universal dalam perkara keakhiratan dan hal-ehwal keduniaan, tokoh yang serentak mampu bertindak sebagai pengaman, pendinding dan penaung, dan manusia luar biasa, sekurang-kurangnya dalam konteks sosial tempat mereka beroperasi.

Sepanjang sejarah Terengganu merentasi 500 tahun pentadbiran Islam bermula dengan Batu Bersurat yang ditemui di Kuala Berang, ulama memainkan peranan dalam pentadbiran dan sentiasa berdampingan dengan pemerintah, apatah lagi jika perhubungan itu ditentukan oleh perwatakan ulama, biasanya mampu menjadikan ilmuan-ilmuan itu ‘orang dalam’ yang dapat memainkan peranan bermakna dalam pentadbiran dan proses politik, di samping mempunyai ruang yang lebih besar untuk bergerak dalam masyarakat, maka ulama berketurunan Syedlah yang ternyata begitu releven serta menunjukkan mereka ini membawa mesej yang agak luar biasa kepada masyarakat yang bernilai tinggi dari segi peradaban.

Ulama yang muncul selepas kedatangan dan penyebaran Islam di Malaysia ini ternyata bertindak dalam kerangka sosial yang sedia diresapi oleh nilai-nilai Islam, sekalipun masyarakat berkenaan tidak semestinya berjalan sepenuhnya atas landasan Islamiyyah. Hal ini memudahkan penglibatan ulama, kerana kesedaran Islam yang

mendasari perkembangan dan perubahan hidup membantu kemasukan dan pembabitan ulama berkenaan dengan mudah.

Masyarakat Islam Melayu yang terbentuk melalui proses pengislaman ini juga ialah masyarakat yang terbuka kepada pengaruh Islam luar. Masyarakat Islam Terengganu juga adalah sebahagian daripada masyarakat Islam Malaysia ini, dan masyarakat Islam Malaysia ini adalah sebahagian daripada masyarakat Islam Nusantara, dan masyarakat Islam Nusantara adalah sebahagian daripada dunia Islam yang berpusat di Mekah. Oleh yang demikian, dunia masyarakat Islam Terengganu turut sama terdedah dan menjadi medan terbuka kepada anggota masyarakat Islam luar. Maka tidak hairanlah di sepanjang sejarah Islam Negeri Terengganu, pedagang dan mubaligh telah datang ke negeri ini, sama ada untuk singgah buat sementara waktu atau menetap terus di tempat ini.

Kedatangan golongan Syed ini dikatakan telah membawa cahaya baru untuk mengubah cara hidup lama masyarakat Terengganu dan pengaruh golongan ini menjadi lebih kuat melalui pendampingan mereka dengan istana dan menjadi lebih rapat lagi apabila ada daripada golongan Syed yang berkahwin dengan kerabat Diraja. Melalui cara ini pula maka raja berkedudukan mempengaruhi rakyat dengan membawa mesej mereka dengan keilmuan dan sahsiah yang dimilikinya. Ketokohan golongan ini amat menonjol dalam bidang agama dan pentadbiran negeri Terengganu sehingga mereka telah diberi kepercayaan oleh Sultan bersama-sama mengendalikan hal-hal pentadbiran negeri. Kesungguhan dan kegigihan dalam perjuangannya yang sanggup menempuhi segala cabaran demi untuk penyebaran agama Islam dan memberi pemahaman kepada seluruh masyarakat Terengganu supaya mereka mampu mengamalkan ajaran dan nilai-nilai Islam yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Sebenarnya perkara seumpama ini

juga telah berlaku semenjak zaman Melaka, dan sepanjang sejarah Islam di Malaysia, ulama pula sering mendekati istana atau pusat kuasa, dan di sana atau dari sana, mereka bergerak memainkan peranan mereka.

Dalam hal yang sedemikian, ulama juga bukan sahaja muncul sebagai seorang guru tetapi juga sebagai penasihat kepada pemerintah, satu kedudukan strategis yang membolehkan mereka berfungsi lebih besar dan berkesan dalam skima pengislaman negara dan masyarakat. Masyarakat yang dipayungi oleh kekuasaan sultan atau raja, dan insaf tentang keperluan mentaati dan mematuhi *ulil amri*, tidak berada dalam keadaan berkonflik dengan ulama yang bergerak dan berdamping dengan pemerintah. Hubungan simbiotis antara ulama dan umara jelas sekali mendapat restu dan sokongan rakyat. Kesemua pihak kelihatan bergerak dan berinteraksi dalam satu sistem yang padu, walaupun masing-masing hidup berasingan dari segi fizikal, dan bekerja di tempat-tempat berlainan.

Tidak asing juga dalam sejarah Islam Terengganu, banyak mengandungi babak-babak ulama menjadi penasihat istana, tetamu Diraja, guru sultan, dan dalam bentuk yang lebih rasmi, mufti, syeikhul ulama dan syeikhul Islam. Melalui pendampingan ulama dengan sultan terutamanya semasa Kerajaan Terengganu berada di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan Baginda Omar, baginda berdua begitu berminat terhadap kemajuan Islam dalam negeri dan perkembangan Islam di luar negeri. Baginda sendiri sering mengunjungi tempat-tempat pengajian agama seperti di Losong dan Paloh.[715] Dengan kehadiran Tok Ku Paloh juga sebagai penasihat di istana, dan ipar kepada raja, telah memberi ruang kepadanya membentuk kepimpinan negeri lebih-lebih lagi Sultan Zainal Abidin III merupakan seorang pemerintah yang warak,

[715] Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan.op.cit.*, 16.

jelas beroperasi di bawah pengaruh ilmuan tersebut. Demikian juga keadaan di Besut, Wakil Raja, Tengku Wok,[716] telah menunjuk dan memberi kerjasama bermakna kepada perjuangan Tuan Guru Haji Hussein, yang turut terlibat dalam pentadbiran daerah dan ini bukanlah suatu keganjilan bagi seorang pemimpin yang mengerti kedudukan ulama dan aspirasi rakyat. Sejajar dengan kefahaman itulah maka ulama asing diberi tempat dan kemudahan untuk menjalani kehidupan di Terengganu, bahkan lebih daripada itu sehingga mereka mampu melaksanakan pemerintahan berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma dan al-Qiyas, sehinggakan fungsi ulama seperti Tok Ku Tuan Besar menjadi lebih bererti, kerana mereka dapat beroperasi dalam kerangka Islam yang sebenar.

Malangnya ternyata pada hari ini golongan Syed tidak berperanan besar lagi dalam masyarakat apakah jumlah mereka semakin kecil atau mereka tidak menumpukan kepada agama seperti dahulu? Atau ada saingan daripada pihak lain atau golongan lain atau tokoh-tokoh korporat lain atau ulama keturunan bukan Syed. Persoalannya di manakah mereka hari ini?

Setelah membuat penelitian melalui hasil kajian ini, penulis mendapati hanya sebilangan kecil daripada mereka yang masih berperanan dalam perkembangan Islam dan masih aktif dalam meneruskan kesinambungan perjuangan ulama-ulama golongan Syed Terengganu yang terdahulu pada hari ini. Antaranya; Al-Aalimul Al-Allamah Dato' Syed Omar bin Abdul Kadir al-Idrus (Ahli Dewan Pangkuan DiRaja). Cucu Tok Ku Paloh yang mewarisi dalam urusan ilmu agama dan banyak mengajar ilmu-ilmu di madrasah di pelusok negeri. Beliau juga mengikuti jejak langkah datuk dan bapa saudaranya berhubung rapat dengan pihak istana. Ustaz Syed Mohd. Norhisyam al-Idrus (Tuan Padang) daripada keturunan Tuk Ku Malaka di sebelah bapanya iaitu Mohd

[716] *Ibid*. 16.

Norhisyam bin Abdullah bin Muhsin bin Hasan bin Ahmad (Tuk Ku Malaka) juga bergiat aktif dalam penyebaran dakwah Islam yang sering kali muncul di kaca television sebagai penceramah agama. Ustaz Syed Mustafa (Tuan Baru) bin Abdullah bin Mustafa al-Idrus, cucu Tok Ku Paloh di sebelah bondanya, yang sedang meneruskan usaha-usaha Tok Ku Paloh di masjid peninggalannya. Seterusnya cicit Tok Ku Paloh (Ustaz Syed Suhaimi bin Hasan bin Saggaf al-Idrus) sedang mengendalikan sebuah pondok Tahfiz al-Quran di Bukit Jong Kuala Terengganu. Manakala cicit Tok Ku Paloh (Ustaz Syed Hizaruddin bin Hasan bin Saggaf al- Idrus) merupakan seorang pendakwah dan penceramah agama kelulusan pondok. Engku Alwi bin Ahmad (Engku Ambak) bin Abdullah al-Idrus, bekas mufti Terengganu dan berkelulusan Universiti Al Azhar, juga cicit Syed Zain bin Mohd (Tok Ku Tuan Besar). Salah seorang anak kepada Engku Alwi yang juga mewarisi tokoh keilmuan dari keturunan Syed iaitu Profesor Madya Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi sebagai Dekan Fakulti Kontemporari Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Kuala Terengganu. Ustaz Engku Ali bin Mohd (Engku Endut) bin Abdullah Al Idrus, cicit Syed Zain bin Mohd (Tok Ku Tuan Besar) merupakan seorang pendakwah yang mengadakan kuliah di masjid-masjid sekitar Kuala Terengganu dan pengarang kitab-kitab agama antaranya tentang solat. Ustaz Syed Nazmi bin Husin (Tuan Taufik) al-Idrus, seorang Qadi Daerah Kuala Berang dan pendakwah yang berkelulusan Universiti Islam Madinah. Bapa beliau merupakan cicit Tok Ku Tuan Dalam. Engku Saiful Mukhtar bin Zain (Engku Wook) bin Mustafa al-Idrus, seorang guru agama kelulusan pondok yang memiliki pondok untuk penuntut-penuntut ilmu di Kampung Pantai Ali di Pasir Tinggi Bukit Payong, Terengganu. Ustaz Syed Mohd. Hafiz bin Syed Omar al-Idrus, seorang pensyarah dalam bidang Syariah di UNISZA merupakan kelulusan daripada Universiti Al Azhar. Ustaz Syed Ahmad Tarmizi bin Syed Omar al-Idrus, seorang pensyarah dalam bidang tafsir di USIM kelulusan daripada Universiti Al Azhar

Setersusnya anak kepada Syed Yusof al-Zawawi iaitu Dato' Dr. Syed Mohd Salleh juga aktif dalam mengadakan aktiviti dakwah dan sangat mengambil berat terhadap jaringan hubungan di antara keluarga Syed di Mekah, Indonesia dan di tempat-tempat lain.

Secara keseluruhannya keberkesanan pengaruh ulama golongan Syed jelas dapat dilihat melalui peranan mereka dalam politik, agama dan kesasteraan. Keberkesanan pengaruh mereka lebih terserlah pada awal abad ke 18 hingga 20, namun penyerlahan tersebut semakin berkurangan dan pudar selepas pemergian mereka, dan paling ketara sekali selepas campurtangan Inggeris dalam pentadbiran kerajaan Terengganu.

Justeru itu, berkat perjuangan para ulama di atas hingga saat ini, jasa-jasa mereka masih dikenang oleh masyarakat Terengganu yang beragama Islam. Bahkan hukum hakam Islam yang diterapkan oleh mereka dahulu pun masih terpakai, seperti hukum perkahwinan, hukum waris, hukum takzir dan sebagainya.

Akhirnya, tesis ini dilihat penting kepada pembaca kerana kajian terhadap lima orang tokoh ulama golongan Syed di Terengganu ini secara berkumpulan masih belum diterokai oleh mana-mana pengkaji. Sungguhpun sudah ada pengkaji yang menulis tentang ulama yang sama, tetapi konsep kajiannya hanya bersifat seorang individu sahaja tanpa menjurus kepada ulama golongan Syed yang merangkumi beberapa orang tokoh tersebut. Dengan cara ini, jaringan kekeluargaan antara mereka jelas kelihatan sehingga dapat menyatukan titik pertemuan di antara mereka yang terkandung di dalam susurgalur keluarga Ahlul Bait.

6.2 CADANGAN KAJIAN

Setelah penulis membuat kajian dan penelitian terhadap peranan ulama golongan Syed dalam penyebaran dakwah Islamiyyah dan membina tamadun Islam khususnya di negeri Terengganu yang melibatkan lima orang tokoh yang berpengaruh dalam perkembangan Islam di Terengganu. Kesemua mereka sangat mendapat perhatian dari segenap lapisan bukan sahaja di kalangan masyarakat Terengganu bahkan menjangkau ke peringkat Nusantara. Karya-karya yang dihasilkan oleh mereka sehingga sekarang masih perlu dikaji lebih lanjut. Sehubungan itu penulis ingin melontarkan beberapa cadangan dalam tesis ini untuk masa hadapan, iaitu:

1. Budaya kehidupan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah di kalangan masyarakat Terengganu sehingga kebelakangan ini semakin lemah dan berkurangan. Kerajaan Terengganu perlu mengulangi keunggulan pentadbiran yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah dengan melibatkan golongan ulama dalam pentadbiran termasuk sebagai pembuat dasar. Perkara ini boleh menjadi kenyataan sekiranya pihak istana juga mengulangi kehebatan yang telah ditunjukkan oleh sultan-sultan terdahulu yang menjadikan golongan ulama sebagai penasihat, pentadbir dan sebagainya dalam kerajaan.
2. Tokoh-tokoh terbilang khususnya Tuk Ku Malaka, Tok Ku Tuan Besar, Tok Ku Paloh, sepatutnya kerajaan Terengganu mengiktiraf mereka sebagai tokoh pahlawan Nasional atau menamakan sesuatu tempat supaya dapat memasyhurkan nama mereka memandangkan saham mereka adalah jauh lebih besar daripada sumbangan tokoh-tokoh tertentu yang lain. Kerana perkara ini bukanlah satu kesalahan bagi setengah pihak memberi penghormatan dalam bentuk anugerah dan gelaran kepada para ulama, sebagai mengenang atau megiktiraf jasa dan sumbangan mereka. Apatah lagi jika itu

semua dilakukan atas perkiraan yang diresapi oleh roh Islam dan dengan tujuan membangkitkan kecintaan kepada orang yang berilmu. Tidakkah Rasulullah S.A.W. sendiri, dalam sebuah Hadisnya, menerangkan bahawa *"Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya, penghuni langit dan bumi sehingga semut dilubangnya dan ikan di laut semuanya berdoa dan memohon untuk alim ulama yang mengajar manusia ke arah kebaikan (mentaati Allah)."* Walau bagaimanapun kita tidak menafikan bahawa perkara ini ada dilakukan oleh kerajaan, seperti Sekolah Agama Shekh Abdul Malik, Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Universiti Sultan Zainal Abidin namu ia masih belum menyeluruh kepada tokoh-tokoh yang amat berjasa selain daripada itu seperti Tok Ku Paloh, sepatutnya Kerajaan Negeri boleh sahaja menamakan Muzium Losong itu sebagai Muzium Tok Ku Paloh memandangkan muzium itu sendiri berada bersebelahan Kampung Paloh, atau Perpustakaan Negeri Terengganu itu diletakkan sahaja nama Perpustakaan Tok Ku Malaka memandangkan beliau seorang ilmuan yang banyak menulis kitab-kitab agama yang berkualiti. Tidak kurang juga dengan Tok Ku Tuan Besar memandangkan jasanya yang sangat terbilang di dalam pentadbiran Negeri Terengganu bahkan anak-anak beliau juga telah dididik dan diasuh menjadi tokoh-tokoh yang hebat juga di Negeri Terengganu, maka kerajaan boleh juga menamakan Wisma Negeri contohnya sebagai Wisma Tok Ku Tuan Besar dan sebagainya. Justeru itu melalui pengangkatan terhadap nama-nama ini maka sudah pasti masyarakat akan teruja untuk mengetahui dan menyebabkan mereka berfikir serta bertanya siapakah orang tersebut beserta jasanya sehingga nama mereka diangkat sedemikian rupa.

3. Syed Yusof al-Zawawi adalah salah seorang tokoh yang berkaliber, walaupun beliau tidak tergolong dalam keluarga al-'Idrus tetapi pada dasarnya beliau masih dalam keluarga besar Ahlul Bait. Dengan pengaruhnya yang sangat besar di Negeri Terengganu, sememangnya beliau layak mendapat penghormatan dan darjah khususnya dicadangkan oleh pejabat Mufti untuk beliau sebagai tokoh Nasional.

4. Cadangan kepada kerajaan negeri Terengganu yang mempunyai kekayaan hasil bumi Terengganu yang juga hasil perjuangan ulama terdahulu. Apalah salahnya sekiranya diadakan perpustakaan khusus atau ruangan khas untuk seluruh para ulama Terengganu bagi penyimpan bahan sejarah hasil peninggalan mereka terutama seluruh karya ulama-ulama Terengganu supaya mudah untuk dirujuk, termasuk hasil kajian intelektual yang telah membuat kupasan terhadap ulama-ulama Terengganu/ kitab-kitabnya disimpan di sana.

5. Kerajaan negeri seharusnya mengambil inisiatif untuk memelihara bahan-bahan sejarah daripada peninggalan mereka seperti surau, Masjid Tok Ku Tuan Besar dan Masjid Tok Ku Paloh dengan menaikkan taraf bangunan tersebut serta mempamerkan sejarah perjuangan mereka di ruangan luar masjid agar jasa mereka sentiasa dalam kenangan terutamanya oleh generasi muda hari ini.

6. Kepada waris-waris ulama ini khususnya yang memiliki kitab-kitab lama yang usianya lebih 400 ratus tahun atau bahan-bahan peninggalan sejarah tokoh-tokoh yang terkenal ini, agar tidak menyimpan secara persendirian di rumah sahaja bahkan terpusat di sesuatu tempat. Sekiranya bahan tersebut boleh dibuat salinan, apalah salahnya ia disalinkan dan dihantar ke perpustakaan ulama Terengganu bagi memudahkan orang ramai sama ada rakyat Terengganu atau sesiapa sahaja untuk merujuknya. Sekiranya berlaku penyelewengan terhadap penulisan kitab tersebut oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, maka ia boleh dirujuk di tempat yang direkodkan.

7. Sebagai mengabadikan jasa dan kenangan terhadap pihak ulama dan budayawan bertaraf tinggi di Terengganu, pihak muzium negeri haruslah memberi tempat kepada peranan ulama-ulama dan tradisi pendidikan mereka. Pihak kerajaan patut meluaskan lagi mengabadikan nama-nama tokoh ulama penting pada institusi pengajian, yayasan, badan, bangunan, amanah, biasiswa dan sebagainya. Ianya menjadi ingatan dan contoh teladan serta inspirasi kepada generasi kemudian.

8. Masyarakat yang berketurunan al-Idrus khusus di Terengganu sepatutnya telah menubuhkan sebuah “Yayasan al-Idrus” sebagai mercu tanda mendepani kesatuan dan kekuatan umat Islam dalam mengembangkan aktiviti dakwah Islamyyah kepada seluruh umat manusia di Terengganu dan Malaysia.

9. Waris terdekat tokoh-tokoh ulama ini juga perlu meyedari kepentingan warisan dan keunggulan mereka suatu masa dahulu merupakan tokoh yang sangat disegani dan dihormati. Mereka perlulah meyambung warisan tersebut supaya tidak pupus dan keturunan mereka kembali dihormati dan disanjungi. Malah generasi muda hari ini dapat menjadikannya sebagai “role model” dalam kehidupan seharian.

10. Tanah perkuburan Tuk Ku Malaka, tanah perkuburan Tok Ku Tuan Besar di Chabang Tiga dan Tanah Perkuburan Tok Ku Paloh di Paloh mestilah dipelihara dan dijaga di bawah kelolaan kerajaan sama ada oleh jabatan muzium negeri atau sebagainya, sepertimana tanah perkuburan orang-orang China di Nilai atau di mana-mana dalam negara, telah dijaga dan diurus sangat baik. Antara tujuannya untuk mengelakkan individu tertentu memohon sesuatu hajat di kubur tersebut yang dianggap keramah. Selain itu ia boleh dijadikan tempat kunjungan dan rujukan kepada ahli sejarah dan para pelajar seribu tahu akan datang.

11. Engku Alwi adalah bekas mufti yang paling lama di Negeri Terengganu dan mempunyai jasa yang sangat luar biasa, sepatutnya pihak Sultan tidak mudah untuk menarik balik gelaran Datuk yang telah dianugerahkan kepada beliau disebabkan masalah yang remeh, sewajarnya pihak Sultan mengembalikan semula darjah kebesaran itu kepada beliau sebagai mengenang jasa beliau dalam memperjuangkan kemajuan dan dakwah Islamiyyah di Terengganu.

12. Kepada generasi muda, ahli akademik, ahli politik, golongan pemerintah mestilah meneladani kelima-lima tokoh ini dalam perjuangan membentuk modal insan yang sempurna dan berkarya dengan ikhlas. Manakala kepada para penyelidik seharusnya

hendaklah terus mengkaji terhadap keluarbiasaan yang dimiliki oleh tokoh-tokoh tersebut agar boleh mengelurkan data-data baru yang mungkin belum dijumpai dalam penulisan ini seterusnya dapat melengkapi dan menyempurnakan lagi data-data yang sedia ada.

13. Semoga generasi penyelidik dan penulis akan datang dapat memberi penumpuan kepada tokoh-tokoh ini dan tokoh-tokoh Syed yang lain bagi menerang dan menjelaskan kepada masyarakat pembaca tentang kedudukan dan komitmen mereka dalam sejarah Islam Negeri Terengganu.

14. Pihak kerajaan khususnya di bawah jabatan agama Islam negeri perlu mengambil inisiatif untuk memelihara keaslian karya tokoh-tokoh ulama ini supaya tidak dicemari atau rosak.

BIBLIOGRAFI

Al-QURAN DAN TAFSIR

Al-Quran Wa Tarjamatu Ma‘āniyyah ilā al-Luggah al-Indonesiyyah (1418), Kerajaan Saudi Arabia: *Mujamma' al-Malik Fahd Lithiba'at al-Mushhaf Asy-Syarif Madinah Munawwarah.*

Al-Imam al-Jalīl ‘Imādi al-Dīn Abī al-Fidāi Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Quraishiyyi al-Dimshiqiyyi (2004),*Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm al-Ma'rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr,* j.3, cet. 6, Al-Riyādh: Dār al-Salām.

KAMUS

Kamus Dewan. Ed. ke-4. Cet. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

A.W. Munawir, *Kamus Al-Munawwir, Arab-Indonesia Terlengkap*, cet.4, Jogjakarta-Indonesia: Penerbit Pustaka Progressif, 1997.

Ibrahim Anis et al. *Al-Mu‘jam Al-Wasit***,** Juz 1, cet.2, al-Kaherah: al-Mu‘jam, 1972.

BUKU

BAHASA ARAB

Al-Imām Abī ‘Īsā Muhammad bin ‘Īsā bin Sūrah Ibn Mūsā al-Tirmidhī, *Jāmi‘ al-Tirmidhī, Abwāb Tafsīr al-Qur'ān, Bāb wa min Sūrah al-Ahzab No.3206, (al-Kutub al-Sittah),* cet.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000.

Al-Imām al-Hāfiz Abī al-Hasaini Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naisābūrī, *Sahīh Muslim, Kitāb al-Fadhāil, Bāb Fadhāil Ahl Bayt al-Nabiyyi SAW, No. 6261, (al-Kutub al-Sittah),* cet.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000.

Al-Imām al-Hāfiz Abī ‘Abd Allāh bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Surah Hā Mīm ‘Āin Sīn Qāf (42), Bāb Qauluh: Illā al-Maudah al-Qurbā, No. 4818, (al-Kutub al-Sittah),* cet.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000.

Al-'Allamah al-Sayyid al-Sharif 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn al-Mashur, *Shams al-Zahirah Fi Nasab Ahl al-Bayt Min Bani 'Alawi Furu' Fatimah al-Zahra' Wa Amir al-Mu'minin 'Ali Radhiya Allah 'Anhu,* Juz 1, Jeddah:'Alam al-Ma'rufah, 1984.

BAHASA INGGERIS

Cheah Boon Kheng, *Papers Relating to Brunei,* Malaysian: MBRAS, The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1998.

Christian Lekon, *"The Impact of Remittances on the Economy of Hadramaut, 1914-1967*," dalam U. Frietag, et al. Ed. *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750S-1960S*, Leiden: E.J. Brill,

Engku Pangeran Anum, *How To Terengganu Stone was Found, Malay In History,* Vol. VII, September, 1961.

Huub De Jonge and Nico Kaptein, *Trancending Borders. Arab, Pilitics, trade and Islam in Southeast Asia,* Leiden: KITLV Press Leiden, 2002.

J.M Gullick, *Indigeneous Political Syestems Of Wesrern Malaya* London, 1956.

Muhammad Redzuan Othman, *Hadhramis In The Politics And Administration of The Malay States In The Late Eighteenth And Nineteenth Centuries,* (Ulrike Freitag et.al Editor), Leiden-New York-Koln: Brill, 1997.

M.C. FF. Sheppard, *A Short History Of Trengganu, In The Books Papers Relating To Trengganu,* Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd., 1983.

Natalie Mobini-Kesheh, *Identity in the Netherlands East Indies, 1900-1942. Southeast Asia Program Publications,* New York: Southeast Asia Program Cornell University Ithaca, 1999.

Peter G. Riddell, *Religious Links Between Hadhramaut And The Malay- Indonesian World, C. 1850 To C. 1950,* Ulrike Freitag And William Clarence-Smith (edited), *Hadhrami Traders, Scholars And Statesmen In The Indian Ocean, 1750S-1960S,* Leiden- New York- Koln: Brill, 1997.

R.B Serjant. *The Saiyids of Hadramaut,* School of Oriental and African Studies, University of London, Luzac and Co., Londong, 1957.

Ronald Lewcock Extract, Potpourri Al-Huda Trust Fund, *"Wadi Hadramout and The Walled City of Shibam"***,**T.t: Unesco Publication, 1986.

Syed Farid Al-atas, *Hadhramaut And The Hadrami Diaspora; Problems in Theoretical History,* Ulrike Freitag And William Clarence-Smith (edited}, *Hadhrami Traders, Scholars And Statesmen In The Indian Ocean, 1750S-1960S,* Leiden- New York- Koln: Brill, 1997.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Correct Date of The Terengganu Inscription,* Kuala Lumpur, 1970.

Syed Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesia Archi pelago,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.

Ulrike Freitag dan William G. Clarence-Smith (edit), '*Hadhrami Traders, Scholars, And Statesmen Indian Ocean, 1750s-1960s'* . Leiden- New York: Brill, 1997.

Wheatley, Paul, *The Golden Khersonese,* Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, Universiti Malaya, 1966.

BAHASA MELAYU

Abdullah Zakaria Bin Ghazali, *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran Dan Perjuangan.* cet. 1, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., 1996.

Al-Habib bin Thahir Al-Haddad, *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh,* Jakarta: Penerbit Lentera, 1957.

Abdullah Bin Nuh, *Keutamaan Keluarga Rasulullah S.A.W.,* cet.1, Semarang: CV. Toha Putra Semarang, 1987.

Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam,* cet.1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distriutors SDN BHD., 2000.

A.F.Yassin, Zam Ismail, *Sejarah Adat-Istiadat Kesultanan Johor 1529-1855M,* cet.1, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2002.

As-Sheikh Hj. Mohd. Azman bin Mohsin Al-Muari, *Rattib Al-Attas dan Asmaul Husna Menuju Husnul Khatimah,* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2006.

Ahmad Lutfi bin Abdul Wahab Al-Linggi, *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut, Yaman.* Cet. 1. Selangor, Petaling Jaya : Arm Networks & Communications Sdn. Bhd., 2008.

Azumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII,* cet. 3, Jakarta Rawamangun: Kencana Prenada Media Group, 2007.

Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H= 1942M,* cet. 3, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., 1992.

Hj. Muzaffar Dato' Hj. Mohamed dan (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W dan Kesultanan Melayu,* cet. 2. Selangor, Batu Cevas : Crescent News (K.L.) SDN. BHD., 2007.

Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid 6,* Kuala Lumpur: PersatuanPengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 1999.

_____. "*Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid 6".* Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000.

_____. "*Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid 10".* Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000.

_____. "*Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid 13".* Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000.

_____. **"***Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid 14".* Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 1999.

Haji Abdullah Ishak, *Islam di India Nusantara dan China,* cet.1, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992.

Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu,* cet. 2, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp, 1982.

Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Melayu Semenanjung (1),* Kelantan. Kota Bharu: Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu, 1988.

Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957,* Malaysia: MBRAS The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 2002.

Khoo Kay Kim et al., *Islam Di Malaysia.* Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Khoo Kay Kim, *"Kuala Terengganu : Pusat Perdagangan Antarabangsa",* dalam Abdullah Zakaria Ghazali. Ed. *Terengganu Dahulu dan Sekarang,* (Persatuan Muzium Malaysia Kuala Lumpur, 1984.

Khairudin Hj. Muhammad, *Sayid Muhammad Zayn al-Abidin, 1789-1878 (Tok Ku Tuan Besar),* tulisan ini dimuat dalam bukunya Ismail Mat, *Ulama Silam Dalam Kenangan,* Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.

Kitab Tuhfat al-Nafis: Naskah Terengganu.

L.W.C. Van den BERG, *Hadramaut Dan Koloni Arab Di Nusantara,* (penj. Rahayu Hidayat), j.111. Jakarta : INIS, 1989.

Mahayudin Haji Yahya, *Islam Di Alam Melayu,* cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998.

_____. "*Sejarah Orang Syed Di Pahang".* cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984.

Muhammad Hasan al-Aydrus, *Peyebaran Islam Di Asia Tenggara, Asyraf Hadramaut Dan Peranannya,* (Pent. Ali Yahya), Jakarta: P.T. Lentera Basritama, 1996.

M. Quraish Shihab, et al. *Ensiklopedi Al-Qur'an: Kajian Kosa Kata,* cet.1, Jakarta: Lentera hati, 2007.

Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* Terengganu: Jawatankuasa Koleksi Terengganu & Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd., 1991.

_____ . "*Tuk Ku Paloh".* dalam buku *Islam Di Malaysia,* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, t.t.

_____ . "*Syed Yusof Ali Al-Zawawi, Mufti Terengganu (1952-1975)",* dalam bukunya: Penyunting: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* cet.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD., 1991.

Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Pensejarahan Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Mr. Hamid Algadri, *Politik Belanda terhadap Islam dan Keturunan Arab di Indonesia,* Jakarta : T.T.P., 1984.

MISBAHA, *Perkembangan Penulisan Dan Pengarang-Pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Ke-2,* Artikel ini dimuatkan dalam MISBAHA, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu Pesaka, cet.1, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1983.

_____. "*Sejarah Terengganu",* Terengganu: Mansor Printing Press, 1968.

Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *DirgahayuTuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008,* Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009.

Mohd Jamil Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara,* cet.1, Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise, 1994.

Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi, *Kitab Ma'arij al-Lahfan Ila Haqai'iq al-'Irfan oleh Sayid Abdul Rahman bin Muhammad bin Zayn al-'Idrus (Tuk Ku Paloh),* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006.

Mohd. Sohaimi Esa, *Ekonomi Orang Arab Di Johor 1862-1942,* cet.1, Sabah Malaysia: Pusat Penataran Ilmu & Bahasa UMS, 1999.

M.A.Fawzi Basri, *Cempaka Sari, Sejarah Kesultanan Negeri Perak,* cet.1, Perak, Ipoh: Yayasan Perak, 1986.

Munif Zariruddin Fikri bin Nordin, *Bahasa Melayu Alaf Baru Dan Perkembangan Tamadun Islam Di Malaysia,* dalam Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah dan Lain, *Tamadun Islam Suatu Sorotan,* cet.1, Kuala Lumpur: Percetakan Cergas. SDN. BHD., 2002.

P.L. Amin Sweeney, ed. *Silsilah Raja-Raja Brunei,* Malaysian: MBRAS, The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1998.

R.B Serjant, *The Saiyids of Hadramaut,* School of Oriental and African Studies, (University of London, Luzac and Co., Londong, 1957.

Rogayah A. Hamid Dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *Kesultanan Melayu Terengganu, Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu,* c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Shaharil Robert Talib, *After It's Own Image The Terengganu Experience 1881-1941*, Oxforrd University Press, Singapore, 1948.

Siddiq Fadzil, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu,* cet.1, Bangi Selangor: Penerbit UKM, 1999.

Syed Hassan bin Muhammad Al-Attas (1), *Umar bin Abd al-Rahman Kisah dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abdul al-Rahman Pengasas Ratib al-Attas.* Singapura : Masjid Ba'alawi, 1996.

Syed Hassan bin Muhammad Al-Attas (2), *Umar bin Abd al-Rahman Kisah dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abdul al-Rahman Pengasas Ratib al-Attas.* Singapura: Masjid Ba'alawi, 1996.

Syed Hassan bin Muhammad al-'Attas, *Nota Kembara Seorang 'Abid, Sekelumit Riwayat Habib Muhammad bin Salem Al-'Attas dan Tebaran Anak Hadhrami,* Singapura: Masjid Ba'Alawi, 2010.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu,* cet. 6, Kuala Lumpur: ABIM, 1999.

Sazelin Arif, Ahmad Ridzwan Mohd Noor, Dll, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia,* Malaysia, Shah Alam: Mc Graw Hill Education, 2006.

Salasilah yang dirujuk daripada *Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus* (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraaf Cawangan Kuala Terengganu)

Wan Ramli Wan Mohamad, *Pengakuan Tengku Ali: Mengapa Saya Diturunkan Dari Tahta Terengganu?,* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD., 1993.

Wan Husin Wan Embong, *Peranan Dan Pengaruh Tok Ku Tuan Besar,* Tulisan ini Terdapat dalam Bukunya: Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan,* cet.1, Terengganu: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD., 1991.

JURNAL

Abdullah Alwi Hasan, "Perundangan dan Pentadbiran Islam Terengganu di Zaman British". *Jurnal Fakulti Sastera & Sains Sosial* Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1994.

Abdullah Zakaria Bin Ghazali, "Perubahan Pentadbiran Terengganu 1839-1941", Artikel Ini Dimuat Dalam *Jurnal Warisan* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu 1982 Bilangan 3, Terengganu: Panji Pustaka, 1994.

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. "Penajaan Islam Hadhari". *Journal Al-Fikrah* bil. 6, (Januari –April 2007M/ Muharram-Rabiul Akhir 1428).

R. B Serjeant, "Materials for South Arabian History: Notes on New MSS From Hadhramaut", *Bulletin of The School Of Oriental And African Studies,* Vol. 13 No. 2, 1950.

Shafie Abu Bakar, "Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu". *Jurnal Warisan* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Bilangan 3, Terengganu: Panji Pustaka, (1982).

TESIS/KERTAS KERJA PERSIDANGAN/SEMINAR/MAJALAH

Abu Bakar Abdullah, "Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia : Masalah Dan Penyelesaiannya". Tesis sarjana, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi,1982/83.

Abdullah Yusof, "Peranan Zuriat Ahl Al-Bayt Rasulullah S.A.W Dalam Penyebaran Islam Di Nusantara". Sebuah Kertas Kerja, t.t.

Aminudin bin Abd. Rashid, "Syed Hassan bin Ahmad al-Attas: Satu Kajian Biografi". Latihan ilmiah sarjana muda Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1995/96.

Berhanuddin Abdullah, "Pemerintah Dan Ulama Dalam Menghadapi Ancaman Kuasa Asing Di Terengganu Dari Tahun1888-1948". Tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2011.

Cheong Mei Ngai, "Sejarah Kedatangan dan Penempatan Orang-Orang China Di Kuala Terengganu Dari Tahun 1800-1940". Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1990/1991.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Tuk Ku Paluh (1817M-1918M)". Tulisan ini di muat dalam majalah Al-Fikrah, bil. 6, Yayasan Islam Terengganu, (Januari-April 2007).

Hashim @ Wan Husin Wan Embong, "Analisa Pemikiran dan Peranan Syeid Muhammad bin Zayn al-Abidin Al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar Terengganu) dalam Perkembangan Islam di Terengganu, 1209H/1878M". Tesis sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1983.

Husna Saadah Binti Haji Saad, "Masyarakat Syed Al-Idrus: Kesan Dan Pengaruhnya Di Terengganu". Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1991/1992.

Majalah al-Kisah, "Kisah Islam". No.23, Jakarta: al-Kisah. Tahun V/5-18 November 2007.

Majalah Milenia Muslim, Tahun 8 Bil 96, Kuala Lumpur: Penerbit MMP Comunication Sdn. Bhd., (Ogos 2010 Syaaban-Ramadan 1431H).

Mohd. Shafie Abu Bakar, "Sejarah Perkembangan dan Pengaruh Pemikiran Ulama-Ulama Silam Dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu Dan Alam Melayu". Seminar Islam Di Terengganu, Anjuran Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu. t.t.

Mohamad Abu Bakar, "Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh) Peranannya dalam Konteks Sejarah Terengganu abad ke-19 hingga awal abad ke-20". Latihan ilmiah Sarjana Muda Jabatan Sastera Universiti Malaya, 1974.

Nur Faiz Bin Jamil, **"**Pemikiran Dan Peranan Dan Tuk Ku Paluh Dalam Pembangunan Negeri Terengganu Pada Pertengah Abad Ke-19 Hingga Tahun 1920-An". Latihan ilmiah, Modul Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami Dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi b. Tahir Al-Haddad". Tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2012.

Razi bin Yaakob, "Tok Ku Paloh : Suatu Kajian Khusus Mengenai Sumbangannya Terhadap Pengajian Agama di Terengganu". Disertasi sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2008.

Shafei Abu Bakar , "Institusi Syeikh Abdul Malik b. Abdullah : Satu Corak Pengajian Tradisi Di Terengganu dan kitab-kitab Padanya". Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 1976/77.

Syarifah Afidah Binti Syed Hamid, "Ulama' Terkemuka Abad Ke 19: Pemikiran Dan Peranan Mereka Kepada Masyarakat." Disertasi sarjana, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990.

_____. "Latar Belakang Keagamaan Di Terengganu", dalam buku Abdullah Zakaria Ghazali, penyunting, "Terengganu dahulu dan sekarang". Kuala Lumpur: Persatuan Musium Malaysia Musium Negara, 1984.

Syed Ali Zainal Abidin bin Hasan Al Ali bin Abdullah Assagaff, Jakarta Indonesia, "Seminar Membahas Ilmu Dasar Nasab Salsilah Keluarga Rasulullah Muhammad SAW". Kertas Kerja yang dibentangkan dalam seminar di Kuala Lumpur Malaysia pada 31 Mei 2008.

Tuan Ruhani Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar, "Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu Semenjak 1900 Hingga 1950an". Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1978.

WEBSITE/LAMAN SESAWANG

Abdul Ghani Said (t.t.), "Tuk Ku Paloh", dicapai 28 Desember 2009, http:// www. *Terengganu.com.my*.

"Pendapat Prof. Hamka Tentang Ahlul Bait," dicapai 13hb November 2007, http:// www.asyraaf.com/v2/artikel.php?op=2&id=77

Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff (1985), *"Pentadbiran Agama Islam Di Terengganu Dari Tahun 1911-1930-An", Journal Jebat*: Malaysian Journal of History, Political, and Strategic

Studies, dicapai10 Feb 2011, www.journalarticle.ukm.my,

Sejarah Negeri Terengganu, dicapai 28 Disember 2009, http://.www. *Sejarah Negeri Terengganu*.com. my.

http://www.statistics.gov.my/portal/download_population/files/census2010/*taburan_penduduk dan_ciri-ciri_Asas_Deomografi*.pdf. dicapai 10 Jun 2010

http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0508&pub=Utusan_Malaysia&sec= Bicara_Agama&pg=ba_01.htm., dicapai 7 Jun 2012 .

htt://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0508&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama7pg=ba_01.htm., dicapai 7 Jun 2012.

(BILANGAN) TEMUBUAL

1. Sayid Muhammad Al-Sofi Al-Jufri, (Setiausaha dan Peyelidik, Institut Silsilah Assadah, Rumahnya Taman Sri Gombak) dalam temubual dengan penulis, 1hb. Mei 2009. Jam 3.00pm.-5.00pm.

2. Ustaz Ahadi bin Othman (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (ISTINBAT), Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Islam Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15hb. Mac 2010. Jam 01.00pm.

3. Dato'Sri Mohd. Azhar (Bekas Setiausaha Negeri Terengganu, Rumahnya No.38 PJS 9/30 Subang Jaya), dalam temubual dengan penulis, 8hb. April 2010. Jam 10.30am - 11.30am.

4. Dato' Engku Alwi (mantan mufti negeri Terengganu, Rumahnya No. 1457B, Lorong Bahagia, Kampung Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 31hb. Jun 2010. Jam 8.45am-10.15am.

5. Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus, (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraf Terengganu, Rumahnya di Pekan-Pahang), dalam temubual dengan penulis, 15hb May 2010. Jam 10.45am-2.00pm.

6. Ustaz Syed Mohd. Fadhil Bin Syed Omar al-'Idrus, (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraf Terengganu, Rumah bapanya Syed Omar di belakang Masjid Tok Ku Tuan Besar Chabang Tiga K.Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011. Jam 3.00pm-4.30pm.

7. Ustaz Syed Mohd. Fadhil bin Syed Omar al-'Idrus, (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraf Terengganu), dalam temubual dengan penulis, melalui SMS, 1 April 2011. Jam 8.47pm.

8. Ustaz Syed Mohd. Fadhil Bin Syed Omar al-'Idrus, (Pengerusi Biro Nasab Persatuan Asyraf Terengganu, Masjid Tok Ku Tuan Besar Chabang Tiga), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012. Jam 2.00pm.-3.30pm.

9. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Al-Zawawi, (doktor perubatan, Rumahnya No. 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15hb. September 2010. Jam 4.45pm.-8.45pm.

10. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi, (doktor perubatan, Rumahnya No. 793 A/B, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 18hb. Mac 2011. Jam 4.30pm.-6.00pm.

11. Dato' Dr. Syed Mohd Salleh Bin Yusof al-Zawawi, (doktor perubatan, klinik perubatannya, No. 1102-D Jalan Sultan Sulaiman, 20400 Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2012. Jam 9.00pm. - 11.00pm.

12. Ustaz Syed Mustafa (Tuan Baru), (cucu Tok Ku Paloh, Masjid Tok Ku Paloh, Kampung Paloh Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 18hb Mac 2011. Jam 10am.-10.30am.

13. Tuan Haji Che Ismail bin Salleh, (Imam 1, Masjid Raja Bukit Besar, 1503 Jalan Ibrahim Kampung Bukit Besar Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2012. Jam 1.00pm.-1.30pm.

14. Ustaz Syed Sheikh bin Syed Mohd., (cicit kepada adik beradik Tuk Ku Malaka berusia 70 tahun, Imam Masjid Tok Ku Tuan Besar, 70B Kampung Masjid Tok Ku Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2012. Jam 2.55pm. – 3.45pm.

LAMPIRAN